

# PENYATA RASMI

## PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

---

**Hari** : 6 MEI 2010 (Khamis)

**Tempat** : Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang.

**Jam** : 9.30 Pagi.

---

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Tuan Mansor bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I / Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
13.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
14.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
15.	Y.B. Tuan Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
16.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
17.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
18.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
19.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
20.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
21.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
22.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
23.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat

24.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
25.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
26.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Ahli Kawasan Bukit Tengah
27.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
28.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji	Seri Delima
29.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
30.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
31.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
32.	Y.B. Tuan Raveentharan a/ V. Subramaniam	Batu Uban
33.	Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim	Penaga
34.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
35.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
36.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
37.	Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
38.	Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggai
39.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
40.	Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya	Permatang Berangan
41.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad	Pulau Betong
42.	Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria	Sungai Acheh
43.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

#### **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Phee Boon Poh - Ahli Kawasan Sungai Puyu

#### **TURUT HADIR**

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri – Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan mula bersidang semula pada jam 9.35 pagi***

**Setiausaha Dewan:**

Doa

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula dengan penggulungan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin mengatakan kesyukuran diharap saya percaya kepada semua dan ucapan terima kasih tidak terhingga atas kehadiran TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, sungguhpun TYT Tun baharu sembuh dan keluar daripada wad hospital jelas sekali kebertanggungjawaban TYT Tun akan memberikan galakan kepada seluruh pentadbiran Negeri untuk lebih gigih berusaha menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri bertaraf antarabangsa yang bersatu padu, adil dan saksama serta makmur dan maju.

Sebagai mukadimah, TYT Tun telah memberikan ingatan bahawa sebuah kerajaan yang baik mestilah buat tiga perkara, iaitu dengar suara rakyat, buat kerja rakyat dan berikan harapan kepada rakyat. Demi memenuhi peringatan TYT Tun, Kerajaan Negeri telah pun dengar suara rakyat dengan menjadi Negeri pertama mendirikan Dataran Pidato demi kebebasan bersuara dan memberikan WiFi percuma seluruh Negeri secara keseluruhan serta tegas anti rasuah. Kerajaan Negeri boleh buat kerja rakyat dengan menjadi Negeri pertama dalam sejarah Malaysia menghapuskan miskin tegar dengan memastikan setiap keluarga memperoleh RM500.00 sebulan serta memberikan wang penghargaan RM100.00 kepada semua warga emas yang berumur melebihi 60 tahun di Pulau Pinang setiap tahun.

Kerajaan Negeri memberikan harapan kepada rakyat dengan menuju ke arah Negeri hijau dan ekonomi berpengetahuan dengan penubuhan Majlis Sains Negeri Pulau Pinang yang digerakkan oleh industri. Sungguhpun Kerajaan Negeri terpaksa menghadapi banyak cabaran daripada golongan ekstremis, beban tekanan daripada harapan orang ramai yang meninggi dan perhatian agak tajam daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi walau macam mana pun kita berhasratkan Pulau Pinang menjadi suatu oasis demokrasi, jalur lebar, integriti, Negeri hijau dan pendidikan cemerlang.

Y.B. Dato' Speaker, adalah tidak benar sekali tuduhan melulu, liar dan tidak bertanggungjawab Y.B. Ketua Pembangkang telah mendakwa Pulau Pinang adalah Pusat Maksiat Negara. Pada hari ini ia juga dinafikan oleh surat khabar sendiri, oleh Ketua Polis Negeri dan saya rasa saya tidak perlu jawab dengan panjang lebar lagi berkaitan dengan perkara ini.

Tuduhan lain mengenai kemampuan Kerajaan Negeri menarik pelaburan menolak hakikat bahawa jumlah pelaburan yang masuk ke Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008 hingga Februari 2010 adalah hampir RM9 bilion. Sungguhpun pelaburan tahun lepas turun kepada RM2.1 bilion kerana krisis ekonomi global, Negeri Pulau Pinang adalah dalam tingkat yang kelima. Saya yakin Kerajaan Negeri dapat sekali gandakan jumlah pelaburan pada tahun ini kepada sekurang-kurangnya RM4.2 bilion. Perlu diingat bahawa keadaan ekonomi telah pulih sehingga di Negeri Pulau Pinang kita menghadapi masalah kekurangan pekerja. Maka hari ini tidak ada masalah untuk mengisi tempat kerja bagi 20,000 orang dengan serta-merta dan saya rasa keadaan sedemikian tidak pernah berlaku di bawah Pentadbiran Barisan Nasional. Lagi tuduhan liar oleh Y.B. Ketua Pembangkang ialah mengenai keburukan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azahar bin Ibrahim):**

Minta laluan, RM2.2 bilion banding dengan RM10.2 bilion dan surat khabar hari ini saya tengok telah dinyatakan bahawa dua bulan yang pertama ini baru RM100 juta, apakah benar tuduhan ini, saya baca dalam akhbar pagi ini, Januari, Februari tahun 2010 baru RM100 juta tadi saya dengar Y.A.B. mengatakan bahawa dianggarkan boleh mencapai RM4 bilion kalau dua bulan pertama ini baru RM100 juta saya tidak yakin boleh capai RM4 bilion.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih pandangan daripada Y.B. Ketua Pembangkang, tentulah beliau tidak yakin, tetapi saya rasa 1.5 juta rakyat Pulau Pinang akan yakin tentang matlamat Kerajaan Negeri dan kita akan tengok pada akhir tahun ini sama ada kita akan capai pelaburan di akhir tahun ini RM4.2 bilion, Y.B. sabar sedikit kita tunggu akhir tahun. Lagi tuduhan liar oleh Y.B. Pembangkang yang menuduh kedudukan kewangan Syarikat Taiyo (KL) Resorts Sdn. Bhd. Syarikat yang berjaya dalam tender menguruskan operasi Kelab Golf Bukit Jambul. Tuduhan liar ialah bahawa syarikat induknya yang memiliki Taiyo (KL) Resorts Sdn. Bhd. mempunyai tanggungan melebihi RM114 juta dan menghadapi kesulitan kewangan.

Saya rasa mungkin Y.B. Ketua Pembangkang dapat maklumat ini daripada rakan-rakan dalam Gerakan dan hanya *recycle* sahaja maklumat ini dan tanpa membuat semakan yang lebih terperinci dan berhasrat ini saya rasa saya memang bersikap adil saya tidak akan menyalahkan Y.B. Ketua Pembangkang, hanya mempersoalkan kunci-kunci yang memberi maklumat tidak tepat, biarlah saya habiskan dulu saya akan berikan peluang, tuduhan liar ini saya rasa telah disangkal oleh pihak syarikat sendiri di mana mereka mengatakan memang benar ada tanggungan RM114 juta, tapi kalau Y.B. seorang akauntan atau fasih dengan bajet penyata kewangan perlulah semak sekali lagi apakah sumber liabiliti ini kalau tahu baca penyata kewangan memang bahawa liabiliti ini adalah berpunca daripada pinjaman yang diberikan dan pinjaman yang diberikan bukan oleh bank atau bukan datang daripada syarikat kewangan yang pastinya bukanlah dari along-along.

Pinjaman yang diberikan ini adalah datang daripada Datok syarikat itu sendiri, iaitu pemilik syarikat tersebut tetapi dan apakah salahnya pemilik utama yang kaya seorang jutawan yang kaya memberikan pinjaman lebih RM100 juta

kepada syarikat milikannya sendiri, ada salahkah? Mungkin untuk Barisan Nasional salah, kalau Y.B. Ahli Barisan Nasional tidak salahlah. Perkara deposit ini kita kenal betul-betul, ini bukanlah syarikat yang kita bagi, ini ialah syarikat induk bertaraf kompeni tetapi kompeni ia datang dari mana, datang dari pemilik yang sama yang memiliki kesemua syarikat ini dan Y.B. sendiri tanya macam mana kita hendak tarik pelabur asing, kita bukan sahaja hendak tarik pelabur asing kita pun hendak tarik pelabur-pelabur asing Jepun seperti ini yang memang berkemampuan untuk melabur di Negeri Pulau Pinang dan kalau beliau telah melaburkan wang lebih RM100 juta saya rasa itulah kita hendak lihat kemampuan untuk terus memperbaiki Bukit Jambul Golf Resorts, dan sekali lagi. saya ingin menyatakan bahawa beliau amat terkilan dan amat tidak berpuas hati semalam bila beliau berjumpa dengan saya, beliau memberikan penjelasan sedemikian dan amat tidak berpuas hati tentang siaran liputan yang telah diberikan tentang syarikatnya kerana ini telah sedikit sebanyak mencemarkan reputasi dan nama baik syarikatnya, beliau mengatakan bahawa syarikat ini ada *views* yang saya tidak pernah pergi tapi Y.B. Ketua Pembangkang saya rasa lebih tahu. Adalah sebuah syarikat yang untung, bukan macam syarikat-syarikat lain yang rugi, ini syarikat yang untung tetapi mengapa syarikat ini dicemuh seperti ini.

Apabila wang yang dia pinjam adalah wang sendiri tak kanlah dia hendak tarik balik *all recall the loan*. Ini akan menyebabkan syarikatnya lingkup sama sekali, kalau dialah yang menjadi peminjam di mana masalahnya, ini pun bukan daripada bank, oleh mana-mana syarikat kewangan ataupun daripada, along, so di sini saya rasa dia telah mengatakan bahawa Syarikat Jepun ini menimbang untuk mengambil tindakan terhadap kaki bohong dalam Barisan Nasional, so saya menasihatkan Y.B. Penaga kalau hendak menerima maklumat biarlah siasat dengan sendiri lebih teliti kalau tidak nanti akan menerima balanya.

#### **Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya bukan ambil maklumat daripada kata petikan akhbar itu kalau syarikat ini nak ambil tindakan kepada siapa yang buat itu, silakan. Tetapi berlandaskan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia ini yang keluar pada 23hb April 2010. Ini ada. Boleh *check* 23 April 2010. Memang di sini tercatat bahawa *current liability* RM114 juta, nanti saya tak habis lagi. Ya, *reserve* dia *minus* RM108 juta. Kemudian *profit, tax minus* RM90 *million* dan semuanya. Ini ialah daripada sini yang dipetik. Bukan saya baca daripada surat khabar yang dibuat oleh komponen Barisan Nasional yang dikeluarkan dalam itu. Kalau saya tak boleh percaya kepada ini, saya tak tahu di mana saya nak percaya lagi. Yang pentingnya di sini, ya, mengapa pilih syarikat ini? Y.A.B. kata nak tarik pelabur tetapi kita harus utamakan kepada syarikat tempatan ia ini IGP, *Island Golf Properties*, mereka sudah mengurus, itu saya terangkan bahawa mereka juga dapat keuntungan RM700, RM800 ribu setahun. Prestasi mereka ialah 11 daripada 260, itu yang saya *argue*. Mengapa pilih syarikat asing untuk diberi kontrak ini, walhal syarikat tempatan pun menunjukkan prestasi yang baik. Dalam buku Golf Malaysia ini, kedudukannya No. 11 daripada 260. Mengapa kita pilih orang luar? Mengapa tak beri kesempatan kepada rakyat Pulau Pinang sendiri yang menguruskannya, itu persoalan yang dibangkit.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang pertama saya rasa Y.B. Penaga ini, saya tak tahu sama ada benar-benar tak baca penyata kewangan ataupun pura-pura sahaja. Kerana apa maklumat dalam SSM ini ialah memberikan *final figure*. Ia tak berikan maklumat terperinci. Itulah sebab saya minta buatlah semakan, tak kan tak tahu baca penyata kewangan? Menjadi Pengerusi PERDA tak tahu baca penyata kewangan, tak boleh.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Berhenti menghina macam itu....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Duduk, duduk dulu. Mana ada saya menghina. Saya cakap tak kan tak tahu baca penyata kewangan? Yang keluar dalam SSM ini ialah *final figure*, itulah. Kalau tak tahu baca penyata kewangan, macam mana jadi Pengerusi PERDA? Ya, itulah saya cakap ini adalah *final figure*, *you* sebagai seorang fasih tentang perakaunan, rujuklah kepada penyata kewangan. Ada rujuk kepada penyata kewangan tak? Ini bukan penyata kewangan. Adakah Penyata Kewangan PERDA 3 muka sahaja kah? Ada 3 muka saja kah?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ini bukan penyata kewangan. Saya cakap ini rumusan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tahu yang ini ialah rumusan. Rumusan ialah satu *final figure*. So, sekarang kita mesti cari apakah *breakdown*, apakah penjelasan tentang *figure-figure* tersebut. Bacalah Penyata Kewangan, dia bermuka-muka bukan 3 muka. So, itu sebab saya nak nasihatkan Y.B. Penaga jangan lihat rumusan, lihatlah secara terperinci. Apakah sebabnya dia ada defisit? Dan ini bukanlah syarikat yang kita bagi, ini syarikat-syarikat Induk. *This is not the company that we awarded the tender, what we are referring to is the parent company*. Betul tak? *It is not the company, this is the parent company you are referring to*. Betul?...(gangguan), *no. Let me finish first*. Saya akan bagi nanti, *let me finish first*. So, itu adalah syarikat induk, *that is the parent company*. So, sekarang yang kita pertikaikan bukanlah syarikat yang telah diberikan tender tetapi *parent company* yang memiliki saham dan syarikat yang PDC telah berikan tender. *Now*, syarikat induk ini memang betul ada defisit sebanyak RM114 juta tetapi kalau kita lihat penyata kewangan di mana punca defisit ini. Punca defisit ini ialah kerana pinjaman. Pinjaman daripada siapa? Pinjaman daripada syarikat yang dimiliki oleh Dato' Sakimoto, jutawan Jepun yang memiliki syarikat ini.

Kalau kita lihat sebab sebenarnya, ini tak menjadi masalah selagi Dato' Sakimoto tak minta syarikatnya kembalikan pinjaman. Ini syarikat dia, tak kan dia nak minta syarikat dia bayar balik kerana itulah syarikat dia. So, kalau ini daripada bank, saya setuju, ini memang jadi masalah. Tetapi kalau ini bukan pinjaman dari bank, apa yang kita khawatirkan. So, di sini saya nak nasihatkan, yang pertama

bacalah betul-betul. Rumusan ini sebagai seorang pemimpin yang di bertanggungjawab, kita mesti fasih dan membaca penyata kewangan. Jangan lihat rumusan, mesti lihat punca rumusan. Ini sebagai satu nasihat. Terima tak terima itu terpulanglah kepada Y.B. tetapi dalam PERDA, saya harap jangan lihat rumusan, bacalah secara *detail* kerana Penyata Kewangan bukan 3 muka. Dia lebih daripada 10 muka, termasuk *detail*, nota-nota itu yang paling penting. Dan lagi. *No, no, no*, biar saya habis dulu. Saya nak habiskan semua yang ditimbulkan tadi oleh Y.B. Ketua Pembangkang, kerana kita serius kita nak *address the issues*.

Tadi Y.B. Penaga cakap keuntungan RM300 ribu, RM700 ribu daripada IGP. Syarikat Taiyo, dia ditawarkan iaitu yang paling tinggi, dari segi bayaran setiap tahun yang diberikan kepada PDC, iaitu sebanyak RM1.3 juta, hampir sekali ganda apa yang berlaku sekarang. Dan mungkin kalau kita lihat dari aspek keuntungan yang diperolehi, 2 kali ganda. Ini ialah pulangan terjamin, *guarantee return*. Setiap tahun RM1.3 juta, 10 tahun RM13 juta. Pada masa yang sama mereka mesti buat pelaburan untuk memperbaiki dan menaik taraf Kelab Golf ini. Mengapa kita nak tolak satu tawaran yang memberikan pulangan yang lebih? Dan pada masa yang sama mereka sedia untuk mengeluarkan wang untuk menaik taraf memperbaiki keadaan Kelab Golf Resort. So, saya rasa itulah sebabnya bila kita adakan *open tender*, kita selepas penelitian memilih, Lembaga PDC memilih syarikat tersebut. Sila.

#### **Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, saya tak berkesempatan untuk membaca secara *detail report*. Saya tak berkesempatan. Jadi adalah tanggungjawab kepada Y.A.B. Ketua Menteri untuk memaklumkan kepada rakyat Pulau Pinang, kepada *golfers* semua, apa sebenarnya. Ya, 2000 lebih ahli-ahli golf di BJCC itu. Yang aktif ialah lebih kurang 700. Mereka yang tertanya-tanya ini, ya. *Explanation...* (gangguan), sebentar lagi. Ini harus diberi, ini yang perlu dijelaskan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kerana IGP itu memilih Saujana. Mereka syorkan Saujana tetapi telah ditolak, setelah 3 *shortlisted*, Saujana, Taiyo dengan ATS. Telah ditolak dan melalui rundingan, itu yang Taiyo dipilih. Ini yang harus dijelaskan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sekali lagi, itu tuduhan yang tidak tepat. Saya rasa itu, memang suka buat tuduhan, itu kenyataan. Ha. So, di sini saya rasa kalau kita lihat dalam perakuan tadi bahawa Y.B. Ketua Pembangkang tak baca Penyata Kewangan dengan teliti, ya, saya nak nasihatkan, sungguhpun tak berkesempatan tapi sebelum buat tuduhan, bacalah betul-betul, barulah waras, barulah wajar, barulah rasional. Tak kan sebagai pemimpin kita buat kenyataan secara melulu tanpa semakan yang terperinci. Bacalah penyata kewangan, *go to the source*. Itu asas yang kita belajar dekat Universiti. Tak kan itu tak dipegang. Duduk, duduk dulu. Saya nak habiskan.

Yang kedua, tentang penjelasan, kita telah berikan penjelasan, tetapi ruginya Y.B. Penaga tak mahu dengar. Dekat *press conference* kita bagi banyak kali. Dan sekali lagi Y.B. Penaga mempertahankan hak ahli-ahli, itu bagus. Tapi di sini saya hendak memaklumkan kepada Y.B. Penaga bahawa Kerajaan Negeri

Pulau Pinang bukan sahaja prihatin kepada hak ahli-ahli tetapi lebih penting daripada itu, ialah kepentingan RM1.5 juta rakyat Pulau Pinang termasuk mereka yang tak main golf. Saya rasa itulah tanggungjawab Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dan itulah sebabnya bila kita memanggil, semua tawaran yang diberikan kita perhatikan, yang Taiyo ini memberikan tawaran yang paling baik. Berapakah Saujana tawarkan kepada Kerajaan Negeri? Mengikut tawaran RM11 juta. Sebenarnya Taiyo tawaran RM12 juta, kita minta selepas, kerana dia lebih tinggi, kita pilih dia, kita panggil dia tambah RM100 ribu dan dia pun bersetuju.

So, sungguhpun dialah yang paling baik, kita minta dia tambah lagi, itulah usaha Kerajaan untuk menambah hasil kepada Kerajaan Negeri, ada salah kah? Itulah kadang-kadang kita kelirulah. Bila MPPP untung, kita pula kritik, rugi kena kritik, sudah biasa. MPPP untung lebih rekod kita pun kena kritik. Serupa macam ini, bila kita tambah hasil, kita pun telah kena kritik. Buat pun salah, tak buat pun salah. Rugi pun salah, untung pun salah. Macam mana kita nak menguruskan pentadbiran ini, kalau ikut rentak pembangkang, semua pun tak betul. Saya tak mahu panjangkan perkara ini kerana saya pun telah berikan penjelasan yang cukup. Sudah, sudah. Kita pergi ke perkara lain. Saya dah jelaskan, nak beri keutamaan kepada penduduk tempatan, betul, tetapi apakah prinsip *open tender* yang boleh menambahkan hasil kepada Kerajaan Negeri. Itulah yang penting. Tetapi kalau semua nak berikan kepada penduduk tempatan, saya nak tanyalah, kalau begitu saya nak tanya, adakah ini juga diterima pakai di peringkat Kerajaan Pusat? Kalau kita lihat di peringkat Kerajaan Pusat, mereka nak buat pun mereka lihat mana yang boleh menambah nilai dan hasil kepada Negara. So, saya harap kalau nak ucap, *consistent* sikitlah. Kita cakap *open tender*, mestilah berdasarkan yang terbaik.

Y.B. Dato' Speaker, saya pohon juga di sini untuk membahaskan ucapan penggulungan selaku Ketua Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah, Pembangunan, Keusahawanan, Penerangan dan Warisan. Saya juga akan membuat penggulungan bagi pihak Y.B. Sungai Puyu merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Kesihatan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar kerana beliau mengambil cuti. Jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul terima kasih ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Ramai ADUN telah menyentuh mengenai isu sumbangan RM100.00 kepada warga emas. Y.B. Dato' Speaker, sebab kerajaan yang berjiwa rakyat.

Sumbangan ini adalah bertujuan untuk menzahirkan penghargaan Kerajaan Negeri ke atas jasa dan pengorbanan warga emas di Pulau Pinang yang telah melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi di Negeri Pulau Pinang. Penghargaan ini diberikan kepada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas yang berdaftar. Penghargaan yang diberikan ini tiada diskriminasi ke atas latar belakang agama, bangsa mahupun fahaman politik. Oleh itu kenyataan dan tuduhan yang kononnya pemberian RM100.00 ini sebagai rasuah adalah tidak berasas sama sekali. Lagipun ia bukanlah rasuah sepertimana yang dituduh pembangkang kerana ia diberikan setiap tahun sungguhpun tidak ada pilihan raya bukan seperti BN yang hanya bagi wang pada masa pilihan raya. Namun, untuk melayakkan warga emas memperoleh sumbangan tersebut, warga emas boleh didaftarkan di dalam sistem i-sejahtera dan disahkan melalui data SPR untuk memastikan warga emas itu benar-benar bermastautin di Pulau Pinang menerusi pengesahan beliau adalah seorang pengundi di Pulau Pinang.



Pembayaran wang penghargaan kepada warga emas ini telah bermula pada 3 dan 4 April 2010 (Sabtu & Ahad) dan dilanjutkan sehingga 30 April 2010, melibatkan 27 buah cawangan Maybank di seluruh Pulau Pinang. Dalam melaksanakan pemberian sumbangan ini, Kerajaan Negeri sememangnya mengambil kira kepentingan dan keselesaan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan ATM di Maybank termasuklah meminta bantuan pihak Polis pada 3, 4 April 2010 bagi menjaga keselamatan orang awam dan lalu lintas. Manakala proses pembayaran hanya mengambil masa yang amat singkat. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih epada semua cawangan Maybank yang saya rasa dikongsi bersama ADUN-ADUN Pakatan Rakyat kerana membantu kita untuk menjalankan kita memproses dan kepada pihak Polis kerana menjaga keselamatan. Sila Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah b. Haji Haji Omar Shah):**

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri. Perkataan Cina ada kata *Sin Yung* iaitu *trust*. Saya cuba mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adakah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pernah berjanji untuk memberi RM1,000.00 kepada warga emas. Pada hari itu Y.B. Datok Keramat kata saya nyanyuk tidak...(gangguan). Y.B. Komtar minta maaf Y.B. Datok Keramat. Ada dak janji?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya telah menyatakan dengan jelas bahawa kerana kesulitan kewangan di Pulau Pinang kita hanya mampu beri RM100.00 setiap tahun. Tapi sekiranya Pakatan Rakyat di Putrajaya, saya jamin kita akan beri RM1,000.00 setiap tahun kepada semua warga emas di Malaysia.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah b. Haji Haji Omar Shah):**

Terima kasih. Saya ingin memetik ucapan Y.A.B. Ketua Menteri sempena sambutan Hari Malaysia 2009 di Dewan Tunku, Komtar pada 16 September 2009 yang menyatakan antara lain sumbangan RM1,000.00 sebagai tanda penghargaan kepada warga emas atas perjuangan kemerdekaan di bawah program pendaftaran warga emas. Nombor 2, kalau mengikut daftar pengundi, 37,000 orang warga emas yang ada, adakah Kerajaan Negeri bersedia membayar kalau berdasarkan RM1,000.00 bermakna RM137 juta, kalau RM100.00 bermakna RM13.7 juta. Adakah juga Kerajaan Negeri bersetuju untuk membayar keseluruhan warga emas yang ada di Negeri ini berdasarkan 14% daripada penduduk iaitu berjumlah 220,000 bermakna RM22 juta. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membayar? Kalau kali dengan lima tahun bermakna RM100 juta. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya hendak menyatakan di sini mungkin Y.B. Seberang Jaya tersalah bacalah kerana saya tidak membuat kenyataan bahawa kita akan bayar RM1,000.00.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah b. Haji Omar Shah):**

Ini saya *extract* daripada DAP punya web. Ini saya ambil dari <http://dapmalaysia.org>

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sekarang ada banyak web-web yang...(gangguan). Di sini saya nak sebutkan saya tidak pernah sebut RM1,000.00. Saya sebut RM100.00 dan semua pemberita pun boleh sahkan saya tidak pernah sebut. Yang RM1,000.00 ialah pengurusan untuk mereka yang mati atau pengurusan jenazah. Itu yang kita janjikan untuk uruskan untuk tempoh kerja *second half* dalam akhir tahun ini. Selepas kita uruskan pembayaran penghargaan RM1,000.00 kepada semua warga emas. Di sini saya rasa kita kena *consistent*. Bila ditanya tentang pertanyaan kita mampu, kita sudah kira. Saya tahu Y.B. Seberang Jaya pun ada buat *homework*. Kita sudah kira tapi kita hendak pastikan kerana kita tahu angka yang Y.B. Seberang Jaya gunakan ialah semua yang ada di sini, tidak semestinya bermastautin di Pulau Pinang.

Jadi kita hendak mereka berdaftar dan melalui proses ini kita hendak memastikan merekalah yang benar-benar bermastautin di Pulau Pinang. Dan mengikut angka kita seperti Y.B. Seberang Jaya sebut mungkin 13,000 mungkin 16,000. Kita sediakan peruntukan wang yang secukupnya untuk tujuan ini. Dan ini adalah merupakan cabaran untuk Kerajaan Negeri tetapi yang seperti saya cakap bahawa ini adalah dividen yang boleh diperoleh oleh rakyat kerana Kerajaan Negeri adalah anti rasuah. Kerana kita anti rasuah. Kalau tidak anti rasuah, tidak jimat wang tidak boleh berikan wang. Kerana kita jimatkan wang. Inilah hasil kerajaan anti rasuah dan rakyat sekarang sudah buka mata tahu mengapa Kerajaan PR boleh bagi RM100.00 kerana ia anti rasuah. Mengapa kerajaan sebelum ini tidak bagi. Semua tahu, saya bagi kepada Y.B. Sungai Acheh dululah, biar dia bangun.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya nak tanya yang pertama, saya hendak menyampaikan pandangan rakyat. Mereka kata bukan saya tuduh. Yang pertama, mereka kata tidak telus anugerah ini disampaikan. Mereka yang tidak mendaftar tidak dapat, sedangkan mereka ini tinggal di Negeri ini. Nampaknya depa kata tinggal di Negeri Pulau Pinang tetapi yang lama tinggal di Negeri lain. Mereka tinggal di Negeri Pulau Pinang, berjasa kepada Negeri Pulau Pinang, mereka juga sebagai insan yang membayar cukai. Yang kedua mereka juga kata tidak adil kerana pemberian itu sama, sedangkan ada golongan warga emas yang miskin pendapatan RM300.00, RM500.00 atau RM600.00 dan juga warga emas yang pendapatannya jutawan. Jadi sepatutnya dari segi keadilannya yang kaya bagi RM1.00, contohnya yang miskin kena bagi RM10.00 baru anugerah itu lebih telus. Yang ketiga, kita mendapat maklumat, bukan saya yang menuduh ada juga borang-borang permohonan yang didaftarkan disimpan di pejabat ADUN tertentu tetapi bukan di Pejabat ADUN Barisan Nasional, ADUN Pakatan Rakyat, mereka kata. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa sebagai seorang Yang Berhormat yang bertanggungjawab kita harus memastikan apa maklumat yang kita berikan adalah sah dan sahih. Kalau Y.B. Sungai Aceh hanya guna istilah mereka kata, mereka kata ini macam surat layang. Saya akan cuba jawab.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Kalau saya dah tahu, saya tidak tanya dalam Dewan ini. Kalau saya tidak tahu, saya tanya dalam Dewan ini supaya Dewan ini dapat hebahkan kepada rakyat kerana kerajaan lebih mengetahui daripada saya. Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau tidak tahu janganlah sebut. Seperti yang saya cakap, seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab jangan bersikap macam surat layang. Kita mesti berdasarkan fakta-fakta yang berasas tapi tidak apa saya cuba jawab Yang Berhormat. Mereka Kata. Yang pertama tidak adil untuk mereka yang tidak berdaftar sebagai pemilih. Saya rasa Yang Berhormat bersetuju kita kena galak semua mendaftar sebagai pemilih. Supaya kita dapat hak untuk memilih untuk kerajaan kita sendiri. Kalau ini satu masalah apa salah kalau kita daftarkan sebagai pemilih. Kalau ini jadi masalah tak apa. Bagi tahu saya bahagian mana nak daftar saya boleh hantar pegawai kebajikan masyarakat bersama ADUN kawasan berkenaan kita boleh tolong mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Senang dan mudah saja. Ini bukan masalah besar. Isikan borang masuk. Setengah tempat diberikan maklumat bahawa semua ini tidak benar, bila dapat wang baru mereka tahu ini semua tidak tipu, kita ikhlas daripada Kerajaan Negeri. Sekarang kalau Y.B. betul-betul nak bantu mereka dapatkan RM100.00 tolonglah Kerajaan Negeri sama-sama kita daftarkan nama mereka di SPR dan mereka akan dapat RM100.00 tidak ada masalah. Kedua, keluarga yang miskin, Kerajaan Negeri telah menyalurkan RM300.00 sebulan. Ini adalah tambahan kepada RM300.00 yang Kerajaan Negeri bagi. Saya boleh cakap, takkan orang kaya nak datang daftar dengan ADUN di pejabatnya untuk dapatkan RM100.00. Di sini dari segi proses dia adalah tapisan semula jadi. Yang datang takkan ada Dato'-Dato' datang, takkan ada Yang Berhormat-Yang Berhormat datang.

Saya tahu Y.B. Penaga memang berkelayakan tapi dia tidak datang untuk daftar. Seganlah kalau dia datang untuk daftar untuk RM100.00. Sama juga dengan orang-orang kaya. Jadi di sini telah terang. Borang yang simpan kalau ada bukti tolong beritahu ADUN yang mana. Bagi tahu saya ADUN mana, saya akan siasat. Tolong bagi tahu saya ADUN mana, saya akan siasat dan ADUN pun tahu kita beri kepada semua. Ketua Cawangan UMNO pun dapat. Ambil borang daripada Y.B. TKM 1, Ustaz Maktar, kita bagi kita tidak cakap apa-apa. Itu duit rakyat tapi untuk Barisan Nasional angkat duit sendiri. Itu jadi susah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Kerajaan anti rasuah. Seolah-olah kerajaan lain tidak anti rasuah. Memang kita anti rasuah. Kita tidak mahu rasuah. Kerajaan Barisan Nasional memang kita anti rasuah. Kita tidak mahu rasuah. Kita ada bukti bila BPR di bawah Jabatan Perdana Menteri sekarang sudah jadi satu badan bebas, suruhanjaya. Ini bermakna kerajaan mahu dan kerajaan anti rasuah. Jadi sebutlah seolah-olah kerajaan PR di sini cuma yang anti rasuah. Seperti amalan kita dahulu Ketua Menteri tidak pernah menjadi pengerusi ahli lembaga tender PDC atau PBA dan sekarang Ketua Menteri menjadi pengerusi lembaga tender. Adakah ini *transparent*? Memang dalam Perlembagaan tidak sebut kata tidak boleh, boleh tapi amalan kita tidak pernah Ketua Menteri menjadi Pengerusi Lembaga Tender.

Yang kedua, RM100.00 ini nak daftar kena daftar jadi pemilih. Takkan semua pemilih duduk di sini. Ada pemilih duduk Kuala Lumpur atau mana-mana pun. Daftar di sini tetapi dia dah pindah ke sana. Bila pilihan raya dia balik. Itu alasan yang diberi bagi RM100.00 hanya nak daftar orang supaya...(gangguan). Terima kasih kerana bagi saya panjang sedikit. Ini cuma dengan alasan nak daftar dengan telefon nombor sekali, ini cara masa *time* pilihan raya nak buat *blasting* dan sebagainya. *Blasting sms* dan sebagainya. Saya fikir pemberian RM100.00 adalah satu cara nak tutup mata rakyat. Setakat dua tahun Kerajaan PR gagal dalam menguruskan pembangunan ekonomi. Kita Barisan Nasional telah meletakkan asas yang begitu hebat semua ada, ekonomi kita baik, *investor* yang banyak, mengujudkan peluang pekerjaan yang begitu banyak di Pulau Pinang ini, anak-anak kita tidak kira anak Melayu, Cina, India dapat peluang kerja dengan gaji RM700.00, RM1,000.00 hingga RM3,000.00 hasil dari usaha Barisan Nasional. Kita bawa kehidupan di Pulau Pinang ini baik. Oleh kerana Kerajaan PR ini gagal, untuk nak bangunkan ekonomi maka dia buat cara ini, cara mudah, cara *populist* punya polisi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dah cukup dah, itu tentulah pandangan Y.B. Telok Bahang, kalau Y.B. Telok Bahang rasa dia cakap macam itu rasa seronok tak apalah, cakap lah ini syok sendiri tak apalah bagi itu Y.B. Telok Bahang syok sendiri tak apa tapi penting ialah 1.5 juta rakyat Pulau Pinang sudah buat pilihan iaitu mereka tolak sama sekali Barisan Nasional pilih Pakatan Rakyat, nanti saya habis dulu dan Telok Bahang tadi bagi tanggung tentang anti rasuah, BN anti rasuah, kerana BPR buat SPRM kalau ini betul-betul anti rasuah mengapa di bawah *index transfix national* daripada tahap tahun lepas 47 sudah jatuh ke 56 tiap-tiap tahun teruk di bawah Pak Lah apabila Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir letak jawatan Pak Lah menjadi Perdana Menteri. Masa itu tangga berapa 37 sekarang 56 itu anti rasuah, itu saya rasa pro rasuah dan sekarang tentang tender itu memang di benarkan di bawah undang-undang dan kita nak pastikan sistem tender terbuka yang kita perkenalkan dapat dilaksanakan dan tidak ada masalah sehingga sekarang, macam mana ini merupakan satu isu supaya tak lihat. Saya tak nampak sebaliknya telah membolehkan kita memperbaiki kedudukan kewangan kita jangan lupa bahawa tahun 2008 kita mempunyai milikan lebihan sebanyak RM88 juta ringgit iaitu satu rekod dalam sejarah Pulau Pinang, tahun lepas...(gangguan), saya habis dulu.

Tahun lepas kita dapat lebih RM77 juta dan sebenarnya kita boleh dapat RM 92 juta iaitu lagi besar lagi daripada tahun 2008 kalau bukan kes Tang Hak Ju ini hadiah daripada Y.B. Telok Bahang kerana meluluskan projek ataupun *query* ini kepada Tang Hak Ju kerana kes Tang Hak Ju, kita terpaksa bayar RM 15 juta ini kerana kes Tang Hak Ju sekarang kita masih menghadapi RM45 juta, RM35 juta ini, apa nak cakap silalah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker Ketua Menteri kita yang saya tahu dia seorang *accountant*, *accountant* ini dia kira nak bagi akaun dia memang baiklah akaun dia tunjuk bagi baiklah, jadi saya tengok bajet 2008 itu dia telah luluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu ikut di bawah bajet 2008 tadi tapi saya tengok perbelanjaan 85% sahaja yang saya tau lah. Yang saya dapat tahu 85% saja itu dia kira *saving*, adakah itu di kira *saving* atau pun memang Ketua Menteri mencari jalan mendapatkan dana sebagai tambahan tapi yang saya tengok berbagai-bagai *saving* ini sehinggakan peringkat di bawah macam MPPP ini yang saya tahu sehingga pekerja-pekerja bawahan kena pergi *support* sendiri kena pergi kaji sendiri dan cuci tandas punya *saving* jadi ini tak betul. Jadi yang tentang kes Tang Hak Ju ini terang-terang di buat oleh kerajaan jangan kata saya buat kerajaan yang buat keputusan dan kita berdasarkan fakta pada masa itu. Pada masa itu. Ini bukan kesalahan saya seorang. Jangan jadi macam Y.B. bagi saya, jangan jadi macam jadi tak tentu hala. Y.A.B. Ketua Menteri itulah cara *stail* Ketua Menteri dia nak tunjuk akaun yang baik sehingga rakyat menjadi merana kerana pegawai kerajaan pun buat kerja susah dan sebagainya jadi kita kena tengoklah semua perkara nak belanja, belanja elok, ikut peraturan dan belanja janganlah jimat sehingga nak buat kerja pun tak boleh. Itu yang saya nak kata.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa itu Y.B. Telok Bahang dia macam buta sejarah dia sudah lupa bahawa dialah yang meluluskan Tang Hak Ju, kuari kepada Tang Hak Ju dia sendiri akui di Dewan yang mulia ini bahawa dia silap so sekarang pula, di sini kita lihat kalau dari segi dari segi perbelanjaan dan peratusan untuk tahun 2009 perbelanjaan ialah 90% dan ia ini perbelanjaan lebih tinggi dari zaman Barisan Nasional perbelanjaan pun kadang-kadang tak sampai 90% tapi lebih tak banyak sebegitu Kerajaan PR kerana kita berusaha menambah hasil yang berbeza ini saya rasa sini bila tambah ia masuk ke akaun kerajaan di bawah Pakatan Rakyat mungkin di Barisan Nasional lainlah, so di sini saya rasa memang tak masuk akal yang penting ialah saya rasa,...(gangguan) ini *floor* saya Y.B., saya selalu bagi peluang tapi saya rasa sudah cukup tentang perkara ini saya nak pergi ke tajuk lain.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Terima kasih. Kerana Yang Amat Berhormat menyebut tadi bahawa Pakatan Rakyat anti rasuah sebab itu boleh bagi RM8.33 sebulan betul. RM100.00 setahun betullah. Tapi apakah Yang Amat Berhormat tidak tahu bahawa Kerajaan Barisan Nasional Pusat sekarang ini membayar RM200.00 sebulan kepada setiap nelayan sama ada tekong atau awak-awak RM200.00 sebulan seluruhnya sama ada

Pakatan Rakyat punya ahli ka, PKR, PAS ka saya *sign* beratus dah kemudian subsidi petrol subsidi insentif bawa balik ikan itu kepada nelayan, baiki rumah RISDA sedang buat, yang saya tahu Kerajaan Negeri sekupang pun tak baiki rumah di rumah mana yang baiki, peruntukkan kita, saya ini ialah peruntukkan kerajaan yang buat jadi jangan menganggap RM8.33 suatu yang sangat besar yang tumpuannya ialah golongan miskin tegar nelayan jeti-jeti dan semuanya di buat jadi adalah tidak wajar mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini rasuah. Banyak kali di sebut semalam jadi langsung tak tolong rakyat yang miskin ini bersepah-sepah termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat 80% daripada peruntukkan yang diberi daripada Pulau Pinang datang daripada *federal, state* bagi RM 5 juta saja, jadi 20%.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itulah yang kita nak galakkan Barisan Nasional buatlah kalau kita telah bagi wang jadi ini boleh jadi satu contoh untuk amalkan tindakan yang sama saya ucap tahniahlah so ini buat tapi saya rasa tak cukup macam miskin tegar mengapa hanya di bawah PR baru kita tolong miskin tegar dan memastikan setiap keluarga dapat RM500.00 kalau mana-mana yang ada maklumat tolong bagikan kepada saya atau kepada pihak jabatan yang mencari, Pejabat Kebajikan Masyarakat dan kita akan laksanakan dan kita akan proses tapi janganlah buat dalam kenyataan dalam surat khabar bahawa tak bantu, tak bantu tapi maklumat ini simpan sendiri tak mahu bagi kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat untuk buat siasatan bantuan so di sini saya rasa saya tak mahu berpanjangan dalam isu ini kerana kita telah berulang-ulang menyatakan bahawa kerajaan berjiwa rakyat akan memberikan penekanan yang tak diberikan sebelum ini kepada golongan miskin golongan yang tidak berada dan kita menolak sama sekali yang kita tak membantu memperbaiki rumah dan sebagainya kerana kita boleh tunjukkan bukitlah saya pun tak mahu berpanjangan kerana akhirnya rakyat akan dapat lihat, dapat rasa, dengar apa sebenarnya yang berlaku.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Tanjung Bunga telah mencadangkan bahawa warga emas juga diberi skim perlindungan insurans ini adalah satu cadangan yang baik tapi kerana kesulitan kewangan adalah amat tinggi dan saya rasa itu kena diperhalusi khususnya dari aspek implikasi kewangan yang rasa tidak ditampung oleh Kerajaan Negeri buat masa ini. Y.B. Permatang Pasir telah membangkitkan supaya Kerajaan Negeri meningkatkan kualiti alam sekitar untuk mendapatkan imej baik kepada pelancong.

Dalam aspek ini kita telah melancarkan beberapa kempen untuk menjadi Negeri hijau pertama termasuk Kempen *No Plastic Bag*, tanpa penggunaan beg plastik, kempen 3R, kempen *Go Green* dan juga Kempen *Smoke Free* dan kita harap Y.B. Penaga juga akan sama menceburi Kempen *Smoke Green* iaitu tak nak rokok harap boleh sama-sama. Itulah sebab kita minta lah kalau boleh Y.B. Penaga sama-sama tak nak merokok jangan nak merokok.

## **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan sedikit, maknanya kempen untuk tukar semua mesin-mesin fotostat yang *Bio-Green*, yang ada yang digunakan oleh Kerajaan sekarang ini yang ada mesin-mesin fotostat dan peralatan-peralatan yang tak *green friendly* pun harus ditukar.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak apa, kalau inilah satu cadangan Y.B. Seberang Jaya, mungkin Y.B. Seberang Jaya boleh syorkan syarikat-syarikat kita akan timbanglah. Y.B. daripada Pengkalan Kota dan juga Paya Terubong mencadangkan penggunaan alternatif untuk bekas makanan polistirena diperkenalkan kepada penjaja-penjaja dan sebagai langkah pertama, Kerajaan Negeri telah pun mengeluarkan arahan untuk tidak menggunakan bekas makanan plastik dan polistirena bagi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan Negeri. Pelaksanaan larangan penggunaan polistirena oleh penjaja-penjaja adalah merupakan satu cadangan yang baik. Namun begitu, ianya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri telah pun menggalakkan penjaja-penjaja menggunakan bekas plastik yang *biodegradable*. Cadangan Y.B. untuk memberikan insentif kepada penjaja-penjaja yang tidak menggunakan polistirena akan diperhalusi kerana ianya melibatkan masalah kewangan. Y.B. ADUN Pulau Tikus telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya untuk meluaskan penggunaan e-mel dan melaksanakan program *paperless*.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah pun menggunakan pakai *electronic mail (e-mail)* untuk meminimumkan penggunaan kertas. Selain itu, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan beberapa aplikasi e-kerajaan seperti HRMIS, e-perolehan, idof (pengurusan fail elektronik), e-rumah, e-tanah, dan sebagainya. Perlu dinyatakan bahawa Pejabat Tanah dan Galian merupakan pejabat pertama di Malaysia yang menggunakan sistem e-tanah.

Berkenaan dengan wabak denggi saya ingin memaklumkan bahawa kepada Dewan yang mulia ini bahawa ianya adalah terkawal, pada minggu epid 17, sebanyak 17 kes demam denggi telah dilaporkan dan 4 kes telah disahkan positif. Jumlah kumulatif kes denggi sehingga minggu ke 17 adalah 382 dengan 195 kes adalah disahkan positif berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009 iaitu 1,048 kes dilaporkan dan 325 kes disahkan. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 64% bagi kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2010. Aktiviti-aktiviti kawalan denggi telah dilaksanakan dengan baik pada tahun ini. Sehingga minggu epid 17 sebanyak 124,517 buah premis telah diperiksa berbanding 165,151 buah premis bagi tempoh yang sama tahun 2009. Sebanyak 2,241 premis didapati positif pembiakan tahun ini berbanding 1,720 bagi tempoh yang sama pada tahun 2009. Sebanyak 447 kompaun telah dikeluarkan berbanding 408 bagi tempoh yang sama tahun 2009.

Sebanyak 258 notis telah dikeluarkan bagi premis berpotensi positif berbanding dengan hanya 73 notis bagi tempoh yang sama bagi tahun 2009. Bagi meningkatkan aktiviti pencegahan demam denggi, langkah aktif penglibatan masyarakat bagi memastikan jangkitan penyakit ini dapat dibendung. Kerjasama dan tindakan anggota masyarakat dalam melaksanakan Program COMBI dalam

komuniti serta penglibatan dan anjuran aktiviti gotong royong oleh anggota masyarakat amat diperlukan. Selain itu Jabatan Kesihatan turut melaksanakan program kawalan Penyakit Tibi. Promosi kesihatan berterusan dijalankan menerusi kempen-kempen kesihatan serta sesi ceramah di klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital kerajaan dan swasta. Y.B. Dato' Speaker, ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, terima kasih bagaimana pula dengan peningkatan penyakit diabetes yang telah pun berjumlah 41,381. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri tetapi janganlah sebut orang yang gemuk macam saya, apakah?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*You are diabetes free, isn't it?*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*Ya, saya diabetes free*

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ucapkan tahniah, saya ucap tahniah, saya lihat Y.B. *diabetes free*, muka pun berkilat sedikit tetapi di sini saya rasa mungkin Yang Berhormat mungkin boleh berikan nasihat juga macam mana Yang Berhormat boleh *diabetes free*. Mungkin dari segi ceramah dan kuliah minta kurangkan gula, jadi kita boleh dapat bantuan daripada Yang Berhormat untuk mengurangkan penyakit *diabetes* ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Itulah saya kata Kerajaan Negeri harus lakukan sesuatu, mungkin Kerajaan Negeri hendak memperkenalkan tanaman alternatif daun *stevia* untuk menggantikan gula tebu dan sebagainya atau lain-lain. Saya hendak tengok kebijaksanaan, kalau tidak berikan kepada Kerajaan Nasional, kita buat pula lepas ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tetapi kalau kita buat kita akan cuba buat di Permatang Pauh, terima kasih. Beberapa ADUN Pembangkang membangkitkan sentimen perkauman dengan menyentuh langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan kaum Bumiputera di Negeri Pulau Pinang. Saya ingin mengulangi sekali lagi sebagai sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan bagi memajukan dan menaiktarafkan kehidupan rakyatnya tanpa mengira kaum, agama dan kefahaman politik. Di antara langkah yang telah diambil ialah termasuklah untuk peruntukan Hal Ehwal Agama Islam yang saya telah sebut dalam Dewan Yang Mulia ini, kita telah tambah peruntukan kepada Hal Ehwal Islam Agama Islam daripada 12.5 juta tahun 2008 kepada RM20.5 juta pada tahun 2009 dan RM24.3 juta pada tahun ini.



Saya rasa itu menunjukkan komitmen untuk memastikan bahawa wang ini dapat dibelanjakan dengan baik supaya sampai ke akar umbi. Pada masa yang sama kita harap bahawa pihak pembangkang tolonglah jangan cuba bakar sentimen perkauman dengan membuat tohmahan-tohmahan yang tidak betul. Saya tidak tahu kerana mengapa mungkin ini adalah satu tanda *frustration* tetapi saya ingin meminta bahawa kita cuba lihat dari aspek fakta dan hakikat sebagai satu contoh pada dua hari lepas satu majlis perundingan kontraktor kelas F telah ditubuhkan. Sebelum ini majlis syura pun telah ditubuhkan.

Saya rasa ini akan dinyatakan dengan lebih lanjut oleh Y.B. Batu Maung tetapi untuk kontraktor kelas F, Pengerusi Persatuan Kontraktor Kelas F, Tuan Haji Tahir sendiri memuji sistem tender terbuka yang memberikan peluang kepada semua kontraktor kelas F tanpa kabel politik dan juga keberkesanan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat membenarkan tender projek dikeluarkan pada bulan Januari bukan seperti sebelum ini terpaksa berehat 3 bulan pertama setiap tahun. Inilah perubahan yang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sehingga kontraktor kelas F berkata inilah kali pertama mereka dapat berbincang secara berkala dengan Ketua Menteri sebelum ini tidak pernah berjumpa Ketua Menteri. Inilah perubahan yang dibawa oleh Kerajaan PR yang tidak nampak oleh mata yang tidak mahu lihat dan tidak didengar oleh telinga yang tidak mahu berfungsi. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Y.B. Dato' SUK dan Y.B. Pegawai Kewangan Negeri yang telah membantu hal atau masalah semua perkara-perkara berkaitan dengan kontraktor kelas F.

Saya juga ingin menjawab tuduhan UMNO bahawa saya ingin disamakan dengan pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz. Ini adalah satu fitnah dan satu tohmahan sama sekali. Saya tidak pernah menyatakan saya mahu disamakan dengan Khalifah Sayidina Umar Abdul Aziz, saya tidak pernah sebut macam ini. Boleh tunjuk bukti tak? Kalau seorang yang pernah menjadi bekas Pengerusi MAIPP boleh buat tohmahan dan fitnah saya rasa kesal kerana beliau sendiri tidak pegang kepada ajaran yang dia cuba sebarkan kepada orang awam. Saya selalu menyatakan berkali-kali..biar saya habis dahulu, saya telah menyatakan berkali-kali bahawa Khalifah Umar Abdul Aziz serupa malaikat manakala saya hanya seorang insan sahaja. Saya tidak boleh dibandingkan dengan Umar Abdul Aziz tetapi saya hendak hanya belajar daripada pemerintah tersohor kerana akidah, ibadah dan keperibadiannya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Nanti saya habis dahulu, takkan nak saya belajar daripada pemimpin UMNO yang mempunyai mahligai besar atau merugikan wang rakyat. Lebih baik kita belajar daripada contoh yang baik seperti Umar Abdul Aziz, apa salahnya? Saya pun tidak faham macam mana nak belajar daripada nilai-nilai baik daripada Umar Abdul Aziz boleh menyentuh sensitiviti umat Islam bila ia sebenarnya satu penghormatan. Kita uba belajar daripada yang baik. Ada salah tak? Bila saya tanya daripada ulama-ulama, daripada orang-orang yang alim dan arif dalam

agama, mereka cakap itu baik. Mana agama ada ajar jangan belajar jadi baik, kecuali UMNO sahaja, mungkinlah. Saya betul-betul terkejut sampai perkara ini boleh dipertikaikan. Tidak apalah kalau saya terus dicemuh oleh parti lawan seperti UMNO. Bila saya pernah satu kali di Parlimen digelar kurang ajar kerana hendak belajar daripada Umar Abdul Aziz tidak apalah, saya tetap hendak belajar daripada Umar Abdul Aziz walaupun terus dicemuh oleh ADUN-ADUN UMNO saya sedia. Selain itu Kerajaan Negeri ingin menyatakan bahawa CAT dan Amar Makruf Nahi Mungkar adalah molek sekali kerana kita cuba buat baik tentulah kita sebagai insan, kita akan membuat kesilapan tetapi perbezaannya ialah kita bersedia untuk mengakui kesilapan kita dan memperbaiki diri. Kita sedia bertaubat bukan macam Barisan Nasional dan UMNO bila buat salah selalu tidak mahu bertaubat. Saya rasa itulah yang jadi masalah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Minta laluan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Dalam isu ini saya tengok Amar Makruf Nahi Munkar ini di mana-mana. Ada gambar Ketua Menteri, ada gambar Timbalan Ketua Menteri ada di mana-mana. Amar Makruf Nahi Munkar ini apa dia? Kalau dalam konteks Islam tidak boleh tambah lagi pusat judi, sekarang pusat judi sudah beranak, *everywhere*, di Balik Pulau pun banyak, pusat judi, judi haram, judi semua haram jadi judi haram. Tempat-tempat maksiat banyak, janganlah jadi momokan orang ketawa, orang senyum melihat Amar Makruf Nahi Munkar tetapi pusat judi bertambah kerana kalau Ketua Menteri hendak ikut Umar Abdul Aziz, ikut kita boleh sokong tetapi jangan jadi satu slogan Kerajaan Umar Abdul Aziz sebagai. Kita hendak bagi nasihat, bagi pandangan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Y.B. Telok Bahang sekarang telah dua kali bagi bola tanggung, kasi bola, nanti saya habis dulu. Ini dua kali bagi bola tanggung, siapa keluarkan lesen judi? Kerajaan Negerikah? Ini dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat, Kementerian Kewangan dan Yang Berhormat pernah jadi Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri, Oh! Setiausaha Parlimen sahaja, minta maaf tak apalah mungkin ada can naik pangkat, saya habis dahulu, duduk-duduk. Ini dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan di mana Y.B. Telok Bahang pernah menjadi Setiausaha Parlimen di Kementerian Kewangan. Nafi tak, masa itu siapa yang keluarkan lesen judi, saya habis dahulu, saya hendak tanya macam mana hendak selaraskan konflik ini dan kalau saya seorang bukan Islam bagi itu tidak salah tetapi apa pula kalau seorang Islam bagi?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Lesen judi sudah 10 tahun dah tidak keluar yang ada sekarang yang saya maksudkan pusat-pusat internet hari ini kalau tidak ada kawalan sudah jadi pusat judi, pusat internet merata-rata ada kerana tidak ada kawalan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Internet pun salah kita.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Maksiat merata-rata, saya hendak tekankan lagi sekali lesen judi tidak pernah keluar, ini saya tahu, tidak keluar dah 10 tahun lebih, lesen judi yang *jackpot* apakah, yang ada kalau nak pindah tempat yes tetapi untuk baru tidak ada.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Cukuplah, sudahlah, sudahlah nanti saya jawab ini nanti saya bagi pada Y.B. Telok Ayer Tawar. Saya rasa saya pun minta Y.B. Telok Bahang *get out off your denial mode, you are still in the denial mode, get out off your denial mode*, kalau *you* tidak mahu *get out of your denial mode, you* sentiasa akan jumud di situ sahaja. Itu pandangan, *you* mahu terima tidak mahu terima sudah, saya bagi peluang Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya rasa Y.B. Ahli Kawasan Air Putih tidak seharusnya mengguna istilah bertaubat tadi. Bertaubat, tadi ada guna, sebab kita bertaubat ini adalah antara seseorang itu dengan Tuhan sahaja dan kita bertaubat kalau kita berbuat dosa dan hanya Tuhan sahaja yang mengetahui sama ada kita membuat dosa atau tidak dan kita berurusan itu secara peribadi dan kita kalau bertaubat kita tidak payah cerita satu dunia kita bertaubat *we quietly repent*, itu sahaja.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar. Saya harap Y.B. Telok Ayer Tawar berikan nasihat kepada rakan-rakan daripada UMNO...(ketawa).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*You* nak lagikah?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya juga rasa terkilan apabila Y.A.B. Ketua Menteri menyamakan manusia dengan malaikat. Kita tidak boleh samakan manusia dengan malaikat. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri menyamakan Umar Abdul Aziz sama dengan malaikat, tidak boleh. Yang Amat Berhormat kata. Tidak boleh menyamakan sebab itu kami tidak mahu menggunakan istilah Umar bin Abdul Aziz itu kerana kita boleh ikut cara pemerintahan dia tetapi kalau kita tidak boleh mengikut cara sebenar pemerintahan dia, kita jangan gunakan. Umar bin Abdul Aziz cara pemerintahan dia perkara-perkara mungkar tidak berlaku.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Baik-baik, saya terima, saya terima. Saya pun tidak mahu pertikaian kalau tidak mahu saya amal Umar Abdul Aziz, dia punya watak, dia punya sifat *ok*, saya boleh betulkan ini saya tidak mahu berpanjangan dalam aspek ini tetapi saya rasa apa Y.B. Sungai Dua ialah janganlah taksub, betul tak? Janganlah bertaksub jadi dalam aspek ini saya pun bersetuju, janganlah taksub kepada pemimpin, janganlah bertaksub kepada angkuh, janganlah bertaksub kepada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya tidak bermaksud taksub, tidak adapun perkataan taksub yang saya maksudkan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya hendak jawab, sudahlah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Janganlah pusing-pusing.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Berkaitan dengan penganjuran program-program pelancongan di Tapak Warisan Dunia George Town kita akan menerima cadangan beberapa ADUN untuk mengecat semula bangunan lama di sekitar Bandar George Town dan di sini tentulah kita perlu mendapat peruntukan dan sekali lagi kerana peruntukan yang sepatutnya disalurkan kepada George Town dan Pulau Pinang, apa yang dijanjikan malangnya tidak dikotai. Oleh sebab itu kita menghadapi kesulitan dalam aspek ini. So, di sini kalau betul-betul ingin melihat George Town dapat dilihat semula bahawa semua ADUN termasuk daripada pembangkang boleh membuat permohonan dan permintaan daripada Kerajaan Pusat supaya wang yang sewajarnya dapatlah disalurkan dan kita amatlah pelik sekali apabila bandar raya-bandar raya lain yang bukanlah Tapak Warisan Dunia UNESCO tetapi Tapak Warisan Dunia yang diiktiraf oleh seluruh atau di peringkat antarabangsa boleh dianaktirikan dan saya rasa itu memang tidak patut sama sekali tapi walaupun kita menghadapi kesulitan sedemikian kita tidak pernah ketinggalan dalam usaha mempromosikan Negeri Pulau Pinang amnya tapak warisan dunia George Town secara khususnya.

Di antara usaha-usaha yang kita buat ialah Kerajaan Negeri telah mendahului yang lain dengan menubuhkan bukan sahaja George Town *World Heritage Office* tetapi juga George Town *World Heritage Incorporated* (GTWHI) dengan cepatnya tapi kalau tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri, GTWHI ada mengadakan pertandingan *marking* George Town di peringkat antarabangsa di mana kita mendapat sambutan yang baik dan saya rasa ini sedikit sebanyak akan mengubah corak dan juga rupa George Town dan kita harapkan juga akan menambahkan minat dan juga menambahkan tarikan George Town bukan saja sebagai pusat pelancongan tapi juga pusat warisan.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. ADUN Penaga telah mendakwa terdapat pemberian tender secara rundingan dengan PDC bagi pembangunan 195 unit rumah kos sederhana rendah di atas lot 282, Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan yang diberikan kepada Ambang Negara Sdn. Bhd. dan projek-projek PBA di Sungai Perai kepada Impian Mawar Sdn. Bhd. Untuk maklumat Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan prinsip CAT di dalam pemberian tender oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk projek di Sungai Perai. PBA telah keluar tender terbuka untuk projek pakej 10 iaitu projek menaik taraf loji rawatan air Sungai Dua, SPU.

Projek ini ialah untuk memastikan air bersih daripada 886 juta liter sehari kepada 1000 juta liter sehari. Tender ini telah ditawarkan kepada Impian Mawar Sdn. Bhd. begitu rendah atas sebab-sebab penender mempunyai ekuiti asing dan hanya layak dipertimbangkan untuk projek bernilai RM30 juta hingga RM50 juta seperti yang telah diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007. Pada masa itu Y.B. Telok Bahang masih Setiausaha Parlimen di Kementerian Kewangan itulah sebab kita memilih kedua terendah kerana penender terendah tak layak dan kita ikuti arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan sendiri. Saya harap Yang Berhormat faham tentang perkara ini dan penender kedua terendahlah yang dipilih dan harga yang dipilih adalah sebanyak RM27 juta.

Harga ini adalah merupakan harga yang telah dirundingkan dengan syarat berkenaan di mana ianya lebih rendah daripada RM336 ribu daripada harga yang ditawarkan oleh penender rendah. Impian Mawar telah bersetuju menerima harga yang ditawarkan. Ini bermakna sungguhpun yang paling rendah ini tak layak kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan Kementerian Kewangan tetapi bila kita beri kepada kedua terendah kita minta kurangkan lagi daripada harga penender terendah. Itulah yang kita sebut kita runding, tapi tender terbuka selepas lagi kita minta boleh rendah lagi ke? Kalau berjaya ini jimatkan wang kepada kerajaan.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya pun mengerti, tak semestinya tender tertinggi pasti dapat, tapi sebelum saya ulas balik yang itu, ini saya tunggu ECK Construction...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Cakap ini dulu.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang ini yang saya bangkitkan ialah saya merujuk.....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Biar saya jelaskan dulu.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang kedua.

**Y.A.B. Ketua Menteri**

Saya bagi peluang, kerana saya menghormati YB. Ketua Pembangkang, jawablah tentang isu ini, kalau tidak saya boleh habis dan *you* boleh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*All right*, saya nak jawab yang ini yang dua-dua yang saya bangkitkan ialah berdasarkan manifesto DAP yang mengatakan projek yang lebih daripada RM10 juta yang dia dapat itu harus beri sumbangan, sumbangan apa? sebab itu saya *pick this one*, pasal yang ini lebih daripada RM10 juta.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Duduk, duduk, saya jawab. Sudah sumbang, dia sudah potong harga lagi, sudah sumbang bagi tender 195 unit rumah teres dua tingkat kos sederhana rendah di atas lot 282, Bandar Cassia di bawah PDC Properties Sdn. Bhd. yang ianya telah dipelawa melalui tender terbuka sepertimana yang telah diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Tender projek ini telah dibuka pada 3 September 2009 ditutup 30 September 2009 iaitu selama 4 minggu. Selepas ia ditutup sebanyak 18 syarikat telah mengemukakan tawaran. Tujuh syarikat menawarkan harga tender yang terendah. Dalam perunding untuk melalui proses *value engineering*, memandangkan ia adalah projek rumah kos sederhana rendah maka ia tidak menyumbangkan sebarang keuntungan. Dalam proses ini syarikat ini telah diberi peluang untuk menawarkan pilihan untuk membina rumah tersebut berdasarkan kepakaran masing-masing tanpa mengubah reka bentuk dan pelan asal rumah akan tetapi dengan harga yang lebih kompetitif. Hanya enam syarikat sahaja memberikan maklum balas dan telah dipanggil untuk memberikan penerangan berkenaan projek. Dalam pada masa yang sama syarikat berkenaan telah ditemu duga untuk mengetahui latar belakang syarikat, pengalaman serta kebolehan mereka untuk melaksanakan projek ini.

Setelah proses itu dilaksanakan harga terendah yang ditawarkan iaitu Syarikat Ambang Tenggara iaitu sebanyak RM14.3 juta berbanding RM15.1 juga pengurangan iaitu sebanyak RM800 ribu telah diberikan dan Ahli-ahli Lembaga PDC Sdn. Bhd. juga telah bersetuju untuk melantik syarikat tersebut berdasarkan tawaran harga yang terendah dengan cadangan *value engineering* So di sini saya tidak lihat dan daripada mana ia menjadi isu, kerana ia adalah yang terendah.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak mempersoalkan, saya bangkitkan kedua-dua ini iaitu Ambang Tenggara dan juga Impian Mawar tadi ialah daripada dasarnya katalah kalau projek itu lebih RM10 juta harus beri sumbangan rundingan kurang harga cerita lain sumbangan itu ke mana perginya apa yang dia sumbangkan? Itu yang saya persoalkan kalau rundingan harga itu okey...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya sudah cakap tadi dari segi sumbangan ialah potong harga lagi daripada harga terendah yang telah ditawarkan, kita minta secara rundingan potong harga lain inilah sumbangan. Kalau tak faham saya pun tak boleh buat apa inilah sistem tender terbuka adalah yang sah dan adalah mendapat pengakuan dan pengiktirafan peringkat antarabangsa sehingga di puji oleh *transparency international*, saya tahu UMNO tak akan puji tetapi *transparency international* puji saya rasa itulah yang lebih penting saya rasa UMNO tak akan terima *transparency international* kerana mereka tidak suka *transparency international* yang mungkin itulah sebabnya pihak pembangkang menentang sistem tender terbuka sehingga menimbulkan demonstrasi sebaik saya dilantik sebagai Ketua Menteri pada Mac 2008.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tak tentang...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tuduhan liar Y.B. Penaga mengenai status penstrukturan semula PDC dan adakah peletakan jawatan Encik Julian Candiah supaya....(gangguan). Saya akan jawab sekali jangan bimbang saya tak akan semak. Ini berkaitan juga adakah peletakan Encik Julian Candiah Timbalan Pengurus Besar Satu disebabkan oleh keputusan yang dibuat dalam PDC adalah berlandaskan kepentingan politik dan ekonomi suruhanjaya

Sebagai maklumat telah diperolehi oleh Y.B. proses penstrukturan PDC telah dimulakan pada tahun 2003 diluluskan dan dilaksanakan pada tahun 2005. Mengenai isu yang peletakan Encik Julian Candiah, beliau telah dilantik ke jawatan Timbalan Pengurus Besar Satu pada 1 April 2009 secara kontrak selama satu tahun. Walau bagaimanapun Encik Julian Candiah telah mengemukakan notis sebulan untuk menamatkan kontraknya melalui surat bertarikh 17 Februari 2010 dan ditamatkan mengikut jadual pada 31 Mac 2010. Saya masih ingat Y.B. Sungai Dua melemparkan fitnah dan tohmahan kepada saya, pada sesi yang lepas mengatakan, betul kawan ini fitnah dan tohmahan lagi yang dia senyum bila saya cakap fitnah dan tohmahan lagi. Itulah standard Barisan Nasional so bila lantik sebagai Timbalan Pengurus Besar Satu cakap kawan sekarang bila dia letak jawatan, pula cuba cakap isu-isu tertentu seperti saya pula yang dipersalahkan membuktikan apa yang kerajaan dia buat pasti salah lantik masa itu cakap kawan sekarang bila letak jawatan pula cakap, tak betul ini apa *you cannot have a cake and eat it*.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan-penjelasan, dulu masa nak buat pelantikan Y.A.B Ketua Menteri kata Julian Candiah mempunyai kepakaran dan sebagainya dan kata nak bagi kontrak setahun tetapi yang kita persoalkan kenapa belum setahun Julian Candiah telah meletak jawatan kemudian dia pula memberi ulasan di akhbar kata semua keputusan dia buat kerana berasaskan politik yang menyebabkan dia tidak boleh bekerja di PDC.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Y.B. Sungai Dua tak tahu sama ada dengar atau tidur tadi tak, dengar tapi tak masuk akal la, kerana saya sudah sebut kontrak ini hanya setahun dia mula pada 1 April dan tamat pada 31 Mac tak tahu kira ke? Adakah kerana sekarang atau kerana Barisan Nasional gunakan pelajaran Ilmu Hisab dalam Bahasa Inggeris *you* sudah tak boleh kira. 1 April hingga 31 Mac, 1 tahun tak tahu kira...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Dia letak jawatan, dia letak jawatan, bukan dia nak ditamatkan kontrak jadi Y.A.B. Ketua Menteri jangan pusing.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang cakap letak jawatan ialah Ketua Pembangkang, saya cakap di sini dia bagi notis tamat kontrak tak mahu tambah kontrak lagi, kerana seperti Y.B. Sungai Dua cakap beliau adalah seorang pakar, kita puji kerana dia punya rekod cemerlang, bila dia berkhidmat untuk PDC National Servis dia hanya angkat elaun saja, tak dapat gaji, kita tak dapat menggaji dia kerana terlalu tinggi. selepas satu tahun berkhidmat untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dia hendak menceburi bidang *financing* di mana gajinya jauh lumayan lebih tinggi daripada gaji saya dan semua so tohmahan yang diberikan kalau tak ada bukti....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Dia sendiri yang cakap, bukan ada tohmahan, dia sendiri yang cakap dalam keratan akhbar yang dia keluar sebab dia tak puas hati segala keputusan yang dibuat berlandaskan politik.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

(ketawa)..mimpi lagi ke? mimpi lagi ke? Saya tak mahu bercakap dengan Y.B. mimpilah, sudahlah Y.B. mimpi, kalau mimpi pergi mimpi sudah dan tadi so itu tak jadi isu, kalau setahun pun tak boleh kira kalau notis yang diberikan tak faham nasib baik anda jadi pembangkang. Tentang itu ECK, dia cakap ECK okey, ini adalah cadangan kerja tanah dan lain-lain kerja yang bersangkutan dengan Taman Perindustrian Batu Kawan, supaya dia boleh buat kontrak kerja tanah ada 5 bidang yang pertama ialah sebanyak RM65 juta yang kedua ECK sebanyak RM80 juta ketiga RM81.8 juta keempat RM82 juta dan kelima RM83.8 juta. Mengapa yang



kedua terendah dipilih kerana saya dimaklumkan oleh pihak PDC bahawa mereka ada satu *cut off* mereka akan buat anggaran perunding dan sekiranya perbezaan di antara perunding ada lebih dan ada kurang 20% ia tidak akan diambil kira iaitu kalau dia punya anggaran perunding ialah RM100 kalau anda tawarkan RM60 ini akan ditolak kerana tak mungkin akan jalankan kerja dan sistem ini telah terpakai sejak dulu zaman Barisan Nasional ia sudah terpakai dan *in another words...* (dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker *its does cut off 20% more 20% less, bigger exist 20% more immediately cut off you exist 20% less also immediately cut off* kerana tak mungkin kalau anda berikan harga terlalu rendah tak akan berjaya punya, pasti projek ini akan terbengkalai dan sistem ini telah terpakai sejak dulu Zaman Barisan Nasional ia sudah terpakai. *So in another word, ...*(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker *cut off 20% more, 20% less if you exceed 20% more immediately chop off, if exceed 20% less, also immediately chop off*, kerana tak mungkin kalau anda berikan harga yang terlalu rendah pasti tak akan berjaya punya, pasti projek ini akan terbengkalai. *Now* sistem ini telah terpakai sejak dahulu zaman Barisan Nasional, Faham? Oleh kerana itu, kerana yang pertama 65 juta jauh melebihi 20% *cut off* maka yang kedua rendah RM80 juta. Di mana perbezaannya ialah 15.8%, iaitu 15.8% *less* dari anggaran perunding iaitu 15.8% kurang daripada anggaran perunding, maka ianya dipilih, tetapi semua pun ia dipilih berdasarkan harga RM80 juta, kita minta dia kurang lagi, kurang berapa? kurang RM5 juta supaya mirip 20% dan dia pun setuju kerana tahu bukan macam dahulu kena bagi duit kopi..sekarang tak ada duit kopi, sekarang buat kerja sahaja dan itulah sebabnya ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Apa buat tuduhan tak berasas! Mana ada bukti yang menyatakan ada duit-duit kopi, bagi bukti.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*You* cari SPRM lah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Cari bukti, bercakap saja tanpa bukti.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Cari SPRM.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tunjukkan bukti.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Duduk, duduk, Ia itulah sebab kita kurangkan RM5 juta daripada RM80 juta kita kurangkan kepada RM75 juta....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, yang saya persoalkan itu bukan sebabkan *range* 20%, kalau nak dirundingkan mengapa tak panggil yang lain-lain *within the range* tu? Ya berapa dia boleh kasi kurang? Mungkin yang ketiga boleh bagi lebih daripada RM5 juta kurangnya. Tetapi mengapa pilih E.C.K? ini yang jadi persoalan yang dicakap oleh kontraktor-kontraktor dan masyarakat peniaga. Mengapa pilih satu saja?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Baik saya jawab, kerana ECK, duduk, duduk, kerana ECK adalah tender kedua rendah, dan tender terendah tak layak, okey, sudah dikeluarkan, kita kena pilih yang kedua rendah itu ikut sistem *tender*. Pilih yang kedua rendah kita mintak dari aspek-aspek prosedur yang kedua rendah mesti dipilih kecuali ada syarat-syarat lain. Tapi kalau yang terendah dikeluarkan kerana tak memenuhi syarat-syarat maka kita kena pilih kedua rendah kalau dia memenuhi syarat dan bila dia memenuhi syarat-syarat kita pilih sama dia. Dan sungguhpun sudah pilih sama dia kita mintak boleh kurangkan lagi tak RM5 juta dan ini adalah satu penjimatan kepada PDC. Y.B. Padang Kota cakap *first option* tak faham *first option*.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Alah, dia ingat dia sorang pandai la, *you* janganlah menghina orang. Kalau mengapa tak 3, mungkin 3 akan bagi RM8 juta...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak faham *standard* terbuka lah.

**Ahli Kawasan Penaga ( Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim ):**

Eh.. jangan cakaplah, sat lagi aku, saya duk *control* lagi...(gangguan), panggil samseng lagi karang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Teruskanlah Yang Berhormat, teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

UMNO ada 3 juta orang, dalam 3 juta tu Melayu semua.....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker**

Yang Berhormat, teruskan, teruskan kepada topik, yang lain beri perhatian.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat bagi jawapan tadi, 1, 2, 3, 4, 5 tapi yang di cerita di luar tu lain. Katanya, tak apalah untuk dalam Dewan ini Yang Berhormat kata nombor 2. Ya bila saya kata kalau dah nombor 2 pun dah boleh dirunding untuk dapat harga

kurang mengapa tak cuba nombor 3? Dapat lebih kurang lagi, ya tak apa saya akan balik *check* balik apa yang dikatakan adakah dia nombor 2 atau dia nombor lain?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau kita nak kurangkan, kita pun mesti berpegang kepada *range* 20%. Kalau kita nak mintak RM8 juta, itu sudah melebihi 20% dan ini melanggar peraturan kita sendiri. Dan kalau Y.B. dari Penaga tak faham mengapa yang kita pilih yang kedua terendah, saya amat kesallah macam mana kita tak faham langsung sistem dan konsep tender terbuka, tender terbuka ialah kita pilih yang, yang terendah kalau terendah tak layak kerana syarat-syarat yang ditetapkan kita pilih yang kedua rendah yang baru lepasnya dipilih kita mintak dia bolehkah diturun lagi, kita turun lagi turun lagi dan itu dipakai. Itu dipakai sebelum ini untuk syarikat lain, untuk Ambang yang disebut tadi oleh Yang Berhormat yang untuk Impian Mawar dan juga untuk Ambang Tenggara, Ambang Tenggara, itu mereka terendah kita mintak dia turun lagi, mereka pun turun itu tak pernah dibuat oleh BN. Tetapi dibuat oleh PR kerana kita nak jimatkan wang untuk rakyat dan saya rasa sudahlah...(gangguan), sudah lah saya nak balik kepada Y.B. Pulau Betong mengenai kebebasan akhbar. Panjang-panjang ada Ahli EXCO lain nak jawab.

Y.B. ADUN Pulau Betong mengenai kebebasan akhbar, kebebasan maklumat dan dakwaan halangan ke atas akhbar *News Strait Times* dan Utusan Malaysia, untuk membuat liputan akhbar berkaitan program atau majlis Kerajaan Negeri. *Now* perkara ini diulang berkali-kali dan dijawab berkali-kali, tapi Y.B. masih berdegil tidak mahu faham. Saya telah menyatakan bahawa kita hanya mahukan Utusan dan NST menjamin akan memberikan Kerajaan Negeri hak untuk membuat, menjawab laporan yang salah. *Right or reply, very simple* itu pun mereka tak boleh bagi. Hari ini sungguhpun kita agak *relax* pemberita Utusan dan NST pun ada di sini kita tak buat apa-apa tapi kita nak sampaikan kita bukan tuju kepada mana-mana pemberita kita tujukan kepada pemilik Utusan dan NST yang tak hormati prinsip kewartawanan dan prinsip kebebasan akhbar. Prinsip kebebasan akhbar ialah kalau sesuatu laporan dikeluarkan mesti berikan hak menjawab kepada pihak yang lain ini baru adil tapi sekiranya NST tak mahu buat, Utusan tak mahu buat apa jawapan mereka tak suka *you* saman sama kita.

Kerajaan Negeri mana ada masa dan sumber yang begitu luas untuk saman tiap-tiap hari Utusan Malaysia dan NST, ingat kita kaya ka? Kita tak mampu lawan NST dan Utusan. Mereka ada tunggak belakang besar, ada UMNO besar 3 juta tadi ya...(gangguan), so kita tak mampu, Ini 3 juta banyak wang, banyak sumber, macam mana tiap-tiap hari pergi mahkamah, so sebagai satu tindakan membela diri kita cakap kalau tak berikan hak menjawab, membetulkan laporan salah lebih baik janganlah buat laporan kita minta tolong. Janganlah buat laporan supaya tidak timbul salah faham barulah tepat dan pada masa yang sama pihak-pihak berkenaan Utusan, NST hanya suka, kalau kita lihat NST, Utusan tak pernah satu kali pun buat liputan yang betul. Hantam kromo saja Kerajaan Negeri hanya boleh buat apa kita diam saja kerana belakang UMNO 3 juta. So pihak-pihak berkenaan menyebabkan Kerajaan Negeri tak mahu bertarunglah dengan surat khabar tersebut dan itu sebab kita undur diri yang saya nak tegaskan di sini ialah Kerajaan Negeri hanya tuntutan satu saja iaitu kebenaran tidak lebih daripada itu hanya kebenaran.

Saya ingin mengesyorkan bahawa 3 perkara harus dilaksanakan sekiranya Negeri atau negara ini ingin mengecapi kebebasan *media*. Iaitu yang pertama memansuhkan semua akta yang mencabuli hak asasi manusia seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Hasutan dan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak. Kedua, menggubal Akta Kebebasan Maklumat. Ketiga, melarang penglibatan dan milikan parti politik dalam *media massa* dan media cetak.

Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa ketelusan dan akauntabiliti adalah teras kejayaan model ekonomi baru *or the new economic model* khususnya ke arah ekonomi bermaklumat dan berpengetahuan. Kerajaan Negeri berhasrat menggubal satu Enakmen Kebebasan Maklumat yang kita tidak dapat teruskan kerana tidak direstui oleh Y.B. Penasihat Undang-Undang adalah sebab ianya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana ia bukanlah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Akan tetapi sekiranya Negeri Selangor berjaya meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat maka ia akan dicontohi Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, memang saya katakan tadi UMNO ada lebih dari 3 juta orang. Boleh hampir 100% orang Melayu, tetapi dalam Dewan ini saya dengar berkali-kali UMNO dituduh rasuah, rasuah, rasuah. UMNO dikata samseng, samseng, samseng. Itu bererti dari ahli biasa sampai ke Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tau. Jadi di sini saya nak katakan, apakah UMNO ini sampai ke Perdana Menteri tu samseng? Sampai Perdana Menteri rasuah? Ini menghina orang Melayu! Tak adakah samseng-samseng Melayu? tak adakah gengster-gengster Melayu? Tidak adakah 3 *line*, Perguruan Silat, yang datang sini harus pada pihak yang duk kata itu diberi pengajaran...(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Yang terhormat Dato' Penaga, tak usah diulang.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sampai ke Polis IGP pun dihina, Polis dikatakan tak cukup *training* la, *trigger happy* dan sebagainya mungkin sekarang kita menjemput Askar kot datang?....(gangguan). Hati-hati bercakap.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Cukup Y.B. Penaga, apa yang berlaku semalam, terus, teruskan. Y.B. Penaga cuma saya nak ingatkan jangan diulang apa yang berlaku semalam itu, teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan *point of order*.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Teruskan Y.A.B. teruskan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Y.B. Penaga ini sudah terlanjur la, sudah terlanjur la, sudah melampau sangat, betul. Sudah melampau sangat, betul, kita cakap bukan sahaja UMNO, Barisan Nasional semua sekali. Barisan Nasional dan UMNO semua sekali. Aiyaa...takkan *you* tak....(gangguan), RM3 juta tu betul, *you* sendiri yang sebut RM3 juta. Sebelum ini sebut Barisan dan UMNO, semua serupalah, semua serupa. Ini tentang bahawa kerana kita kritik UMNO itu anggap bahawa kritik bangsa? Itu saya rasa memang tak tepatlah. Kalau begitu saya rasa ini Y.B. Penaga nak main perkauman, saya kesal nak mainkan perkauman saya rasa itu bercanggah dengan 1Malaysia. Adakah ini sama, seiras 1Malaysia ka.... (gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kita, jangan... (gangguan). Yang Amat Berhormat sila duduk.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dan mintak Askar datang, ..ooo *you* tengok, tak ada demokrasi lagi, tak ada *rule of law*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Aman damai.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*Who cares of rule of law?* Saya amat kesal. Y.B. Ketua Pembangkang boleh cakap sampai *who care about rule of law?* Saya rasa ini macam nak satu sistem dan pemerintahan tentera la. Saya rasa sudah lebihlah Yang Berhormat sudah tak percaya sistem demokrasi kerana kalau sudah tak percaya sistem demokrasi kerana sekarang jempit sekarang sampai Askar nak mari. Saya semua begitu kesal dan di sini bila kita sebut tentang Polis...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kalau Polis sudah tidak boleh dipercayai, MCCE samseng UMNO, tengok *paper* hari ini. Ini apa ini?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Penaga sudah, sudah kita nak teruskan...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dan tentang IGP. Kalau kita kritik IGP ada salah dak? Ada salah dak?

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* bukan mengkritik tau, itu menghina!...(gangguan). Polis seperti siang, malam, pagi, petang menjaga keamanan tetapi Polis macam-macam dituduh...(gangguan).

**Y.A.B Ketua Menteri:**

Yang kita kritik ialah IGP, bukan semua Polis. Saya sudah sebut banyak kali, jangan benarkan tingkah laku atau perbuatan. Duduk, duduk. *You* tahu tapi tak buat.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya pun tahu duduklah.

**Y.A.B Ketua Menteri:**

*You* tahu tapi tak buat.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada penghinaan tadi yang disebut Yang Berhormat, tidak ada...(gangguan). Teruskan Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tumbuk meja lagi. Tumbuk meja, tunjukkan kekerasan...(gangguan). Sudah kalah dari segi fakta, sekarang gunakan kekerasan. Bila kita sebut tentang Polis kita cakap janganlah benarkan tingkah laku 1, 2 Polis rosakkan nama Polis keseluruhannya. Termasuk IGP, kita rasa IGP tak sesuai menjadi IGP, kerana IGP ini menunjukkan beliau bukanlah pegawai yang boleh mewakili semua anggota Polis untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berwibawa. Isu tentang...(gangguan), sekarang cakap bawa Askar lagi. Kita mana ada kritik Askar? Bila ada kritik Askar, mana ada kritik Askar? Kita kritik Ketua Polis Negara, khususnya dalam isu pembunuhan Aminulrasyid Amzah budak...(gangguan), orang mati cakap dah.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Dahlah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini sudah lebih, orang dah mati dah? Ini sudah lebih, ini sudah lebih. Saya nak kecam Y.B. Ketua Pembangkang saya rasa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ahli politik jangan dok ambil bahagian dalam siasatan yang sedang berjalan. Apa Yang Amat Berhormat cakap. Kenapa, bisu kah?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya minta Yang Berhormat duduk. Kita bagi tumpuan. Sila duduk.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bila kita kritik sama Ketua Polis Negara ialah tentang kes pembunuhan Aminulrasyid dan bila seorang pelajar 14 tahun boleh dibunuh oleh peluru, sampai 20 peluru yang ditembak ke arah kereta yang dipandu oleh seorang budak pelajar 14 tahun. Kita tahu salah, tapi adakah salah, sampai perlu dibunuh? Begitu zalim dan kejam sekali. Dan itu kita salahkan semua anggota Polis, tidak. Tapi kalau yang tak buat betul kita mesti ambil tindakan kenapa biar semua ini berlaku, CPO Selangor cakap apa? Dia tertembak kerana dia cuba undur kereta nak langgar itu anggota Polis. Ini satu pembohongan kerana saksi yang berada di situ nampak, semua jiran-jiran nampak, dia sudah mati dalam kereta. Tak akan ada orang mati yang boleh pandu kereta gostan? Tadi bila kita sebut pasal pembunuhan tak ada satu perikemanusiaan, tak ada perasaan daripada Y.B. Penaga, Y.B. Penaga kata dah! Bila sebut kes Aminulrasyid Amzah, cakap dah! Itu nilai nyawa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Bila saya kata, saya kata itu masih dalam siasatan, kalau tak boleh lagi percaya kepada Polis, kalau dianggap Polis sudah tidak dapat menjalankan tugas. Saya menyeru pihak Askar pula ambil alih. Baru tahu, macam mana. Baru boleh jadi aman damai.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kenyataan Yang Berhormat. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat supaya tidak membuat pernyataan itu lagi dan mengulangi lagi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Yang Berhormat sudah hilang, sudah hilang daratan. Sudah tak ada.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Bagan Jermal saya telah memberi amaran kepada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian bahawa Peraturan 46 (xvii) perkataan-perkataan yang menghasut supaya memberontak. Adalah salah pada peraturannya.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Bagan Jermal, saya memberi amaran, akhir saya bagi amaran *tidak* menyebut perkataan tadi boleh membawa satu tafsiran yang ini....(gangguan). Boleh membawa tafsiran yang boleh, apa ini memberi satu rasa tidak selesa. Yang Berhormat tolong sila akur benda tu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa, *there is no hope and cure for you* lah. *You* tak ada, yang *you* bertopengkan demokrasi tetapi sebenarnya diktator rakus sekali. Saya rasa apa yang nak dinyatakan nak minta itu tentera macam ini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Benci kepada orang Melayu, benci kepada orang Islam.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Mana ada benci orang Islam.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Benci kepada orang Islam, saya tak mahu cakap, Y.A.B. cakap, saya cakap balik., saya cakap, saya cakap lagi. Dia menuduh saya tiada fikiran, Itu ini. Saya pun tuduh juga.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu tuduhan melulu tuduhan liar.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Fakta.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Duduklah saya rasa Yang Berhormat sudahlah. Saya tak mahu panjang, sudah hilang daratan. Langsung sudah hilang daratan, sudah tidak waras lagi. Minta masuk tentera semua sudah cakap. Tidak susah hati, tapi kesallah.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya tak mahulah pakai peraturan tetapi sebagai Ketua Pembangkang saya tak mahu guna peraturan lagi. Bagi Yang Amat Berhormat.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Cuba nak jelaskan. Tadi Y.B. Jawi ada sebut Ketua Pembangkang hantu syaitan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya tak dengar.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Saya dengar, saya nak habaqlah.



**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya itu saya nak teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Ada langgar peraturan tak? Y.B. Dato' Speaker? Dalam peraturan Y.B. Dato' speaker, adillah kita Tuhan melihat kita jika kita tidak membuat adil.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Cukuplah tadi pun ada perkataan yang saya dengar. Saya maklum dan saya akan *check* hansard.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Kata hantu syaitan kepada Dato' Ketua Pembangkang.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dua-dua duduk. Jawi, Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Yang ini pun saya nak Yang Amat Berhormat pun kena beri nasihat supaya mereka diberi ajaran.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sungai Aceh. Duduk.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Sungai Aceh tadi tak rasa bila Y.B. Ketua Pembangkang sebut masuk tentera tak ada perasaan. Saya tahu di mana perginya semangat demokrasi dilantik dan dipilih oleh rakyat, saya rasa semua sudah pupus dan hilang sama sekali....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Menjaga keamanan di situ.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Cukup, cukuplah di situ.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sekarang kita lihat yang sebenar, kita lihat muka sebenar UMNO dan Barisan Nasional, rakus dan sedia untuk memegang kuasa tanpa kira. Tanpa apa-apa langkah.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya amat kesal. Di Dewan yang mulia apa yang berlaku. Dengar apa yang berlaku. So saya rasa tidak wajar....(gangguan). Saya mahu lihat wajah yang baru. ADUN Kebun Bunga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk membuat perancangan pelupusan tanah demi untuk menambah *plan bank* demi menambah pendapatan Kerajaan Negeri. Saya rasa itu memang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri tetapi berdasarkan kajian dan juga peraturan-peraturan yang ditetapkan. Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Datok Keramat, berkaitan dengan proses pengambilan anggota Polis.

Saya dimaklumkan bahawa kaedah pengambilan ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Polis. Pemohon yang berminat boleh mendapat borang di Ibu Pejabat Polis Daerah. Selepas latihan dijalankan maka mereka boleh diterima atau tidak selepas penilaian dibuat. Selain itu berhubung perkara lain yang dibangkitkan oleh Y.B. Datok Keramat, tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas isu kebanjiran oleh warga asing, dan peniaga haram di kawasan penjaja haram di kawasan Lorong Kulit saya ingin memaklumkan bahawa Operasi Ops Serantau secara berkala telah dilakukan oleh PDRM melalui IPD Timur Laut bagi membendung masalah ini. Pemantauan terus dibuat dari masa ke semasa.

Y.B. ADUN Seberang Jaya juga ingin mengetahui jumlah berapa hutang kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007, 2008 sehingga 31 Disember 2009 untuk makluman beliau, hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2009 adalah RM688.8 juta yang melibatkan Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah, Projek Bekalan Air dan pembiayaan projek MPPP, Pembetulan Najis Pantai Utara Fasa I. Kerajaan Negeri juga sememangnya membayar balik pinjaman projek PAKR mengikut jumlah anuiti dan jadual yang ditetapkan.

Mengikut pinjaman MPPP kelulusan telah diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan untuk menghentikan bayar balik akan tetapi Kerajaan Negeri untuk hapus kira jumlah tersebut masih belum diperoleh. Bagi projek bekalan air pula bermula dari 2004 Kerajaan Negeri telah memutuskan menghentikan bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan berasaskan kepada cadangan Penstrukturan Semula Aset-aset Air yang dipegang oleh Kerajaan Negeri kepada Pengurusan Aset Air Berhad. Bagi bajet 2008 dan 2009 Kerajaan Negeri hanya menyediakan peruntukkan token RM10 dalam bajet mengurus bagi tujuan projek bekalan air. Baki sebenar pinjaman terakhir adalah yang kita akan bagikan kepada ADUN-ADUN iaitu untuk projek bekalan air RM651 juta, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) RM31.4 juta dan projek pembiayaan projek MPPP RM1.3 juta keseluruhannya RM683.8 juta ini untuk tahun akhir tahun 2009.

Y.B. Permatang Pasir telah bertanya mengenai lebih Kerajaan Negeri dalam tahun 2009 dikatakan disebabkan oleh penjimatan akibat tidak membayar hutang. Sebenarnya dalam aspek ini kita telah mengikut bayaran ansuran seperti yang ditetapkan. Seperti yang saya sebut tadi bahawa lebih yang mencatat

rekod dalam sejarah Pulau Pinang adalah berdasarkan kepada tambahan kutipan, tambahan hasil dan juga penjimatan dalam aspek penjimatan mengurus yang telah membolehkan kita mencapai satu penjimatan yang begitu besar.

Aspek penjimatan ini terserlah sungguhpun dari segi jumlahnya kecil macam kita cakap dari segi wang penghargaan kepada warga emas itu jumlah yang kecil tapi maknanya besar. Bila kita jimatkan wang semua Ahli EXCO saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Ahli EXCO yang bersedia menyokong cadangan Kerajaan Negeri sungguhpun susah untuk mereka, walaupun selalu guna kapal terbang ekonomi, kelas ekonomi, supaya memberi satu contoh bahawa kita mesti berhemah dalam perbelanjaan dan di sini saya rasa itu sesuatu yang telah diteruskan selama 2 tahun ini. Malah bila saya naik MAS selalu saya pergi Kelas Ekonomi saya selalu tengok Y.B. Pulau Betong pun selalu naik *Business Class*. Dan ini kita selalu jumpa tapi saya rasa itu selalu buktinya. Itulah buktinya bahawa kita komited untuk jimatkan perbelanjaan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan. Kalau jumpa saya naik *Business Class* kenapa saya nampak Yang Berhormat naik *Economy Class* tapi duduk dekat *VIP Lounge*? Keistimewaan apa yang diperolehi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini kerana saya ada *Club Card Enrich Card*. Saya naik Ekonomi tapi *Enrich Card* diberikan untuk saya masuk *VIP Lounge*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Yang ke luar negara naik apa pula?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ekonomi juga. Tapi keluarga tanggungan diri sendiri. Puas hati tak? Bagus. Tentang Dasar Tukar Syarat Tanah, untuk makluman Y.B. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan satu dasar yang berkaitan dengan status pegangan tanah iaitu membenarkan tanah-tanah milik yang berstatus pajakkan dipanjangkan tempoh pegangan seperti berikut, Tanah Industri 99 tahun, Tanah Komersial 99 tahun, Tanah Kediaman Pegangan Kekal, ini bermakna tanah-tanah kediaman pemilik persendirian ditukar dijadikan pegangan kekal. Walau bagaimanapun sehingga kini tidak ada tanah berstatus pajakan telah diluluskan untuk kediaman secara besar-besaran pegangan kekal disebabkan Kerajaan Negeri masih perlu membincangkan perkara ini di Majlis Tanah Negara.

Y.B. ADUN Datok Keramat mencadangkan agar Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Pantau Kuari Daerah sehingga kini telah diadakan sebuah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang ini atau sebelum ini?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Sikit sahaja sebab ada empat (4) syarikat yang saya sebut berkenaan dengan tanah-tanah, tidak ada apa-apa kelulusan yang diberikan iaitu Tetuan Sunway Carnival Shopping Mall, Tetuan Lion Mutiara Parade Sdn Bhd, Mesra Sdn Bhd dan Tetuan Emerald Capital Sdn Bhd. Adakah sebarang kelulusan atau permohonan dibuat? Yang ini saya sudah cakap masa ucapan lepas.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya perlu semak. Saya ingat ada di sini tetapi bolehkah saya beri secara bertulis kerana terlalu banyak, nanti Y.B. EXCO tak sempat nak jawab.

Y.B. ADUN Datok Keramat telah mencadangkan agar jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Batu Maung bagi menguruskan perkara berkaitan bahan batuan dan tanah merah. Antara perkara yang dilihat adalah mengenai alam sekitar dan syarat-syarat kelulusan permohonan. Satu lagi jawatankuasa adalah dipengerusikan oleh Y.B. Bukit Tambun untuk menguruskan permohonan kuari dan bayaran *royalty* supaya kita boleh menambahkan bayaran *royalty* kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. ADUN Seberang Jaya ingin bertanya tentang Wi-Fi dan saya ingin nyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh menjadi Negeri Wi-Fi yang pertama dengan pemberian liputan Wi-Fi secara percuma. Sehingga sekarang hampir 500 lokasi *hotspots* telah dipasang dan kita harap pada akhir tahun ini akan ditambah sehingga 750 *hotspots* dan untuk seberang, kawasan pertama yang kita berikan perkhidmatan Wi-Fi adalah di kawasan Yang Berhormat sendiri. Betul tidak? Saya rasa Yang Berhormat sendiri pergi uji, dia memang pakai, so jangan kata kita pinggirkan mana-mana kawasan. Di kawasan saya pun belum ada lagi ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya kata supaya memperbanyakkan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya saya tahu. Kita akan cuba memperbanyakkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebab mula-mula yang dijanjikan macam Red Tones Sdn Bhd kata nak buat dan Alhamdulillah sudah buat, okey.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Seperti yang saya kata Y.B. Seberang Jaya boleh melihat di kawasan sendiri pun sudah ada dan saya rasa penghuni di sini suka sebab percuma.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebab itu mereka akan undi Seberang Jaya sekali lagi dalam pilihan raya akan datang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau Yang Berhormat jadi calon. Saya kena tanya Ketua Bahagian. Tak tentu lagi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kita bukan kira calon, kita tengok kawasan Seberang Jaya itu akan jadi kawasan Barisan Nasional, tidak kira siapa calon.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita pun akuilah kawasan Seberang Jaya jatuh ke tangan Barisan Nasional kerana Yang Berhormat, kalau bukan Yang Berhormat saya rasa PKR mesti menang. Kalau boleh hantar Ketua Bahagian Permatang Pauh, kita lebih suka.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pandai jolok.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat suka saya jolok, saya joloklah....(ketawa). Tolong sama tolong.

Y.B. Dato' Speaker saya rasa apa yang saya sebutkan tentang Taiyo, saya tidak mahu berpanjangan lagi tetapi tender diberikan kerana ini adalah tawaran yang paling baik, bukan sahaja dari aspek pulangan tetap yang dijamin. Untuk tempoh 20 tahun Kerajaan Negeri melalui PDC akan menerima sebanyak RM29.91 juta sedangkan dari aspek pelaburan untuk menaiktarafkan Kelab Golf Bukit Jambul adalah sebanyak RM59 juta menjadi nilai keseluruhan tender dan kontrak ini sebanyak RM80 juta. Nasib baik kita mengadakan tender terbuka, kalau tidak bagi kepada syarikat dua ringgit, rugilah kita.

Di sini saya rasa kita boleh lihat bahawa tender terbuka memang boleh menambah hasil kepada Kerajaan Negeri dan sungguhpun pada awalnya bila kita lancarkan tender terbuka, kita menghadapi banyak tekanan. Tetapi kita telah berjaya menunjukkan bukan sahaja tambahan hasil kepada Kerajaan Negeri tetapi pada masa yang sama dapat membolehkan kita memilih kontraktor-kontraktor yang baik, yang berkesan dan tidak bersifat kroni, termasuk kontraktor Melayu yang dapat memartabatkan kontraktor Melayu kerana hanya mereka yang betul-betul buat kontrak dan buat kerja di mana di bawah tender terbuka kebanyakan yang mendapat kontrak sungguhpun berdaya saing secara terbuka dengan yang lain, kebanyakannya diberikan kepada kontraktor Melayu.

Usaha memberikan...(gangguan). Yang ini Yang Berhormat merepeklah. Kita telah memberikan bukti kepada JPS, JKR, ini bukan Federal, itu adalah semua dari Kerajaan Negeri. Saya tidak akan berprinsip macam ADUN Pembangkang bahawa ini menekan kita walhal ia bukan menekan kita. JPS, JKR dan Jabatan Veterinar semua adalah dari Kerajaan Negeri yang kita panggil tender terbuka adalah semua dari Kerajaan Negeri. Kalau dari Kerajaan Pusat mana kita ada kuasa untuk panggil tender terbuka di mana Kerajaan Pusat dan kementerian akan memanggil tender terbuka. Kalau ini pun tidak faham macam mana boleh jadi Ahli EXCO berapa banyak penggal, saya pun tidak faham.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Nak faham?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Duduk, saya belum bagi lagi, duduk dulu. Ini terpulang kepada saya. Nak lawan pun bukan macam inilah, nak lawan pun lawanlah elok-elok, lawan lah baik-baik macam nak tepok meja, nak tepok meja, nak tepok sini, sana, itulah, masuk tentera lagi, alamak ...(ketawa). Usaha memberikan penghargaan warga emas RM100.00 setiap tahun.(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Nak 13 Mei lagi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13 Mei lagi?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan, peraturan. Tarik balik.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Tarik balik, tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tarik balik. Itu adalah hasutan. Ketua Pembangkang mahu 13 Mei berlangsung. Minta tarik balik.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seri Delima, bawa buku peraturan, bangun dan bercakap pelan-pelan. Yang lain duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Perkataan-perkataan yang menghasut supaya memberontak, perkataan-perkataan yang menimbulkan niat jahat, perasaan bermusuhan di antara kaum-kaum berasingan. Dia minta 13 Mei berulang sekali lagi.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Yang Berhormat, sila tarik balik, saya dengar perkataan itu. Saya minta tarik balik perkataan itu.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Dato' Speaker, atas dasar Y.B. Dato' Speaker, saya tarik balik. Apa lagi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita hendak teruskan aturan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tengok dia minta gengster UMNO mai balik sekali.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sila duduk.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa sudahlah, kita tidak mahu buang masa, biarlah Si Luncai dengan labu-labunya. Saya rasa tidak perlu lagi, kalau kita hendak teruskan perbincangan, tak payahlah tepuk-tepuk, tumbuk, tumbuk meja sudahlah. Saya rasa ini bukanlah sifat yang kita hendak galakkan dalam Dewan yang mulia ini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Makyeh bercakap.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Perkataan makyeh tak boleh pakai.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Makyeh tu apa dia?

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kasim):**

Makyeh itu binatanglah.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yalah, binatang apa?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Yang Berhormat, saya sudah cakap banyak kali. Jangan ada gangguan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Dia cakap Si Luncaillah, apa itu?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini peribahasalah. Tak faham peribahasa. Makyeh bukan peribahasa.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya dengar.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ada sebut tak Yang Berhormat? Saya hendak tanya ada sebut tak perkataan makyeh.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* kata saya Si Luncai. Ini bukan perumpamaan, siapa kata itu perumpamaan, apa maksudnya itu. Perumpamaan konon.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Cukuplah. Saya rasa kita geleng kepala sahaja tengok telatah macam itu, sudahlah.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kita tengok satu Malaysia.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu bukan satu Malaysia. Usaha memberikan penghargaan warga emas RM100.00 setiap tahun adalah satu petanda bahawa inilah faedah kalau ada kerajaan bersih, berintegriti dan anti rasuah. Sebelum ini warga emas tidak pernah mendapat wang RM100.00 kerana pentadbiran lama memegang prinsip yang sebaliknya. Adalah penting kekayaan negara dimiliki dan dikongsi bersama dengan rakyat. Di mana perginya sumbangan Petronas kepada Kerajaan Persekutuan yang hampir mencecah RM500 bilion. Adakah ia lesap sahaja? Jelas rakyat tidak dapat menikmati satu sen ganjaran daripada Kerajaan BN dan kena tunggu digantikan oleh Pakatan Rakyat barulah wang diterima dalam tangan.



Adalah perlu Kerajaan Malaysia belajar daripada Tabung Pencen Kerajaan Norway iaitu satu tabung di mana lebih kekayaan ekoran hasil petroleum Norway didepositkan. Y.B. Dato' Speaker, secara ringkas bahawa Tabung Pencen Norway di mana semua hasil petroleum dimasukkan di dalam Tabung Pencen ini dan sekarang telah bertambah. Setakat 31 Disember 2009, nilai keseluruhannya adalah USD457 bilion untuk 5 juta rakyatnya. Tabung Pencen ini memiliki 1% daripada pasaran ekuiti dunia dan dengan milikan 1.8% saham Eropah, ia adalah pemilik saham terbesar di Eropah. Sekiranya tabung sedemikian dilakukan di sini, ia akan menguntungkan rakyat dan tidak timbul masalah penyelewengan, kemungkaran dan salah laku yang kerap berlaku.

Inilah niat baik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memenuhi impian ramai warga Pulau Pinang yang telah hilang harapan untuk menerima sebahagian daripada hasil ekonomi. Ada seorang yang berumur 40 tahun menyatakan bahawa selama 40 tahun dia hidup, beliau tidak terima pun satu sen hasil minyak Petronas, bukan seperti di Norway. Beliau percaya selagi Barisan Nasional memerintah, beliau pun tidak akan terima satu sen pun hasil minyak untuk 40 tahun lagi yang akan datang. Program penghargaan warga emas sebanyak RM100.00 setahun telah membuka mata dan membuktikan kepada rakyat bahawa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah, impian perkongsian hasil minyak negara kita akan dipenuhi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, pendek saja. Apabila ada orang mengatakan tidak pernah menerima apa hasil dari Petronas itu tidak benar kerana hasil dapat dari cukai Petronas sudah diberi subsidi seperti minyak, gas, kenderaan, petroleum dan sebagainya. Semua rakyat akan dapat merasai termasuklah subsidi gula. Sebahagian daripada cukai Petronas yang kita perolehi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, adakah ini selaras dengan hasil dan pulangan yang diperolehi dari Petronas. Kalau kita lihat tentang *highway*, *highway* ini teruk sangat sampai rakyat kena bayar berlebihan. Sehingga sebuah syarikat cakap mereka boleh bayar RM50 bilion untuk ambil alih semua *highway* dan boleh potong kadar tol 20% lagi. Bukankah ini bermakna menunjukkan bahawa *highway* ini dari segi penswastaaan adalah satu penipuan di mana wang rakyat telah dikorbankan. Mengapa Kerajaan Persekutuan tidak mahu beli dan ambil alih semua konsesi *highway* dan saya rasa ia boleh diturunkan lebih 20%.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan. Tidakkah isu ini boleh dibincangkan di Parlimen kerana ia membabitkan hal-hal yang berkaitan dengan Parlimen.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Boleh, saya boleh jawab. Ini saya hendak beri perbandingan mengapa maksud RM100.00 ini sebagai penghargaan yang sebelum ini tak pernah diterima oleh rakyat, tapi buat pertama kali selama 53 tahun diberikan kepada rakyat supaya mereka sendiri pun tahu, termasuk pemimpin-pemimpin Cawangan UMNO

pun tahu, semasa Barisan Nasional memerintah tidak pernah menerima satu sen. Tetapi di bawah Pakatan Rakyat mereka terima selain daripada apa bantuan yang diberikan mereka terima RM100.00 sebagai wang penghargaan kepada semua warga emas. Itulah maksud, itulah makna kerajaan berjiwa rakyat Pakatan Rakyat dan selagi Pakatan Rakyat memerintah, saya percaya kita akan teruskan berkongsi hasil ekonomi dengan rakyat Pulau Pinang. Y.B. Dato' Speaker, saya pohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berehat selama 15 minit. Dewan akan disambung semula tepat pukul 12 tengah hari.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.***

***Dewan bersidang semula pada jam 12.00 tengah hari.***

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Dengan izin, Y.B. Dato' Speaker, sebelum Dewan disambung, saya ingin membangkitkan dan membawa satu usul di bawah peraturan 34 (viii), Y.B. Dato' Speaker, 34 (viii) iaitu satu usul yang kesegeraannya diakui oleh Y.B. Dato' Speaker dan disokong oleh 10 orang Ahli-ahli yang berdiri di tempat masing-masing.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Usul di bawah 34 (viii).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Betul Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Baca usul.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Usul yang ingin saya bawa ialah saya ingin merujuk Y.B. Penaga, Ketua Pembangkang, kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kerana Y.B. Dato' Speaker melanggar peraturan 46 (xvii) sub, sub para (b) dan (c) iaitu telah

melakukan satu kesalahan kerana menggunakan perkataan-perkataan menghasut dan memberontak ataupun perkataan-perkataan yang menimbulkan niat jahat dan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum-kaum yang berasingan di dalam Negara Persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker, saya membawa usul ini kerana pada pagi ini pada sesi pagi ini yang baru tamat tadi kita telah lihat bagaimana Y.B. Dato' Penaga telah bertindak menggunakan pelbagai perkataan di antaranya yang kita dengar dengan jelas tadi ialah beliau mengatakan pihak UMNO yang semuanya Melayu, tiga juta orang ahlinya dan dia ada rujuk kepada geng tiga (3) *line* dan juga dia ada meminta pada suatu ketika supaya Askar datang dan mengambil alih Dewan ini dan menyusuli kepada terakhirnya menyatakan perkataan Mei 13 tersebut. Saya begitu terkejut, dengan sikap yang ditunjukkan oleh Ketua Pembangkang pada pagi ini yang saya pada kali pertama dalam 3 tahun ini, saya nampak dan saya betul-betul terkejut.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada sokongan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya ingin Y.B. Dato' Speaker, beliau dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada sokongan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Y.B. Dato' Speaker, saya menyokong usul Y.B. Datok Keramat.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Usul ini memerlukan 10 Ahli. Ya, terima kasih dan sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang di bawa tadi di bawah peraturan 34 (viii), usul yang perlu disegerakan di bawah dan diakui oleh Speaker dan disokong oleh 10 orang Ahli yang berdiri di tempat masing-masing yang diakui kesegeraannya. Saya mengakui akan kesegeraan usul ini.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah satu usul bahawa Ahli Kawasan Penaga dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana telah melanggar peraturan 46 (xvii) (b) dan (c), menggunakan perkataan-perkataan yang menghasut supaya memberontak dan juga perkataan-perkataan yang harus akan menimbulkan niat jahat dan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum yang berasingan di Negara Persekutuan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya" yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Ahli Pembangkang:**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Dato’ Speaker, sebelum keputusan dibuat, saya dapati semasa perbahasan tadi, walaupun peraturan telah pun digunakan tetapi Y.B. Dato’ Speaker, telah menasihatkan supaya perkara ini tidak dibangkitkan dan kemudian minta benda ini dimaafkan, kemudian saya ingat selepas itu telah habis tadi, bermakna Y.B. Dato’ Speaker telah pun membuat keputusan pada persidangan tadi. Jadi perkara ini tidak perlu dipanjangkan lagi. Saya pun tidak faham kenapa peraturan ini digunakan masa kini, sepatutnya semasa tadi peraturan ini digunakan dan keputusan dibuat pada ketika itu juga.

**Y.B. Dato’ Speaker:**

Saya hanya membuat keputusan minta menarik balik tentang 13 Mei bukannya yang asal.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tetapi pada ketika itu memang peraturan ini telah digunakan dan Y.B. Dato’ Speaker telah pun membuat keputusan pada ketika tadi. Jadi saya rasa tidak perlu lagi usul ini di bawa.

**Y.B. Dato’ Speaker:**

Usul ini telah di bawa dan ada sokongan dan tadi setelah saya minta persetujuan undi, yang bersetuju lebih banyak daripada tidak. Saya dengan ini merujuk Ahli Kawasan Penaga kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Dato’ Speaker, saya juga ingin membawa usul di bawah peraturan 34 (xvii) usul yang berkehendakkan kesegeraan kerana usul ini berbunyi kelmarin kita telah dapati bahawa adalah seorang Ahli Kawasan Datok Keramat yang telah mengingkari keputusan yang telah dibuat oleh Y.B. Speaker. Dia telah mengingkari dan kemudian dia keluar terus di dalam Dewan ini, dia mengingkari keputusan Y.B. Dato’ Speaker pada ketika itu dan Y.B. Dato’ Speaker telah membuat keputusan supaya dia menarik balik, kemudian apabila dia mengingkari dia terus keluar. Ini bermakna dia terus membantah keputusan yang dibuat oleh Y.B. Dato’ Speaker. Kalau kita membenarkan perkataan yang membenarkan Ahli-ahli Dewan sentiasa mengingkari keputusan yang dibuat oleh Y.B. Dato’ Speaker. Kalau kita membenarkan perkataan dan membenarkan Ahli-ahli Dewan sentiasa mengingkari keputusan yang di buat oleh Y.B. Dato’ Speaker, ini mencemarkan Dewan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, peraturan, apakah kesalahan yang dilakukan tidak dinyatakan, jangan membuat tuduhan melulu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kesalahan dia mengingkari keputusan Y.B. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Apakah keputusan Y.B. Dato' Speaker pada masa itu, nyatakan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Keputusan Y.B. Dato' Speaker, pada ketika itu minta kedua-duanya duduk. Y.B. Dato' Speaker minta dua-dua duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Apa yang dia mengingkari.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kemudian dia ingkar dengan keputusan Y.B. Dato' Speaker dan membantah keputusan yang meminta supaya dia duduk, tetapi dia terus keluar.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya menolak usul tersebut kerana perkara itu berlaku semalam, kerana perkara itu perlu di bawa pada hari yang sama. Saya hendak teruskan dengan Ahli Kawasan Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Dato' Speaker, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan tahniah dan terima kasih kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana telah menyampaikan ucapan perasmian sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini yang jelas menunjukkan betapa serius komitmen Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membawa arus pembangunan mampan kepada Negeri Pulau Pinang untuk *portfolio* MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, beberapa pendekatan pembangunan telah digariskan yang merumuskan kepada pembangunan belia dan sukan, wanita, keluarga dan komuniti, antaranya adalah pembangunan sukan.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sedang giat memperkasakan atlit-atlit Negeri Pulau Pinang sebagai persiapan menjelang Temasya Sukan Malaysia ke 13, 2010 Melaka pada 10 hingga 19 Jun nanti. Kontinjen Negeri Pulau Pinang akan diwarisi oleh kekuatan kontinjen sebanyak 894 orang termasuk pegawai, Jurulatih pembantu, Jurulatih, Mekanik, Pengurus Pasukan, Penolong Pengurus dan atlet. Daripada jumlah ini 536 adalah terdiri daripada 315 lelaki dan 221 atlet wanita.

Negeri Pulau Pinang akan mengambil bahagian untuk ke semua 33 acara sukan yang dipertandingkan dan menyasarkan kedudukan yang lebih baik dalam Sukan Malaysia ke-12, 2008 Terengganu. Apa yang penting bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah untuk melahirkan atlet-atlet yang berkualiti untuk menyemarakkan lagi persada sukan tanah air kita, saya yakin gandingan yang mantap di antara Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan Persatuan-persatuan Sukan dan ke semua para ibu bapa atlet maka Pulau Pinang akan menggembeng zaman kegemilangannya sebagai *power hrse* ...(dengan izin), untuk beberapa acara sukan di Malaysia.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang selepas Sukan Malaysia Ke-13 2010 Melaka nanti, akan meneruskan projek pembangunan atlet ke semua ke semua pejabat-pejabat Daerah di Negeri Pulau Pinang dengan menempatkan seorang penolong pegawai belia dan sukan dan dua orang jurulatih di kesemua daerah. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yakin dengan adanya projek pembangunan atlet di kesemua daerah maka stok atlet di Negeri Pulau Pinang tak akan terputus bagi setiap sukan Malaysia dengan adanya projek pembangunan yang terancang dan sokongan yang berterusan di Pejabat-pejabat Daerah ini, akan dapat membantu kita untuk melahirkan lagi atlet bertaraf antarabangsa dan dunia.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga percaya bagi mencapai...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, sikit

**Ahli Kawasan Berapit ( Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Boleh saya habis dulu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Takut lari topik pula nanti.

**Ahli Kawasan Berapit ( Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Sebab dia bersambung biar saya habiskan dulu. Terima kasih. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga percaya bagi mencapai status bandar raya bertaraf antarabangsa beberapa akademik sukan perlu diwujudkan dan untuk tujuan ini saya akan terus berusaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *Northern Hub* ...(dengan izin), untuk akademik sukan permotoran di Stadium Negeri Batu Kawan, akademik menembak untuk sukan *international practice shooting confederation PIPSC* di padang menembak di Taman Botani dan akademik sukan *combat* di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan juga akademik *squash*, dan badminton di Bukit Dumar. Dipersilakan Y.B. Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Apa yang berlaku sekarang ini kita ada sekolah sukan jadi dalam sekolah sukan itu kita ada banyak atlet-atlet dan olahraga, olahragawati yang bagus yang dah boleh jadi jaguh dan sebagainya dan apakah yang dilakukan oleh Kerajaan

Negeri sama ada kaedah dia ke? Intensif dia ke? Supaya mereka ini tak berpindah, selalunya bila dah jadi jaguh, dah boleh mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang selepas itu dia pi kat Selangor, lepas itu dia pi kat Wilayah Persekutuan. Bagaimanakah caranya supaya Kerajaan Negeri boleh menarik mereka supaya jangan pergi ke tempat lain, walaupun *family* dia orang pindah tetapi kita ambil mereka sebagai permata kepada Negeri Pulau Pinang ini.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, untuk atlet yang ada di sekolah kita akan meresapnya kepada pelapis, skuad pelapis dan juga projek mutiara.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Intensif apa yang boleh bagi kat depa? Kalau macam RM100.00 bagi dekat warga emas, apa gula-gula sikit bagi kat depa kan?

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Majlis Sukan Negeri mereka akan dapat latihan yang kita berpusat di Majlis Sukan Negeri, dan selalunya Majlis Sukan Negeri akan memberi kebajikan untuk atlet-atlet pelapis dan atlet-atlet mutiara dan kita juga menjaga kebajikan dari segi peralatan dan juga makanan *this is what we give them* dan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Adakah insentif bagi peluang bawa dia orang pergi luar negeri tengok Manchester United lawan bola ke? Atau sebagainya.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Seberang Jaya, kita ada tahap-tahapnya dalam Majlis Sukan Negeri, biar saya meneruskan *alright*. Di samping fokus utama terhadap sukan berprestasi tinggi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah MMK Belia dan Sukan juga telah mengeluarkan *Penang Calendar of Events 2010* yang bertemakan *Penang Participative Sports be amazed ...*(dengan izin). Sebanyak 49 acara sukan berbentuk *Participative Sports* iaitu sukan untuk semua akan dijalankan sepanjang tahun 2010 yang melibatkan pembabitan bersama beberapa Persatuan Sukan dan Rekreasi di Negeri Pulau Pinang. Sebagai pemangkin untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif atau ...*(dengan izin)*. Y.B. Dato' Speaker, *Healthy Active Lifestyle* di kalangan masyarakat termasuk Belia dan Beliawanis Negeri, program-program ini akan mampu mengubah serta mempromosi gaya hidup yang lebih sihat kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang. Lebih cergas komuniti kita, lebih sihatlah hidup rakyat dan ini dapat menjauhi rakyat daripada pelbagai masalah kesihatan. Saya percaya slogan *more children take part in sports, less children on the street ...*(dengan izin). kerana ia dapat menerap cara hidup berdisiplin di samping membendung gejala sosial di kalangan belia.

Menjawab persoalan Y.B. Permatang Berangan, mengenai sukan rakyat, sukan rakyat seperti congkak, gasing atau wau yang diutarakan oleh Y.B. sepatutnya dikendalikan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau

Pinang. Sukan berbentuk *participative sports* itu ialah sukan untuk semua yang dikendalikan oleh saya di bawah MMK Belia dan Sukan adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, dan agama. Bukan senang bagi MMK Belia dan Sukan untuk mencetak *Calendar of Events 2010* yang merangkumi sebanyak 49 program di dalam setahun. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, PDRM dan Persatuan-persatuan yang menolong saya untuk merealisasikan program-program di dalam buku kecil ini. Y.B. Permatang Berangan kalau *you* pergi ke tempat Negeri-Negeri lain saya tak nampak sebuah Negeri kerajaan di bawah MMK Belia dan Sukan sanggup mempromosikan begitu banyak program rakyat untuk mengambil tempat sebab polisi saya untuk mewujudkan masyarakat *Healthy Active Lifestyle*.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamad):**

Penjelasan, terima kasih Y.B. Berapit, dalam bajet 2009 kita dapati bahawa kerajaan telah memperuntukkan hampir RM600,000.00 di bawah MMK Belia dan Sukan untuk sukan. Bolehkah bagi penjelasan apakah yang kita capai dalam tahun 2009 dan Persatuan-persatuan yang telah mencapai kejayaan yang telah mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2009..(gangguan) dalam sukan kompetitif, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih kepada Y.B. Sungai Dua, sebenarnya peruntukan dari kerajaan RM300,000.00 kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan RM332,000.00 kepada MMK Belia dan Sukan itu untuk tahun ini 2010. Tahun 2008 dan 2009 di bawah MMK Belia dan Sukan saya hanya dapat RM161,070.00. Program-program yang saya laksanakan pada tahun 2008 nampaknya banyak tapi yang boleh mengharumkan Negeri Pulau Pinang ialah *Commonwealth Relief Team* yang berlangsung pada bulan 9 tahun lepas, dapat 26 Negara *commonwealth* yang datang mempertandingkan itu *Commonwealth Relief Team* ini di PISA dan bulan 11 kita dapat *25<sup>th</sup> World Chinese Basketball* seramai 3,000 orang datang dari seluruh dunia untuk mengambil tempat di pertandingan *basketball* itu. Banyak lagi acara-acara yang tak pernah dibuat dahulu seperti *Malakoff Interstate Fellowship Ride* merangkumi 2 hari, *Cycling ub* itu merangkumi Pulau Pinang, Kedah dan Perak dan aktiviti ini sudah menarik 750 pelumba basikal. Sekejap saya habis dulu. Ini tidak menggunakan satu sen dari Kerajaan Negeri saya dapat 100% CSR dari satu *private* sektor. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Y.B. Dato' Speaker, kita harus membezakan antara program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri dan program-program yang dijalankan oleh NGO atau badan-badan lain yang meminta kerjasama Kerajaan Negeri jadi adalah tidak betul, kalau Ahli Berapit mengatakan beliau menganjurkan itu, menganjurkan ini, walhal saya tengok dalam buku ini kebanyakan program adalah anjuran pihak-pihak swasta NGO dan MPPP dan sebagainya bukan Majlis Sukan Negeri jadi Kerajaan Negeri memberi kerjasama memang elok tetapi haruslah diperbezakan antara itu kerana ia bukannya sebenar dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang *persay* maksud saya ....(dengan izin). Terima kasih.



**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Telok Air Tawar

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, minta laluan, ...(gangguan), sedikit, sedikit, minta laluan. Saya ingin juga menegaskan di sini bahawa pada baru-baru ini kita telah mengadakan satu temasya sukan *Malaysia Singapore Bar Games* di Pulau Pinang dan harus dinyatakan di sini bahawa ulung kali temasya itu diadakan di Pulau Pinang kerana pihak-pihak terlibat dengan tertarik dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana walaupun temasya ini dianjurkan oleh Majlis Peguam tetapi sebabnya Pulau Pinang menjadi tarikan adalah mereka tertarik dengan kemudahan-kemudahan dan juga bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi) :**

Terima kasih Seri Delima, untuk saya jawab Y.B. Telok Ayer Tawar, dari dulu-dulu pun saya dah cakap, MMK Belia dan Sukan kerja rapat dengan persatuan-persatuan NGO-NGO di Negeri Pulau Pinang melalui *smart partnership*. Melalui program-program ini kita bekerjasama dengan NGO-NGO tetapi saya turun padang setiap mesyuarat saya akan pergi mesyuarat dengan semua persatuan yang kita ada dalam buku ini....(gangguan) setiap program yang saya catit di sini sekurang-kurangnya mengambil 3 bulan untuk persiapan, yang panjang sekali sekurang-kurangnya 9 bulan seperti salah satu contoh yang saya bagi Jelajah Malaysia yang lepas, walaupun Jelajah Malaysia mereka datang untuk *promote* program berbasikal Jelajah Malaysia di Pulau Pinang menjadi satu *host* tapi mereka ambil kita 2 bulan 6 *meeting* dengan Jabatan-jabatan Daerah, dengan MPSP, dengan PDRM baru kita dapat menganjurkan rogram ini, *so I hope* Telok Ayer Tawar, program-program yang tercatat di sini ya bukannya semua idea-idea Majlis Sukan Negeri tetapi kita kerjasama dan peruntukan yang semua dari Kerajaan Negeri dan juga *sponsor* dari CSR . Okey. Boleh saya sambung ya.

Walau bagaimanapun, saya ingin membuka pintu agar Y.B. Permatang Berangan kalau boleh bersama-sama dengan portfolio sukan dan Belia saya melaksanakan sukan-sukan rakyat dan sukan tradisi yang difikirkan sesuai dan memenuhi kehendak belia pada masa ini. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah portfolio saya, saya akan melaksanakan program berbasikal Laksamana Kampung *Green Ride* dan Laksamana Kampung *Gold Ride* yang melalui kampung-kampung, bendang-bendang, dusun buah-buahan dan perkampungan nelayan di Telok Ayer Tawar iaitu Y.B. Telok Ayer Tawar tempatnya dan Penaga. Selain itu, terdapat juga *Malakoff Interstate Fellowship Ride* yang melibatkan kayuhan berbasikal melibatkan 3 buah Negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Perak, Kedah dan Pulau Pinang yang melalui laluan-laluan di kawasan luar bandar dan perkampungan dari 13 Disember ke 1 Januari. Setiap program sukan yang dilancarkan oleh MMK Belia dan Sukan selalu mendapat peserta-peserta dari seluruh golongan dari bandar mahupun luar bandar.

Berhubung dengan pusat hiburan yang terdapat di dalam kawasan Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat EXCO berkenaan Kerajaan Tempatan untuk menjelaskan isu berkenaan lesen hiburan. Menentang gejala sosial bukannya hanya di bawah tanggungjawab saya seorang sahaja, tetapi melibatkan tanggungjawab semua lapisan masyarakat, pihak-pihak seperti PDRM, NGO-NGO, Jabatan Pelajaran, Sekolah-sekolah dan ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mengujudkan sebuah masyarakat yang hidup secara murni dan harmoni. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya amat berterima kasih kepada semua penaja-penaja terutamanya dari pihak swasta yang tidak jemu-jemu memberi sumbangan di bawah program *corporate social responsibility* atau CSR mereka kepada Kerajaan Negeri bagi kejayaan penganjuran program yang dilaksanakan oleh MMK Belia dan Sukan sejak 2 tahun yang lalu.

Selain itu, saya juga yakin Pulau Pinang akan mampu berubah menjadi *cycling destination* ...(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker untuk penggemar-penggemar sukan berbasikal di mana pada tahun ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperkenalkan beberapa acara program berbasikal berbentuk *leisure ride* seperti *Kwong Wah Yit Poh Hundred Years Round Island Cycling, Penang Kayuh Lasak 2010, Mountainbike Jamboree, Malakoff Interstate Fellowship Ride 2010, Penang Heritage Exploration on Wheels* yang akan diadakan pada setiap pagi Ahad terakhir tiap-tiap bulan dan yang paling unik ialah program berbasikal waktu malam pada hari Sabtu iaitu Burung Hantu Ride yang berkonsepkan kayuhan rekreasi berkeluarga yang diadakan di Taman Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Adalah diharapkan program yang adalah diharapkan bahawa program-program berbasikal ini akan menjadi satu pakej di antara sukan berbasikal dan percutian yang bertemakan *concept bike cation* kepada semua rakyat, menjawab persoalan bagi Y.B. Seberang Jaya berkenaan sasaran pingat oleh kontinjen Sukan Malaysia Ke-XIII Melaka 2010 Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang menyasarkan sebanyak 42 pingat emas, 30 pingat perak dan 40 pingat gangsa di Temasya Sukan Malaysia Ke-XIII 2010 Melaka, saya akan edarkan lampiran bertulis sasaran secara terperinci kepada Y.B. Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Bukankah sebelum ini sasaran dia 49 emas, 45 perak, 50 gangsa sekarang turun balik sikit, tidak yakin kah, jadi sasaran yang pertama itu tidak yakinlah.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Ini sebab kita pergi berbincang dengan persatuan-persatuan, ya Y.B. Seberang Jaya sasaran yang lalu itu kita anggap satu *target*, tetapi kita sudah melalui beberapa bulan lepas meng *launch* kan SUKMA sekali lagi kita berbincang dengan persatuan, tiap-tiap bulan kita turun padang berbincang dengan Persatuan-persatuan Sukan untuk mendapat sasaran yang lagi rasional.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kalau boleh cubalah juga yang 49 emas, 45 perak, 50 gangsa cuba juga, *aim high*.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, kalau kita sasarkan 42 emas, 30 perak, 40 gangsa kalau sasarkan begini kedudukan Pulau Pinang yang nombor ke berapa, yang pertama dan yang kedua berapakah peruntukan yang disediakan untuk SUKMA ini.

### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Sungai Dua dan Y.B. Seberang Jaya, saya memegang jawatan Belia dan Sukan ini selepas 8 Mac 2008, lepas dua bulan sahaja kita telah pergi ke SUKMA Terengganu tahun 2008 dan dari tahap ke 3, kita telah jatuh ke tahap ke 8, itu saya rasa sangat sedihlah sebab sukan di Pulau Pinang agak penting untuk Negara Malaysia dan 2 tahun ini saya bekerjasama Majlis Sukan Negeri untuk mempertingkatkan tahap kita dari 8 ke tahap yang agak yang kita boleh capai iaitu nombor 5, kalau macam *suggestion* dari Y.B. Seberang Jaya saya pun ingin, kalau boleh balik ke tahap nombor 3 itu kita akan bekerja keras untuk sampai ke tahap yang semesti

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kena keras-keras tau.

### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih kerana *you* beri saya promosi dan Y.B. Sungai Dua peruntukan kepada SUKMA Ke-XIII ini 2010 hanya RM1 juta, dan saya ingat RM1 juta ini cukuplah sebab 2008 pun perbelanjaan kurang daripada itu, menjawab persoalan Y.B. Sungai Pinang insentif yang diberikan kepada atlet-atlet yang berjaya meraih pingat di Sukan Malaysia Ke-XIII 2010 Melaka, iaitu RM3,000.00 untuk pingat emas untuk individu, RM2,000.00 untuk pingat perak dan RM1,000.00 untuk pingat gangsa bagi pasukan yang kurang dari lima orang, bayaran insentif yang diberikan untuk setiap individu ialah RM1,000 untuk pingat emas RM500.00 untuk pingat perak dan RM300.00 untuk pingat gangsa. Sementara pasukan yang terdiri dari 5 orang atau lebih, insentif yang diberikan untuk setiap individu ialah RM500.00 untuk pingat emas, RM300.00 untuk pingat perak dan RM200.00 untuk pingat gangsa. Manakala berkenaan dengan persoalan mengenai pencapaian Projek Mutiara, ya Y.B. Seberang Jaya, seperti sedia maklum Projek Mutiara adalah merupakan satu projek jangka panjang yang telah dirangka oleh MSN Pulau Pinang berdasarkan kepada latihan sepenuh masa sepanjang tahun. Setakat hari ini terdapat seramai 24 atlet di kalangan atlet elit dan atlet Skuad Latihan Sukan Malaysia yang terpilih untuk Projek Mutiara. Mereka terdiri daripada 8 atlet tinju, 2 atlet angkat berat, 4 atlet olahraga dan 10 atlet pencak silat.

Atlet-atlet Projek Mutiara ini telah berjaya melahirkan 2 peserta sukan tinju yang berpotensi untuk meraih pingat emas di Sukan Malaysia iaitu Saudara Perabagaran a/l Balu dan Saudara Eswaran a/l Murali. Bagi sukan angkat berat, olahraga dan silat, Projek Mutiara telah berjaya melahirkan beberapa atlet yang diserapkan ke Akademi Serantau Majlis Sukan Negara. Berkenaan dengan Festival Sukan Komban

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebelum itu, macam mana dengan kedudukan dengan Silambam, Judo, Lawan Pedang dalam program Mutiara itu.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Karate tidak ada dalam Projek Mutiara, tetapi mereka...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Silambam, Judo dan Lawan Pedang dalam Projek Mutiara bukan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Seberang Jaya, Karate, Lawan Pedang semua tidak ada dalam Projek Mutiara, tetapi mereka berlatih di dalam kawasan dan tempat latihan mereka, prestasi Karate dan Lawan Pedang saya boleh cakap saya banyak bangga dengan prestasi mereka, mereka adalah satu-satunya pasukan yang boleh bagi emas yang lebih kepada kontinjen kita.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kalau macam itu kenapa tidak masuk dalam Projek Mutiara kalau sudah ada potensi dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Seberang Jaya, Karate sekarang tempat latihan mereka sudah menjadi *Nothern Jun*, Latihan untuk Majlis Negara. Berkenaan dengan festival Sukan Kombat atau FESKOM 2009, ia mempamerkan sebanyak 7 acara sukan tempur iaitu Pencak Silat, Wusyu, Lawan Pedang, Tinju, Karate-do, Tea Kwon Do dan Judo. FESKOM 2009 telah berjaya menarik penyertaan daripada beberapa buah Negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Kazaskhtan dan Brunei Darul Salam. FESKOM 2009 juga telah disertai oleh hampir kesemua atlet Malaysia termasuk dari Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera dan juga Majlis Sukan Universiti Malaysia (MAKSUM).

Kedudukan Kontinjen Pulau Pinang bagi FESKOM 2009 boleh dikatakan amat memberangsangkan di mana atlet kita telah berjaya meraih 10 pingat emas bagi acara Wushu, 8 pingat emas bagi acara Karate-do, 4 pingat emas bagi acara Lawan Pedang, 1 pingat emas bagi acara Pencak Silat, 1 pingat emas bagi acara Tinju, 3 pingat emas bagi acara Tea Kwon Do dan 3 pingat emas bagi acara Judo. Ekoran daripada penganjuran FESKOM ini, kita dapat menilai tahap kemampuan atlet kita untuk kejohanan Sukan Malaysia. Secara tidak langsung, ia juga menjadi satu platform bagi atlet kita untuk *sparing* dengan atlet luar Negara yang lebih kental.

Dari segi bidang kejurulatihan, Y.B. Seberang Jaya, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara menitikberatkan kualiti bidang kejurulatihan di mana semua Jurulatih yang dilantik dikehendaki memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan iaitu SPKK dan juga Sijil Sains Sukan tahap I, II dan III di samping meningkatkan sijil sukan spesifik bagi sukan masing-masing. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang setakat hari ini mempunyai 32 Jurulatih Sepenuh Masa termasuk 12 jurulatih luar negara dan juga 50 jurulatih sambilan untuk Sukan Malaysia. Jurulatih luar negara adalah terdiri daripada sukan badminton, tinju, boling, karate-do, gimnastik, wusyu, judo, renang, olahraga, gimrama, ping pong dan renang berirama, berkenaan dengan kedudukan pelapis Negeri Pulau Pinang.

Seramai 4 orang atlet Negeri Pulau Pinang telah diserap masuk ke Program Pelapis Serantau *Regional Centre*, 6 orang diserap ke Program Pelapis Kebangsaan, 2 orang ke Program *Back Up Elit* dan seorang ke Program Elit. Kesemua atlet-atlet ini sekarang berlatih secara sepenuh masa di Akademi Serantau Zon Utara dan di Majlis Sukan Negara. Selain daripada itu seramai 85 orang atlet yang kini di bawah Program Pelapis Negeri telah disenaraikan untuk mewakili Negeri Pulau Pinang pada Sukan Malaysia Ke-XIII 2010 Melaka pada Jun nanti. Di kejohanan Karnival Pelapis Negeri Sirkuit Satu 2010 di Alor Setar, Kedah pada 21 hingga 25 April yang lalu, kontinjen Pelapis Pulau Pinang berjaya memungut 9 emas, 12 perak dan 20 gangsa.

Satu pencapaian yang baik walaupun atlet-atlet ini terpaksa bersaing dengan atlet-atlet yang berada di bawah Program Pelapis Kebangsaan dan Pelapis Serantau. Selain daripada itu, atlet-atlet Pelapis Badminton cemerlang dengan muncul sebagai juara keseluruhan untuk Kejohanan Badminton Sirkuit Remaja Kebangsaan Zon A yang berlangsung di Pulau Pinang pada Februari lalu dan Perlis pada 22 hingga 25 April lalu. Keseluruhannya banyak lagi kejayaan atlet-atlet Pelapis Negeri dalam menyertai kejohanan-kejohanan tempatan dan antarabangsa. Di peringkat Unit kejayaan diserap masuk ke Program Pelapis Serantau, Kebangsaan, Elit di Majlis Sukan Negara sudah memadai kerana atlet-atlet ini perlu kepada pendedahan yang lebih mencabar di peringkat yang lebih tinggi untuk terus maju dan menjadi pemangkin kepada atlet-atlet senior sedia ada.

Untuk makluman Y.B. Seberang Jaya, terdapat 57 persatuan yang bernaung di bawah Majlis Sukan Negeri dan terdapat beberapa persatuan yang mampu bergerak sendiri tanpa bergantung banyak kepada Kerajaan Negeri, sebagai contohnya Persatuan Karate-do, Persatuan Equestrian, Persatuan Kabaddi, Persatuan Ping Pong, Persatuan Silat, Persatuan Menembak, Persatuan Lawan Padang dan Persatuan Memanah mampu melaksanakan program dan pentadbiran mereka tanpa banyak bergantung kepada Kerajaan Negeri. Sepatutnya Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang juga perlu mengambil contoh daripada persatuan-persatuan tersebut tanpa banyak bergantung kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program dan pentadbiran persatuan mereka, beri saya habis dahulu Seberang Jaya, saya difahamkan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang memerlukan perbelanjaan sebanyak RM2.5 juta setahun bagi perbelanjaan pentadbiran dan mengurus.

Persatuan Bola sepak Pulau Pinang perlulah berdikari untuk meningkatkan lagi mutu Bola sepak Negeri dengan mendapatkan tajaan kewangan dari pihak swasta dan tanpa banyak bergantung kepada Kerajaan Negeri, tahun lepas ya, dari kerajaan melalui Perbadanan Bekalan Air dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mereka dapat sebanyak RM500,000 dan dari swasta-swasta mereka dapat totalnya ialah RM1,171,000 untuk tahun lepas, saya nampak ialah perbelanjaan mereka terlalu tinggi *overdue*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, jadi bagaimana kaedah yang diambil, dia hendak pakaikan untuk mengurus RM1.5 milion, kalau tahun lepas PDC bagi, PBA bagi, FAP usahakan sendiri, geran FAM ada lagi berapa banyak boleh kerajaan bagi tahun ini, boleh bagi RM2.5 milion kepada mereka ataupun ada kaedah atau cara lainkah kita hendak tengok bola sepak wah! Semua orang hendak *cheers* Penang punya *team on the best*, tolonglah sikit, Y.B. Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Sebagai yang saya cakapkan dari awal-awal kita dapat 57 persatuan, peruntukan kerajaan kepada saya di bawah Majlis Sukan Negeri hanya RM3.3 juta kita kena jaga kesemua 57 persatuan bukan hanya FAP, yang saya minta kalau Seberang Jaya minat, Seberang jaya bolehlah jadi *sponsor* mereka untuk mencari wang untuk mereka menjalankan.... (gangguan).. Saya banyak gembira kalau Seberang Jaya begitu berminat boleh tolong saya menjadi aspek bola sepak ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tapi sekarang ini Kerajaan Pakatan Rakyat tolonglah buat kalau boleh bayar banyak kepada warga emas boleh bayar itu semua.... (gangguan). Presiden FAP ini sudah ditukarkan atau hendak beri kepada Timbalan Ketua Menteri 1 kah, atau hendak beri kepada Batu Maung saya tidak tahulah.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Seberang Jaya ini *up to the* persatuan Majlis Sukan Negara, kita kena gerak, Y.B. Seberang Jaya sebagai Majlis Sukan Negeri kita tidak boleh *react ext*, kita kena bekerja secara *natural let the persatuan round that in be quiet* sebagai Majlis Sukan Negeri, sebagai EXCO Belia dan Sukan saya memang ingin menolong tetapi dengan tahap dan hadnya saya boleh

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Apakah tahap dan hadnya berapa boleh bagi kepada Persatuan Bola Sepak, berapa yang boleh bagi, yang boleh *commit* hari ini, hari inilah RM1 bilion.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Seberang Jaya kalau *you* boleh sebut semua jumlah ini, saya minta Y.B. Seberang Jaya untuk menolong saya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kalau begitu saya merayu supaya tolong lobilah bagi sikit dekat persatuan apa nama ini, *try* cari kaedah apa PFI apa bendakah, buatlah apa pun... (gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Berapit banyak lagi,

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Ya, banyak lagi, *i hope that not distraction* Y.B. Dato' Speaker

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kalau banyak lagi, Y.B. Berapit kita berhenti rehat dahulu, kita sambung selepas pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari***

***Dewan bersidang semula pada jam 2.30 tengah hari.***

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Berapi, sila teruskan penggulangan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Masih di dalam pembangunan sukan ya. Dari segi pembangunan prasarana dan kemudahan sukan saya sekali lagi ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Beliau dan Sukan supaya memperuntukkan dan menyalurkan semula RM3.5 juta untuk pembinaan *Dry Gim* di pusat Akuatik PISA bagi sukan terjun, dan RM3.5 juta untuk membaik pulih Hoki *Turf* di stadium Bertam sepertimana yang telah dijanjikan. Akibat kekurangan infrastruktur ini, atlet-atlet Pulau Pinang terpaksa menjalani latihan intensif terjun dan gimnastik di *Dry Gim* yang terdapat di Ipoh, Negeri Sembilan dan di Bukit Jalil. Manakala untuk atlet pasukan hoki kita terpaksa menjalani latihan hoki di stadium Universiti Sains Malaysia. Kedua-dua kemudahan tersebut adalah amat penting bagi pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang. Saya minta Y.B. Seberang Jaya yang sangat pentingkan sukan di Negeri Pulau Pinang, tolong saya dapat balik peruntukkan ini ya, terima kasih. Pembangunan Belia Y.B. Dato' Speaker, seperti yang saya ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih. Terlalu banyak ke belia ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Saya belum masuk lagi ke belia. Y.B. Dato' Telok Ayer Tawar mahu tanya lagi sukan?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Sukan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, sikit sahaja. Saya ingin bertanya, minta penjelasan daripada Y.B. Berapit. Oleh kerana prestasi sukan Negeri Pulau Pinang akhir ini begitu lemah berbanding dengan pencapaian yang telah dibuat sebelum ini, di mana kita di tingkat, tahap 11. Telah berjaya dinaikkan sampai ke tahap nombor 3 di negara dan turun balik sampai ke No. 8. Jadi oleh kerana juga peruntukkan kewangan yang terhad, saya ingin bertanya kenapa peruntukkan dari Majlis Sukan Negeri digunakan untuk program-program bukan untuk prestasi tinggi. Ya, bukan untuk meningkatkan prestasi sukan negeri iaitu contohnya: Program Jom Pi Makan di Stadium Batu Kawan, Hari Chef Sedunia, Pesta Air PKSA. Jadi saya harap dapat ditumpukanlah untuk program-program meningkatkan prestasi sukan dan juga dibezakan antara program prestasi tinggi dan juga program sukan untuk semua yang harus menggunakan peruntukan MMK.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi) :**

Y.B. Telok Ayer Tawar, saya ingat ini soalan Y.B. Telok Ayer Tawar kena jawab, sebab saya dapat tempat ini 2008. Kedudukan MSN di sukan Malaysia turun sebab 2 tahun yang lepas, Y.B. Telok Ayer Tawar sebagai EXCO sukan. Saya hanya dapat kerusi ini tahun 2008. Ada 2 bulan lagi saya kena pergi sukan. Dalam 2 bulan itu, saya dapat banyak *compliance* tentang Majlis Sukan Negeri. Sebab itulah, tahun 2009 Januari yang tahun lepas, saya *prevent* balik MSN, sekarang kita dapat Pengarah yang banyak rajin untuk bekerja di sana dan saya banyak *confident* dengan Pengarah yang baru dan staf-staf kakitangan MSN sekarang untuk memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan prestasi sukan di Negeri Pulau Pinang. Mengenai sukan-sukan rekreasi bukan untuk semua.

Di bawah MSN kita juga ada peruntukkan untuk sukan, untuk semua. Dan bajet-bajet yang tadi Y.B. Telok Ayer Tawar yang sebut itu ada jugalah bajet dari MMK Belia dan Sukan. Dari tahun 2008 sampai sekarang Y.B. Telok Ayer Tawar, kita dari kerajaan tidak dapat langsung peruntukkan daripada JPS. Tak macam dahulu, di waktu Y.B. Telok Ayer Tawar EXCO Belia dan Sukan, Yang Berhormat dapat banyak pertolongan daripada JPS, dan saya tak ada langsung. *That is why* saya kena hanya dapat peruntukkan dari Kerajaan Negeri. Saya guna peruntukkan itu untuk menjalankan kesemua program. Ya, boleh ya, saya masuk ke dalam Pembangunan Belia.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, semasa pembentangan bajet yang lepas, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300,000.00 kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang dalam bentuk *out-right grant* ...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, bagi mengadakan aktiviti-aktiviti khusus untuk belia di Negeri Pulau Pinang. Dari peruntukan tersebut sebanyak 21 badan gabungan dan 5 Majlis Belia Daerah mendapat manfaat berupa bantuan pentadbiran sebanyak RM1,000.00 bagi membantu pengurusan pertubuhan



masing-masing. Kerajaan Negeri berazam untuk terus memperkasa, memperkasa dan memperkayakan belia melalui program-program yang akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Y.B. Bertam telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri menyusun program yang lebih komprehensif bagi pembangunan belia. Sementara Y.B. Sungai Acheh telah membangkitkan isu agar Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada persatuan-persatuan belia. Izinkan saya menjawab kedua-dua soalan ini serentak kerana ianya saling berkaitan. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk memajukan belia bukan merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri semata-mata. Kerajaan Persekutuan terutamanya melalui Jabatan Belia dan Sukan juga perlu bekerjasama dengan Kerajaan Negeri demi kepentingan belia di Pulau Pinang. Namun begitu, sebagai sebuah kerajaan yang peka dengan keperluan belia di Negeri ini. Kerajaan Negeri sebenarnya telah menyediakan program yang komprehensif untuk belia di Pulau Pinang. Penambahan peruntuk dari RM150,000.00 kepada RM300,000.00 merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan program-program yang dianjurkan untuk belia lebih komprehensif dan sesuai dengan kehendak belia pada masa kini.

Untuk makluman Y.B. ADUN Bertam, Program Belia anjuran Kerajaan Negeri di bawah MMK Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Negeri mempunyai banyak kesan positif terhadap pembangunan belia Negeri Pulau Pinang. Antaranya program belia seinteraktif seperti konvoi motosikal di mana ia membina jati diri di kalangan para peserta. Selepas sesuatu program berlangsung, setiap belia yang telah terlibat akan diseru kembali untuk bersama dengan MBNPP dalam program-program lain yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Belia Negeri Pulau Pinang ini dapat dibuktikan melalui peningkatan pendaftaran belia Negeri yang baru melalui laman *Facebook* MBNPP di alamat [mbnpp08@gmail.com](mailto:mbnpp08@gmail.com) ataupun saya menjemput Y.B. ADUN Bertam untuk berkunjung ke Pejabat Majlis Belia Negeri Pulau Pinang yang baru siap di Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama, Pulau Pinang.

Untuk makluman Y.B. Sungai Acheh, peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBSM) adalah sebanyak RM20,000.00 kepada setiap daerah, manakala bagi cawangan yang berdaftar di bawah KBSM akan mendapat sebanyak RM1,000.00. Mulai tahun 2008 semua pertubuhan belia wajib berdaftar di bawah KBSM dan layak untuk mendapat bantuan. Kerajaan Negeri menerusi Majlis Belia Negeri Pulau Pinang bersedia untuk membantu pertubuhan-pertubuhan yang memerlukan bantuan dari segi pendaftaran atau mengisi borang e-bantuan dari KBSM.

Persatuan-persatuan belia adalah digalakkan untuk bekerjasama dengan Majlis Belia Negeri mahupun Majlis Belia Daerah bagi menganjurkan program setempat menggunakan peruntukan yang telah disediakan. Selain dari peruntukan Kerajaan Negeri, Persatuan belia di Pulau Pinang seharusnya juga memohon peruntukan dengan Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan program-program mereka kerana saya percaya Kerajaan Pusat sudah semestinya mempunyai peruntukan yang lebih banyak berbanding peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam proses untuk membuat kajian berkaitan keperluan program-program belia di Pulau Pinang. Hasil dari kajian tersebut akan digunakan untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan yang lebih komprehensif dan holistik untuk belia di Pulau Pinang. Pembangunan Wanita dan Komuniti. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebelum alih ke pembangunan, sedikit sebab belia tadi. Dalam perbahasan saya, saya tanya bilakah boleh selesai, diwujudkan gelanggang lumba motosikal halal. Kata nak buat di Batu Kawan dan sebagainya, kalau dah ada Alhamdulillah, kalau tak ada tolong cepatkan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Dalam proses ya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Agak bila boleh diadakan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Sebab sekarang kita *offer* kepada sebuah syarikat iaitu syarikat yang selalu menjalankan *cub prix* yang akan datang pada 8 dan 9 Mei 2010.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Nanti kena kos tinggi pula kot. Adakah subsidi kerajaan

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Ini sedang dalam proses ya, Y.B. Seberang Jaya. Kita dalam proses. Saya harap kita akan dapat satu komitmen yang sejati dari Kerajaan Negeri dengan ini *company* untuk mewujudkan *Hub Motor Sport* di stadium Batu Kawan. *A Source Northern Hub For Motor* ya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*Is it free entry* for belia.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

*Yes, we try to do that because* saya percaya banyak pemuda pemudi di Utara Semenanjung Malaysia suka tentang bermotor ini. Dan saya akan bekerja keras untuk mendapat *Hub Motor Sport* yang terunggul di Utara Semenanjung Malaysia. Dalam pembangunan Wanita dan Keluarga Berkomuniti yang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Y.B. Dato' Speaker, saya yang bangun dulu, Yang Berhormat tidak bagi.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Jangan marah ya kerana *speech* saya lagi panjang.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Terima kasih sikit saja. Saya cuma hendak tanya dari segi penyertaan konvoi motosikal yang disebut begitu hebat sekali, tetapi berapa orangkah penyertaannya dan adakah belia-belia di luar bandar juga terlibat. Pertama, dan yang kedua dari segi peruntukan sama ada untuk aktiviti dan pentadbiran, di peringkat cawangan, maksud saya di peringkat kampung. Ada tak peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang disampaikan melalui Majlis Belia Negeri atau gabungan-gabungan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Sungai Aceh, tadi saya sudah jawab. Peruntukan dari kerajaan daripada RM300,000.00 itu, untuk Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, mereka menggunakan duit ini untuk pentadbiran dan program-program. Mereka juga bagi wang RM1,000.00 untuk 21 gabungan dan 5 daerah yang peruntukan yang belia cawangan-cawangan, mesti minta dari KBSM, Kementerian Belia & Sukan yang berdaftar, sebab itu saya cakap, kalau Y.B. Sungai Aceh belia-belia di kawasan Sungai Aceh memohon minta tolong boleh hubungi MBNPP, kita sudi menolongnya berdaftar atau mengisi borang e-bantuan dari KBSM. Dan mereka boleh minta bantuan itu, sekurang-kurangnya ada RM1,000.00. Kalau program mereka besar, mereka dapat RM10,000.00 pun tak ada masalah. Ya, itu saya akan menolong Sungai Aceh untuk mendapat borang ini. Kalau boleh saya akan panggil Setiausaha MBNPP untuk *contact* Y.B. Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Ini bermaksud belia-belia di peringkat cawangan tidak dapat peruntukan daripada Negeri, mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Betul Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Kerajaan Negeri memberi RM300,000.00 kepada MBNPP, Majlis Belia Negeri akan pandai-pandai menggunakan geran ini untuk menganjurkan program-program dengan cawangan-cawangan belia. Mereka mesti menulis satu *proposal* untuk MBNPP. Ini syarat-syarat saya harap Y.B. Telok Ayer Tawar faham tentang prosedur-prosedur ini, saya tanya Y.B. Telok Ayer Tawar, sebab dia dulu EXCO Belia dan Sukan. Inilah kerja-kerja Kerajaan Negeri. Kita bagi *outright grant*, Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, so cawangan-cawangan belia itu mesti menulis program. Mereka mesti ada program, jangan cakap mahu duit sahaja, tapi tak buat program. Mereka kena tulis program mereka kepada MBNPP, dan MBNPP akan menyalurkan wang itu, ya.

Pembangunan Wanita Keluarga Komuniti, Y.B. Dato' Speaker, bagi memastikan kelangsungan, perancangan dan pembangunan untuk wanita keluarga dan komuniti, kerajaan telah menubuhkan persatuan untuk urus tadbir baik dan

kesaksamaan *gender* Pulau Pinang atau *constitution of good governance and gender equity society* Penang iaitu 3G, yang bertindak sebagai *missionary*..... (dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program pembangunan wanita dan kesaksamaan gender. 3D dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat seperti Ketua Masyarakat, ahli-ahli akademi, golongan profesional dan aktivis masyarakat yang berpengalaman dalam isu-isu pembangunan wanita keluarga dan komuniti.

Antara program-program yang telah dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat ialah *introducing gender equity and gender means training justy for all*. Pusat Perkhidmatan Wanita iaitu PPW terus menjadi nadi penggerak Kerajaan Negeri dalam penyampaian mesej dan informasi berkaitan wanita dan keluarga kepada rakyat Pulau Pinang. PPW juga berfungsi sebagai Pusat Khidmat Khusus bagi wanita yang mempunyai krisis masalah rumah tangga. Antara perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh PPW meliputi perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan untuk komuniti latihan dan penerbitan. Kes-kes kaunseling PPW lagi banyak di Pulau. Ini adalah *report* daripada WCC, ini banyak penting untuk wanita di bahagian Seberang Perai sebab pusat ini telah ditunggu lama, kita dapat mendirikan PPW ini pada tahun 2009. Jadi kes-kes di sana lebih daripada 25% jika di bandingkan dengan di bahagian Pulau.

Y.B. Dato' Speaker bagi membuktikan bahawa Kerajaan Negeri benar-benar menghargai jasa dan pengorbanan kaum hawa seperti Hari Wanita Sedunia di peringkat Pulau Pinang telah diraikan di sepanjang bulan Mac pada tahun 2010 dengan menjadikan tema.....(dengan izin), *Eco-rights, Eco-Opportunity progress for all*. Pelbagai pengisian program dirangka khas bagi memenuhi kehendak dan keperluan wanita masa kini. Program ini berjalan dari 26 Mac ke 27 Mac. Saban hari semakin banyak kes ragut, culik, rogol atau bunuh dipaparkan di media, yang lebih membimbangkan ialah kebanyakan mangsa adalah merupakan wanita.

Sehubungan dengan itu bagi mengurangkan kes-kes jenayah melibatkan wanita dan komuniti, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga dan kerjasama Polis DiRaja Malaysia Pulau Pinang dan Persatuan Keselamatan Sukarela Negeri Pulau Pinang. Kita menganjurkan kempen kesejahteraan dan keselamatan wanita dan komuniti.....(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, *Arming women against rape and endangerment aware 2010*. Inilah program yang kita lancarkan pada bulan Mac dan program ini bertujuan untuk member pengetahuan dan kesejahteraan kepada wanita tentang kaedah-kaedah mempertahankan diri yang boleh diguna pakai bagi mengelak diri dari menjadi mangsa jenayah. Fasa pertama program ini telah diadakan di Daerah Seberang Perai Utara pada 25 April 2010. Program ini juga akan dianjurkan di Daerah Seberang Perai Tengah pada 11 Julai dan Daerah Seberang Perai Selatan. Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya dan ke kawasan KADUN-KADUN.

Y.B. Bagan Dalam telah mencadangkan agar cuti bersalin dilanjutkan kepada 90 hari. Kerajaan Negeri menyokong penuh cadangan Yang Berhormat untuk melanjutkan cuti bersalin kepada 90 hari memandangkan kebanyakan Negara di seluruh dunia telah melaksanakan polisi tersebut dan di Malaysia belum lagi mengguna pakai tempoh ini bagi wanita di Malaysia. Perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan

mengambil inisiatif untuk menulis surat kepada Menteri Wanita, menyerunya memikir untuk melaksanakan polisi tersebut. Y.B. Tanjong Bunga telah membangkitkan isu agar Kerajaan Negeri tidak meminggirkan golongan *transgender* serta tidak memberikan layanan *double standard*.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Biar saya habiskan dulu ya Sungai Dua. Perkara ini diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri dan akan dibincangkan di bawah MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga Komuniti yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Sebagai sebuah kerajaan yang mementingkan kebajikan rakyat tanpa mengira agama bangsa dan latar belakang politik mahu pun kehidupan sosial Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa setiap penduduk di Negeri ini tidak akan di pinggirkan dari arus pembangunan. Sila Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tadi kita dimaklumkan bahawa cadangan untuk menaikkan cuti bersalin 90 hari kepada wanita yang bersalin, tapi kita cakap pasal wanita dia tentu ada suami dia, tetapi sekarang suami-suami hanya diberi cuti dua minggu sahaja, tapi kalau nak naik pun, hak suami pun kena naik juga, betul tak? Supaya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Kalau boleh saya minta Ahli Kawasan Sungai Dua membuat satu *proposal* dan hantar kepada Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Berapit. Ini adalah satu kebenaran dalam kalangan masyarakat kita ini, kita selalu memperjuangkan ikut *gender* dari segi lelaki dan perempuan yang sempit dan senasib dengannya, tetapi sebenarnya *gender* itu adalah satu *spectrum* lebih luas daripada dua *gender extreme* itu, jadi agenda itu juga termasuk *transgender* dalam keadaan kewangan yang susah atau mereka sudah menjadi satu tolongan, terutamanya yang hendak saya terangkan ialah kaum makyah yang tidak berbaur perkauman dan yang selalu dalam keadaan kewangan yang susah atau mereka sudah menjadi satu golongan miskin tegar baru dan tetap selalu dipinggirkan. Isu-isu yang dihadapi mereka dari stigma sosial dan seolah-olah mereka itu.....(dengan izin), *deserved to be treated in humanly* dan juga polisi undang-undang juga mengajar mereka menjadi satu kesalahan dan juga selalu di diskriminasikan di mana-mana tempat,

Jadi saya di sini menyeru semua rakyat Malaysia supaya memberi peluang kepada mereka untuk menjalani hidup seperti insan yang lain, juga menghormati hak asasi dan saya juga terfikir isu ini adalah merupakan satu bidang yang boleh di *explore* kan oleh kerajaan bersama-sama universiti seperti USM, Universiti Utara Malaysia, NGO-NGO supaya mengkaji dengan lebih dalam dan menolong mereka.

Sebagai satu kerajaan yang berjiwa rakyat maka saya dengan ikhlasnya mencadangkan Kerajaan Negeri mungkin menubuhkan satu Jawatankuasa *Transgender* untuk hak asasi mereka, keadilan dan juga kebajikan mereka juga dijadikan satu platform untuk mereka memainkan peranan yang sewajarnya dalam sosial dan ekonomi di Negeri kita ini.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga, perkara ini akan diambil perhatian oleh saya dan memperjuangkan kesaksamaan *gender* dan tanggungjawab semua orang.

Y.B. Telok Ayer Tawar membangkitkan isu program-program wanita di peringkat akar umbi yang perlu di perbanyakkan. Untuk makluman Yang Berhormat kerana Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program khusus wanita, keluarga dan komuniti di peringkat akar umbi. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan termasuklah ceramah berkenaan keganasan terhadap wanita, bengkel cabaran wanita masa kini, ceramah berkaitan perkahwinan dan keibubapaan, seminar mengurus kewangan anda. Ceramah berkenaan perkahwinan dan keluarga serta menubuhkan kumpulan sokongan ibu-ibu tunggal, ...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker *single mother supports group* dan pelbagai lagi program yang telah dilaksanakan khususnya untuk wanita dan keluarga. Ini kerjasama melalui PPW dan dan semua anggota dan wakil-wakil di MMK Pembangunan Wanita saya, dari seluruh NGO-NGO wanita Negeri Pulau Pinang.

Sebagai makluman yang terhormat Telok Ayer Tawar Kerajaan Negeri turut membantu wanita dalam aspek pengupayaan ekonomi melalui program-program yang telah diwujudkan seperti Projek Titian Saksama Rakyat iaitu PTSI Pulau Pinang yang diusahakan oleh PDC dan KANITA untuk membantu golongan miskin terutamanya golongan wanita bagi menceburi dunia perniagaan sebagai usaha meningkatkan pendapatan dan membasmi kemiskinan. Wang sebanyak RM3 juta disalurkan dalam projek PTSI ini. RM1.25 juta untuk skim untuk perniagaan kecil dan RM1.25 juta untuk golongan miskin dan ibu tunggal dan RM0.25 juta golongan fakir dan RM0.25 juta untuk golongan cacat. Pinjaman maksimum PTSI sebanyak RM5,000.00 tanpa sebarang faedah dengan tempoh bayaran balik maksimum selama dua tahun untuk setiap permintaan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, peruntukan sebanyak RM3 juta datang dari mana, saya mungkin salah dengar tidak berapa dengar.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

PDC dan kerjasama dengan KANITA

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Tadi Y.B. Berapit ada menyenaraikan program-program yang telah dilaksanakan, kalau boleh dijelaskan sedikit program itu adakah dijalankan jawatankuasa PPW itu sendiri atau NGO-NGO yang duduk di dalamnya.

### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Yang Berhormat sebab sama juga dengan sukan sejak 2008 Jawatankuasa Pembangunan Wanita iaitu HAWA tidak langsung menyertai di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti. Kita jemput pun tidak datang, sebab itu di bawah jawatankuasa saya terdiri daripada semua NGO-NGO Wanita di Pulau Pinang, sebab itu program yang saya jalankan di bawah Kerajaan Negeri, kita bagi peruntukan berjalan bersama program dengan NGO-NGO Wanita, tiada *missionary* di Kerajaan Negeri kepada Pembangunan Wanita. Jadi saya harap juga Y.B. Telok Ayer Tawar dan Y.B. Bertam kalau boleh kita bekerjasama untuk membangunkan wanita di Negeri Pulau Pinang, jangan berdiskriminasi sesiapa pun. Kita bekerjasama untuk kebaikan dan kebajikan wanita.

Y.B. Telok Ayer Tawar juga membangkitkan soal kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan NGO. Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang telah saya kumpulkan tadi di sidang-sidang lepas Kerajaan Negeri sememangnya mengamalkan konsep *smart partnership* sampai sekarang juga kita bekerjasama dan kita mengaturkan program bersama NGO-NGO, persatuan-persatuan sukan atau program-program sukan wanita peruntukan semua dari Kerajaan Negeri tiada langsung daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bin Hamid):**

Y.B. Dato' Speaker memanglah kaedah *smart partnership* ni baik tetapi tentu sekali kita kena ambil kira bahawa NGO-NGO dia mempunyai ahli dan kumpulan sasar dia sendiri. Jadi walau macam mana pun sepatutnya di peringkat Kerajaan Negeri menganjurkan sendiri beberapa bukan saya kata semua beberapa aktiviti yang boleh menjurus kepada kumpulan sasar yang sepatutnya di tujukan oleh Kerajaan Negeri sendiri misalannya Ibu Tunggal ataupun mereka yang duduk di luar bandar dan saya dapati program seperti yang disebut tadi saya tak ingat seperti yang disebut oleh Y.B. Berapit dalam bahasa Inggeris dan banyak program-program yang dijalankan adalah berbentuk elitis iaitu dianjurkan dalam bahasa Inggeris dan ditujukan kepada kumpulan sasar di bandar ya kurang di luar bandar di mana di situlah banyak masalah tadi kita sebut kes-kes yang banyak itu di Seberang Perai yang mana banyak masalah-masalah sosial dan sebagainya baik terima kasih.

### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Ya harap Y.B. Telok Ayer Tawar kalau boleh kita berkongsi ini konsep kalau boleh jalankan program tapi yang seperti Y.B. Telok Ayer Tawar cakap tu kita pernah menjalankan program di S.P.U dengan Jemaah Islah Malaysia kumpulan Bangsa Melayu dan juga Kumpulan India juga pun ada bukannya tak ada dari 2008 sampai sekarang ada program-program untuk bandar dan juga luar bandar. Dan satu contohnya 17 hari bulan Mac, Forum dan Seminar Memperkasakan Wanita, itu pun saya berjalan bersama persatuan perhatian wanita yang di *lead* oleh sekumpulan Wanita Melayu di Town Hall. Saya sekiranya terdapat, Y.B. Dato' Speaker, saya ingat saya punya penggulungan juga panjang sekiranya terdapat soalan yang tidak sempat saya jawab atau saya akan menjawab secara bertulis dan dihantar kepada Yang Berhormat, saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam ( Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Y.B. saya bangun untuk membuat ucapan penggulungan kepada tiga portfolio yang saya pegang iaitu Pembangunan Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian. Y.B. Datok Keramat dan Y.B. Tanjong Bunga telah membangkitkan isu pembangunan di Tanjong Bunga, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian yang serius dalam hal-hal berkaitan pembangunan di kawasan tersebut. Pembinaan yang sedang berjalan dan projek-projek yang siap seperti yang dimaksudkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat telah mendapat kelulusan sebelum rancangan struktur Pulau Pinang telah diluluskan sepanjang 2007. Kerajaan sentiasa memantau pola pembangunan di kawasan ini memandangkan ia memberi impak yang besar kepada pergerakan lalu lintas di sepanjang jalan utama serta kualiti alam sekitar.

Dari segi 30 unit seekar seperti yang disebutkan oleh Y.B. Datok Keramat sebagai tinggi sebenarnya adalah kurang tepat memandangkan pembangunan perumahan khususnya di Taman Ratu dan Jit Sin Garden. Di kawasan itu yang merupakan pembangunan pada tahun 90-an mereka ialah dari segi 30 unit seekar. Flat-flat kalau kita tukar sehingga mencecah 100 unit se ekar so 30 unit se ekar adalah satu, seperti contoh yang saya sebut tadi Taman Ratu dan Jit Sin Garden adalah yang bercampur oleh itu ia bukan berdensiti tinggi seperti yang dimaksudkan itu perlu diambil perhatian bahawa draf perancangan MPPP sedang dalam peringkat penyediaan dan telah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri sebelum ianya dipamerkan untuk publisiti awam juga ia melibatkan pembangunan sekitar Tanjong Bunga dan Batu Feringhi. Yang Berhormat kita telah membangkitkan isu *local plan* atau pun rancangan tempatan bagi kawasan MPPP walaupun rancangan tempatan belum dimuktamadkan dan diwartakan draf *local plan* yang telah diluluskan sepenuhnya oleh MPPP serta... (gangguan). Silakan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Sebelum kita teruskan dengan isu ini, isu yang sebelum itu iaitu *planning zone* atau yang ada dengan rancangan *structure* Penang yang saya nyatakan telah berubah pada tahun 2007 itu aduan yang saya terima. Isu dia ialah sama ada ia telah apakah pendirian Kerajaan Negeri berkenaan interpretasi kepada perubahan tersebut pada draf Struktur Pelan Pulau Pinang. Seperti mana saya nyatakan semalam perubahan itu menyatakan pada *low and density development* sekarang sudah menjadi kawasan *high* dari segi *development* dan aduan yang dibuat adalah satu perubahan yang dibuat pada 2007 so that the isu yang saya bangkitkan di mana saya terima aduan *especially* pada Tanjong Bunga *Resident and Association* sering kali membangkitkan isu ini.



**Ahli Kawasan Air Itam ( Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih Y.B. Datok Keramat berkenaan dengan isu *primary corridor* dan *secondary corridor* ini seperti yang kita telah diwartakan dalam Rancangan Struktur Pulau Pinang dan ada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh NGO berkenaan dengan isu ini dan kita telah berjumpa dan juga telah mendapatkan maklum balas daripada Jabatan Kerajaan dan antara fakta-fakta yang telah kita *disposed* kepada penduduk-penduduk di Tanjong Bunga bahawa kawasan-kawasan yang disebut sebagai *spew* iaitu Taman Ratu dan Jit Sin Garden dalam 1990 ialah pembangunan ialah 30 unit se ekar kalau sekiranya terdapat kita boleh membuat satu beberapa cara untuk kita boleh membuat kajian semula terhadap aduan ini antaranya ialah satu semakan ataupun cara kedua melalui rancangan tempatan dan rancangan tempatan apabila masanya untuk dibentangkan NGO-NGO ini bukan sahaja dari Tanjong Bunga bukan saja seluruh Pulau pun boleh mengkajinya dan juga mendapat maklum balas sebelum ia dimuktamadkan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga ( Y.B. Tuan Teh Yee Chen):**

Minta penjelasan. Berkenaan *second corridor* ini dengan teks nya ialah Tanjong Bunga, Telok Bahang, *second corridor* tapi dalam rajah 4.2 itu sudah kami diberitahu dalam satu perbincangan bahawa Tanjong Bunga itu ditukar kepada Tanjong Tokong atas arahan bekas Ketua Menteri di depan 20 orang saksi saya fikir ini boleh kesalahan ini boleh dibetulkan kalau itu sudah jadi satu kesalahan atau arahan yang tidak begitu betul.

**Ahli Kawasan Air Itam ( Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya tidak berada dalam mesyuarat itu yang disebut oleh Y.B. Tanjong Bunga. Walau bagaimana pun berkenaan dengan isu ini saya rasa isu ini boleh diperhalusi kerana *structure plan* hanya merupakan satu dokumen yang perancangan *zoning* secara *overall* dan *local plan* mempunyai *zoning* yang lebih *detail* dan saya rasa ini boleh dilihat apabila *local plan* dipamerkan nanti.

Y.B. Bukit Tengah telah membangkitkan isu *local plan* bagi kawasan MPPP walaupun belum dimuktamadkan dan belum diwartakan draf *local plan* yang telah diluluskan oleh Majlis penuh MPPP serta dasar MPPP telah jadikan rujukan untuk mengawal pembangunan. Sementara menunggu ketiga-tiga tambahan di Seberang Perai yang sedang dalam pelbagai peringkat penyediaan *structure plan* dijadikan sebagai rujukan memandangkan *local plan* akan merupakan satu dokumen yang penting yang memberikan *forward looking vision* Kerajaan Negeri bersama pakar runding sedang berusaha memberikan idea-idea baru kepada *local plan* ini sebelum ia dipaparkan untuk publisiti awam.

Berkenaan dengan isu tempat ibadat Y.B. Sungai Dua dan Sungai Acheh masing-masing membangkitkan isu tempat ibadat bukan Islam di kawasan masing-masing. Saya ingin menyeru kepada yang kedua-dua Yang Berhormat-Yang Berhormat ini bahawa Perlembagaan Persekutuan telah menjadi mengamalkan agama masing-masing untuk semua rakyat Malaysia sekiranya terdapat salah antara komuniti setempat tentang mana-mana tempat ibadat.

Saya harap wakil rakyat juga turut bersama membantu mencari penyelesaian supaya isu-isu ini tidak diperbesarkan-besarkan dalam aspek ini. Kerajaan Negeri dalam Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam akan memberikan bantuan ataupun panduan sekiranya perlu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Penjelasan. Sebenarnya apa yang kita bangkitkan bukan kita membantah pembinaan rumah-rumah ibadat yang bukan Islam ini kita memang faham kata diadakan dalam Perlembagaan Persekutuan tapi apa yang kita kesalkan kerana pembinaan di tempat yang tidak sesuai kerana tempat itu ramai penduduk Islam tapi dibuat kuil di tempat itu, apa yang kita bantah di sini tidak setuju kerana tidak ada perundingan dengan penduduk tempatan sebelum pembinaan ini dibuat sebab itu kita minta kalau boleh sebelum pembinaan dilakukan ini dirunding dengan penduduk tempatan supaya penduduk tempatan mendapat gambaran yang jelas supaya tidak menimbulkan isu-isu yang lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, saya rasa perkara ini Yang Berhormat tidak menjadi isu kerana kalau kita lihat di Negeri Kelantan umpamanya di bawah pentadbiran PAS kita lihat bahawa sebidang tanah yang begitu besar telah diberikan oleh Kerajaan PAS kepada beberapa penganut Hindu kerana kita lihat di Kelantan tidak ada banyak pengaruh Hindu walaupun kebanyakan penduduk mungkin 90% penduduk di Kelantan adalah yang beragama Islam namun Kerajaan PAS tidak keberatan memberi tanah yang begitu besar kepada penganut-penganut yang beragama Hindu jadi apa masalah kepada Barisan Nasional yang sengaja membangkitkan hal ini mengatakan kita perlu mendapatkan persetujuan dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed ):**

Penjelasan. Kita bukan menimbulkan masalah ini apa yang kita timbulkan kerana pembinaan ini tidak dirunding dengan penduduk tempatan itu saja, kerana penduduk tempatan di situ adalah 90% orang Islam dan mereka menghantar surat-surat bantahan kepada saya, itu bukan kawasan saya tetapi sempadan dengan kawasan saya sebab itu bila jumpa saya minta saya bentangkan perkara ini supaya kita kalau nak adakan apa-apa supaya tidak menimbulkan sensitiviti masyarakat lebih baik kita berunding ini jalan terbaik kerana apabila mengatakan kerajaan harus berjiwa rakyat dia harus berunding dengan rakyat untuk menyelesaikan masalah.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Sungai Dua. Kita wakil rakyat untuk semua dan juga penganut-penganut Hindu dan Penganut Buddhist di kawasan Sungai Dua dan pengundi-pengundi yang Sungai Dua wakili. Oleh itu perundingan boleh dibuat oleh Sungai Dua, Sungai Dua boleh buat inisiatif.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Saya minta maaf ini saya kata ini bukan kawasan saya, saya kata ini bukan kawasan ini kawasan lain yang sempadan jauh daripada saya. Mereka ini melahirkan rasa kesal kerana tidak ada perundingan yang dibuat oleh untuk membina kuil di kawasan mereka, masuk ke taman ini mereka duduk kemudian kalau ada kuil di situ kalau ada apa-apa perayaan nanti mengganggu aktiviti-aktiviti mereka dan menimbulkan masalah ini yang mereka minta supaya diadakan perundingan.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya rasa kuil ini bukan dari Kerajaan Negeri, mungkin dari komuniti-komuniti tempatan dan Sungai Aceh juga membangkitkan isu-isu tempat ibadat dan saya rasa sebagai wakil rakyat kita perlu mewakili semua kaum dan ini adalah satu prinsip yang saya pegang bahawa kita hendaklah juga mewakili kaum-kaum yang lain supaya dapat lihat membantu menyelesaikan isu-isu ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Macam ini Y.B. kita memang kita tak mempertikaikan pembinaan kuil di mana-mana tempat sekali pun, dan di kawasan saya juga ada kita membina dan sebagainya ini bukan soal isunya, isu dia tengok kawasan, kawasan di situ, taman itu banyak penduduk Islam kenapa dibuat di situ, harus ada perundingan, kalau nak buat pun tak apa tapi harus di bincang dengan penduduk di situ bagaimana nak ubah hujung mana penjuruan mana, perundingan mesti dibuat supaya tidak menimbulkan masalah, ini yang saya sentuh.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)**

Saya memberi laluan kepada Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Y.B. Dato' Speaker, saya cuma isu saya pembinaan, pewujudan gereja di rumah kedai. Kemudian penduduk membuat bantahan kepada MPSP mereka buat salinan kepada saya cuma bila mereka bertemu dengan pegawai MPSP, pegawai MPSP kata yang ini Negeri yang menentukan ini yang saya bawa, bukan saya nak berniat bawa tidak, itu cerita. Jadi saya kalau dapat maklumat saya boleh balik jelas kepada mereka, itu yang saya timbul, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Apa yang saya rasa mungkin kena ambil Sungai Dua dan Sungai Aceh, kena ambil inisiatif yang lebih, mengambil lebih inisiatif boleh bincang, kena pergi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):**

Sepatutnya wakil rakyat kawasan itu kena bincang, wakil rakyat kawasan ini adalah Ahli Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Sungai Aceh nanti saya rujuk. Sungai Aceh boleh minta persatuan gereja, boleh minta apa mereka apa masalah boleh bawa penduduk bincang bersama kerana pemimpin kita mewakili semua kaum dan jangan setiap masalah di kawasan kena *push* kepada Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Okey, terima kasih. Cuma saya nak maklum patutnya kalau nak cara berbincang sebelum wujud itu jumpa lah jadi orang tua-tua kata nak masuk kawasan bagi salam dululah dan itu dah masuk baru nak bagi itu masalah, kacau sedikit. Begitulah maksud saya itu, bukan jadi isu sensitif, saya nak cerita, ini yang sebenar berlaku, jadi senang saya nak berdepan dengan masyarakat di situ. Okey, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam ( Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya tidak berhasrat berpanjangan dengan isu ini walau bagaimanapun saya minta wakil rakyat turut membantu dalam menyelesaikan sekiranya ada apa-apa konflik di kalangan masyarakat setempat.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Y.B. Dato' Speaker, sikit saja. Cuma boleh tak saya nak buat satu pertanyaan, sama ada gereja yang wujud itu mendapat kelulusan atau tidak dari pihak PBT atau pun Kerajaan Negeri, itu saja, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam ( Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. dari Sungai Aceh, salah satu masalah yang dihadapi oleh tempat-tempat bukan ibadat bukan Islam ialah kekurangan kerana dasar Barisan Nasional terdahulu tidak memberikan keutamaan kepada tempat-tempat ini dan banyak gereja di tempat saya tinggal di Bandar Baru Air Itam saya kira mungkin 10 gereja di *shops lot* kerana kekurangan tempat dan ini adalah satu hakikat dan kita tidak boleh nafikan dan melalui satu dialog lebih kurang 2 minggu lalu kita telah berdialog bersama Y.A.B. Ketua Menteri, bersama Y.B. Padang Kota, Y.B. Batu Maung telah berdialog dengan sekumpulan pemimpin gereja dan ini adalah antara isu yang mereka bangkitkan. Antara isu yang mereka bangkitkan ialah mereka terpaksa menggunakan *shops lot* dan saya rasa kita dapat, dalam masa ini kita perlu mencari penyelesaian yang lebih sistematik dan pada masa yang sama kita harus memahami masalah mereka dan mengamalkan sistem toleransi terhadap....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Boleh tak saya dapat satu pandangan. Adakah sekarang ini kita ada satu garis panduan pembinaan rumah-rumah ibadat bukan Islam kerana garis panduan ini penting untuk menyelesaikan beberapa masalah yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Kita sudah ada, pada penggal lalu saya sudah menyatakan secara panjang lebar tentang garis panduan itu tetapi garis panduan itu adalah garis panduan yang baru dan pemaju perlu menyerahkan mengikut peratusan tanah untuk tujuan rumah ibadat bukan Islam tetapi buat masa ini mereka belum dapat menyerahkan kerana projek perumahan mungkin baru mendapat kelulusan. Ia akan mengambil masa 5 atau 10 tahun kerana pada masa-masa yang lalu ini telah tidak dijadikan fokus. Ini telah tidak dijadikan *priority* oleh itu masalah yang kita hadapi sekarang, so saya harap ADUN-ADUN memahami masalah mereka dan kita harus seperti saya kata mengambil toleransi terhadap sensitiviti kalangan penganut-penganut tentang tempat-tempat ibadat bukan Islam ini, okey.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Soalan saya belum jawab lagi, sama ada bangunan yang saya maksudkan tadi telah diluluskan.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya rasa ruang, ruang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Sama ada diluluskan atau tidak lagi, itu sahaja.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya tidak ada maklumat terperinci tentang bangunan yang disebutkan tadi saya rasa ruang perbincangan masih ada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Masih dalam perbincangan

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya tidak ada butiran *detail* tentang alamat yang disebutkan tadi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Saya harap lepas ini saya boleh dapatkan jawapan.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Mungkin Sungai Acheh boleh berikan maklumat, saya boleh lihat dan menyemak statusnya.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Ya, untuk rekod kawasan itu Taman Sinar, Nibong Tebal, dia masuk dalam KADUN Sungai Achehlah.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Okey, saya akan buat semakan dengan MPSP. Y.B. Pulau Tikus telah menanyakan tentang status Penang State Symphony Orchestra and Chorus PESSOC. Untuk maklumat Yang Berhormat yang tidak ada di sini, Pengerusi PESSOC sebelum ini ialah bekas EXCO, Dr. Toh Kin Woon. Kerajaan Negeri telah membuat pelantikan pengerusi baru, Datin Seri Irene Yap pada tahun 2009. Pada pandangan Kerajaan Negeri ialah baiknya menggantikan tradisi lama. Tradisi lama melantik ahli politik yang jadualnya sudah sibuk sebagai Pengerusi PESSOC. Kita menggantikannya dengan individu yang mempunyai masa dan komitmen untuk memberikan nafas baru kepada PESSOC. Saya telah juga menghantar surat jemputan kepada pejabat Y.B. Pulau Tikus untuk menyertai MMK Kesenian tetapi Y.B. Pulau Tikus turut tidak menerima tawaran tersebut.

Y.B. Dato' Speaker penstrukturan semula PESSCO telah dilakukan dengan pelantikan satu Jawatankuasa Pengurusan yang terdiri daripada individu yang berpengalaman dalam muzik, pengurusan, perhubungan awam, pendidikan dan kerja-kerja amal. Penstrukturan semula organisasi adalah perlu untuk memberi nafas baru kepada PESSOC. Kerajaan Negeri akan terus memberi galakan kepada PESSOC untuk berkembang sebagai satu badan yang berprestasi dalam melantik Ahli-ahli Muzik di Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan status Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang. Jumlah pengunjung ke Muzium Negeri Pulau Pinang telah melonjak dari angka 34,836 orang pada tahun 2004 kepada 56,266 orang pada tahun 2009. Ini adalah satu peningkatan yang menggalakkan. Sejumlah 33 aktiviti dan pameran telah dilangsungkan di Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang pada tahun 2009 berbanding 15 pada tahun 2007 dan 22 pada 2008. Muzium dan Balai Seni Lukis telah mengorak langkah baru.....(dengan izin), *re-branding*. Halaman Web telah dilancarkan dan *facebook* Muzium Negeri Pulau Pinang turut diperkenalkan pada Mac 2010. Ini adalah satu usaha untuk menyebarkan maklumat aktiviti kepada orang ramai. Kerajaan Negeri juga turut mempunyai perancangan untuk muzium tambahan di No. 57, Jalan Macalister. Pihak Lembaga Pemegang Amanah No. 57 Jalan Macalister telah bersetuju secara prinsipnya tentang terma-terma pajakan bangunan tersebut dan sedang menyiapkan draf perjanjian. Adalah dijangkakan perjanjian pajakan dapat disempurnakan dan penyerahan bangunan dapat dijalankan dalam masa terdekat.

Y.B. Dato' Speaker, masa untuk satu muzium menjadi matang memakan masa dan dari pengalaman negara-negara luar ialah sekurang-kurangnya 5 hingga 10 tahun. Oleh itu kita menjangkakan usaha ini akan menambah nilai kepada kekayaan warisan Negeri ini dan akan menjadi daya tarikan kepada orang tempatan dan pelancong di samping mengukuhkan institusi muzium sebagai satu tempat untuk memberi pendidikan kepada generasi muda tentang sejarah kita.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengajak kepada isu perumahan. Y.B. ADUN Telok Ayer Tawar, Telok Bahang dan Pulau Betong telah bertanyakan berkenaan dengan kebenaran Kerajaan Negeri kepada syarikat swasta untuk pembinaan Rumah Kos Tinggi di Daerah Barat Daya. Untuk maklumat semua atas tekanan pembangunan di Timur Laut, Kerajaan Negeri perlu melihat kepada pembangunan di daerah lain iaitu di Daerah Barat Daya, SPS, SPT dan SPU. Adalah menjadi lumrah pasaran bebas bahawa pembangunan bercampur adalah...(dengan izin), *bis-development* akan mengambil tempat iaitu rumah-rumah berkost tinggi, sederhana dan rendah untuk memenuhi kategori pembeli pelbagai pihak.

Y.B. ADUN Telok Bahang membangkitkan isu harga rumah kos sederhana rendah yang telah dinaikkan harga syilingnya kepada RM150 ribu. Beliau telah menyatakan bahawa beliau akan mengemukakan 3 kes kepada saya tetapi sehingga kini saya tidak menerima apa-apa aduan spesifik berkenaan aduan tersebut. Berhubung dengan penyediaan PPR Sungai Pinang untuk rakyat miskin di Pulau Pinang dan aduan bahawa terdapat lambakan penghuni warga asing di rumah PPR tersebut Kerajaan Negeri memandang serius terhadap masalah tersebut kerana untuk setiap projek sewaan ianya perlu dihuni oleh pemohon-pemohon yang telah berjaya dan dipilih dan tidak dibenarkan untuk menyewakannya atau membuat sewaan kepada orang lain. Kita telah menerima aduan bahawa *sub-letting* di sana berlaku oleh itu tindakan pengeluaran notis untuk menarik balik unit-unit yang melakukan kesalahan tersebut akan dibuat sekiranya terdapat bukti-bukti yang kukuh.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. ADUN Bagan Dalam telah membangkitkan berkaitan isu kebersihan di projek PPR Ampang Jajar dan Desa Wawasan. Untuk maklumat Bahagian Perumahan telah menempatkan kakitangan mereka di Projek PPR Ampang Jajar untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di projek perumahan tersebut. Kerja-kerja pembersihan dilakukan sebanyak 2 kali sehari. Untuk PPR Desa Wawasan pula Bahagian Perumahan telah melantik kontraktor pembersihan untuk kerja-kerja pembersihan di projek tersebut. Daripada pemantauan Bahagian Perumahan, kontraktor pembersihan yang telah dilantik tersebut telah menjalankan kerja-kerja menepati syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak pembersihan. Untuk makluman Yang Berhormat juga isu berkaitan kekosongan yang berlaku di PPR Desa Wawasan bukanlah atas faktor Desa Wawasan tetapi adalah atas faktor kekurangan kemudahan pengangkutan awam di kawasan tersebut di mana kekerapan pengangkutan awam adalah jarang. Y.B. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan sikit.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Masalah di dalam rumah-rumah bertingkat berkenaan dengan kebersihan, setengah itu sampah naik lif, sampah letak dekat atas, sampah baling dalam lif, biar dalam lif. Yang menjadi masalah lagi satu ialah kerana tidak ada satu pengawasan yang menyeluruh untuk memastikan rumah-rumah bertingkat ini terutamanya yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri ini perlu ada pengawasan. Yang kedua kawasan rumah-rumah bertingkat ini saya rasa untuk lif itu sendiri, cuba bagi seorang mengawal, bagi gaji terus. Kalau tidak motor pun naik lif dan terus merosakkan kawasan rumah bertingkat. Sekarang ini di Ampang Jajar motor naik lif, sampai di atas mereka *park* motor. Kalau 6 lif, 6 orang yang nak kerja setahun, berapa gaji setahun nak kali, *cost of maintenance* boleh *reduce*, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya. Untuk kes-kes kita menggalakkan setiap projek perumahan awam ini menubuhkan sama ada Persatuan Penduduk ataupun Projek Jiran Tetangga yang dipelopori atau Rukun Tetangga. Melalui organisasi-organisasi penduduk tersebut mereka boleh menggalakkan mereka menjaga kebersihan halaman-halaman mereka sendiri dan Kerajaan Negeri boleh membantu ataupun melalui JKKK kita boleh memberikan galakan dan juga kepada wakil-wakil persatuan penduduk ini supaya mereka dapat menjalankan gotong-royong atau usaha-usaha pemantauan dari segi kebersihan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, saya mohon supaya Kerajaan Negeri sendiri yang letak. kalau bagi atas *entity* LA 21, Local Agenda 21, Rukun Tetangga atau *Residence Association* kah dia tidak ada *authority* tetapi kalau boleh pegawai kerajaan atau kakitangan kerajaan yang jaga maknanya apa-apa mereka boleh ambil tindakan. Jadi minta dipercepatkan letak pegawai kerajaan, kalau buruh, buruhlah, bukan *entity* daripada satu-satu pertubuhan kerana mereka setengah-setengah ini tidak mempunyai kekuatan *commanding power*.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih cadangan Seberang Jaya. Saya rasa sikap penduduk adalah amat penting iaitu sikap penduduk mendapat *civic awareness* sangat penting supaya mereka tidak perlu menjaga keadaan lif-lif ini dan sekiranya setiap lif perlu seorang lif atendan maka saya rasa amat mahal kosnya, tidak praktikal untuk mengupah seorang lif atendan untuk setiap lif. Saya rasa ini adalah satu..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Cuba ingat di Flat Ampang Jajar, baru saja kita bising-bising RM200 ribu dah *repair*, sekarang rosak balik. Kalau hendak berdegil asyik berbahas kerana kita kata kosnya tidak fleksibel dan sebagainya tengoklah apa akan jadi, Kerajaan



Negeri akan tanggung *maintenance cost* yang lebih tinggi dan akhirnya Kerajaan Negeri akan terpaksa menanggung bebanan yang lebih banyak. Saya bagi satu ini sebagai *signal of warning* sebenarnya nak tolong selamatkan khazanah duit Kerajaan Negeri dan juga pastikan masyarakat mendapat perkhidmatan yang baik tetapi masih kalau hendak berdegil saya rasa besok tanggunglah sendiri.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya rasa tidak perlu berdebat sama ada degil atau tidak degil tetapi sebagai ADUN Kawasan, saya rasa Seberang Jaya boleh juga memainkan peranannya untuk mengadakan perbincangan ataupun dialog dari masa ke semasa.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Y.B. ADUN Kawasan Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

*I think it is mix.*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*Mix* lah

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Kedua-dua ADUN Seberang Jaya dan Bagan Jermal boleh memainkan peranannya. Y.B. ADUN Seri Delima telah membangkitkan isu kebersihan, kerosakan lampu jalan dan jalan di Taman Tun Sardon dan lif di Padang Tembak.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Minta Penjelasan sikit, Saya cuma dalam perbahasan tadi saya bangkitkan peruntukan PDC untuk menyediakan rumah murah di Kawasan Bukit Jambul hasil daripada pembinaan rumah mahal di Bayan Bay, Saya difahamkan PDC telah membina bukan hanya rumah murah termasuk LMC yang kita tidak persetujui. Sepatutnya PDC bina rumah *low cost* sahaja di situ, jadi minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya akan sampai ke tahap itu, okey. Y.B. ADUN Seri Delima telah membangkitkan isu kebersihan, kerosakan lampu jalan dan jalan di Taman Tun Sardon dan masalah lif di Padang Tembak. Untuk makluman Yang Berhormat bagi setiap pemilikan rumah bertingkat berstrata, pemilik-pemilik unit tetap bertanggungjawab untuk membayar caj penyelenggaraan untuk skim perumahan mereka tersebut. Bahagian Perumahan telah menempatkan kakitangan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di Taman Tun Sardon Fasa 1 dan 3.

Untuk Taman Tun Sardon Fasa 2, Bahagian Perumahan telah melantik kontraktor pembersihan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di fasa tersebut kerana ia melibatkan 2 blok untuk fasa 2.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Bahagian Perumahan sentiasa bekerjasama dengan pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti, JKK untuk menjalankan gotong-royong pembersihan di kawasan perumahan tersebut. Namun usaha tersebut tidak mendapat sambutan daripada penduduk untuk bersama-sama berganding bahu dengan pihak Kerajaan Negeri untuk bekerjasama menjaga kebersihan di kawasan tempat tinggal mereka sendiri. Berhubung isu kerosakan lif yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di rancangan perumahan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, berkenaan dengan Taman Tun Sardon.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Silakan.

**Ahli kawasan Seri Delima ( Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, berkenaan dengan Taman Tun Sardon. Y.B. saya berterima kasih di atas maklumat yang telah di berikan tadi tapi saya cuma ingin sarankan kalau kita boleh meminta Majlis Perbandaran juga turut serta dalam proses membersihkan Taman Tun Sardon kerana kalau kita lihat Bahagian Perumahan walaupun dalam beberapa gotong royong telah saya pun sendiri laksanakan memang saya akur dan berterima kasih ada kakitangan Bahagian Perumahan yang bersama-sama tapi kita tidak boleh menyalahkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut kerana kita mungkin tidak cukup memberi publisiti kepada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di situ.

Saya akan pada masa akan datang cuba kalau boleh memberi lebih publisiti dan mungkin mengantungkan lebih banyak *banner* tersebut tetapi apa yang boleh beri perhatian ialah kita dapat rungutan daripada penduduk di situ bahawa bila mereka pergi berjumpa dengan kakitangan Bahagian Perumahan di tempat tersebut memberi aduan-aduan tentang longkang-longkang yang tersumbat, sampah sarap yang terbiar di beberapa tempat tindakan tidak diambil dengan segera tidak proaktif, jadi saya minta kalau boleh diberi perhatian kerana kebersihan Taman Tun Sardon memang menjadi tanda tanya dari mula lagi sejak saya mula menjadi ADUN di kawasan tersebut. Kadang kita nampak di setiap tempat sampah berselerak dan mungkin kita perlu meningkatkan lagi tempat atau beberapa langkah lagi seperti tempat pengumpulan sampah sarap kerana kita lihat di kawasan tersebut terdapat lebih kurang 10 di mana terletak tong-tong sampah jadi kalau kita boleh mengumpulkan atau mungkin mengurangkan menjadi *centralize* atau meningkatkan lagi di prestasi kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembersihan mungkin kita boleh memberi kerana ia merupakan satu tempat yang cukup menarik kerana makanan yang menarik asalkan makanannya sedap tetapi cuma yang kita hadapi adalah masalah di mana sampah sarap memang terbiar di merata-rata, terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang ( Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta laluan sedikit. Saya memang minat dengan Yang Berhormat -Yang Berhormat kata dengan sampah sarap itu yang selalu saya minta semua Yang Berhormat sokong kata menjalankan penguat kuasa denda itu sampah gantung pergi sapu jalan tapi Yang Berhormat enggan sokong nak buat apa cakap tentang sampah-sampah tolonglah sokong sikit, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Yang masalah sampah sarap ini memang perlu diberi perhatian serius dan kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Bahagian Perumahan sentiasa memantau supaya mereka dapat memenuhi skop kerja seperti saya kata tadi terutama penduduk-penduduk berkenaan dengan isu kerosakan lif yang dihadapi penduduk di Rancangan Perumahan Padang Tembak, Bahagian Perumahan bersama-sama dengan kontraktor-kontraktor sentiasa menjalankan kerja-kerja pembaikan dan pembaikan untuk lif-lif rosak di projek perumahan tersebut.

Soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Kebun Bunga yang memohon supaya Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan satu bajet bagi Pertandingan *Open Urban Renewed* supaya arkitek-arkitek di dalam dan luar Negeri diberi peluang untuk memberikan input dan mengemukakan idea-idea dan konsep baru untuk memperbaharui serta *re-even* kawasan rumah pangsa Pantai Bak ini untuk maklumat Y.B. Kerajaan Negeri bersama dengan MPPP telah mengadakan beberapa mesyuarat berhubung dengan cadangan *Urban Renewed* Padang Tembak itu dan melalui mesyuarat tersebut kita telah minta supaya satu kertas yang lebih lengkap supaya disediakan supaya permohonan tersebut boleh dipertimbangkan berhubung permohonan peruntukan untuk tujuan pemecahan 9 blok rumah pangsa Padang Tembak Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung permohonan peruntukan tersebut seperti Y.B. ADUN Kebun Bunga sedia maklum Kerajaan Negeri melalui bajet Negeri Pulau Pinang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk menaik taraf dan rancangan Perumahan Padang Tembak ini antara projek yang telah kita rancang adalah penggantian paip guna sama seperti paip air bersih, paip najis.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan sikit saja Yang Berhormat, berkenaan dengan tindakan pengecatan atau cat bangunan di Taman Tun Sardon. Sebelum pilihan raya mereka telah mula mengambil tindakan mengecat tetapi bila kalah dalam pilihan raya yang tinggal itu tak di cat lagi jadi saya nak tanya Kerajaan Negeri akan memberi bantuanlah mungkin Barisan Nasional tak boleh diharap kerana mereka akan tunggu kalau menang pilihan raya mungkin mereka akan baru cat, tak menang akan ditinggalkan begitu. Bolehkan Kerajaan Negeri membantu untuk mengecat bahagian bangunan-bangunan pangsapuri atau flat-flat yang belum di cat di kawasan Taman Tun Sardon, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam ( Y.B. Tuan Wong Hon Wai)**

Y.B. Seri Delima, saya difahamkan bahawa bahagian yang tidak dicat adalah bahagian yang mempunyai *illegal extension* yang mempunyai bumbung

yang terkeluar daripada *illegal extension* satu amat payah sekiranya kita mengecat bahagian *illegal extention* ini adalah apa yang saya difahamkan sekiranya terdapat peruntukan tambahan kita akan melihat kepada aspek.

**Ahli Kawasan Seri Delima ( Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat, ada bangunan sebenarnya ada flat-flat yang masih belum lagi dicat tertinggal 2 atau 3 blok lagi boleh disahkan, saya difahamkan oleh penduduk di situ mereka mengeluh, kata bila dah sampai sana malangnya lepas pilihan raya bila Barisan Nasional kalah mereka tinggal bangunan mereka macam itu saja jadi mereka mengharapkan Kerajaan Negeri kalau boleh membantulah, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya rasa Y.B. Seri Delima boleh kita boleh mempertimbangkan permohonan ini dalam tahun ini untuk tahun-tahun yang akan datang kerana bajet untuk tahun ini telah dikurangkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sikit saja, minta laluan sebab tadi kata boleh mempertimbangkan jadi saya nak kata sebab dalam permohonan saya supaya flat-flat PDC yang diserahkan gantung tak bertali ini di Seberang Jaya supaya diberikan peruntukan jawapan dia katakan Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyediakan peruntukan wang kepada rumah-rumah bertingkat dahulu yang diuruskan kena bagi peruntukan segera sekarang lampu yang dipotong oleh TNB sebab PDC masih mengutip dari segi maksud saya bila mereka nak jual rumah PDC suruh *update* kan *areas* maknanya tiap-tiap bulan masih menerima wang-wang tertentu tapi PDC masih belum menyerahkan banyak *sinking fund* kepada yang sepatutnya menerima dan hutang-hutang berkenaan dengan bil elektrik juga masih belum dibayar oleh PDC.

Akibatnya orang-orang di Seberang Jaya ini koridor tak ada lampu dan oleh demikian juga saya minta juga satu mekanisme diambil supaya flat-flat PDC yang diserahkan ini buatlah perbincangan secara yang berhemah supaya ada MC betul-betul bagi duit cukup untuk depa *start* semula, *repair* balik dia punya tangki yang rosak, tong sampah yang tak ada seperkara lagi ialah Padang Kota saya kaitkan sedikit apabila rumah-rumah bertingkat ini apabila kita bagi kontraktor angkat sampah ini rumah-rumah flat patutnya kena bagi syarat dia kena adakan tong sampah di situ bukan suruh MC beli tong sampah sebab kontraktor berubah-ubah, esok kontraktor lain yang masuk dia tak peduli dah sampah diberi dia kena bawa tong sampah itu letak di flat-flat supaya tempat untuk di *refuse shot* itu tak berselerak dengan bau jadi Pulau Pinang jadi Pulau Darul Sampah. Saya mohon oleh kerana kalau boleh cari peruntukan khas selesaikan dahulu masalah flat-flat PDC yang ada di Seberang Jaya saya minta tolong terutamanya duit RM250 ribu lebih kurang bil elektrik kalau tak boleh kata tak boleh kalau saya boleh sahkan Barisan Nasional lebih cekap daripada kerajaan yang ada sekarang ini.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Seberang Jaya telah berapa penggal di Seberang Jaya?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya sendiri telah berikan peruntukan ratusan ribu tangki-tangki, saya selesaikan berapa banyak di zaman apa nama, Bayan Lepas membantu saya dengan berbagai-bagai peruntukan untuk menyelesaikan bukan saja flat PDC tapi juga flat-flat milik swasta yang lingkup, yang tak boleh orang yang menguruskan kalau tak boleh dia buat juga sikit-sikit jadi tak bolehlah kata tak ada peruntukan nak tolong rumah-rumah bertingkat ini undi ada banyak, tak mahu tak mahu bagi kat saya.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Tentang seperti yang telah dikatakan oleh Y.B. Seberang Jaya di bahagian PDC apabila berlaku penyerahan bangunan-bangunan PDC kepada MC tersebut biasanya ada satu *seat fund* yang digunakan mereka akan memastikan bahawa infrastruktur asas adalah elok sebelum membuat penyerahan tetapi sekiranya setelah beberapa tahun berlangsungnya penyerahan maka penduduk-penduduk perlu mencari inisiatif untuk mendapatkan dan menyelesaikan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sikit lagi mungkin Y.B. Air Itam tak faham, mungkin baru ambil portfolio ini maknanya penyerahan sekarang oleh PDC kepada MC penyerahan secara gantung tak bertali, dia serah tapi penerimanya tidak ada bubuh nama orang tapi dia tidak ada, mana boleh orang yang tidak boleh menjadi MC juga ada di situ jadi kena buat semula *its okay* kita *reverse* balik buat semula supaya penyerahan baru dibuat dengan peruntukan dan juga berikan dalam keadaan *work man like manner* dalam keadaan yang elok boleh diguna pakai lepas tu lepas tangan pun tidak apa dah wakil rakyat kawasan itu main peranan yang kita minta tolong perbetulkan balik dalam keadaan saya merayu atas kedudukan EXCO berkenaan cari peruntukan selesai dahulu masalah flat-flat PDC 21 blok di Seberang Jaya yang bermasalah.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya ambil maklum terhadap masalah yang disebutkan tadi seperti saya nyatakan dalam hari pertama ucapan soal jawab bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM10 juta untuk tahun ini hanya untuk perumahan-perumahan awam.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Masalah yang sedang dihadapi wang RM10 juta tadi telah dibelanjakan RM9.9 juta tertumpu kepada rumah-rumah Kerajaan Negeri sahaja tidak ada sikit yang ada swasta.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Tidak, tidak diberikan peruntukan yang secukupnya kepada masa-masa lalu. Oleh itu kita memberikan menyelesaikan sebahagian masalah RM10 juta ini tidak cukup untuk rumah-rumah Kerajaan Negeri awam ini so kita hanya hendaklah membuat belanjawan ini secara berperingkat-peringkat ini untuk tahun depan kita

akan buat perancangan lain. Berkenaan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Bayan Lepas, PDC saya rasa Bayan Lepas merujuk kepada Halaman Kenanga kerana ada satu projek pembinaan kos rendah dan kos sederhana rendah. Kos rendah sebanyak 204 unit dan kos sederhana rendah 510 unit oleh itu ada komponen *its the mix development component low cost* dan ada juga komponen LEC untuk Projek Halaman Kenangan ini.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Dalam pembinaan rumah mewah yang PDC bina di Kawasan Bayan Bay 30% yang peruntukan untuk dibina rumah murah dibuat di Halaman Kenanga itu sepatutnya PDC sebagai agensi kerajaan membina 100% rumah murah dia tak boleh buat LMT yang ini kita minta penjelasan itu.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih Y.B. Bayan Lepas, tapi di Daerah Timur Laut ini kalau kita lihat statistik rumah kos murah semakin kurang kerana tekanan harga tanah yang tinggi khususnya di Daerah Timur Laut dan kita boleh buat pertimbangan untuk kawasan-kawasan yang harga tanahnya lebih murah. Y.B. Seberang Jaya sebut Padang Tembak serta memberikan kita akan menggantikan paip-paip guna sama seperti paip najis, paip air bersih, menaik taraf bilik-bilik suis dan memperbaiki saluran sampah kerana Kerajaan Negeri berpandangan ia harus berfokus kepada aspek kebersihan, kesihatan dan keselamatan penduduk-penduduk serta ia akan di kawasan tersebut. Permohonan untuk pengecatan semula akan diberi pertimbangan sewajarnya untuk permohonan bajet pembangunan di masa hadapan.

Y.B. Dato' Speaker, masa menjawab soalan lisan hari pertama saya telah memberikan maklum balas tentang jumlah OC yang telah diluluskan oleh kedua-dua PBT pada 2 tahun lalu, di mana sebahagian besarnya rumah mampu milik. Saya juga telah memberikan *details* berkenaan tentang skop perniagaan rumah-rumah awam dan statistik projek mampu milik yang telah dijalankan oleh agensi Kerajaan. Oleh itu saya tidak ingin berulang di sini dan boleh rujuk kepada *hansard* untuk jawapan yang seterusnya. Sebagai kesimpulan, tentang cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat kita akan ambil maklum tentang cadangan tersebut dan akan mengkaji dengan lebih mendalam.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):**

Minta penjelasan, Y.B. Tuan Speaker, saya minta maaf kerana tadi Y.B. Ayer Itam membangkitkan isu PESSOC yang mana saya tiada dalam Dewan ni. Saya ada beberapa nak minta penjelasan lagi. Nombor satu, yang mana Y.B. Air Itam kata saya tiada menerima tawaran so saya nak tanya adakah tidak menerima tawaran sebagai jawapan MMK...(gangguan), bukan ertinya tidak boleh membangkitkan masalah di bidang ini. So yang soalan yang saya nak tanya beberapa soalan saya bangkit, tiada dapat penjelasan yang jelas..

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hong Wai):**

Sebenarnya saya menyediakan tiga muka surat jawapan, tapi Yang Berhormat tidak ada di sini oleh itu saya pendekkan, saya boleh jawab sila duduk kerana kita harus serius, sekiranya kita berada di sini mengingat jawapan *I mean* meninggalkan Dewan supaya jawapan itu dapat dengan lengkap. Penukaran konduktor PESSOC juga dibuat atas beberapa sebab, permit kerja konduktor asing ini sudah tamat dan kontrak beliau sudah tamat, konduktor asing itu telah dijangkakan melatih orang-orang tempatan untuk mengambil alih tetapi tidak berbuat demikian. Konduktor asing ini dibayar gaji lebih lumayan daripada seorang ADUN RM6,500.00 sebulan dan bekerja mengikut hanya beberapa jam seminggu. Kita telah menamatkan kontrak tersebut tahun lalu dan satu temu duga terbuka telah diadakan untuk mengganti dan konduktor asing ini turut di undang untuk menghadiri temu duga tetapi beliau tidak menerima undangan tersebut.

Isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Pulau Tikus adalah bersangkutan paut dengan penstrukturan semula dan juga sistem-sistem baru yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pengurusan. Sistem baru yang diperkenalkan ialah untuk bertujuan mengemaskinikan pentadbiran seperti masalah rekod keahlian tidak kemas, peralatan muzik tidak dijaga dan bayaran penyewaan peralatan muzik tidak dikutip. Masalah-masalah ini telah ditangani satu demi satu dan adalah perlu supaya PESSOC dapat menuju ke arah satu badan yang berdisiplin dan teratur. Jumlah konsert yang diadakan pada tahun 2007 ialah dua, 2008 ialah dua dan satu pada 2009.

Pembangunan ahli muzik yang muda adalah usaha yang berterusan. Strategi perlu dirancang dan perancangan yang teliti dan sumbangan kewangan untuk memastikan pembangunan berterusan. Jawatankuasa Pengurusan PESSOC yang baru sudah berbincang dengan beberapa organisasi untuk membantu menganjurkan junior orkestra. Beberapa projek dalam perbincangan seperti *our-rich* program dan dibandingkan esok sedang dirancang. Keahlian esok adalah sukarela dan dibuka kepada semua ahli muzik Pulau Pinang, Jemputan sebanyak dua kali sudah dihantar bagi menjemput mereka yang berminat untuk berdaftar dengan PESSOC. PESSOC tidak melarang sesiapa menjadi ahli PESSOC namun pemilihan ahli untuk pertunjukan adalah berdasarkan kepada kepakaran mereka. *Audition* mencari bakat telah diadakan pada Disember 2009 untuk latihan dan pemain orkestra. Dua (2) Ahli Muzik MPO dijemput sebagai juru *audition* bersama konduktor orkestra dan pemain *violin*. Ini adalah berlainan dengan dahulu yang hanya ahli senior PESSOC yang menjadi juri. Kerajaan Negeri akan terus memberi galakan kepada PESSOC untuk berkembang sebagai salah satu badan yang berprestasi dalam melatih ahli-ahli muzik di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan, Air Itam

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hong Wai):**

Silakan.

### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya telah membangkitkan beberapa isu tentang pejabat COB yang kurang proaktif dalam menyelesaikan masalah GMB, masalah *dispute between* penduduk dengan pemaju dan umpamanya, saya ambil contoh Kristal Point, Nibung Indah dan juga Taman Makmur Jaya di kawasan saya. Jadi saya nak tanya kalau boleh apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk betul-betul memperkasakan COB supaya menyelesaikan masalah *strata title* GMB. dan GMC yang semakin lama tidak diselesaikan. Kita kena ambil tindakan setengah pemaju yang tidak bertanggungjawab. Pengerusi REDA, mereka pun tahu ada sesetengah pemaju yang menyebabkan nama baik pemaju telah dicemari oleh sesetengah yang tidak bertanggungjawab, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus ( Y.B. Tuan Koey Teng Hai):**

Minta laluan, sebelum masuk ke isu yang baru. Y.B. Tuan Speaker, memang ini kes serius, yang itu saya bangkit di Dewan ini bukan sahaja saya tiada di Dewan nampak isu ini tidak serius kami pun akan ambil masa untuk buang air. Y.B. Tuan Speaker, yang saya bangkitkan soalan adalah seperti *conflict of interest* untuk yang konduktor ini tiada dijawab. Yang kedua, adakah kerja ini, kerja sambilan yang Kerajaan Negeri bersetuju untuk *conductor director* sebagai kerja sambilan.

Yang lagi saya nak mintak, yang tadi seperti apa Y.B. Air Itam telah jawab ada beberapa temu duga untuk memilih ahli-ahli *musician* sebagai Ahli PESSOC yang ada aduan yang mereka tidak dijemput atau tidak yang itu pintu tutup tidak memberikan mereka peluang untuk membuat *performance* .....(dengan izin). So saya mintak supaya ADUN Air Itam boleh membuat satu pertemuan bersama dengan mereka so mungkin masalah ini boleh diselesaikan. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hong Wai):**

Terima kasih Pulau Tikus, seperti ucapan awal saya mengenai PESSOC, waktu dulu PESSOC dipimpin oleh seorang ahli politik yang jadualnya sibuk dan saya tidak dapat berbuat demikian kerana jadual juga sibuk dan oleh itu kita telah melantik seorang individu untuk berbuat demikian dan juga telah menubuhkan satu jawatankuasa pengurusan. Jawatan pengurusan ini kita mengharapkan mereka dapat memainkan urusan *managing* ataupun menguruskan urusan harian ataupun perancangan tentang PESSOC.

Walaupun Kerajaan Negeri telah memberikan satu geran kepada PESSOC tetapi sebarang rancangan ataupun program-program yang akan mereka jalankan kita telah memberi kuasa kepada jawatankuasa pengurusan ini supaya mereka dapat memberikan hala tuju terhadap *Penang State Symphony Orchestra & Chorus* ini dan saya menghargai cadangan Y.B. Pulau Tikus dan saya jemput Y.B. Pulau Tikus untuk menyertai mesyuarat ini kerana saya rasa ada beberapa Y.B. Pulau Tikus boleh membantu ataupun berikan idea-idea dapat supaya isu-isu yang dibangkitkan di Dewan ini kita boleh selesaikan dalam satu mesyuarat bersama jawatankuasa pengurusan.



Berkenaan masalah yang ditimbulkan oleh Y.B. Pantai Jerejak, isu-isu pengurusan bertingkat ini dan melalui struktur organisasi COB adalah di bawah MPPP dan seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Bayan Lepas tadi bahawa terdapat mungkin ada dari segi pentadbiran terdapat sedikit ketidakaturan ataupun *confusion* tentang EXCO-EXCO mana yang perlu memegang lihat kepada isu ini. Tetapi sebenarnya isu COB ini boleh dipertingkatkan lagi bukan sahaja isu COB kerana isu COB adalah hanya pengurusan tapi kita juga harus ingat isu-isu pengurusan bertingkat ini juga adalah berkenaan dengan *strata title*, isu P.T.G. dan sekiranya kita lihat dari perspektif ini satu kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan Hak Milik Strata, bangunan berstrata ini *cost department* mengandungi anggota-anggota dari PTG perumahan COB kedua-kedua majlis kita mengharapkan melalui jawatankuasa ini kita lihat bagaimana kita dapat mempertingkatkan atau menyelesaikan masalah-masalah pelbagai dimensi ini yang terlibat isu tanah, isu pengurusan dan sebagainya.

#### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan, Ahli Air Itam, saya terima kasih kerana apa ni admin bahawa ada masalah ada ketidakaturan dalam pejabat COB Saya nak *highlight* kan isu ini, isu penubuhan GMB, MC dan juga gaduh antara pemaju dengan penduduk. Ada yang kes-kes ini sudah 15 tahun, 10 tahun, 5 tahun, tapi masih dalam peringkat siasatan. Saya rasa kita kena ada satu sistematik yang *target* bahawa dalam berapa tahun. Mungkin dalam dua tahun kita kena selesaikan kes-kes yang tertangguh lama. Jadi ini memberi satu keadilan kepada pembeli-pembeli rumah dan supaya *clear* kan kes-kes yang tertunggak seperti *strata title* yang sudah lama tidak keluar, keluarkan secepat mungkin dan *push* supaya *commit* itu dan COB pejabat DO bertindak dalam pasukan yang lebih efektif, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Air Itam( Y.B. Tuan Wong Hong Wai:**

Terima kasih atas cadangan tersebut. Dan kerana terdapat banyak bangunan bertingkat di Negeri Pulau Pinang khasnya Daerah Timur Laut jawatankuasa yang saya sebutkan tadi sedang melihat kes-kes spesifik yang bukan sahaja kes-kes yang seperti Yang Berhormat berkata ada kes yang sudah masuk pemajunya sudah digulung dan kes-kes yang memerlukan campur tangan *Insolvency Department* dan juga kes-kes yang melibatkan perbicaraan di mahkamah dan terdapat banyak lagi kes-kes yang berlainan. Walau bagaimanapun kita akan melihat jawatankuasa ini akan melihat dengan teliti dan juga akan mengambil satu langkah yang lebih proaktif untuk membantu penduduk-penduduk.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveetharan a/l V. Subramaniam):**

Penjelasan Yang Berhormat, tadi Ahli Kawasan Bayan Lepas ada bangkitkan isu Taman Kenanga. Saya percaya Taman Kenanga ada satu projek PDC berada di dalam kawasan Batu Uban. Projek itu telah pun diluluskan kalau tak salah saya telah diluluskan dan struktur telah pun naik sebelum 3 Mac 2008 dan sekarang berada dalam tahap penyiapan, jadi *mix* yang kos murah dengan kos sederhana murah itu adalah ditentukan oleh PDC ataupun bersama Kerajaan Negeri sekali? itu satu.

Kedua, masalah di Batu Uban itu kebanyakannya bila rumah kos rendah, kos murah itu disiapkan semua bagus tapi masalah *parking* tak cukup tempat sama ada pemaju-pemaju mengikuti dengan wajibnya *Town And Country Planning Act*, ini perlu dititik beratkan sebab Daerah Timur Laut memang sesak dan kita tak ada ruang untuk meletak kereta. Kadang-kadang mereka meletak kereta sampai menghalang Jalan Raya Utama. Terima Kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Isu yang baru yang belum diucapkan oleh Yang Berhormat kita akan lihat kepada *point-point*. Ini dengan ini sekian. Penggulangan saya.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Terima kasih. Dipersilakan Ahli Kawasan Bukit Tambun.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berusaha terima kasih kerana memberi peluang bersama-sama di seisi penggulangan perbahasan. Saya mengucapkan terima kasih. Yang Berhormat-Yang Berhormat sampaikan isu bersabit dengan portfolio saya ada aduan-aduan yang perlu saya lihat secara serius. Ada juga idea dan juga cadangan dan pandangan yang baik dan juga ada juga hujah-hujah yang perlu saya jelaskan di sini. Yang Berhormat-Yang Berhormat sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Negeri Pulau Pinang adalah di dalam lingkungan 2.5% sahaja tetapi dengan sumbangan 0.5% juga kita lihat bahawa daya saingan dan kemampuan sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang juga adalah di antara yang mempunyai daya saingan kalau di banding dengan Negeri-Negeri yang lain.

Misalannya di sektor perikanan hiasan atau produk-produk dan termasuk juga aktiviti ternakan unggas baik daripada ternakan unggas tradisional mahupun daripada sektor Industri Walet. Tak kurang hebat juga daripada purata hasilan padi kita juga di antara yang paling terbaik di Malaysia. Kerajaan Negeri juga bermisi dan kita tahu juga masalah yang kita hadapi dengan khususnya kekurangan tanah-tanah yang tidak besar dan misi pertanian untuk Kerajaan Negeri adalah lebih tertumpu kita menambahbaikkan aktiviti untuk semua sektor yang terlibat dalam pertanian. Dan juga mengekalkan dan mempertingkatkan lagi daya saingan dengan warga tani ataupun produk-produk pertanian di Negeri Pulau Pinang. Di mana saya rasa dengan perkembangan-perkembangan pertanian di sedunia ini juga, pertanian di Negeri Pulau Pinang ini juga akan menghalakan ke satu tahap di mana kita mementingkan pertanian yang lebih mesra alam. Dan juga satu pertanian yang bebas daripada racun ataupun makanan yang lebih selamat boleh dibekalkan oleh Petani kita.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya kasihi. Dalam usaha untuk membangunkan pertanian di Negeri Pulau Pinang juga saya perlu memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa selepas Mac 8 telah pun ditubuhkan satu Jawatankuasa yang telah disebutkan Y.B. Seberang Jaya yang dipanggil iaitu Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MP3) di mana saya secara ikhlas menyambut baik dengan pertubuhannya Majlis MP3 ini. Kerana saya tahu untuk

memajukan sektor pertanian di Pulau Pinang perlu juga kalau boleh ada pertubuhan-pertubuhan yang suka ataupun yang rela untuk supaya sama-sama kita membangunkan pertanian ini. Tetapi juga saya rasa pegawai-pegawai di bawah MOIN pun sedia maklum dalam usaha untuk membangunkan sektor pertanian ini baik dari MP3 atau daripada MMK Pertanian kita tak ada langsung ada apa-apa masalah untuk bersama-sama dengan agensi-agensi di peringkat Persekutuan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang bersabit dengan isu nelayan di mana kita sedia maklum bahawa golongan nelayan perlu selalu di beri perhatian yang tinggi kerana mereka ada satu keyakinan atau satu pendapatan yang tinggi untuk mereka menjalankan kerja-kerja mereka ataupun menampung kos kehidupan mereka. Kerajaan Negeri setakat ini telah pun menjalankan beberapa aktiviti supaya daripada kapasiti Kerajaan Negeri kita pun boleh membantu mengurangkan beban daripada yang mereka perlu dibebankan dengan segala masalah, terutamanya sekarang masalah yang mereka hadapi adalah kekurangan hasil yang diakibatkan oleh berbagai faktor.

Di antaranya saya rasa paling hangat perbincangan dengan perbincangan Jambatan Kedua yang telah pun menjadi faktor yang utama yang untuk para nelayan, mereka mengatakan bahawa pembinaan Jambatan Kedua itu telah menjejaskan pendapatan mereka tetapi kita perlu faham bahawa dengan faktor-faktor yang lain juga telah menyumbang kekurangannya hasil lautan ini yang diakibatkan oleh pelbagai faktor. Misalnya dengan tambaknya laut. Oleh projek-projek yang lain ataupun pembuangan sampah-sampah yang tidak terkawal dan juga termasuk juga pergerakan kapal yang begitu sibuk. Tak lupa juga penangkapan haram juga yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Dan usaha Kerajaan Negeri untuk membantu golongan nelayan ini adalah melalui kerja-kerja berikut.

Yang pertama, Kerajaan Negeri telah pun memperakui dan telah mengemukakan dokumen tuntutan sagu hati kepada syarikat Jambatan Kedua supaya dengan pembinaan pelaksanaan Projek Jambatan yang Kedua, golongan nelayan perlu dibayar satu wang sagu hati telah pun kita sampaikan dokumen tuntutan sagu hati ini pada hujung tahun 2009.

Setakat Mac 16 maklum balas daripada Jambatan Kedua Sendirian Berhad adalah mereka sedang meneliti nilai tuntutan yang telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan dokumen tuntutan ini adalah hasil daripada persediaan daripada Jabatan Perikanan dan juga Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan juga untuk usaha membantu golongan nelayan di Negeri Pulau Pinang ini juga dan Kerajaan Negeri ini juga menimbangkan mekanisme yang lain supaya kita boleh meringankan beban hidup nelayan seperti menjalinkan kerjasama nelayan dan pengusaha akuakultur.

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan kawasan ini juga termasuk projek-projek yang telah pun kita tawar kepada Persatuan Nelayan mahupun melalui syarikat-syarikat di bawah naungan LKIM. Ini juga termasuk pembersihan pantai laut dan saya rasa kalau kita boleh saya nak mencadangkan bahawa projek-projek ini boleh ditawarkan terus kepada unit-unit nelayan yang terlibat secara langsung dan ini akan lebih membawa manfaat yang terus kepada nelayan-nelayan kita.

Yang ketiga, selain daripada itu Kerajaan Negeri telah pun membantu dan mengeluarkan lesen pendudukan sementara TOL untuk persatuan nelayan untuk mereka pengusaha beberapa kawasan persisiran pantai untuk menambah pendapatan persatuan demi kebajikan nelayan.

Dan juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada LKIM dan Persatuan Nelayan kerana kerjasama mereka. Kerajaan Negeri juga boleh membantu golongan nelayan ini dengan membina beberapa bangsal untuk nelayan di Tanjung Bungah dan Kerajaan Negeri juga dalam proses membina sebuah jeti nelayan di Batu Kawan dan di Sungai Gelugor. Dan beberapa buah stor di beberapa kawasan di Tanjong Bungah. Ini adalah usaha selain daripada apa yang telah pun dibangunkan bawah Projek LKIM atau pun Persatuan Nelayan dan dalam masa yang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa kerajaan meluluskan TOL untuk unit-unit nelayan tetapi tak disebutkan untuk apa? TOL itu dan juga adakah Kerajaan Negeri memberi bantuan dari segi kewangan untuk memajukan TOL yang diberi? TOL tanah ka laut ka?

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih. Y.B. Penaga. Misalannya kita telah pun meluluskan TOL untuk Persatuan Nelayan untuk mereka berusaha menjual petrol yang telah pun mereka terima subsidi daripada pihak Kementerian di mana itu juga adalah satu usaha dan satu contoh yang saya ingin beri contoh kepada Ketua Pembangkang. Sementara itu juga Kerajaan Negeri juga dalam proses penyediaan Kertas MMK supaya kita melihat atas kapasiti Kerajaan Negeri, kita boleh mampu meringankan lagi beban golongan nelayan ini melalui mencadangkan supaya *fees-fees* lesen tangkap ikan dan *fees* lesen bot ini boleh dikecualikan dan kertas ini sedang pun dalam proses untuk dibawa kepada MMK dan juga satu dana bantuan kecemasan.

Selain daripada dana bantuan TYT telah pun diarah untuk ditubuhkan di bawah MMK Pertanian supaya segala usaha ini boleh nampak dari kapasiti Kerajaan Negeri untuk meringankan beban golongan nelayan ini. Di sini juga saya rasa dengan usaha yang telah pun ditubuhkannya MP3 ini juga masalah-masalah nelayan-nelayan lain juga boleh sama-sama diselesaikan dengan lebih baik dan untuk pihak nelayan juga satu isu dibangkitkan adalah jenis pukut buaya yang telah pun sekian lama dijadikan satu isu yang begitu serius dan sampai satu tahap bila kita pergi berdialog dengan nelayan baik di Batu Maung, baik di Sungai Udang, baik juga di Telok Bahang sudah sampai satu tahap yang tidak lagi sabar dan kata-kata yang seperti nak membakarkan bot yang ceroboh kawasan pun telah dikeluarkan dalam majlis dialog ini.

Kerajaan Negeri memang memandang serius tetapi juga sepertimana yang disebutkan oleh Y.B. Bagan Jermal ini juga, ini adalah juga bersabit dengan penguatkuasaan iaitu baik daripada jabatan yang mempunyai penguat kuasa iaitu Jabatan Perikanan atau pun khususnya Maritim yang diberi tanggungjawab, sama-samalah saya rasa kerjasama dengan pihak yang boleh menguatkuasakan ini.

Telah beberapa kali kita turun ke kawasan-kawasan nelayan ini, minggu lepas juga kita telah bertemu dengan golongan nelayan-nelayan ini di Permatang Tepi Laut. Soalan dan masalah yang sama juga ditimbulkan dan saya rasa untuk menguatkuasakan atau mengurangkan pencerobohan pukut buaya ini adalah satu masalah yang besar kerana selalunya bukan setakat pihak Maritim yang tidak dapat atau tidak mampu menangkap bot-bot ini tetapi selalunya nelayan-nelayan ini juga menghadapi kerosakan pukut-pukut atau kadang-kadang membahayakan dengan pertembungan bot kecil dengan pukut buaya ini.

Sehingga kini mengikut statistik yang dibekalkan oleh Jabatan Perikanan untuk sepanjang tahun 2009, 25 kes sahaja yang telah disabitkan kesalahan dengan kadar kompaun RM164,000.00. Sehingga April tahun ini, 10 kes telah pun disabitkan kesalahan atas pencerobohan pukut buaya dan kadar saman adalah dalam lingkungan RM48,000.00. Saya rasa tindakan pencerobohan pukut buaya ini atau pukut tunda selalu menjadi perhatian Jabatan Perikanan dan Pengarah Perikanan yang baru pun sedia maklum bahawa masalah pencerobohan perlu diletak dalam agenda yang paling utama. Sementara kita berdialog dengan golongan nelayan, wakil-wakil atau pun ketua-ketua daripada Jabatan Laut dan pihak Maritim juga faham bahawa masalah ini tidak boleh lagi dilanjutkan kerana seperti mana yang saya sebutkan masalah ini telah sampai ke satu tahap di mana mereka yang menjadi mangsa sudah menjadi tidak sabar. Saya berharap melalui Dewan ini juga saya menyeru pihak yang berkuasa, Maritim atau Jabatan Perikanan perlu mengambil tindakan yang serius.

Saya juga minta dalam mesyuarat MP3 yang akan dihadiri oleh pihak Y.B. Pembangkang juga, saya menyeru supaya perkara ini diselesaikan sebelum berlakunya kes-kes pergaduhan di laut. Itu yang saya ingin sampaikan mesej ini kepada pihak yang boleh menguatkuasakan. Untuk maklumat tambahan juga, Jabatan Perikanan telah memindah dua stesen pemantauan di Telok Bahang dan Telok Kumbar supaya mereka boleh lebih berkesan menangani isu pencerobohan ini dengan lebih berkesan. Untuk isu TKPM Juru yang telah pun dibangkitkan oleh ..(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan. Selain daripada pencerobohan ke atas nelayan dengan pukut tunda atau pukut harimau di kawasan perairan kita, sedarkah Yang Berhormat EXCO bahawa pencemaran pakej sampah juga merupakan satu ancaman yang besar kepada penternak-penternak ikan dalam sangkar di kawasan tepi laut kita. Itu sahaja soalan saya.

#### **Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Jawi. Sepertimana yang saya sebutkan faktor yang menjadikan hasil laut ini berkurangan adalah terdiri pelbagai faktor. Antaranya kalau hendak disebut secara khusus juga, penternak-penternak ikan dalam sangkar khususnya di Bahagian Nibong Tebal adalah tidak lari daripada sumbangan pencemaran daripada *leachate* yang terkeluar dari tapak pelupusan sampah itu.

Itu sendiri pun tidak dinafikan oleh pihak penternak ikan dalam sangkar dan perkara ini bukan sahaja setakat dipandang serius Jabatan Perikanan, saya rasa baik MPSP dan juga Jabatan Alam Sekitar pun sedang serius memantau keadaan di situ. Jenis masalah yang disumbangkan oleh manusia saya rasa kalau kita boleh mempertingkatkan lagi penguatkuasaan terhadap mereka, saya rasa pengurangan pencemaran ini boleh diperbaiki. Saya juga berharap bahawa dan saya tengok juga Y.B. Jawi pun selalu turun ke tapak pelupusan sampah itu untuk bersama-sama memantau. Saya ucap terima kasih kerana selalu memantau kerja itu dan juga membantu Y.B. Sungai Acheh kerana masalah yang sama, saya tahu masalah yang sama dihadapi oleh kedua-dua Yang Berhormat ini. Saya pun perlu berterus-terang di sini, kalau tiada penguatkuasaan yang lebih serius, pengurusan ini baik dari pengurusan sampah atau pengurusan yang lain tidak akan begitu mengangap serius mengenai pencemaran mereka.

Y.B. Ketua Pembangkang telah bertanya mengapa TKPM Juru belum lagi diusahakan selain daripada tanaman nenas sahaja. Saya ingin memaklumkan kepada Ketua Pembangkang mengapa ianya lambat. Walaupun TKPM ini telah diluluskan pada tahun 2006 sehingga hari ini sudah 4 tahun di mana di pertengahan proses ini ia terhenti sekejap. Tetapi tidak jadi halangan untuk Kerajaan Negeri sambung balik projek ini di Juru. Program TKPM Juru menghadapi sedikit kelewatan kerana kita mengambil kira faktor-faktor seperti di bawah:-

- (i) Untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri ke atas pelaksanaan program TKPM. Perkara ini telah pun selesai.
- (ii) Untuk penyediaan dokumen perjanjian pajakan tanah TKPM juga mengambil satu tempoh masa untuk menyelesaikan.
- (iii) pemilihan peserta untuk aktiviti ternakan dan akuakultur.
- (iv) kerja-kerja penyediaan tapak secara berperingkat, misalannya merata dan meninggikan aras tanah serta menyediakan sistem perparitan di situ. Kerja ini telah pun bermula pada tahun 2009 dan sekarang ini masih berjalan.
- (v) kerja-kerja penyediaan spesifikasi lengkap yang masih sedang dijalankan bagi membolehkan bekalan elektrik dan air yang boleh dibekalkan ke tapak projek itu.

Aktiviti tanaman telah pun bermula pada tahun 2008 dan untuk aktiviti ternakan dan akuakultur sedang dalam peringkat proses penyediaan dokumen perjanjian dengan peserta. Saya yakin kerja ini boleh siap dan kita boleh beroperasi sepenuhnya di kawasan TKPM Juru pada awal tahun 2010. Kerja-kerja pemajuan tapak oleh peserta TKPM bagi aktiviti ternakan dan akuakultur juga dijangka bermula pada bulan Jun tahun ini.

Y.B. Ketua Pembangkang juga membangkitkan soalan tentang Tuna Port, Malaysian Internasional Tuna Port. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan ini bersabit dengan projek Internasional Tuna Port ini. Latar belakang Internasional Tuna Port ini ialah syarikat atau projek ini telah

pun ditubuhkan pada tahun 2004 dan ini adalah usaha sama LKIM dengan ByHorse, sebuah syarikat yang berdaftar di Sabah. Mereka kata syarikat ini ada latar belakangnya, saya ikut sahaja. Bila saya pergi membuat lawatan dengan Y.B. Batu Maung, kebetulan Y.B. Kawasan, beberapa kali kita telah pergi kerana kita tahu mereka menghadapi banyak masalah. Di sini kita berterus-terang bahawa mereka menghadapi masalah yang serius sehingga ke tahap gaji tidak dapat dikeluarkan, bekalan air pun tak mampu. Betul seperti mana disebut oleh Y.B. Ketua Pembangkang. Ekuiti di antara LKIM dan syarikat yang saya sebutkan itu adalah 40% LKIM dan 60% yang dipegang oleh syarikat ini.

Masalah yang dihadapi oleh Tuna Port hari ini ialah syarikat ini gagal untuk membangunkan Tuna Port ini sebagaimana perancangan yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2008. Pinjaman bank untuk pembangunan pelabuhan pun telah dibatalkan pembiayaannya. Syarikat telah gagal mengurus pelabuhan sedia ada sama ada di dermaga tempatan ataupun antarabangsa. Pengurusan pelabuhan dibebankan dengan tunggakan hutang termasuk bil utiliti dan kerja-kerja penyelenggaraan. Jawapan yang disediakan pihak LKIM, reaksi dari LKIM ataupun kementerian ialah LKIM atau kementerian cuba menyelesaikan isu semasa termasuk mendahulukan bayaran bil utiliti dan kerja penyelenggaraan dan juga urusan menentukan kedudukan syarikat perjanjian konsesi sedang diusahakan di peringkat kementerian. Saya rasa ini juga kalau boleh saya hendak minta bahawa kalau ada Ahli-ahli Parlimen di sini atau Ahli-ahli dalam MP3 juga boleh membawa isu ke peringkat kementerian di mana saya rasa mereka mempunyai kebijaksanaan untuk menyelesaikan isu ini dengan lebih baik.

Bersabit dengan pencemaran yang selalu dibangkitkan di dalam Dewan ini iaitu pencemaran bau atau pencemaran diakibatkan oleh lalat di kawasan-kawasan ternakan. Masalah ini telah lama ditimbulkan dan selalunya bila terdapat pembangunan atau projek perumahan baru, dengan penambahan rumah, ia semakin dekat kawasan-kawasan aktiviti ternakan yang sedia ada. Dari segi ini juga saya telah pun dan selalu memaklumkan kepada penternak atau pemaju bahawa masalah ini perlu diselesaikan melalui beberapa aspek. Satu, ialah melalui usaha penternak itu sendiri, satu ialah dengan penggubalan polisi atau garis panduan oleh pihak kerajaan tetapi satu lagi yang tidak lupa untuk saya beritahu di Dewan ini ialah dengan kemasukan pemaju-pemaju yang dahulunya membeli tanah itu sebagai tanah pertanian dan mereka mengikuti perkembangan pembangunan terkini, mereka tukar tanah pertanian itu untuk dijadikan skim perumahan.

Mereka sedia maklum bahawa kawasan itu pada asalnya satu kawasan pertanian di mana saya hendak katakan di sini mengapa aduan dahulu tidak sebanyak hari ini, ini adalah salah satu faktor yang juga perlu diambil kira. Selalunya dalam penukaran syarat tanah ini saya minta juga pihak-pihak atau jabatan-jabatan lain mengambil serius isu ini, kalau adanya skim perumahan yang perlu mendekati kawasan-kawasan yang sedia ada, khususnya kawasan ternakan unggas, khinzir atau pun lembu, kambing, ini perlu menjadi satu faktor untuk kita memberi ulasan dalam hal tanah ini. Tetapi itu bukan menjadi alasan bagi pihak Kerajaan Negeri untuk mengabaikan pencemaran di kawasan-kawasan ternakan. Misalannya Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan, Veterinar ataupun Jabatan Alam Sekitar selalu kita melakukan usaha.

Di antaranya kita tahu kesedaran itu penting dan untuk tahun 2009, sebanyak 400 penternak telah dipanggil untuk mengikuti kursus-kursus yang disediakan Jabatan Veterinar. Untuk tahun ini sehingga April, seramai 65 orang peserta telah mengikuti kursus penternakan yang dianjurkan oleh Jabatan Veterinar. Saya rasa kesedaran ini perlu kepada penternak kerana biasanya mereka menganggap bahawa untuk mengawal ataupun menguruskan ladang mereka, mereka selalu ingat bahawa mereka perlu satu kos yang tinggi dan di mana pada waktu sekarang untuk menguruskan ladang mereka dengan lebih baik dengan lebih bersih dengan menguruskan bau-bau ini telah pun bukan menjadi faktor yang utama.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan, Y.B. Bukit Tambun. Saya terlepas dengan isu ini untuk bercakap masa perbincangan. Saya menyokong dalam usaha-usaha Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri hijau termasuklah usaha-usaha untuk menghalang pengguna *polistirena* dan menanam banyak pokok untuk menghijaukan Negeri, semua ini adalah kerana kita mahukan permohonan yang lestari. Saya mencadangkan tiga perkara susulan dan pertimbangan dan tindakan oleh Y.B. Bukit Tambun. Satu menggalakkan baja kompos untuk semua jenis tanaman dan sayur-sayuran dan seterusnya kaedah sayur-sayuran organik.

Yang ke dua memantau penggunaan *chemical fertilizer* yang banyak digunakan sehingga merosakkan struktur tanah dan kematian ikan-ikan di dalam sungai, parit dan tali air dan yang ketiganya memantau kewujudan kolam-kolam air di atas bukit yang mengganggu aliran air ke kawasan pengairan di bawah bukit untuk tujuan pertanian. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih, Ahli Kawasan Pulau Betong, saya rasa ketiga-tiga cadangan ini bagus dan saya rasa dalam Jabatan Pertanian pun, faktor-faktor dan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Pulau Betong sedang ataupun telah pun ambil maklum dalam usaha dan sedang dibuat untuk menghalau ke satu tahap yang lebih hijau untuk kita boleh mempertingkatkan juga daya saingan para pertanian kita dan untuk menyambungkan isu tentang pencemaran ini juga. Saya rasa Jabatan Veterinar ada berbagai program yang telah dijalankan, misal dengan usaha mereka menggunakan bio teknologi mikro.

Saya hendak memaklumkan kepada Dewan ini sepanjang tahun 2009. 72.9% daripada kesemua ladang khinzir telah pun menggunakan kaedah ini dan 20.5% ladang unggas, dan juga 15% ternakan lembu telah pun menggunakan kaedah bio teknologi mikro untuk aktiviti ternakan. Bagi menangani masalah lalat juga selain daripada penggunaan bio teknologi mikro kaedah *netting* akan dilakukan yang mana akan memutuskan kitaran lalat tersebut. Tumpuan kawalan adalah di sekitar Seberang Perai Selatan, Valdor, Nibong Tebal dan juga di kawasan Kampong Selamat dan sebahagian daripada kawasan Seberang Perai Tengah iaitu di sekitar Juru. Y.B. Kawasan Sungai Acheh telah membangkitkan.

**Y.B. Timbalan Speaker:**

Y.B. Ahli Kawasan Bukit Tambun, panjang lagi atau tidak.



**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Sikit sahaja lagi.

**Y.B. Timbalan Speaker:**

Atau Yang Berhormat boleh sambung selepas kita rehat.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Y.B. Tuan Speaker, sedikit, saya habiskanlah.

**Y.B. Timbalan Speaker:**

Sila-sila.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Okey, terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya ringkas hendak menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Y.B. Kawasan Sungai Aceh mengenai pewartaan tali air. Sukacita saya mengambil maklum kepada Yang Berhormat dan juga untuk Dewan ini, pewartaan kawasan skim-skim pengairan di Pulau Pinang termasuk skim pengairan di Sungai Aceh dibentangkan dan diluluskan dan disahkan oleh EXCO, dan masa sekarang ini kertas tersebut sedang disemak oleh Y.B. Penasihat Undang-undang sebelum dikuatkuasakan sepenuhnya. Kesampaian ini saya ucapkan terima kasih kepada JPS dan jabatan yang telah berusaha.

Daripada Y.B. Kawasan Sungai Aceh juga bersabit dengan masalah pengairan yang dihadapi oleh pesawah padi di kawasan Sungai Aceh secara ringkas Kerajaan Negeri sedar masalah yang dihadapi kerana di kawasan Sungai Aceh ada lebih kurang 1,400 hektar yang terletak dalam skim pengairan di mana sekarang menggunakan air daripada empangan Bukit Merah, Perak dan untuk mendapatkan bekalan air daripada Sungai Kerian, ianya boleh dilaksanakan tetapi mengambil satu kos yang tinggi. JPS telah pun merancang pelaksanaan projek pengairan untuk skim di Sungai Aceh melalui sistem pam dan paip penghantaran.

Dalam hal ini JPS telah pun memohon kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM10 juta dalam RMKe-10, supaya pelaksanaan projek tersebut boleh membantu menyelesaikan masalah di situ dan masa kini JPS dalam peringkat penyediaan terma rujukan, dan akan dikemukakan kepada Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian di Kementerian Pertanian dalam minggu pertama bulan Jun 2010. Bersabit dengan ternakan dalam kolam juga menjadikan saya dalam isu yang terakhir di mana telah pun dibangkitkan oleh Y.B. Kawasan Jawi, Y.B. kawasan Sungai Aceh dan Sungai Bakap dan masalah sisa-sisa kolam yang dibuang dan telah menjadikan masalah petani ataupun penguasa-pengusaha kelapa sawit di situ dan menjadikan kawasan mereka dilimpahi oleh air dan menjadi banjir.

Ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, satu mesyuarat yang telah pun kita adakan pada bulan Februari, yang telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah kita, Puan Hajah Rohani telah membincangkan isu ini dan kita memohon semua pengusaha-pengusaha di situ, di mana mereka perlu memohon lesen Tol bagi rumah-rumah pam yang dibina tanpa kebenaran dan ini adalah satu perkara yang penting dan selain daripada itu pengusaha-pengusaha kolam juga perlu mengorek sendiri parit yang telah tersumbat di kawasan kolam masing-masing sebelum 31 Mei untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil, dan ke tiga, penguasa kolam juga perlu menjalankan kerja-kerja pengorekan parit di kawasan masing-masing sekurang-kurangnya dua kali setahun, dan keempat sekiranya pengusaha-pengusaha gagal mengorek parit dan memohon lesen Tol sebelum 31 Mei maka tindakan penguatkuasaan dan perobohan akan diambil oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan dan saya ingin sampaikan mesej ini dan saya minta pemberita dalam Dewan ini, supaya mesej ini perlu disampaikan kepada penternak ini khususnya Yang Berhormat-Yang Berhormat kawasan, kerana garis panduan sekarang sudah cukup untuk mereka dan mereka perlu mematuhi supaya sisa-sisa kolam mini tidak menjadi beban kepada tuan tanah, jiran mereka dan segala garis panduan ataupun garis panduan penguatkuasaan adalah begitu jelas dan saya memohon bahawa kesemua Yang Berhormat di kawasan itu perlu sampaikan mesej penguatkuasaan ini sebelum mereka terima satu hukuman.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Penjelasan sedikit, yang pertama, selain daripada lesen Tol untuk rumah pam, ada atau tidak lesen-lesen tertentu yang perlu diberikan kepada pengusaha-pengusaha kolam, yang kedua, kelodak-kelodak itu biasanya dilepaskan di dalam parit JPS. Jadi penguasa itu ramai, adakah Y.B. Bukit Tambun bermaksud bila mereka habis, kelodak itu masuk, tiap-tiap pengusaha kolam ini akan bersihkan kolam itu, ini masalah juga kerana parit itu memanjang begitu, jadi *owner* dia banyak dan banyak petak dan mereka tidak sama musim dan waktunya, itu yang saya pohon penjelasan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Y.B. Kawasan Sungai Aceh, untuk perlesenan untuk mereka penternak dalam kolam di darat itu buat masa sekarang lesen menternak dikeluarkan oleh pihak MPSP dan bukannya daripada pihak Jabatan Perikanan, dan isu ini saya telah pun bincang dengan Pengarah Jabatan Perikanan dan saya perlu minta satu mesyuarat untuk menyelaraskan pengurusan pengusaha-pengusaha kolam dalam darat ini dan saya rasa cadangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya syarat perlu diletakkan untuk kita mengawal pencemaran daripada pihak penternak kolam itu. Saya akan sampaikan juga dan untuk garis panduan yang dibawa Jabatan Perikanan mengamalkan meminta penternak ikan dalam sangkar itu mengamalkan amalan yang baik juga dalam syarat ini jelas dinyatakan bahawa kolam itu perlu secara teratur dan kolam rawatan diperlukan sebelum air ini di salur keluar termasuk syarat-syarat yang lain misalannya penggunaan bahan-bahan kimia. Saya rasa perkara ini perlu lagi dipertimbangkan dan perlu diberikan perhatian lagi dan saya akan membantu dalam isu ini. Sekian, saya mohon menyokong.

**Y.B. Timbalan Speaker:**

Dewan akan berehat selama sepuluh minit dan akan disambung semula pada jam 4.55 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 5.00 petang***

**Y.B. Timbalan Speaker:**

Silakan Y.B. Batu Lanchang.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang ( Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Y.B. Tuan Speaker, saya bangkit untuk mengambil bahagian dalam penggulungan ini. Y.B. ADUN Penaga membangkitkan isu pelancong ke Pulau Pinang yang dikatakan telah merosot sebanyak 5.5% pada tahun lepas, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, peratus kedatangan pelancong ke Malaysia pada tahun 2009, mengalami penurunan sebanyak 10.92% penurunan kedatangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang hanyalah 5.5% berbanding dengan 34.63% bagi Negeri Johor 28.2% bagi Negeri Selangor dan 13.6% bagi Negeri Melaka.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Timbalan Speaker, ...(dengan izin), selaras dengan Peraturan 6A(i) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon masa persidangan hari ini 6 Mei 2010 dilanjutkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ada sokongan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A (i) untuk melanjutkan tempoh persidangan pada hari ini 6 Mei 2010, dilanjutkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau setuju katakan “Ya” yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

“Ya,” sebulat suara. Usul dipersetujui. Ahli Kawasan Batu Lanchang sila teruskan.

### **Ahli Kawasan Batu Lintang ( Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Antara faktor yang menyebabkan kemerosotan pelancong pada tahun 2009 adalah wabak H1N1 dan kegawatan ekonomi sungguh pun peratus kedatangan pelancong ini berkurangan.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, sikit ja. Yang Berhormat terima kasih kepada maklumat yang diberikan tadi tapi saya rasa kemungkinan pengurangan pelancong ke Pulau Pinang juga disebabkan oleh persepsi yang cuba diberikan oleh pihak-pihak pembangkang, macam Ketua Pembangkang kita sendiri mengatakan bahawa Pulau Pinang adalah pusat maksiat dan pada hari ini kita lihat Ketua Polis sendiri telah menafikan bahawa Pulau Pinang bukanlah pusat maksiat jadi saya harus sedikit sebanyak pihak pembangkang juga perlu bertanggungjawab semasa membuat kenyataan kerana kita lihat bahawa kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang itu telah mendapat liputan meluas dalam surat khabar dan mungkin menyumbang kepada penurunan pelancong-pelancong ke Pulau Pinang, sekian terima kasih.

### **Ahli Kawasan Batu Lintang ( Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Y.B. Tuan Speaker memang saya setuju. Sungguhpun peratus keseluruhan kedatangan pelancong ke Negeri ini berkurangan namun jumlah kedatangan pelancong asing ke Pulau Pinang meningkat kepada 2.977%, 642 pada tahun 2009 berbanding dengan 2.8 juta, 8,175 pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 5.92%. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Bagan Dalam berhubung jumlah kedatangan pelancong asing ke Pulau Pinang bagi suku tahun pertama 2010. jumlah keseluruhan pelancong asing ke Pulau Pinang adalah seramai 2.25%, 486 orang.

Dengan pengiktirafan bandar George Town sebagai tapak warisan dunia UNESCO Pulau Pinang semakin terkenal dan masyhur di mata dunia. Sungguhpun kedatangan pelancong ke Pulau Pinang merosot sebanyak 5.5% namun kajian yang dilakukan oleh *ECA International* sebuah organisasi pengurusan dan pentadbiran kakitangan seluruh dunia menunjukkan Negeri Pulau Pinang menduduki tangga ke lapan di seluruh Asia bagi tahun ini berbanding kedudukan ke-9 pada tahun 2009. Kedudukan Pulau Pinang adalah setaraf kedudukan Kuala Lumpur dan Bangkok yang menjadi pilihan rakyat Malaysia bermastautin. Kajian ini adalah berdasarkan analisa *living standard* ...(dengan izin), ke atas, 400 lokasi seluruh dunia mengikut musim perkhidmatan kesihatan, perumahan, dan kemudahan lokasi, kedudukan rangkaian sosial dan kemudahan rekreasi, kemudahan infrastruktur, faktor keselamatan, faktor politik dan faktor geografi yang sesuai untuk di diami.

Selain daripada itu syarikat TV Amerika yang menayangkan program *The Amazing Race* ...(dengan izin), musim ke 16 di Pulau Pinang dan disiarkan di saluran Astro ASN yang disaksikan oleh lebih daripada 10 juta penonton dari seluruh dunia. Acara permainan *Chin Games* seni kebudayaan Pulau Pinang yang berbagai kaum dan bangunan-bangunan warisan di Pulau Pinang turut dipaparkan

di dalam program tersebut ke semua ini telah membantu meningkatkan kedatangan pelancong asing ke Pulau Pinang. Pada tahun 2009, Y.B. ADUN Penaga juga membangkitkan isu *celebrity walk*, di mana nama *celebrity* yang memberikan sedikit sumbangan yang akan diabadikan pada pokok-pokok yang telah di tanam di Padang Kota sedangkan pokok-pokok tersebut adalah milik rakyat. Isu mengabadikan nama-nama *celebrity* pada pokok-pokok di Padang Kota masih di peringkat cadangan saja. Memandangkan sambutan yang diterima kurang memberangsangkan cadangan tersebut telah pun disiarkan di akhbar beberapa minggu yang lalu. Y.B. ADUN Sungai Dua membangkitkan isu sama ada latihan bagi acara perahu naga masih dijalankan di kawasan kemalangan dan tindakan yang telah diambil Kerajaan Negeri selepas tragedi tersebut.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat kumpulan perahu naga yang terlibat dengan kemalangan tempoh hari mengadakan latihan di kawasan kemalangan sejak 5 tahun yang lalu. Kawasan tersebut adalah milik syarikat Limbungan Persendirian, bukannya milik Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak dimaklumkan berhubung latihan yang dijalankan di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun pada awal tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar latihan bagi pertandingan perahu naga diadakan di Empangan Telok Bahang. Kebanyakan kumpulan yang terbabit dalam pertandingan perahu naga telah mengadakan latihan di Telok Bahang sejak tahun lalu. Kerajaan Negeri juga telah menggalakkan kumpulan perahu naga mengadakan latihan di kawasan yang telah ditetapkan selain peruntukan bantuan tambang bas kepada ahli-ahli kumpulan yang memerlukan pengangkutan untuk ke tempat latihan Empangan Telok Bahang.

Y.B. ADUN Pulau Betong membangkitkan isu mengenai promosi wau yang bukan melambangkan budaya sebenar Pulau Pinang. Promosi pelancongan bagi Negeri Pulau Pinang bukan sahaja mempromosi kebudayaan Pulau Pinang semata-mata tapi juga kebudayaan Malaysia secara keseluruhan dan merangkumi semua kebudayaan. Sebagai contoh bermula Julai 2009 kumpulan Kebudayaan Negeri di bawah Majlis Kebudayaan Negeri telah mengadakan persembahan kebudayaan pada hari Sabtu setiap minggu. Kumpulan Kebudayaan Negeri telah mengadakan kebudayaan persembahan kebudayaan di Guangzhou, China pada bulan Mac 2010 dan Kerajaan Negeri juga akan menghantar kumpulan ini untuk mengadakan persembahan kebudayaan di Sinchuan China pada 14 Mei ini. Untuk memperkenalkan budaya Melayu kepada rakyat Negara China sebagai usaha mempromosi seni dan kebudayaan Melayu di Negeri-Negeri ini. Oleh sebab banyak soalan yang dibangkitkan saya ucapkan terima kasih dan saya mohon untuk menyokong.

#### **Y.B. Timbalan Speaker:**

Terima kasih Ahli Kawasan Batu Lancang, dipersilakan Ahli Kawasan Bagan Jermal.

#### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Y.B. Timbalan Speaker suka saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang telah membahaskan ucapan perasmian TYT saya akan berusaha untuk menjawab soalan dan isu-isu bangkit

yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, Y.B. ADUN Penaga dan ADUN Seberang Jaya, telah membangkitkan status pelaksanaan projek kereta kabel Bukit Bendera Pulau Pinang.

Untuk makluman Yang Berhormat berdua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat tawaran tender terbuka iaitu *Invitation Proposal* bagi projek kereta kabel Bukit Bendera pada Februari 2009. Sebanyak 2 kertas cadangan dari 2 syarikat telah diterima dan dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penilaian Harta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hasil daripada penilaian tersebut, kedua-dua kertas cadangan tersebut tidak menepati spesifikasi oleh Kerajaan Negeri. Kandungan kertas cadangan tersebut turut dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah dipersetujui bahawa projek pembinaan kereta kabel akan di tender semula dengan mengambil kira segala perubahan-perubahan yang berlaku di kawasan Bukit Bendera selaras dengan menaik taraf kereta api Bukit Bendera yang giat dilaksanakan oleh JKR melalui peruntukan sebanyak RM60 juta daripada pihak Kementerian Pelancongan.

Kerajaan Negeri akan memastikan hanya syarikat yang layak yang mempunyai kemampuan terutamanya dari segi kewangan dan kepakaran. Pelaksanaan projek diberikan tanggungjawab melaksanakan projek kereta kabel Bukit Bendera Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga mengambil kira impak kepada Kerajaan Negeri khususnya. Y.B. Dato' Speaker Y.B. ADUN Bagan Dalam, Y.B. Sungai Pinang telah membangkitkan mengenai kemalangan jalan raya yang berlaku di Lebuhraya Jelutong, atau JEWay.

Untuk maklumat Yang Berhormat kebanyakan kes kemalangan yang berlaku di Lebuhraya JEWay bukanlah disebabkan oleh kecacatan permukaan jalan. Tetapi disebabkan oleh kecuaiannya pemandu kenderaan sendiri. Walau bagaimanapun langkah-langkah bagi mencegah bagi berlakunya kemalangan akan sentiasa diambil seperti penyelenggaraan berterusan ke atas lebuhraya seperti memasang papan tanda *chevron* jenis solar, mengecat garisan jalan dan memasang papan tanda amaran. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya juga mencadangkan untuk memasang *New Jersey Concrete Barrier* di atas pembahagian jalan bertujuan untuk mengelakkan pembonceng motosikal melintas ke jalan yang bertentangan arah tanpa melalui *U-Turn* yang sepatutnya.

Y.B. Timbalan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, statistik dari Cawangan Trafik Polis Diraja Malaysia adalah seperti ini, pada tahun 2005 terjadi satu kes maut di mana tujuh nyawa telah terkorban, tahun 2006 satu kes kemalangan maut melibatkan satu nyawa, tahun 2007 satu kes kemalangan maut melibatkan satu nyawa, tahun 2008 tiada apa-apa kes kemalangan maut, tahun 2009 juga tiada dan tahun ini sehingga kelmarin berlakulah tiga kes kemalangan laut maut di mana terkorbannya tiga nyawa.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin memberi sedikit maklumat mengenai kes-kes kemalangan maut yang terjadi itu.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Y.B. Ahli Bagan Jermal tadi mengelirukan tiga kemalangan yang melibatkan tiga nyawa terkorban, tetapi saya difahamkan ada satu kemalangan yang melibatkan dua nyawa macam mana tiga nyawa terkorban sahaja.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Ibunya dengan kandungan dikira sebagai dua nyawa.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Daripada dua dewasa terdapat satu bayi yang dikandungkan jadi ada tiga nyawa, jadi saya rasa angka itu tidak tepat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Saya akan baca laporan Polis ini, bagi kemalangan maut tahun 2005 di mana satu kes kemalangan maut laporan Polis telah dibuat 18 September 2005 jam pagi pukul 2, kemalangan maut melibatkan sebuah motokar WJN 1965 yang melanggar sekatan jalan raya serta tiga buah motosikal. Kemalangan maut melibatkan tujuh orang mati terdiri enam orang laki-laki dan seorang wanita. Punca kemalangannya ialah disebabkan oleh sebuah motokar yang melanggar sekatan jalan raya, Polis sedang membuat satu sekatan jalan raya di mana sebuah kereta merempuh dan melanggar sekatan jalan raya itu dan terjadilah tujuh orang mati di dalam *accident* itu.

Untuk tahun 2006 di mana ada satu kes kemalangan maut, seorang terkorban lagi dan laporan pada 22 September 2006 juga pada pukul 3.20 pagi, kemalangan maut melibatkan seorang pejalan kaki yang dilanggar dengan kenderaan yang tidak dikenal pasti. Pejalan kaki India mati di tempat kejadian dan tiada pengenalan diri, punca kemalangan disyaki cuai semasa melintas jalan, jadi kedua-dua ini pun tidak ada sangkut paut pun dengan reka bentuk jalan raya.

Yang ketiga iaitu tahun 2007 melalui satu laporan Polis yang dibuat pada 14 Januari 2007 jam pukul 12.15 tengah hari. Kemalangan maut melibatkan penunggang motosikal yang bernombor PGG 6184 dan pejalan kaki. Pejalan kaki Liew Take Long mati di tempat kejadian punca kemalangan ialah pejalan kaki ini melintas jalan. Kes tahun ini, kes pertama iaitu berlaku pada 1 Mei waktu pagi pukul 1.05 kemalangan maut melibatkan motokar PDP 3258 dan PJB 8751, penumpang PDP 3258 mati di hospital dan pemandu motosikal PJB 8751 mati di tempat kejadian, punca kemalangan ialah kerana makan jalan, iaitu dia makan jalan orang, kes kedua berlaku pada 3 Mei jam pukul 7.05 kemalangan maut melibatkan penunggang motosikal AGP 8781 dan PHA 3685 penunggang motosikal AGP 8781, Tin Chong Han mangsa mati di tempat kejadian dan pembonceng cedera parah, penunggang motosikal PHA 3685 cedera ringan punca kemalangan disyaki bergeser jadi kes motosikal dua-dua ini menuju ke hala yang sama tapi mungkin ada memotong motosikal dan bergeser kedua-duanya terbalik di tempat itu, dia tulis di sini geseran jadi seorang penunggang motosikal telah mati dan kes yang berlaku semalam sahaja iaitu 5 Mei waktu petang seorang pejalan kaki, Tan Hock Keng melintas jalan dan dilanggar oleh sebuah motokar, jadi kalau tadi laporan Polis ini semua mengatakan bahawa ini adalah kerana kecuai pejalan kaki atau pemandu kereta memandu dengan cepat atau deras di atas jalan tersebut dan bukan oleh kerana reka bentuk jalan yang tidak menepati piawaian keselamatan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, memandangkan keadaan lalu lintas di lebuh raya ini amat laju dan terdapat juga di kedua-dua belah kawasan ini ada kawasan perumahan, kawasan komersial di dua-dua belah pun ada dan dengan keperluan untuk mereka kadang-kadang hendak *cross over* dan sebagainya adakah Kerajaan Negeri hendak mengambil tindakan segera sama ada melalui peruntukan Negeri ataupun persekutuan mengadakan *under ground cross road* punya, kalau jejambat mungkin orang tua-tua yang gemuk macam saya tak larat nak angkat hendak naik atas.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Sebenarnya di persimpangan trafik *light* ada juga *pedestrian crossing* di mana apabila lampu merah kereta tidak jalan penumpang atau pejalan kaki boleh melintas jalan dengan selamat di kawasan itu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Mukadimah saya tadi oleh kerana kelajuan, kadang-kadang benda yang ada di atas ini kelajuan *human* punya tumpuan tidak ada, tapi kalau dekat bawah itu macam di stesen kereta api Kuala Lumpur dia punya *cross* bawah aman damai siapa pun tidak kacau, mungkin boleh buat mahal sedikit tidak apa, nyawa manusia kena jaga, sama ada Kerajaan Negeri atau Persekutuan kalau tidak ada kita usahalah sama-sama untuk dapat peruntukkan Kerajaan Persekutuan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Kalau ada kemampuan maka cadangan Yang Berhormat itu adalah satu cadangan yang baik, kerajaan mana-mana pun selalu menghadapi kekangan kewangan sebab itulah banyak benda yang kalau dikatakan boleh berfaedah pun tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Minta laluan, saya ingin menarik perhatian Y.B. Bagan Jermal, ke Jalan Tun Sardon kira-kira sebulan yang sudah berlaku kemalangan seorang jatuh motor kerana terjatuh ke dalam jalan tampungan hasil daripada korekan untuk membuat *paiping* jalan itu tidak ditampung dengan elok, dia tergelincir dan mati di situ. Saya telah pun menguruskan surat kepada pihak Telekom tetapi sampai hari ini tidak diambil apa-apa tindakan dan sampai ke hari ini pun jalan itu masih lagi saya katakan semacam berlurah atau berlorong sedikit dan ini amat membahayakan kepada penunggang motosikal yang melalui jalan di Taman Tun Sardon.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Mungkin itu adalah satu kes bukan di JE sana dan saya tidak ada maklumat mengenai kes ini, tetapi walau bagaimanapun pegawai saya akan mencatat dan saya akan hantar orang pergi tengok di kawasan tersebut, terima kasih.



**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ahli Bagan Jermal macam saya kata tadi itu, kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang prihatin jadi maknanya inisiatif kena diambil oleh Ahli Bagan Jermal buat *proposal*, buat permohonan jangan kata kita sudah banyak minta ini, minta itu tidak mengapa kerana ada benda yang *priority, everyting is important, but what is priority ....*(dengan izin), terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Thanasekharan a/l Autherapady):**

Nampaknya kemalangan yang berlaku, kalau mengikut apa yang Yang Berhormat berkata, kelajuan kenderaan yang melalui Jelutong Express Way, berapakah sekarang had laju di JE adakah apa-apa kemungkinan had laju ini akan dikurangkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Buat masa ini di peringkat jambatan ke TESCO had lajunya adalah 80km dan setiap pagi saya melalui di kawasan itu pada waktu petang ada juga lalu dan kadang-kadang saya juga ada nampak trafik Polis memasang *scan* atau perangkap had laju di tempat itu dan apabila dia sampai ke Macallum had lajunya sudah pasti akan dikurangkan sebab ada dua tiga peringkat *traffic light* di sana dan tempat itu pun ada banyak papan tanda amaran untuk kenderaan memperlambatkan kelajuan kenderaan mereka itu.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):**

Selepas dipohon kita telah membenarkan bahawa papan tanda awas letak di JEWay *especialy* dekat persimpangan Gat Lebuh Cecil dan Gat Lebuh Macallum dan saya pernah membuat satu permohonan bahawa supaya memasang itu *flashing amberlight* dan *pedestrian crossing* di *eastern countdown* di antara persimpangan antara JEWay dengan Gat Lebuh Macallum dan Gat Lebuh Cecil semasa kami mengadakan satu mesyuarat bersama SUK, JKR, IJM untuk membincangkan atas masalah pembinaan lebuhraya JEWay, oleh itu saya percaya Y.B. Bagan Jermal sudah dapat satu salinan tentang permohonan tersebut dan Y.B. Bagan Jermal dapat mempertimbangkan dan meluluskan permohonan itu dengan secepat mungkin supaya dapat mengurangkan kemalangan jalan raya di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih, memang benar saya ada terima satu salinan surat di mana permintaan untuk memasang *flashing amberlight* dan *pedestrian crossing digital countdown* di persimpangan antara Gat Lebuh Macallum dan Gat Lebuh Cecil, jumlah perbelanjaannya ialah RM101,651.00 dan pihak JKR dan bersama-sama dengan UPEN sedang meneliti perkara ini dan akan membuat satu keputusan dalam masa yang singkat.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Soalan tambahan, saya rasa saya ingin menyangkal statistik tersebut kerana mengikut pengalaman saya pada tahun lepas juga ada berlaku kemalangan di mana saya nampak satu kemalangan dan saya cuba menyelamatkan pemuda itu tetapi di sebahagian kecederaan yang serius dan dia tidak dapat diselamatkan, mengapa tahun lepas tidak ada statistik atau rekod yang menunjukkan ada kemalangan awal tahun ini juga berlaku satu kes di mana pokok tumbang yang mengena kepada pengguna jalan raya itu dan mati dekat Mutiara Height, saya rasa statistik yang diberikan mungkin tidak lengkap dan tidak memberikan satu gambaran yang jelas dan satu lagi perkara adalah berkenaan penyeliaan ke atas pokok-pokok yang tumbuh di sebelah jalan, sebelah Lebuhraya Jelutong itu. Macam mana kerja-kerja pemeriksaan dapat dilakukan dan macam mana pemeriksaan berkala disediakan untuk kerja-kerja pencantasan pokok yang tumbuh besar itu dapat ditangani.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Memang ini adalah statistik dari Polis Trafik PDRM dan ia menyebutkan ia ini berlaku di peringkat JEWay dan mungkin ada persempadannya, ada di mana mungkin ada berlaku kemalangan di luar persempadanan JEWay dan maka ia di tafsir tidak berlaku di JEWay. Tetapi memandangkan pohon pokok yang tumbang dan seorang pembonceng motosikal telah terkorban, itu saya akan memeriksa dengan pihak Polis mengapa ia tidak ada dalam kes ini, sebab tadi saya ada baca 3 kes Polis, semuanya melibatkan kemalangan di atas jalan raya dan tiada satu pun menyebut berkenaan motosikal yang ditimpa oleh pokok yang tumbang itu. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker, ADUN dari kawasan Pantai Jerejak telah membangkitkan mengenai pertindihan bidang kuasa dan hak penyelenggaraan jalan-jalan di Negeri Pulau Pinang. Pada masa ini penyelenggaraan jalan, parit dan sungai di Pulau Pinang adalah terdiri daripada beberapa agensi iaitu pihak JKR, MPPP, MPSP dan juga JPS. Kerajaan Negeri sedar mengenai pertindihan bidang kuasa, had penyelenggaraan jalan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri. Bagi mengatasi hal ini, Kerajaan Negeri sedang meneliti persempadanan semula, had penyelenggaraan sempadan jalan di Negeri Pulau Pinang untuk dibentangkan dalam mesyuarat EXCO.

Y.B. ADUN Padang Lalang ada membangkitkan mengenai kesesakan jalan di Jalan Son Bang Keng di Bukit Mertajam. Bagi tujuan mengatasi masalah kesesakan tersebut, pihak Jabatan Kerja Raya telah memohon peruntukan sebanyak RM15 juta untuk menaik taraf jalan tersebut melalui Rancangan Negeri Pulau Pinang Ke-3. Ini akan dijalankan selepas peruntukan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. RM15 juta ya. Belum lulus. Ya, saya tak boleh jawab bila ia akan diluluskan tetapi perkara ini ada dalam tindakan jabatan JKR.

Y.B. ADUN Bertam pula membangkitkan mengenai kesesakan jalan di Pekan Kepala Batas. Untuk mengatasi hal ini pihak JKR telah mendapat peruntukan untuk menaik taraf jalan sedia ada dari dua lorong kepada empat lorong. Kerja-kerja menaik taraf sedang giat dijalankan di Pekan Kepala Batas.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kesesakan jalan yang berlaku pada masa sekarang adalah bersifat sementara sahaja. Kesesakan jalan ini dijangka dapat dikurangkan setelah jalan siap dinaiktarafkan. Selain itu juga, lampu isyarat akan dipasang di persimpangan T yang dinaiktarafkan tersebut untuk melicinkan perjalanan trafik bagi kemudahan penduduk di Kepala Batas.

Y.B. Pantai Jerejak telah membangkitkan mengenai kesesakan jalan di Coastal Road antara Batu Maung dengan Queensbay dan telah wujud *bottle neck* ....(dengan izin), yang menyebabkan kesesakan di kawasan tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, pihak JKR telah memohon peruntukan sejumlah RM754,208,000.00 melalui Rancangan Malaysia Ke-10 bagi menaik taraf jalan tersebut. Projek naik taraf ini dijangka dapat dilaksanakan apabila peruntukan tersebut diperolehi. Yang berkenaan dengan projek ini, ia pun juga satu projek yang sangat penting kerana sekiranya ia tidak dinaiktarafkan, maka apabila siapnya Jambatan Kedua, trafik di tempat itu akan jadi satu masalah besar.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. ADUN Seberang Jaya telah menanyakan mengenai nilai kontrak bagi projek naik taraf sistem kereta api sedia ada di Bukit Bendera. Untuk makluman Yang Berhormat, nilai kontrak untuk projek menaik taraf sistem kereta api sedia ada di Bukit Bendera adalah RM58,997,186.00 dekat-dekat 60 jutalah. Kontraktor untuk projek ini adalah Alam Langkawi Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak untuk projek ini adalah 28 Oktober 2009 dan dijangka siap pada 28 September 2010. Peruntukan ini ialah daripada Projek Perangsangan Ekonomi Ke-2, iaitu RM20 juta dan Kementerian Pelancongan menghulurkan satu jumlah RM40 juta.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Maaf, penjelasan. Saya juga ada tanya bagaimana kedudukan cadangan perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan Taman Botani kepada puncak Bukit Bendera. Adakah akan dilaksanakan, ditangguhkan, kalau ada, berapakah harga nilai kontrak, kalau dah diluluskan, dah dimulakan, bilakah boleh siap dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Sebentar tadi saya ada menjawab berkenaan cadangan projek kereta kabel iaitu *cable car*. Dan saya telah kata tawaran tender telah tutup untuk *invitation for proposal*, jadi kedua-dua kertas itu, semua tidak menepati kehendak Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri mencadangkan supaya ianya di tender semula. Itulah jawapan saya.

Y.B. ADUN Tanjung Bungah telah membangkitkan mengenai pembangunan di kawasan cerun. Yang Berhormat juga telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri tidak meluluskan sebarang pembangunan di masa hadapan yang melibatkan kawasan cerun merbahaya kelas 3 dan 4 di kawasan Tanjung Bunga dan juga kawasan Batu Feringhi serta mengkaji semula kepadatan penduduk di kawasan berkenaan sebagai memenuhi syarat di dalam koridor kedua. Selain itu Yang Berhormat juga memohon agar tiada sebarang kerja tebus guna laut dilaksanakan di kawasan tersebut melainkan terdapat kajian khusus yang membenarkan perkara ini dilakukan.

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini, apa yang dipraktikkan di Pulau Pinang adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang di mana kawasan pembangunan yang dibenarkan adalah untuk kelas 1 dan kelas 2 dengan kecerunan tidak melebihi 25 darjah dan juga ketinggiannya tidak melebihi 76 meter atau 250 kaki tinggi.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Minta laluan. Terima kasih. Y.B. Bagan Jermal saya nak, di sini memberi satu amaran bahawa mengikut laporan IEM, JKR Melon 1997, bahawa 99% *loop failure* kerana pemotongan bukit lereng yang bercerun kelas 3 and 4. Dan bahawa 90% disebabkan *infiltration* ....(dengan izin), 38% *seepage* dan 30% *perch water table*. Jadi satu dialog juga telah diadakan dengan *title Hill slope Development in Penang*. Salah seorang dari pakar dalam *Geomorphology*, Professor Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah juga memberi amaran bahawa di Pulau Pinang ini adalah sangat berbeza dengan *contour map* ini menunjukkan bahagian Utara Pulau Pinang itu, memang 80% lereng bukit kelas 3 dan kelas 4. Maka pada hari ini kita terdapat lebih kurang 8 projek pembangunan di kawasan tanah tinggi terutamanya di KADUN Tanjung Bunga dengan nama iaitu :

- (i) GLM Property Development Sdn. Bhd
- (ii) Taman Ratu Sdn. Bhd.
- (iii) DMV Sdn. Bhd.
- (iv) OJY Sdn. Bhd.
- (v) Solid Tribute Sdn. Bhd.
- (vi) Ivory Continental Sdn. Bhd.
- (vii) Ivory Meadows Sdn. Bhd.
- (viii) Plenitude Heights Sdn. Bhd.

Semua ini adalah di atas lereng bukit yang berdekatan dengan kelas 3, kelas 4. Jadi dengan amaran ini, saya harap kerajaan kita akan berhati-hati dan selalu memantau pembangunan di lereng bukit ini.

#### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih Y.B. Tanjung Bunga. Memang terdapat beberapa projek yang berbahaya sedang dibangunkan di merata tempat, khasnya di Tanjung Bunga dan Batu Feringhi. Tetapi untuk maklumat Yang Berhormat lapan-lapan projek yang disebutkan tadi itu mungkin adalah diluluskan sebelum kerajaan PR dan kini masih giat dijalankan. Dan seperti yang saya sebutkan tadi, kita Kerajaan baru, semua guna pakai Garis Panduan Rancangan Struktur Negeri yang sedang dikuatkuasakan dan sebarang pembangunan di tanah bukit akan melalui tapisan yang ketat. Baik dari peringkat MPPP dan juga Jawatankuasa Tanah-tanah Berisiko. Dan lain-lain jabatan yang berkenaan seperti EIA dan JKR dan lain-lain juga. Memang *mekanisme* nya adalah ketat pada masa sekarang. Sebab itulah kita berhati-hati supaya apa yang telah berlaku sebelum ini tidak ulang lagi.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan Y.B. Bagan Jermal. Saya ingin merujuk juga kepada laporan Jawatankuasa ...(gangguan) Kerajaan terutamanya berkaitan dengan apabila bukit-bukit itu dikorek ataupun ditoreh pihak kontraktor yang melakukan kerja itu,

tidak langsung memasak semula pinggir bukit yang telah pun dikorek, dalam cara *turfing* atau membuat sebarang *solid enforcement*. Ini mengakibatkan apabila berlakunya hujan yang lebat, akan jadi bahagian lumpur dan tanah runtuh yang mengakibatkan kerosakan yang begitu teruk kepada rumah-rumah yang di bawah.

Saya telah menghantar surat kepada Yang DiPertua MPPP bertarikh 23 November 2009 dan juga kepada Pejabat Daerah. Dijawab oleh Pejabat Daerah pada bulan Januari dan daripada MPPP pada bulan lepas, yang menunjukkan bahawasanya akibat daripada banjir lumpur mengakibatkan beberapa buah rumah, kebetulan rumah penyokong Pakatan Rakyat yang dibanjiri dengan banjir lumpur dan merosakkan harta benda mereka. Saya meminta supaya membuat kajian dan berbincang dengan pemaju supaya membayar balik ganti rugi tetapi surat-surat saya tidak langsung menandakan sebarang tindakan daripada pihak pemaju untuk membayar ganti rugi yang cukup banyak sekali. Saya berharap pihak Yang Berhormat melihat kepada surat saya bagi 23 November 2009 kepada Lot 243, Mk. 6 Pondok Upeh.

#### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Sebenarnya syarat-syarat dan piawaian-piawaian untuk kerja-kerja tanah di lereng bukit pun telah disyaratkan semasa kelulusan pelan merancang dan sebagainya. Semua kena mematuhi syarat-syarat yang ditentukan. Masalah yang berlaku mungkin adalah pada peringkat pelaksanaan atau kerja-kerja tanah di mana pemaju atau kontraktor tidak sempat menghabiskan potongan cerun itu dan pada masa yang sama bila berlaku hujan yang lebat maka ada berlakunya runtuh dan juga tanah selut yang mengalir kepada tempat-tempat kediaman.

Seperti yang saya kata itu, syarat-syarat memang ada seperti melindungi muka bukit yang telah dipotong dengan *plastic sheet* sebelum dia di *turfing*, sebelum ia di beri kerja-kerja pengukuhan seperti *soil nearing*, *retaining wall* dan semua adalah di peringkat pelaksanaan tetapi selepas ia siap dilaksanakan, maka saya dan semua pun adalah yakin dengan reka bentuk konsultan-konsultan untuk mereka yang memikirkan cara-cara kerja tanah itu...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Y.B. Bagan Jermal, penjelasan. Saya kalau boleh hendak mengajak Y.B. Bagan Jermal untuk turun ke Balik Pulau dalam minggu depan untuk sama-sama meninjau kawasan yang saya sebutkan tadi. Terima Kasih.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan sikit, Ahli Bagan Jermal, saya juga risau tengok apabila berlakunya pembangunan di kawasan Majeistic Height, Paya Terubong itu, maknanya kaki bukit itu telah disentuh, beberapa kali *holders* pun pernah jatuh. Jadi apakah langkah-langkah pro-aktif yang akan diambil Kerajaan Negeri untuk membuat *hill and carriage system* untuk di kawasan Paya Terubong atau dia jadi apa Chong Eu *payroll* atau Paya Terubong *payroll*. Adakah jadi di dirikan di kawasan tersebut, sekiranya jadi elok lah ambil kesempatan itu untuk kita buat *hill and carriage system* dalam kawasan bukit-bukit yang ada di Paya Terubong.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Untuk menjawab soalan Y.B. Seberang Jaya memang dalam reka bentuk atau *design* oleh pakar perunding, mereka selalunya ada membuat cadangan untuk memasang *rock fencing* atau *soil encourage* dan lain-lain cara untuk menstabilkan cerun-cerun. Jadi seperti jalan yang hendak pergi ke Balik Pulau iaitu di bawah jagaan JKR, memang selalu ada memantau sekiranya terdapat batu-batu yang mudah menggelongsor, maka kerja-kerja akan dijalankan dengan serta merta untuk mencegah kejatuhan batu-batu yang di atas bukit itu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Masalahnya ia menjadi tanah *private property* dan masalah yang menjadi punca ialah kerana *developer* yang dahulu sudah tidak ada hendak sambungkan kerja-kerja pengukuhan bukit. Jadi untuk menjaga daripada bencana besar daripada berlaku mungkin sesuatu harus dilakukan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih, memang kalau sekiranya tanah itu adalah tanah swasta, maka selepas pemaju mengajukan skim perumahan itu, tanggungjawab itu jatuh ke atas bahu pemilik rumah berkenaan. Ini kita selalu menghadapi masalah seperti ini. Selalunya, kalau saya membeli sebuah banglo di lereng bukit lepas itu pemaju akan cuci tangan dan sayalah pemilik rumah itu perlu menjaga supaya tidak ada apa-apa yang gelongsor atau tanah jatuh dari atas. Tapi kadang-kadang sempat pun sampai sana saja, kalau dapat tahu dari atas akan jatuh tanah pun saya tidak boleh pergi ke tanah orang lain untuk membuat sebarang. Jadi itu adalah masalah sebab itu kita mengesyorkan di mana tanah-tanah yang berisiko tinggi itu sekiranya hendak diluluskan permohonan pelan untuk membuat sesuatu itu perlu berhati-hati.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya bangkitkan kerana hendak rekodkan. Satu lagi *time bomb* akan berlaku di Negeri ini kalau tidak dilakukan sesuatu, hendak rekod dalam Dewan yang mulia ini.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Untuk mendapat soalan daripada mana? Sebenarnya saya memantau kerja-kerja tanah ini adalah di bawah kawal seliaan Kerajaan Tempatan. Jadi perkara yang dibangkit memang MPPP atau MPSP sekiranya ada kerja-kerja tanah dilakukan maka mereka memastikan pemaju atau kontraktor mengemukakan laporan berkala, *rutin report on the works*. Baik satu minggu sekali, sebulan sekali, tiga bulan sekali ada ditetapkan dan cara mereka memelihara kerja-kerja yang sedang dijalankan ini. Memang ini adalah dalam pemantauan Kerajaan Tempatan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Y.B. Bagan Jermal, di sini saya hendak bagi tahu, adalah satu kes bahawa tanah runtuh di tebing bukit di Kayangan Puri Mutiara, Medan Fettes pada 7 Julai 2009 dan itu juga sudah dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan

dan terdapat jalan di penghujung puncak di Bukit Mutiara itu sudah pecah, banyak tanah-tanah sudah menunjuk tanah di bukit Mutiara itu menghadapi pergerakan tanah di sebabkan pembangunan dan hakisan oleh air hujan. Ini satu amaran awal supaya *precaution*. Misalnya satu kes runtuhan baru-baru ini berlakunya pergerakan kerana sebuah bukit runtuh di atas jalan raya di Kelong Taiwan baru-baru ini berlaku kerana hakisan dan juga kerana, tadi kata itu air hujan, *under ground water*. Ini kita kluatir di sepanjang lereng bukit utara Pulau Pinang ini satu hari kelak mungkin akan menghadapi runtuhan sebegini. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Tanjong Bunga lepas ini tidak ada lagi ya. Sepatutnya di bawa masa perbahasan tadi.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Masalah di *Pearl Hill* sebenarnya adalah sebuah bukit yang telah dizonkan sebagai kawasan pembangunan kediaman dan ramai pemilik-pemilik atau ramai orang telah membeli lot-lot tanah di atas dan mereka semua mencadangkan untuk mendirikan banglo sebuah dan apabila mereka mengemukakan pelan merancang ia perlu ditapis dengan ketat seperti apa yang saya kata dan setahu saya, ada beberapa kes permohonan telah ditolak atas ke tidak mematuhi, tidak memenuhi kehendak syarat-syarat yang tertentu, jadi permohonan mereka itu ditolak. Dan terdapat juga ada beberapa kes di mana permohonan diluluskan. Ini tertaklukkan *case by case*, tertaklukkan kepada keadaan cerun-cerun dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. ADUN Sungai Pinang telah mencadangkan agar satu jalan baru di bina bagi menghubungkan Lebu Raya Jelutong dengan Jalan Masjid Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat melalui projek Lebu Raya Jelutong terdapat satu lagi jajaran jalan sepanjang 800 meter yang perlu disempurnakan oleh pihak syarikat konsesi dan jajaran jalan ini akan bermula dari persimpangan Tan Sri Teh Eu Lim sehingga ke Balai Polis Jelutong bagi tujuan penguraian kesesakan lalu lintas di Jalan Masjid Negeri, JKR telah mencadangkan agar satu jejambat menghubungkan Lebu Raya Jelutong di peringkat Jalan Udini ke Jalan Masjid Negeri. Ini membolehkan pengguna lalu lintas yang datang dari arah George Town melalui Lebu Raya Jelutong dapat membelok masuk ke Jalan Masjid Negeri.

Walau bagaimanapun kos bagi cadangan pembinaan jejambat ini adalah sangat tinggi dan akan mencecah RM50 juta. Sebagai alternatif terdapat cadangan supaya membuka persimpangan U di Lebu Raya Bayan Lepas iaitu berhadapan dengan bangunan Pejabat Wilayah Utara Lembaga Lebu Raya Malaysia. Cadangan ini telah pun dikemukakan kepada pihak Kementerian Kerja Raya untuk dipertimbangkan. Sekiranya cadangan ini diterima pengguna lebu raya dijangka akan dapat memendekkan jalan jarak perjalanan sehingga sejauh 3 km. Untuk makluman yang Berhormat Kerajaan Negeri sentiasa penumpuan terhadap usaha meningkatkan mutu aliran lalu lintas jejantas di jalan-jalan utama di Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, itulah penjelasan dari saya dan sekiranya ada apa-apa yang tertinggal pegawai saya sudah pun membuat catatan dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan, sikit.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Habis dah, habis. Seterus Y.B. Batu Maung.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Assalamualaikum, warahmatullah hiwabarokatuh. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan bahagian dalam sesi penggulungan dalam perbahasan usul ucapan terima kasih kepada ucapan TYT. Sebelum saya teruskan dengan penggulungan saya, saya ingin menekankan beberapa isu yang telah dibangkitkan, isu-isu sampingan yang telah dibangkitkan.

Yang pertama ialah isu perkuburan di Masjid Jelutong, sungguh pun saya rasa Y.B. Timbalan Ketua Menteri I juga akan menyentuh isu ini. Alhamdulillah isu ini telah bermula dari tahun 1999, 12 Februari 1999 dan Alhamdulillah akhirnya pada tahun ini Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang telah berjaya, Insya-Allah akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan keputusan untuk mengambil alih beberapa lot tanah di Jelutong untuk membesarkan perkuburan orang-orang Islam di Jelutong. Ini dalam peringkat akhir untuk kita meneruskan usaha ini. Kedua adalah tentang elaun imam...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Saya hendak mendapat penjelasan lot-lot yang telah dibuat pengambilan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Di sini saya rasa pihak pejabat Ketua Menteri akan menjelaskan tentang jawapan yang telah dikeluarkan tetapi pihak Kerajaan Negeri telah pun berjaya menyelesaikan dengan mengambil alih beberapa lot untuk memperbesarkan perkuburan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Nombor-nombor lot yang telah diambil.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya rasa itu di bawah portfolio tanah dan saya pihak pejabat Ketua Menteri akan membeli penjelasan tentang jawapan.....(gangguan)



**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tadi Y.A.B. Ketua Menteri tidak memberi penjelasan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau tidak beri dia akan bagi secara bertulis.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kita perlu dapat gambaran kerana benda ini dibangkitkan dalam Dewan. Y.B. Dato' Speaker, dia perlu memberi penjelasan dalam Dewan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya rasa Timbalan Ketua Menteri I akan memberi penjelasan yang selanjutnya. Saya cuma ingin mengatakan di sini dari tahun 1999 hingga 2010 kita telah dapat selesai, sungguh pun 2008 dan 2009 kita mungkin boleh selesai tak? Tetapi oleh sebab kita menaruh harapan daripada pihak Kerajaan Persekutuan yang kononnya akan mendatangkan peruntukan untuk mengambil alih, tunggu punya tunggu sampai pada awal tahun ini kita telah memberitahu pihak qariah dan kita telah menghubungi pihak Menteri Kewangan Kedua untuk mendapat kepastian. Adakah pihak Persekutuan akan menurunkan peruntukan itu untuk mengambil alih, tapi apabila kita dapat tahu pihak Persekutuan tidak dapat memberi peruntukan untuk mengambil alih tanah itu, Kerajaan Negeri mengambil keputusan berjumpa dengan qariah dan menyelesaikan perkara itu. *Alhamdulillah.*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin Bin Yahaya):**

Sedarkah Ahli daripada Batu Maung bahawa Kerajaan Persekutuan sebelum itu telah pun membuat satu pengambilan di sebelah Masjid Jelutong dengan dibayar pampasan sebanyak lebih kurang, kalau tidak silap saya dalam RM16 juta. Jadi janganlah kita dalam keadaan ini menafikan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan yang telah pun membuat pembayaran yang begitu banyak untuk tujuan mengambil tanah bagi masjid Jelutong dan untuk tujuan pembesaran.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Persoalan kita sekarang adalah perkuburan Jelutong, bukan masjid Jelutong. Masjid Jelutong bukan perkara yang ditimbulkan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin Bin Yahaya):**

Perkuburan Jelutong dengan Masjid Jelutong dia dalam satu tapak kawasan yang sama.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Lain, lain. Masjid Jelutong depan masjid, macam mana kubur boleh ada depan masjid pula, yang pertama, yang kedua pula ialah Kerajaan Persekutuan

dapat diselesaikan, kenapa tahun 1999 sampai 2008, 2009 tidak dapat selesai, kenapa? sepatutnya dah selesai sebabnya ialah kerana kemampuan Kerajaan Negeri menghormati agama Islam di Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah itu.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin Bin Yahaya):**

Y.B. Tuan Dato' Speaker, saya minta Batu Maung jangan nafikan apa yang Kerajaan Persekutuan sumbangkan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya tidak nafikan yang pengambilan tanah di depan Masjid Jelutong adalah pengambilan tanah oleh Kerajaan Persekutuan, tapi yang kita bincang sekarang ini adalah perkuburan di Jelutong. Yang kedua yang saya ingin timbulkan yang tentang cadangan elaun imam yang telah dibangkitkan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Setahu saya, saya dah jadi wakil rakyat dah lama dah, setahu saya untuk perkuburan Islam ini dia tak pernah minta daripada Kerajaan Pusat pun, tapi kita gunakan duit Kerajaan Negeri ataupun duit Majlis Agama Islam tak pernah kita tunggu duit Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Itu saya kena tanya Kerajaan Barisan Nasional yang lepaslah kenapa mereka tunggu sehingga 2008, 2009 Ketua Menteri terpaksa berjumpa dengan Menteri, tanya boleh tak dapat Menteri kata tak boleh.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin Bin Yahaya):**

Saya nak minta sedikit laluan, sebenarnya, dalam usaha untuk menyediakan tanah perkuburan Kerajaan Barisan Nasional pada sesi yang lepas bersama-sama dengan Jabatan Perancang Bandar, dan UPEN dan juga Pejabat-pejabat Daerah telah menyediakan draf cadangan pengambilan tanah-tanah perkuburan termasuk perkuburan berpusat di seluruh Negeri Pulau Pinang dan bajet juga sedang diuruskan bagi tujuan pengambilan tersebut. Jadi dalam hal ini Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah pun prihatin dan telah pun membuat pelan struktur jangka panjang bagi tujuan penyediaan tapak-tapak perkuburan di Negeri Pulau Pinang termasuk yang Jelutong tadi dan ini dalam proses yang sedang dilaksanakan jadi saya minta benda ini janganlah nafikan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya tak mahu bincang lagi, patutnya 1999, tapi walau bagaimanapun saya setuju yang memang perancangan di MAIPP dan Jabatan Agama Islam ada yang kita sediakan bagi tanah perkuburan yang cukup bagi umah Islam di Pulau Pinang dan perkara ini dalam proses dijalankan di sini. Tentang dengan elaun imam-imam itu cadangan yang baik dan kita akan mengambil ini sebagai satu cadangan yang kita akan melihat untuk kita beri peruntukkan di masa akan datang tentang elaun imam ini.

Tentang Umar Abdul Aziz, Khalifah Umar Abdul Aziz saya merasa terkejut saya sepatutnya merasa bangga jikalau seorang yang bukan Islam yang ingin mengikuti jejak langkah Nabi Muhammad s.a.w. sekalipun bukan saja Khalifah Umar Abdul Aziz saya patut merasa bangga kalau satu pemimpin Negeri Pulau Pinang yang ingin mencontohi sifat-sifat yang mulia Khalifah Umar Abdul Aziz bukan setakat itu pada tahun 2009 kita telah mengadakan satu seminar di KOMTAR ini untuk kita mempelajari sifat-sifat mulia pentadbiran Umar Abdul Aziz dan *insya-Allah* pada tahun ini bulan Julai Kerajaan Negeri akan mengadakan satu perbincangan antarabangsa untuk kita tonjolkan sifat-sifat mulia Khalifah Umar Abdul Aziz. Sebabnya apa Y.B. Permatang Berangan adalah kerana jikalau kita hendak mengadakan satu kerajaan yang telus, cekap, dan *transparent* kita perlu pelajari sifat-sifat yang mulia ini daripada pemimpin-pemimpin besar dan jikalau Y.A.B. Ketua Menteri Lim Guan Eng yang bukan seorang Islam yang ingin mempelajari daripada Saidina Umar Abdul Aziz saya sebagai seorang Islam cukup bangga dengan usaha ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin Bin Yahaya):**

Saya nak minta penjelasan. Saya pun tak larang kalau orang nak mengikuti contoh dan teladan itu tetapi jangan ada *double standard* kalau nak ikut, ikut betul-betul dan kalau nak gunakan ikon personaliti Khalifah Umar Abdul Aziz hormatilah personaliti tersebut dalam hal ini kita tengok dalam satu segi bila Y.A.B. Ketua Menteri contohnya pergi ke kawasan orang Islam bercakap dalam Majlis orang Islam bercakap pasal Khalifah Umar Abdul Aziz tapi bila kita tengok dari segi perjalanan pentadbiran macam saya bentangkan kelmarin lebih kurang 253 lesen-lesen baru pusat-pusat hiburan yang menghidangkan minuman-minuman keras dan sebagainya, yang ini terlaksana juga jadi kalau nak laksanakan pentadbiran secara Khalifah Umar Abdul Aziz maka hormatilah kredibiliti Khalifah Umar Abdul Aziz ikut semua, ini ada ketika yang tak mengikuti apa yang Khalifah Umar Abdul Aziz, tapi buat juga, jadi dia telah memberikan suatu keadaan atau persepsi yang tidak baik, apa nama ikon personaliti tersebut. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Yang Berhormat saya ingin menasihati Yang Berhormat kita kalau ada satu ruang yang bukan Islam yang ingin mencontohi imam besar kita, kita patut menggalakkan, lama kelamaan siapa tahu *insya-Allah* lagi banyak boleh kita lakukan sedikit demi sedikit baru 2 tahun, baru duk berjinak-jinak dengan Khalifah Umar Abdul Aziz, kita berdoa *insya-Allah*, yang ketiga yang ingin saya bangkitkan isu remaja, *insya-Allah*, pihak Jabatan Agama Islam, MMK agama juga sedang melihat perkara ini dan dalam peruntukan MMK dalam tahun 2010 ini kita telah memberi satu peruntukan yang agak baik untuk kita melihat bagaimana kita hendak menangani isu remaja. Tentang masalah surau Taman Seri Emas *insya-Allah* saya akan melihat perkara ini secara dekat dan satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah tentang pendekatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandangkan kita mencontohi Khalifah Umar Abdul Aziz kita memberi satu pandangan yang kuat kepada pendidikan di Negeri Pulau Pinang dan dengan itu kita dapat lihat di mana tahun lepas peruntukkan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah agama rakyat yang terbinanya satu makmal sains untuk sains

tulen bagi pelajar-pelajar sekolah agama rakyat. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin teruskan apa penggulangan tadi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin Bin Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, saya cuma nak mendapatkan penjelasan berkenaan dengan soalan saya masa pembentangan itu iaitu kedudukan tanah masjid ada? Dan juga yang dua kes tanah itu, ada penjelasan tak?

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Pada kali ini banyak persoalan dikemukakan kepada bagi memudahkan penggulangan saya bahagikan semua soalan-soalan ini mengikut yang hangat membincangkan yang pertama Halal Hub, saya ingin memaklumkan bahawa kejayaan Negeri yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang adalah untuk kita mengetengahkan konsep Hub Halal antarabangsa jikalau kita melihat Hub Halal saya ingin menarik perhatian Y.B. dari Telok Bahang apa yang pandangan Y.B. dari Telok Bahang ini jikalau Hub Halal dia mestilah satu tempat, tempat itu mestilah taman perindustrian Hub Halal, *Halal Industry Park*. Hub Halal ini adalah satu kawasan tempat, dan Pulau Pinang kita inginkan jadi satu Hub Halal antarabangsa di mana keseluruhan inisiatif Hub Halal ini adalah merangkumi segala aktiviti-aktiviti yang ada di dalam konsep halal.

Yang pertama ialah Taman Industri Halal, tentang pelaburan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kawasan Bukit Minyak untuk dibangunkan sebagai Taman Industri Halal pertama di Pulau Pinang bukan di Kubang Menerong yang dikelilingi oleh Kampung Selamat yang saya rasa Y.B. Permatang Berangan cukup tahu yang dikelilingi oleh ladang-ladang khinzir yang sehingga satu pun di situ yang tidak dapat disijilkan halal, industri tidak dapat disijilkan, Kubang Menerong di bawah PERDA. yang telah diumumkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat pada bulan November 2008, fasa di selatan Penang Science Park seluas 28 ekar telah diperuntukkan untuk dibangunkan sebagai Taman Industri Halal fasa pertama, Taman Industri Halal fasa pertama ini akan dipenuhi dalam masa terdekat oleh 4 syarikat Halal iaitu Flexitank Sdn. Bhd. dan Jin Huat Food Store industry iaitu sebuah industri iaitu sebuah usaha sama Pulau Pinang India, dan juga syarikat pemprosesan pengeluaran gelatin halal.

Syarikat Flexitank sebuah syarikat pembungkusan yang antaranya pemegang saham yang berasal dari America Bulb Liquid telah bersetuju untuk membeli 3 ekar tanah untuk memulakan industri pengeluaran produk *State of Art* untuk pasaran tempatan dan eksport. Tawaran telah dikeluarkan kepada syarikat My Flexitank dan sedang proses menandatangani perjanjian dengan PDC, syarikat Jin Huat Food Store Industry Sdn. Bhd. sebuah syarikat pemprosesan makanan laut, sejuk beku *biotect* anak syarikat Fu Jian Tong Xian Hai Wan Aquatic Product Good Company Limited sebuah syarikat terbesar Sea Food dari Fu Jian China dan satu daripada pengeluar terbesar dari Negara China telah bersetuju untuk memulakan yang akan mengambil 10 ekar tanah untuk mendirikan infrastruktur bagi memproses makanan laut dan pembangunan R&D Biotect Aqua Culture ini yang ialah R&D Biotect Aqua Culture.

Syarikat ini juga berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai ibu pejabat antarabangsanya di masa akan datang tawaran telah diluluskan untuk penempatan syarikat di Taman Perindustrian Halal Hub Pulau Pinang dan sedang dalam proses

perbincangan dengan alam sekitar untuk memulakan industri Halal Hub manakala

sebuah lagi syarikat usaha sama India/Pulau Pinang sebuah pengeluar bio organik produk syarikat pembuatan minuman, makanan *bio organic* bercadang untuk menempatkan industri di Taman Industri Halal di fasa satu status permohonan ia masih berada di tahap akhir.

Taman perindustrian ini juga akan menempatkan sebuah syarikat pemprosesan gelatin halal dengan teknologi tinggi dari Iran, Syarikat faravari darooi di Alborz Industriel City, Gazvin ini adalah di antara hasil pada Y.B. Pulau Betong ini adalah hasil lawatan ke Iran pada tahun lepas tahap pelaksanaannya adalah perlahan disebabkan masalah modal dan pinjaman bank yang masih sedang di proses. Taman Perindustrian Halal fasa kedua fasa pertama tadi insya-Allah akan selesai tidak lama lagi, fasa kedua, ialah 21 ekar yang terletak di bahagian utara Penang Science Park. Perancangan untuk fasa 2 ini adalah termasuk membina fasilitet inkubator halal untuk pembangunan SME selain menarik pelaburan bernilai tinggi, strategik dan berteknologi tinggi dari sektor makanan dan minuman, *ingredient* ini kita telah dapat banyak daripada syarikat-syarikat di Jepun semasa lawatan saya dengan HDC ke Jepun di mana Jepun menguasai bidang *ingredient* makanan ini untuk datang ke Pulau Pinang, *personal care cosmetic* untuk di tempatkan di fasa 2A. Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti tanah perindustrian halal bagi fasa 2B tadi 1, 2A, 3 dan 4 insya-Allah yang merangkumi lebih daripada 400 ekar saya minta Y.B. Permatang Berangan untuk berusaha kerana Y.B. Permatang Berangan Setiausaha Politik di Jabatan Perdana Menteri untuk menarik pelabur dalam industri halal ini ke Pulau Pinang di Bukit Minyak dan juga di Batu Kawan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga mengenal pasti sebidang tanah di Juru, seluas 80 ekar untuk industri Agro Halal iaitu projek Juru Beef inilah di antara projek-projek industri yang telah dikenal pasti taman-taman industri yang telah di kenal pasti di Pulau Pinang. Persijilan halal banyak telah dipersoalkan di Pulau Pinang. Penang Halal sebagai fasilitator sedang berusaha dengan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) bagi memudahkan proses permohonan sijil halal tetapi tidak integriti halal dengan penjenamaan semula. Dengan *rebranding* persijilan JAIPP kepada Bahagian Pengurusan Halal, langkah ini merupakan satu langkah yang strategik untuk menaiktarafkan persijilan halal selaras dengan piawaian antarabangsa *International Accreditation*. Terdapat pertumbuhan syarikat halal di Pulau Pinang dari tahun 2008 dan 2009 iaitu sebanyak 15% penambahan syarikat halal dari 257 ke 296 syarikat halal tetapi yang mendapat pensijilan halal termasuk restoran dan hotel setakat ini adalah 412.

Pada tahun ini seperti tahun lepas halal Penang bercadang untuk mengadakan seminar dan *outreach*, untuk memberi pendedahan kepada industri F & B mengenai kepentingan sijil halal sepertimana yang dibangkitkan oleh Telok Ayer Tawar sekali gus menyasarkan penambahan syarikat halal pada tahun ini. Perkembangan ini berasaskan dengan usaha yang berteraskan kita mempunyai 3 teras iaitu kita mahu menjadi agresif, kita nak menjadi kondusif dan persuasif pada syarikat-syarikat Islam, Orang Islam yang tidak mahu memohon pensijilan halal. Halal Penang juga sedang berunding dengan syarikat tempatan dari industri pembuatan, pembuatan dan pengeluaran makanan mengenai masalah penangguhan permohonan sijil halal yang dihadapi masalah-masalah permohonan terutama daripada JAKIM.

Halal Penang menjadi pengantara bagi mencari alternatif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Penang Halal juga sedang mengumpulkan kes-kes persijilan tertanggung oleh JAKIM dan akan cuba untuk menyelesaikan proses persijilan. Ada beberapa kelemahan yang terdapat dengan persijilan JAKIM dan beberapa jabatan Persekutuan seperti Jabatan Veterinar, seperti industri gelatin yang hanya 0.7% daripada keperluan halal gelatin halal yang dikeluarkan oleh seluruh dunia. Seperti industri gelatin yang mempunyai terma dan syarat yang ketat dan boleh menjatuhkan penalti kepada syarikat-syarikat yang mengimport kapsul dan gelatin halal. Tambahan pula, terdapat percanggahan dari segi peraturan di antara dua pihak berkuasa ini iaitu JAKIM dan pihak Veterinar.

Bagi mengeluarkan lesen untuk mengimport gelatin halal di Malaysia hanya JAKIM dan DVS diberi kuasa untuk meluluskan lesen import, walaupun gelatin tersebut telah diberi persijilan halal oleh badan-badan persijilan diiktiraf oleh JAKIM. JAKIM telah memberi pengiktirafan kepada badan-badan persijilan di luar negara. Bila mai bab gelatin ini DVS kena pergi *and* DVS setahun penuh dia punya *appointment*. Oleh sebab itu import gelatin tanpa persijilan halal berleluasa. Kalau *State DVS* yang pergi membuat *inspection*, *Federal DVS* tidak mahu terima, dia kata *Federal DVS* yang kena pergi, so inilah yang menyebabkan masalahnya gelatin ini sungguhpun gelatin ini adalah satu produk *security* dimasukkan dalam banyak bahan makanan dan ubatan. *Industry logistic*, Penang Port, Y.B. Telok Bahang telah berjaya diiktiraf oleh SIRIM MS 1900 2005 ....(dengan izin), *Provision of Container Handling Services and Dedicated Warehouse Services within The Penang Port Syariah Compliance* dan ini merupakan salah satu kejayaan Halal Penang bersama PPSB untuk membangunkan Industri Logistik Halal di Pulau Pinang. Halal Penang telah berjaya meyakinkan Port of Rotterdam bekerjasama dengan Penang Port bagi memulakan jaringan kerjasama sebagai pintu masuk dan pintu keluar barangan halal dan juga mempromosikan Konsep Halal Port ke pelabuhan-pelabuhan lain di seluruh dunia. Sekarang terpulanglah kepada Penang Port untuk meneruskan langkah seterusnya untuk menjayakan kerjasama ini. Halal Penang telah berjaya membawa sebuah syarikat yang bernama *Century Logistic* yang telah memeterai MOU dengan PPSB supaya menandatangani MOU dengan Port Eurofrigo sebuah Port Handler Rotterdam, so kita dah buat 90% dan kita minta Penang Port supaya teruskan kerana ini bukan sahaja untuk keuntungan tetapi juga fardu kifayah orang Islam.

Halal Penang juga telah mula berbincang dengan operator-operator kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang untuk mewujudkan Hub Halal Kargo Udara, *Insyah-Allah*. Industri Asas Tani, Halal Penang bercadang untuk membangunkan Juru Beef projek iaitu salah satu projek yang diadaptasikan dari Kobe Beef, Jepun di tanah agro PDC, *Insyah-Allah*. Pada Disember 2009, sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh seorang pakar Veterinar telah ditubuhkan untuk menumpukan perhatian terhadap projek ini. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mengkaji masalah penyakit kuku dan mulut (FMD), supaya daging ternakan dapat dieksport ke luar negara.

Satu Jawatankuasa R&D juga akan ditubuhkan untuk mengkaji potensi untuk menjalankan kajian penyelidikan R&D bagi menghasilkan ternakan berkualiti tinggi. Halal Penang juga sedang bekerjasama dengan IMT-GT Joint Business Chamber untuk menjanakan bahan mentah dari Indonesia terutama Aceh dan

Selatan Thailand bukan Pihak Halal Penang hanya hendak pusing ke luar negeri

yang jauh tetapi kita telah menghubungkan Pulau Pinang dengan Selatan Thailand. Lepas itu kita ke Aceh untuk mendapatkan sumbangan daripada Aceh dan sekarang ini Selatan Thailand dan Aceh menjadi *hinterland* Pulau Pinang sebagai pembekal bahan-bahan agro kepada Taman Industri Halal kerana apabila pelabur masuk mereka akan tanya di manakah hendak mendapatkan bahan-bahan *raw material*, so kita tidak mempunyainya di Pulau Pinang. Kita ada di utara sikit, Perai sikit tetapi yang baiknya kita membawa mereka ke Aceh dan Selatan Thailand, insya-Allah. Selain daripada itu juga kita akan memajukan Industri Logistik dengan membawa masuk barangan daripada Selatan Thailand untuk dieksport melalui Halal Port Pulau Pinang, Telok Bahang, Halal Port Pulau Pinang ke pelosok dunia. Industri Asas Sains, Lawatan Halal Penang ke Bio-Malaysia

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan, penjelasan tadi Y.B. Batu Maung ada menyebutkan kita akan membawa barangan daripada Thailand dan mungkin dari satu dua negara berdekatan. Adakah barangan-barangan itu diproses di Thailand dan kemudian dilabelkan halal di Malaysia ataupun barangan itu dibawa masuk secara *raw* ke Malaysia, diproses di Malaysia dan dilabelkan di Malaysia jadi di mana kedudukan itu, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Modus operandi kita ialah kedua-dua sekali. Yang pertama ialah *Southern Thailand* kemudian Aceh menjadi sebagai *green field* untuk kita import barangan seperti daging dan sebagainya dan juga tanaman sebagai *raw material* sepertimana kata Y.B. Permatang Berangan. Yang kedua ialah kita juga sedang dalam proses untuk mendapat Penang Port sekali lagi, malangnya kita hanya ada satu pelabuhan, tidak boleh ada dua pelabuhan so, kita terpaksa bersama-sama dengan Penang Port sungguhpun ada ketikanya Penang Port agak berat bekerjasama dengan kita untuk kita gunakan gudang-gudang di dalam Penang Port sebagai Halal Bonded Area di mana persijilan yang dikeluarkan di Selatan Thailand yang diiktiraf oleh JAKIM sebagai *base nya* dan di Pulau Pinang kita akan *value added* dan juga persijilan halal akan dikeluarkan di peringkat Pulau Pinang dan JAKIM untuk kita eksport di persada dunia.

Industri Asas Sains, Lawatan Halal Penang ke BioMalaysia 2009, telah memberi peluang kepada Halal Penang untuk mempromosikan konsep Halal Penang, di samping menerokai penyelidikan halal. Pada tahun ini, Halal Penang telah dijemput oleh HDC, jangan pandang lekeh Pulau Pinang, telah dijemput oleh HDC untuk bekerjasama untuk mengadakan World Halal Research Summit 2010 sebab apa mereka *approach* kita? Sebab mereka dapat lihat kemampuan Halal Penang dan Pulau Pinang. Salah satu persidangan yang merupakan landasan untuk pakar-pakar penyelidikan dan pembangunan R & D dari luar negara untuk bermuzakarah dan berkongsi idea-idea bagi menggiatkan inovasi halal. Kita tahu Halal Penang dapat menjadi *silicon valley* oleh sebab kepakaran dalam E & E, kita hendak jadi juga pakar dalam halal. Halal Penang akan bekerjasama untuk membangunkan pusat hab R&D antarabangsa yang berpusat di Pulau Pinang yang diterajui Insya-Allah oleh USM, saya kata Insya-Allah dengan kerjasama 5 universiti iaitu USM, Halal Science Center, Chulalongkorn Universiti, Prince

Songkla, Universiti Pattani, UPM dan satu lagi Universiti dari Indonesia yang akan

kita kenal pasti untuk dapat memperkukuhkan industri penyelidikan dan pembangunan di Pulau Pinang. Terkini USM sedang memproses membuat keputusan untuk bekerjasama dengan Halal Penang untuk menerajui R&D Center ini untuk membangunkan dan memperkukuhkan industri R&D. Salah satu kerjasama adalah dengan membantu syarikat-syarikat tempatan mengkaji sampel makanan dan minuman sebelum diiktiraf halal oleh pihak JAIPP.

Industri Kewangan Islam, Halal Penang ini semua adalah antara MOU yang telah ditandatangani. Saya tidak beri individual, saya beri dari segi sektor. Dalam segi Kewangan Islam, Halal Penang telah bekerjasama dengan Asian Finance Bank berpusat di Qatar, Unicorn International Investment Bank (Bahrain) dan Venture Capital (UK) untuk menyediakan perkhidmatan kewangan kepada pelabur yang memilih kewangan Islam untuk membiayai projek halal atau tidak di Pulau Pinang. Halal Penang juga sedang menambah beberapa institusi kewangan antarabangsa dan tempatan bagi menjadikan Pulau Pinang juga sebagai satu tarikan untuk menempatkan pejabat-pejabat perwakilan di Negeri ini. Di antara kejayaan awal ialah dari Iran iaitu Iran Development Export Bank. Ini juga hasil dari lawatan ke Iran baru-baru ini. Industri Sumber Tenaga Manusia, Halal Penang telah bekerjasama dengan institusi latihan seperti PSDC untuk membentuk pekerja-pekerja yang bertauliah dari segi audit dan persijilan halal. Halal Penang akan bekerjasama dengan beberapa universiti dari Arab Saudi seperti Prince Saud University bersama Rabital Al-Islam di Riyadh, Universiti Imam Muhammad Ibni Saud di Riyadh juga untuk bekerjasama dalam latihan menjana dan mengeluarkan *expert* dalam Islam, juruaudit dan profesional yang bertauliah bagi mengendalikan kerja-kerja pengawasan dan persijilan.

Pada tahun ini insya-Allah, Halal Penang sedang bekerjasama dengan KITAB untuk menjana juruaudit yang bertauliah dari segi persijilan halal. Kerjasama bersama Universiti Essex, UK juga akan dimulakan untuk memulakan fakulti Industri Makanan dan katering halal. Baru-baru ini Universiti dari Medan, Chut Nyak Dien sedang berusaha bersama KITAB untuk mengendalikan program diploma halal dan penyelidikan herba di Pulau Pinang.

Industri Pemasaran dan Promosi, pada tahun ini, beberapa sesi program *outreach* dan seminar bersama dengan komuniti peniaga telah diadakan untuk membentuk pembangunan kapasiti, memberi pendidikan dan pendedahan mengenai persijilan halal. Halal Penang juga berjaya mengadakan Penang *International Halal Expo & Conference* yang pertama kali pada awal tahun 2010. Insya-Allah kita akan mengadakan acara ini sebagai acara tahunan, melalui misi perdagangan keluar negara oleh Halal Penang. Halal Penang telah berjaya menarik minat dari UK, Pakistan, Indonesia yang ingin bekerjasama dengan Halal Penang membangun taman industri halal, yang akhir kelmarin iaitu India. Ini tidak termasuk beberapa buah negara yang telah mengadakan pertemuan pertama semasa Mihas dan World Halal Forum dua tahun lepas selain daripada itu beberapa kejayaan besar telah dicapai adalah di antara berikut Halal Penang telah dianugerahkan First Halal Facility Provider sempena isytihar *International Islamic Tourism Halal Week*.



Usaha Kerajaan Negeri ini telah mempromosi Pulau Pinang sebagai Hub Halal Antarabangsa membuah hasil apabila PIHH Development Sdn.Bhd. atau Halal Penang dianugerahkan Best Halal Facilitator Provider sempena berlangsungnya International Islamic Tourism and halal di Kuala Lumpur dan tuantuan Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita bukan dapat *award* ini di antara syarikat-syarikat kecil kita mendapat *award* ini di antaranya adalah UPM dalam segi R&D, Tabung Haji Travel dalam segi hospitaliti, CCM dalam segi *chemical* dan sebagainya. PIHH di antara 4, 5 syarikat ini yang telah diberi anugerah. Penyertaan dalam *Trade Event* dan International Fair Halal Penang juga telah menyertai beberapa pameran antarabangsa *event* seperti *World Halal Forum Malaysia International Halal Showcase*, Penang Showcase di Singapura Islamic Tourism isyithar dan juga beberapa yang akan disertai di Bangkok dan juga di London selepas ini.

Penang International Halal Eksport dan Convention sepertimana saya katakan tadi buat pertama kali Pulau Pinang telah dimasukkan di dalam peta Event Antarabangsa Halal, Super Halal Industrial Park atau pun SHIP. Halal Penang telah dilantik oleh HIG Group iaitu Halal Industry Group UK sebagai penasihat untuk membangunkan Super Halal Industrial Park, SHIP di Wales antara perkhidmatan yang dicadangkan adalah untuk membangunkan SHIP iaitu di Wales adalah sektor sejuk beku halal, kawasan pembungkusan produk, stok penyimpanan bahan makanan mentah dan sebagainya seperti mana yang saya telah bentangkan tadi kita juga sedang berusaha untuk mengadakan gabungan aset dengan Universiti UK dan sebuah lagi Universiti di Wales.

Lagi persoalan status terkini...(gangguan) bagi persoalan status terkini Halal Port Komisen *sory* atau Penang Port Sdn. Bhd. dengan *Century Logistic* Pelabuhan Rotterdam, saya ingin maklumkan bahawa kerjasama strategik yang telah Penang Port. dengan *Century Logistic* telah memeterai memorandum persefahaman 4 Mei 2009, bagi usaha kita membangunkan khidmat pelabuhan halal sebagai inisiatif membangunkan kelompok Logistic Penang Port telah menerima pengiktirafan sebagai Syariah Compliant dan kerjasama strategik ini ingin kita majukan ke luar negara bersama Penang Port dan Rotterdam, Euro Figure dan Century Logistic sedang diusahakan oleh agensi-agensi ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membawa satu lagi jalinan antara Penang Port Pelabuhan di Netherlands dan usaha perjanjian ini adalah untuk memajukan Halal Port ke luar negara iaitu di Pelabuhan Oman (Soha Port), Pelabuhan di Brazil (Suapi), Pelabuhan di India (Positra) dan sebagainya bagi persoalan yang dikemukakan oleh ADUN Y.B. Telok Bahang mengenai Kerajaan Negeri mendapat kelulusan Kementerian Luar sepertimana saya telah jawab dalam persoalan lisan iaitu kita tak perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Luar bagi menjawab persoalan yang Y.B. Penaga mengenai di manakah wujud kawasan Halal Hub yang baru di Pulau Pinang? saya telah tadi memberi laporan tentang penerangan Hab Halal di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan, Yang Berhormat saya begitu kagum dengan inisiatif yang dibuat oleh Y.B. Batu Maung untuk mempromosikan Penang International Halal Hub saya ingatkan Penang Port sebagai *Chairman* pun tak cakup kerana Yang Berhormat

telah melangkaui begitu banyak sekali *agreement* di luar negara saya tak perlu

kata diamnya Y.B. Telok Bahang itu memang mengakui memang betul belum *sign* tetapi sapa yang *sign* bagi Penang Port ....(gangguan) saya tak pasti yang itu sebab Penang Port Sdn.Bhd. sebagai operator di situ tidak tahu tentang ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Saya rasa pihak Y.B. Pulau Betong , ya habis.

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya belum habis lagi, yang kedua dan jawab sekali la nanti saya nak tahu Penang International Halal Hub ini adalah milik PDC betul saya tahu ada berapa orang *staff* dalam Penang International Halal Hub ini sehingga boleh membuat berbagai-bagai projek menangani bermacam-macam beberapa puluh *of agreement* dan siapakah yang akan melaksanakan projek ini adakah PIHH sendiri atau PIHH menjadi fasilitator kepada *company-company* sebab yang saya fahami tadi PIHH yang *sign* semua tadi, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Terima kasih saya rasa Y.B. Pulau Betong duk sembang dengan Y.B. Permatang Berangan dia tak dengar kot saya berkali-kali saya *repeat*, saya kata tadi Halal Penang Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mempunyai visi yang begitu besar yang ingin merangkumi bukan saja nak buat jus di Kubang Menerong kita nak merangkumi satu inisiatif yang besar termasuk logistik so kita nak terajui usaha ini dan kita telah berbincang dengan Penang Port untuk Penang Port berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan Syariah Compliance dan *Alhamdulillah*, Century Logistic telah tandatangani dengan Penang Port berusaha untuk dapat persijilan halal atau Syariah Compliance selepas itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Sikit lagi *one company* sahaja tapi dalam Penang Port tak ada beberapa syarikat melalui kontrak lagi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Saya ingat kita kena ada kursus, Century Logistic tandatangani dengan Penang Port untuk membolehkan Century Logistic ini ialah sebuah syarikat yang telah diiktiraf sebagai Syariah Compliance dua tahun lepas jadi Penang Port telah menguna kepakaran Century Logistic untuk mendapatkan persijilan ini *alhamdulillah* dalam dua bulan....(dengan izin),... untuk mendapatkan persijilan halal ini supaya pada masa Mihalas World Halal Forum dapat kita *brand* kan dapat kita publisitikan. Halal Penang hanya fasilitet selepas itu Halal Penang kita tahu 2007 Rotterdam Port telah diberi pengiktirafan ataupun persijilan halal atau Syariah Compliance so kita tahu yang Rotterdam Port ialah satu-satunya port didunia ini so kita berbincang dengan Penang Port dan berbincang dengan Rotterdam Port dan kita bekukan kita kahwinkan so selepas tu terpulanglah kita dah *introduce* tetapi yang anehnya sekarang ini ialah kita juga membawa *Century Logistic* bersama-

sama kita supaya dapat menandatangani MOU dengan *Euro Figure* ialah *port*

*operator* Rotterdam Port Halal Port Operator so kita operator dengan operator dah *sign* sekarang ini kita duk tunggu Penang Port yang pergi bersama-sama saya ke Rotterdam bersama Timbalan Ketua Menteri supaya Penang Port berusaha untuk menandatangani MOU dengan perjanjian kerana Captain Kiss, dia bukan Islam tapi dia ini *non in Europe has Mrs.* Halal dia ini cukup berminat untuk mengembangkan konsep Halal Port ini dan dia cukup minta usaha kita so Alhamdulillah dalam Penang Port mahu untuk *twins* dengan Rotterdam Port maka bukan saja kita dapat hantar barangan halal kita melalui *network* halal ini tetapi Rotterdam Port mahu Penang Port pergi ke seluruh dunia untuk *advanced* kan untuk *promote* faham Y.B. Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Ada berapa *staff* sekali ini?

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Ya sila-sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang ( Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih saya mendengar dengan teliti banyak yang dibangkitkan memang saya memang seronok sangatlah dengar *progress* yang telah dibuat tapi banyak yang akan-akan tak apalah saya harap benda ini akan terjadi. Tentang Penang Port memang ialah memang diiktiraf sebagai Halal *Port in country* atau Halal *Compliant*, saya memang Penang Port pernah pergi ikut sama dengan Yang Berhormat tapi tak *sign* lagi seperti yang disebut tak *sign* lagi baru saya nak pergi dan tengok sebab kita kena bincang *all the terms* yang bersetuju baru kita *sign* ini yang tapi yang lain-lain saya tak tahu, yang lain Iran tak tahu lagi saya pun seronok dengarlah kalau *progress* ini berjalan lancar seperti yang disebutkan oleh Y.B. Batu Maung ini memang cantik ya.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Satu lagi saya nak beritahu sikit selepas kita umum di MIHAS 2009 yang Penang Port menandatangani Century Logistic untuk pergi mendapatkan Syariah Compliance selepas itu, Yang Berhormat-Yang Berhormat, selepas itu Port Klang *immediately start* saya duk harap sekarang Penang Port ya Syariah Compliance, okey tapi berbanding sebagai Halal Port saya mintalah Y.B. Telok Bahang marilah kita *announce* cepat-cepat *brand* kan Penang Port sebelum Port Klang supaya kita boleh jadi *the second Halal Port in the world* dan tak berapa elok jadi *so interm of selling lets do it Penang Port* nombor dua dalam dunia.

*Insya-Allah* tentang kakitangan yang kata apa yang diperkatakan oleh Y.B. Pulau Betong kita ini sebagai fasilitator sebab itulah kita nakkan Penang Port *sign* kan dengan Rotterdam Century Logistic yang diiktiraf Syariah 2,3 tahun *sign* dengan *Euro Figure* macam itu juga dengan yang lain-lain sebab itulah apa yang saya telah bangkitkan lagi banyak seminar-seminar yang telah kita adakan tetapi malangnya di dewan yang mulia ini tapi malangnya syarikat-syarikat Melayu yang

kita nak tolong tapi tidak mahu ke hadapan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan Halal Penang kita tidak akan tunggu oleh sebab masalah dia ialah kalau kita tunggu lagi lama orang akan *overtake* kita sebab itulah supaya syarikat-syarikat di Pulau Pinang *come forward* ....(dengan izin), untuk bersama-sama mendapat peluang-peluang ini *insya-Allah*. Staff yang kita ada 6 staff dan modus operandi kita ialah kita tidak mempunyai peruntukan yang besar wang ringgit yang besar kita belum mendapat lagi hasil untuk masuk ke Halal Penang kita menggunakan *support-support staff* ini adalah profesional-profesional yang ada di Pulau Pinang ini untuk membantu kita.

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Kita nak patah balik sikit saja, hasil daripada mana sebagai konsultan-konsultan hasil yang diberikan.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Kita hasil ini kita sedang memikirkannya sebagai konsultan di luar negara di Malaysia ini kita hanya dapat lebih daripada *exhibition* yang kita bawa sikit-sikit ja tak banyak *profif its non profit Halal Penang is non profit its not a profit centre its the course centre* ....(dengan izin), tetapi kita jadi *self reliance to rely on* kita akan cuba memikirkan usaha-usaha dan di antaranya ialah HIG untuk bersama-sama menjalankan *sorry organize* satu Halal *Capital Market Conference di London* yang ini dua kita punya objektif satu adalah kita cari sikit duit untuk Halal Penang yang kedua adalah untuk kita bawa orang-orang kita untuk mendapat Capital Funding di London.

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Soalan yang terakhir, yang saya tanya MOU-MOU yang ditandatangani adakah di *effect true* oleh Legal Advisor jadi yang saya faham sekarang ini bahawasanya sebagai fasilitator yang HIG hanya bawa Penang Port ke Rotterdam dan mereka yang melalui MOU itu sendiri dan mereka sendiri yang akan memastikan MOU itu mengikut kemahuan dan kehendak mereka betul ya dan pihak HIG tidak mengikat sebarang perjanjian dengan mana-mana organisasi tak ada tandatangani ya, okey terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

MOU kita ini sebagai fasilitator sepertinya dengan HIG kita mahu bersama-sama membangunkan industri halal di UK tak ada ada masalah kewangan kita mahu membina jaringan *network* apa pedagang-pedagang tidak ada masalah *implication* kewangan dan perundangan so kita memang *very safe to pay MOU* sebagai untuk kita ada satu tanda untuk kerjasama kita, okey... (gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Batu Maung, kita nak berhenti rehat 6.45 petang dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 8.00 malam ini, Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.***

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula dan saya minta Batu Maung untuk terus menyambung penggulangan dan walau bagaimanapun saya minta tidak melebihi 10 minit.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

10 minit?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Begitu juga EXCO-EXCO lain kita akan hadkan 20 minit.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya akan cepatkan, saya mestikan habiskan soalan-soalan yang dibangkitkan iaitu Hotel Persijilan. Hotel-hotel di Pulau Pinang, 2008 kita dapati 5 diberi persijilan halal diberi JAIPP dan 4 oleh JAKIM. Dan 2009 kita mendapati 13 hotel yang telah diberi persijilan halal dan untuk 2010 setakat ini 2 hotel. Secara keseluruhan 24 hotel dari 35 hotel Pulau Pinang.

Tentang restoran kita menghadapi masalah oleh sebab pengusaha-pengusaha orang Islam tidak begitu minat untuk mengambil persijilan halal. Tetapi walau bagaimana pun *persuasive approach* kita iaitu ketiga kita iaitu *aggresive, conducive and persuasive* kita berharap supaya kita mendapatkan kebanyakan premis-premis makanan kita diberi persijilan halal mendapat permohonan yang diberi persijilan halal oleh sebab selepas ini kerana sekarang ini kita mempunyai direktori pengusaha-pengusaha halal industri halal di Pulau Pinang. Sepertimana yang saya katakan tadi lebih kurang 294 dan insya-Allah selepas ini kita akan keluarkan direktori hotel-hotel dan juga restoran-restoran yang mempunyai persijilan halal di Pulau Pinang.

Dengan direktori ini kita dapat beri kepada pelancong-pelancong asing, pelancong-pelancong dalam negeri dan juga untuk orang ramai mengetahui hotel-hotel mana yang telah mendapat persijilan halal. Selain daripada itu kita juga mendekati pihak hotel supaya hotel ini menyediakan kelengkapan-kelengkapan orang Islam seperti surau yang selesa, tempat wuduk yang selesa dan *insya-Allah* selepas ini akan melancarkan satu pertandingan untuk hotel-hotel dan juga apa ini publik tempat-tempat awam tentang pertandingan surau yang terbaik terelok supaya memberi keselesaan.

Tentang kawasan Barat Daya Balik Pulau di mana yang dibangkitkan oleh Y.B. Telok Bahang kita telah mengenal pasti iaitu Barat Daya dari Telok Kumbar hinggalah ke Telok Bahang untuk kita *landmark* supaya kita .....(dengan izin), Allah, insya-Allah supaya *hospitality* supaya suasana ini mempunyai *family concept*

syariah *compliance* ini maka ini akan menyebabkan banyak menginterpretasi itu dari aspek agama dan yang kita mahukan *term* dia sebagai *family concept* supaya *family concept* ini ialah *family compliance* untuk menjadi satu *choice* pihak pelancong luar dan dalam negeri. Untuk pergi ke Batu Feringhi mempunyai *bar* dan sebagainya dan datang ke hotel-hotel *family concept* ini yang mempunyai syariah *compliance*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Balik Pulau nak buat hotel ke?

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Kita sedang melihat bukan hotel maksud saya adalah *resort* untuk syariah *compliance* atau pun halal atau *family concept* ini. Supaya orang datang dia ada *choice*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Boleh saya tahu di mana Balik Pulau tu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Ini adalah baru cadangan nak buat. Ini kita beri peluang ini cadangan ini kepada pelabur-pelabur asing insya-Allah supaya dalam Negeri dan pelancong asing datang dan senang ke Barat Daya ini untuk melabur dalam aspek dalam *resort-resort* halal, *family concept* dan juga *health resort* syariah *compliance*. Dan saya telah menyenaraikan hotel-hotel yang telah mendapat persijilan halal iaitu 24 kesemuanya dan syarikat-syarikat makanan dan sebagainya dan restoran yang telah mendapat persijilan halal dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan, Y.B. Batu Maung saya cuma nak tahu bagaimana nak beritahu pelancong Islam dari Negara Arab contohnya bahawa ini halal atau ini *pork free* ada yang berlabel dan justeru itu *pork free* dan mereka sangka bila benda itu halal dan tidak halal, bagaimana Yang Berhormat nak maklumkan kepada pelancong?

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Inilah pendekatan kita kepada *outlet-outlet* restoran Melayu dan Islam supaya kita dapat pensijilan mereka halal dan selepas kita dapat memberi persijilan halal mereka kita akan keluarkan direktori.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Boleh tahu bila tak? Sebab pelancong semakin ramai. Ini proses. Yang Berhormat Pelancongan cuba sedang memasarkan pelancongan benda ini semakin berjalan dan macam mana nak buat?

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Setakat ini kita sedang membuat direktori kepada pengusaha-pengusaha industri halal tapi tentang restoran dan hotel ini kita dalam proses pengeluarannya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Y.B. Batu Maung, setahu saya tiga tahun sudah semua ini telah pun diadakan dah wujudkan direktori halal ini di Pulau Pinang, adakan Sijil Halal ini dan telah pun ada.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Setahu memang tak ada dan ada hanya dalam HDC dalam *website* dan tidak di *update* kan. Dan setakat ini kita usaha untuk mengeluarkan direktori halal atau pun ada dah lama dan memang dah *outdated* dan dah tiga tahun dan kita akan keluarkan yang baru. Atas persoalan apa Y.B. Telok Ayer Tawar berhubung dengan masalah ke pinggiran peniaga-peniaga Melayu, saya ingin tegaskan bahawa Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat tidak pernah meminggirkan isu-isu pembangunan Bumiputera atau pun Melayu di Pulau Pinang, banyak usaha telah dilakukan.

Dalam usaha bagi membantu meningkatkan pembangunan Bumiputera Melayu banyak usaha telah dilakukan namun begitu dalam membantu meningkatkan usahawan Bumiputera Melayu, Kerajaan Negeri tidak perlu mencanangkan bahawa program ini khas untuk Bumiputera. Bagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Negeri terdahulu kita tak mahu sebagai *retorict* sahaja kita tak pernah menganggap Bumiputera sebagai kaum yang lemah sehingga perlu diadakan program khas untuk mereka. Kerana kita memandang tinggi kemampuan Bumiputera dan meletak mereka setanding kemampuan usahawan yang lain. Selama ini konsep halal ini telah salah tafsirkan oleh pihak pembangkang sehingga ramai dari pengusaha Bumiputera beragama Islam sehinggakan mereka merasakan tidak perlu mempunyai sijil halal dalam membangunkan produk dan perkhidmatan mereka. Kebanyakan produk mereka terutamanya makanan yang dikeluarkan pengusaha-pengusaha yang beragama Islam tidak mempunyai sijil halal dan ini memberi masalah kepada mereka kerana produk ini mereka eksport di pasaran dunia.

Justeru itu kita memberi ruang melihat senarai produk-produk halal yang dikeluarkan hampir 90% pengusahanya adalah bukan Bumiputera Islam dan bukan juga beragama Islam dan memandangkan senario ini Kerajaan Negeri di bawah MMK Perdagangan Pulau Pinang dan MMK Agama telah bergabung tenaga industri halal mengikut landasan yang betul. Halal Penang bergabung tenaga dengan agensi seperti SME Corp, HDC dan MATRADE untuk menggalakkan Bumiputera mengikuti program-program pembangunan yang sedia ada. Melalui seminar-seminar yang telah diadakan baru-baru ini dan sebanyak 16 buah syarikat sahaja dari 70 organisasi syarikat Bumiputera menyertai seminar ini. Pada tahun ini Halal Penang bercadang untuk mengubah persepsi ini dan banyak lagi seminar-seminar yang akan diadakan.

Isu Bumiputera, banyak program-program yang dijalankan bahawa peratusan Bumiputera yang terlibat adalah tinggi berbanding dengan sebelumnya contoh, Medan Fair seperti tahun yang ke 39 ianya diadakan. Dan kita sedia maklum selama 36 tahun, Medan Fair berada di bawah pemerintahan tangan pembangkang, tiada perubahan dibuat, penyertaan Medan Fair berada di bawah tangan pembangkang, tiada perubahan dibuat, penyertaan ke Medan Fair hanya dilihat sebagai melepaskan batuk di tangga, hanya disertai oleh agensi kerajaan. Tapi semenjak Pakatan Rakyat memerintah, kita telah menggunakan platform ini sebagai satu peluang besar bagi membawa usahawan-usahawan Pulau Pinang ke persada dunia, melalui penerokaan pasaran Indonesia. Indonesia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai penduduk yang teramai di dunia, merupakan satu pasaran yang perlu digenggam erat oleh Pulau Pinang. Penyertaan Kerajaan Pulau Pinang, di bawah Pakatan Rakyat telah menyaksikan perubahan dari segi konsep dan pengisian. Tumpuan telah diberikan kepada penyertaan penuh oleh pihak swasta (*private driven*). Penekanan diberikan kepada kejayaan usahawan-usahawan Pulau Pinang untuk menembusi pasaran Sumatera Utara.

Pada tahun 2009 Kerajaan Negeri telah berjaya membawa 10 syarikat IKS Bumiputera menyertai Medan Fair tahun lepas, tapi pada tahun ini kita berjaya menambah jumlah ini kepada 30 buah syarikat IKS Bumiputera. Bukan setakat itu saja, walaupun usaha kita telah disabotaj pada tahun lalu, kita bangkit lebih berani, dengan mengadakan Penang Fair in Medan City 2010 di Sun Plaza (SOGO) dan Alhamdulillah kita telah mendapat 21 buah syarikat yang menyertai program kita ini. *Outreach* Program kita telah mendekati peniaga-peniaga seumpamanya telah melancarkan Majlis Perundingan Kontraktor kelas F dua hari yang lepas dan insya-Allah kita akan terus melakukan perkara ini sungguhpun awal pemerintahan di bawah Pakatan Rakyat kita telah bekerjasama dengan Dewan Perniagaan Melayu dengan membentuk pelbagai jawatankuasa dan sekretariat tapi akhirnya perkara ini telah dipolitikkan dan *insya-Allah* kita akan terus dengan pengusaha-pengusaha Bumiputera. Soal agama dari ADUN Seri Delima, perarakan Maulidur Rasul ini adalah satu perkara yang amat sangat sedih apabila isu perarakan Maulidur Rasul dipolitikkan sehingga ke Timbalan Perdana Menteri sekali. Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Pakatan Rakyat bukanlah kerajaan yang jumud dan hanya memikirkan di bawah tempurung sahaja.

Kita tak mahu program apa yang kita mahukan perlu terus dijalankan tambah mengadakan perubahan dan penambahbaikan dan kali ini pada sambutan Maulidur Rasul kita berjaya menukar coraknya sungguhpun pada awalnya kita ingin tidak mahu mengadakan perarakan tetapi kita memikirkan alangkah baiknya program atau perarakan atau kita ingin tidak mahu mengadakan dan kita nak satu program lebih besar dan akhirnya kita berjaya. Di Masjid Negeri kita telah berjaya mengadakan program dua hari yang merangkumi iaitu 1400 orang bersama-sama pelajar Kitab Syamil Al Muhamadiyah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan. Y.B. Dato' Speaker, sedarkah Y.B. Batu Maung bahawa Perarakan Maulidur Rasul ini adalah satu program yang dilaksanakan sekian lama



dan ini adalah satu kehendak atau kemahuan rakyat Pulau Pinang itu sendiri. Dan

mereka mengharapkan setiap kali Maulidur Rasul, Kerajaan Negeri akan menganjurkan satu Majlis Perarakan seperti biasa, tapi bila perkara ini diubah maka dan kita tengok ada surat arahan rasmi iaitu surat itu pula disiarkan di dalam akhbar jadi di sini menunjukkan bahawa pada peringkat awal sebelum adanya teguran ataupun bantahan daripada rakyat, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pakatan Rakyat tidak begitu prihatin terhadap keperluan dan kehendak masyarakat Islam yang di peringkat awal. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Y.B. Permatang Berangan, kita kena faham pemimpin mestilah mahu membuat perubahan islah dan mesti buat perubahan *reform* tidak semestinya perarakan itu adalah yang terbaik.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Lot baru yang lebih luas yang lebih berhampiran dengan sebuah surau di kawasan atas Bukit Gelugor yang berkenaan. Jadi kita bercadang untuk menggantikan tapak yang berkenaan dengan satu tapak baru dan tapak baru ini lebih berdekatan dengan sebuah surau yang dapat digunakan secara manfaat dia oleh sekolah agama yang berkenaan dan itu lebih praktikal tetapi perkara ini oleh kerana memakan sedikit masa dan pihak sekolah diberikan penerangan tetapi mereka mendesak maka keadaan ini berlaku sedemikian, tetapi sedarlah bahawa dari segi perancangan sebenarnya ada satu tapak baru yang sedang disediakan oleh Pejabat Daerah dan dalam proses untuk pengambilan pada ketika itu untuk digantikan jadi yang tapak dewan yang berkenaan akan ditukar dan sekolahnya akan digantikan dengan tempat yang baru.

Jadi maknanya pada pandangan saya, itu bukan isu kenapa pihak Kerajaan Negeri membuat satu dasar bahawa semua tanah-tanah yang dipohon pengambilan oleh Majlis Agama Islam mesti didaftarkan di bawah SSI dahulu. Jadi dalam hal ini kalau kita merujuk balik kepada peraturan tanah, biasa tanah akan diberi milik kepada agensi yang memohon.

Jadi tanah yang dimaksudkan sebelum ini Lot 1802 di SPU dan tanah berkaitan dengan masjid di Telok Kumbang adalah tanah yang dimohon oleh Majlis Agama Islam sebagai agensi pemohon dan memang amalan serta peraturan tanah pun nama beri milik hendaklah ditukarkan kepada agensi pemohon. Jadi sekarang kenapa nama itu pergi ke SSI, sehinggakan kita tidak boleh membuat prosedur-prosedur berikut berikutnya untuk memohon peruntukkan bagi tujuan pembangunan dan sebagainya kerana peruntukkan pembangunan akan diberikan setelah status tanah itu diiktiraf sebagai wakaf dan didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam, itu sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Saya faham, oleh sebab apabila kita mengambil alih kerajaan kita melihat ada banyak rungutan dan persepsi orang ramai tentang masalah seperti ini, dan apabila muncul satu perkara seperti ini kita tidak tahu lagi berapa lagi perkara

seperti ini akan muncul, sebab itu kita terpaksa secara apa yang dijawab oleh

Y.A.B. Ketua Menteri iaitu ini adalah berbentuk sementara, so insya-Allah saya faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Kawasan Permatang Berangan dan saya akan melihat supaya pembangunan di kawasan tersebut dan juga di Telok Kumbar tidak akan tergendala.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan sedikit. Kalau kita tidak meletakkan di bawah Majlis Agama Islam.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Saya telah katakan nanti saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Maksudnya sekarang kita telah membuat pengambilan, tujuan pengambilan ini pembesaran Masjid Telok Kumbar, kalau kita tidak buat atas Majlis Agama Islam, kita tidak boleh membesarkan masjid itu, sebab itu kita kena buat sekarang baru boleh pembesaran dijalankan.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Insya-Allah, kita teruskan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker sedikit sahaja, saya cuma hendak mendapatkan satu pengesahan bahawa jawapan bertulis yang saya dapat daripada Y.A.B. Ketua Menteri dan penjelasan daripada Ahli Kawasan Batu Maung, bahawa pemindahan ini bersifat sementara, bermakna jawapan ini memansuhkan jawapan yang saya terima sebelum ini dalam persidangan sebelumnya yang mana jawapan itu menyatakan bahawa kesemua tanah-tanah yang dibuat pengambilan diserahkan kepada SSI termasuklah tanah yang berkaitan dengan pembangunan Hal Ehwal Islam. Jadi saya hendak *confirm* bahawa jawapan yang lepas telah pun dimansuhkan dengan jawapan pada hari ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Apabila kita mengambil alih Majlis Agama Islam baru-baru ini, kita boleh melihat keadaan ini supaya kita dapat mengurus dengan efektifnya tanah-tanah yang diberi kepada Majlis Agama Islam.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Batu Maung masa.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

*Last*, Y.B. Dato' Speaker, tentang

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ya, *last one*, teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Tentang permasalahan ADUN Pinang Tunggai, tentang jawatankuasa pemantauan pengguna. Saya ingin menyatakan di sini boleh jadi Yang Berhormat banyak sangat ke luar negara, sehingga tidak baca surat khabar, sehingga tidak tahu 2009, kita ada memanjang program 2009 dan pada 2010 kita telah mengadakan satu program raksasa, ataupun satu program seluruh Negeri Pulau Pinang di mana pada bulan Januari, kita telah mengadakan secara serentak di seluruh Negeri Pulau Pinang program pemantauan pengguna dan selain daripada itu Y.B. Dato' Speaker pada 23 Januari 2010 program lawatan serentak kumpulan pemantauan pengguna di seluruh kawasan Negeri Pulau Pinang, 29 hingga 31 Januari 2010, *road show* dan hak pengguna, prosedur persijilan halal, mengenai pengusaha-pengusaha produk halal.

6 hingga 7 Mac 2010, *road show* kesedaran dan hak pengguna, amalan jimat cermat, kempen kurangkan gula dan penjagaan kesihatan sempena *Star Education Fair 2010*.

19 hingga 21 Mac, 2010, *road show* kesedaran dan hak pengguna, aktiviti kesedaran rumahku, syurgaku.

25 hingga 27 Mac, 2010, *road show* kesedaran dan hak pengguna, aktiviti kesedaran kepentingan keselamatan dan penjimatan tenaga elektrik.

24 hingga 25 April 2010 Kempen Jimat Cermat, kurangkan gula dan penjagaan kesihatan yang telah dijalankan. Saya banyak lagi program-program pengguna yang telah kita adakan sepanjang tahun. Di sini Y.B. Dato' Speaker saya ingin menyatakan iaitu MOU-MOU halal yang telah ditandatangani tidaklah sampai boleh dijadikan sebuah pulau, kerana kalaulah kertas-kertas kerja kongres Bumiputera Pulau Pinang yang telah diadakan berpuluh-puluh tahun itu baru boleh jadi pulau.

Saya dan Y.B. Mansor biasa menghadiri kongres-kongres itu, baru boleh jadi pulau setelah berpuluh-puluh tahun. Tetapi kalau MOU takat itu cukuplah, 12. Satu lagi tak payahlah nak hab-hab halal, tak payah. Kita hendak jadikan Pulau Pinang sebagai satu lagi ikon dunia selain dari *Silicon Valley*. Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Y.B. Padang Kota.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Dengan masa 20 minit yang diberikan saya akan cuba untuk mengambil kesempatan ini untuk menerangkan dasar-dasar di bawah portfolio Kerajaan

Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas di samping memberi penjelasan kepada beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semasa membahaskan usul terima kasih ucapan TYT Tun.

Y.B. Dato' Speaker, ramai Yang Berhormat telah membangkitkan isu berhubung dengan kebersihan iaitu kualiti hidup persekitaran dan ruang awam mempengaruhi kualiti hidup di Pulau Pinang. Kita semua tahu visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah untuk mengubah keadaan sedia ada untuk menjadi sebuah bandar antarabangsa yang merupakan lokasi pilihan bagi pelabur serta pelancong dan habitat terpilih untuk kehidupan mampan. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 3C iaitu *Crime, Cleanliness and Congestion* sebagai masalah utama yang harus diatasi untuk mengembalikan keunggulan Negeri Pulau Pinang. Warga Negeri Pulau Pinang serta pengunjungnya melahirkan rasa tidak berpuas hati tentang keadaan kebersihan di Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, Negeri ini seharusnya bersih bagi penduduk, pelancong dan pelabur. Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk *repositioning* Penang ini, kita di Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas akan berusaha untuk menyokong untuk membolehkan Negeri Pulau Pinang menjadi Negeri yang bertaraf antarabangsa. Dengan itu Kerajaan Negeri akan melancarkan satu inisiatif *Cleaner, Greener Penang*. *Cleaner, Greener Penang* adalah petunjuk kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memulihkan persekitaran hidup ke arah sebuah bandar raya bersih dan hijau serta untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk. Inisiatif ini akan dilancarkan pada 22 Mei ini sebagai satu usaha bersepadu Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan PBT untuk menangani isu tentang kebersihan kualiti hidup persekitaran dan kualiti ruang awam kita.

Inisiatif ini akan melibatkan kerjasama tiga pihak iaitu sektor kerajaan, korporat dan komuniti supaya komuniti kita dapat diperkuasakan untuk menuju ke arah *Cleaner, Greener Penang* atau Penang yang bersih dan hijau. Kerajaan Negeri yakin projek di bawah inisiatif *Cleaner Greener Penang* ini yang akan diadakan selama satu tahun sebagai satu percubaan akan menjadi satu inisiatif yang *people centric*. Walaupun projek ini adalah satu projek Kerajaan tanpa penglibatan masyarakat dan sektor korporat, usaha-usaha ini tidak akan dapat mencapai matlamat. Antara objektif adalah:-

- (i) untuk meningkatkan kualiti hidup dan mengujudkan kehijauan ruang awam,
- (ii) meningkatkan kesedaran masyarakat,
- (iii) merangka dasar dan penambahbaikan dan
- (iv) untuk mendapatkan asas yang tepat atau pun *back to the basic*.

Sebab ramai ADUN, Yang Berhormat, telah membangkitkan beberapa isu tentang kebersihan, jalan raya, urusan landskap, lampu jalan, longkang yang tersumbat, banjir kilat dan sebagainya. Jadi kita mengharapkan PBT dan agensi-agensi yang bertanggungjawab dapat melakukan perkara-perkara asas, *back to the basic*. Kalau perkara-perkara *basic* tidak dapat dijaga dengan sempurna,

usaha ini tidak akan berjaya dan ini menampakkan PBT dan agensi-agensi kita tidak mampu menangani perkara-perkara asas ini.

Tadi saya katakan bahawa inisiatif ini perlu melibatkan tiga pihak sejajar dengan agenda 21 sektor kerajaan, sektor swasta dan sektor komuniti. Kita semua boleh memainkan peranan dan kita akan menjemput pihak-pihak yang berminat untuk mengambil bahagian dalam inisiatif ini termasuk wakil rakyat, PBT, organisasi bukan kerajaan, sekolah dan institusi pendidikan, organisasi berasaskan masyarakat, badan-badan beruniform, persatuan ibu-bapa dan guru, sektor swasta yang boleh mengambil bahagian di bawah CSR, agensi-agensi kerajaan dan organisasi media. Kita telah mengenal pasti empat bidang keberkesanan utama di bawah inisiatif *Cleaner, Greener Penang* ini iaitu mewujudkan persekitaran bersih dan hijau, meminimumkan pembuangan sampah melalui 3R iaitu *Reduce, Reuse and Recycle*. Yang penting mengubah minda masyarakat untuk menjadi warganegara yang lebih bertanggungjawab dan menguasai dan menubuhkan struktur komuniti untuk kehidupan mampan.

Saya perlu meringkaskan apa yang saya sediakan dan kawasan-kawasan tumpuan inisiatif *Cleaner, Greener Penang* ini merangkumi pusat bandar, zon warisan, kawasan perumahan dan *neighbourhood*, zon industri, kawasan bukit dan laut, tempat-tempat pelancongan misalnya Batu Feringhi, kawasan-kawasan pendalaman, kampung...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Tadi Y.B. Padang Kota kata hendak persekitaran yang bersih. Masalah yang sedang dihadapi sekarang ini ialah *open garbage, garbage bin* ini, letak tepi jalan, burung gagak mai, anjing pun datang, jatuh dan kotor dan sebagainya. Bolehkah kita *start* daripada sekarang ini, kita ubah semua *garbage* yang sedia ada yang besar-besar ini, jadikan dia sebagai *public garbage room* seperti yang ada di Singapura semua yang ada di tepi-tepi jalan itu tak nampak pun. Dalam bilik itu ada tong sampah yang besar dan lama-kelamaan orang pun akan berdisiplin untuk buang di dalam bilik itu maka ia pun jadi bersih. Sekarang ini di pasar-pasar pun dia punya seri wangi kadang-kadang boleh naik sampai atas flat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Dato' Speaker, satu unsur yang amat menarik dalam inisiatif ini adalah mana-mana individu, NGO, sektor korporat yang ada idea yang lebih kreatif untuk mewujudkan suasana yang bersih dan hijau bolehlah mengemukakan cadangan-cadangan itu dan sektor-sektor korporat di bawah CSR boleh mengambil atau menganak angkatkan cadangan Yang Berhormat itu untuk dilaksanakan. Ini pun menguji Pihak Berkuasa Tempatan supaya jentera PBT ini lebih proaktif dan kreatif untuk mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang sudah lama wujud tetapi tidak dapat diatasi. *So this program allow us to have creativity and to find creative solution* kepada masalah-masalah yang wujud selama ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tetapi janganlah terlalu tumpukan kepada CSR. Gunalah sama duit-duit yang ada, duit dari *surplus, at least you* boleh buat satu, dua (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Kita pun harap Kerajaan Persekutuan pun dapatlah bersama-sama menjayakan *Cleaner Greener Penang initiative* ini. Saya mahu mengalih kepada satu tajuk yang juga bersangkutan-paut dengan pengurusan sisa pepejal yang dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat yang berpandangan bahawa selepas Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Pusat akan mengambil alih urusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang selama ini diusahakan PBT. Sukacita saya maklumkan Dewan ini bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dijemput memberi satu taklimat kepada wakil rakyat dan Ahli-ahli Majlis pada 21 Disember tahun lalu berhubung perkara ini. Ramai wakil rakyat memberi maklum balas mereka bahawa Kerajaan Negeri harus sendiri menguruskan sisa pepejal dan tidak menyerahkan tanggungjawab penting ini kepada pihak lain. Setelah maklum balas ini Kerajaan Negeri melalui satu pasukan *working group* pengurusan sisa pepejal telah mengkaji seluruh aliran pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang ini. Baru-baru ini saya membentangkan satu kertas kepada MMK yang menggariskan 3 opsyen Kerajaan Negeri boleh diambil berhubung perkara ini.

Opsyen pertama menerima rancangan penswastaan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu terima pengambilalihan.

Opsyen kedua, teruskan dengan status *quo* PBT menjadi agensi mengendalikan pengurusan sisa pepejal dan adanya bahagian-bahagian yang boleh di *out source* kepada syarikat-syarikat swasta sepertimana diamalkan sekarang.

Opsyen ketiga adalah menubuhkan *government link company* ataupun menggunakan *government link company* sedia ada untuk meneruskan pengurusan sisa pepejal sebab dalam akta ini pengambilan adalah cuma dari segi pungutan dan pengangkutan sahaja. Bab *treatment* dan pemindahan tapak pelupusan ataupun teknologi rawatan itu masih terbuka. Jadi opsyen ketiga ini sebenarnya membolehkan GLC atau usaha sama PBT dan syarikat yang mempunyai teknologi untuk menguruskan pungutan sehingga *treatment* iaitu sehingga membina kemudahan *material recovery facility* dan sebagainya. Satu dari A ke Z akan dipertanggungjawabkan kepada GLC yang ditubuhkan supaya Kerajaan Negeri dan PBT masih mempunyai kuasa pengawalan terhadap satu urusan yang amat penting untuk menjaga kebersihan dan kehijauan dan kualiti persekitaran yang baik. Saya rasa Kerajaan Negeri perlu buat keputusan apakah opsyen yang terbaik sekali kepada Pulau Pinang. Isu ketiga yang ingin saya jelaskan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan dan mengkritik Kerajaan Negeri dalam perkara berhubung dengan tindakan penguatkuasaan merobohkan gerai haram.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Sebelum pergi ke topik itu, memandangkan pengurusan sampah memerlukan hampir RM40 juta daripada RM350 juta pendapatan dua PBT, bagaimanakah keberkesanan berkenaan dengan inisiatif *recycle*,

berbandingkan dengan MPPP pada tahun 2009 mengandungi 265,457 metrik tan

sampah dan MPSP 428,593, maknanya campur kedua-dua 694,020 metrik tan. Kita punya kepercayaan dalam 2009 adalah 25%, berapakah kita boleh *increase* lagi, macam tadi kita kata boleh gunakan *bulk garbage* dan sebagainya, mungkin ini dapat menyelesaikan banyak masalah.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, Pulau Pinang memimpin dari segi kempen kitar semula, walaupun piawai negara maju mungkin sampai 40% kitar semula kadar dia. Tetapi kalau kita menggunakan opsyen ke tiga ini sememangnya juga melalui pendekatan 3R yang saya sebutkan tadi, *minimise* kan *waste* yang dicipta sisa buangan ini dapat dikurangkan melalui kaedah 3R yang menjadi satu komponen di dalam sistem 3R. Mengenai tindakan roboh gerai haram tak perlu saya jelaskan lagi angka-angka selama ini cuma kita, menangani isu ini dengan cara hemah dan kita sudah pun menggariskan dasar untuk menangani masalah-masalah ini, di mana kriteria-kriteria yang kita gunakan adalah kriteria gerai di atas tanah kerajaan atau persendirian yang boleh dirobohkan.

Kategori gerai yang boleh di *compound* tetapi tidak dirobohkan sebab ianya mungkin boleh diberi lesen sementara. Kategori yang boleh dilesenkan tetap atau sementara atau cadangan untuk *rebranding* kawasan-kawasan yang sedia ada untuk menaiktarafkan pusat-pusat makanan ini penjaja-penjaja ini, kompleks-kompleks ini, boleh diwastakan. Kita tahu di MPPP lebih di MPSP banyak kompleks penjaja ini terbiar. Apakah kawasan-kawasan ini boleh diwastakan untuk memajukan oleh pihak swasta kalau ada pihak yang ingin mengkritik kerajaan peluang kehidupan penjaja-penjaja seperti Dewan Perniagaan Melayu lebih baik, saya rasa lihat peluang yang ada pada PBT ini, mana-mana kompleks penjaja yang dapat diwastakan kita boleh memainkan peranan untuk memimpin dari usaha ini menjadi *lead player* menyewa kompleks-kompleks penjaja diambil sekarang dimajukan disewakan gerai-gerai yang masih tidak dapat lesen peniaga di tepi-tepi jalan itu saya rasa lebih positif. Dan kawasan-kawasan baru yang boleh dibuka dan ditawarkan dan sebagainya saya rasa ini sebagai usaha menangani satu isu yang amat pokok sebab melibatkan beberapa ribu penjaja-penjaja yang memerlukan penjaja sebagai satu sumber pendapatan.

Seterusnya isu menara telekomunikasi, saya rasa Kerajaan Negeri sudah mengusahakan satu garis panduan tambahan terhadap apa yang dikeluarkan oleh kementerian pada tahun 2002. Dan kita tahu bahawa di Negeri Pulau Pinang dan lain-lain Negeri perkembangan perkhidmatan komunikasi ini memaksakan syarikat-syarikat komunikasi membina struktur-struktur ini tanpa memperoleh keputusan kelulusan daripada PBT, misalnya menurut PDC Communication Sdn. Bhd. di Pulau Pinang sehingga 16 Februari tahun lalu, ada 839 struktur di seluruh Pulau Pinang dan sebanyak 65% atau 525 struktur dibina tanpa kelulusan. Kita tahu bahawa ini adalah satu perkhidmatan yang penting dan kita lalui garis panduan yang baru. Kita cuma membolehkan syarikat-syarikat telekomunikasi menzahirkan struktur-struktur yang tidak mendapatkan permit selama ini. Mereka diberi banyak bulan untuk melakukan proses pemutihan ini, selepas tarikh 30 Jun mana-mana struktur yang tidak dapat permit dalam proses pemutihan ini akan diturunkan.

Isu seterusnya papan iklan yang dibangkitkan juga, sukacita dimaklumkan, pengurusan papan iklan atas tanah Kerajaan Negeri telah diswastakan melalui satu tender dan empat syarikat telah berjaya mendapat konsesi tersebut. Walau bagaimanapun penswastakan pengurusan papan iklan belum dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana kekangan dari segi undang-undang untuk mengambil alih tapak papan iklan yang sedia ada yang telah tamat tempoh. Satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri sedang meneliti dan menimbangkan semua permohonan untuk lokasi pemasangan papan iklan baru. Sehingga bulan April tahun ini sebanyak 46 lokasi telah diluluskan oleh jawatankuasa teknikal ini, masih terdapat sebanyak 100 tapak yang dipohon oleh syarikat konsesi yang masih dalam jawatankuasa ini. Y.B. Pulau Tikus ingin tahu apakah hasil kita lihat dalam urusan papan iklan bagi Kerajaan Negeri melalui SSI kalau proses menswastakan tapak dilaksanakan dengan sepenuhnya, dijangkakan hasil adalah sebanyak RM2 juta setahun kepada Kerajaan Negeri dan kepada PBT pula, permit iklan diperlukan, saya rasa PBT perlulah berusaha dengan lebih gigih sebab kita dapati masih banyak papan iklan yang tidak diberi permit. Dan oleh itu, dari segi kutipan lesen permit ini, tidak akan merupakan satu kehilangan hasil kepada PBT.

Pusat hiburan menjadi satu isu yang amat penting bagi Y.B. Permatang Berangan, sampai 2,3 kali dia bangkit dalam isu ini seolah-olahnya Kerajaan, tiba-tiba Pakatan Rakyat timbul pusat hiburan ini macam cendawan selepas hujan seolah-olah di zaman Barisan Nasional tak ada pusat hiburan, tetapi saya selalu percaya statistik boleh memberi kebenaran, sebelum Pakatan Rakyat di Pulau Pinang, MPPP ada 200 pusat hiburan yang berlesen di zaman dulu dan sekarang bukan semua permohonan diluluskan, ada yang diterima atau ditolak, jadi janganlah memberi gambaran tiba-tiba Pakatan Rakyat mengambil alih Pulau Pinang sudah menjadi pusat maksiat negara ini. Itu satu tuduhan yang tidak berasas lebih-lebih lagi PBT dalam proses lesen ini adalah berpandu kepada ulasan daripada PDRM yang perlu memberi sokongan kepada setiap permohonan. Tanpa sokongan dan restu PDRM, MPPP tidak akan meneruskan permohonan. Jadi ada banyak yang ditolak dan tidak ada diperbaharui pun.

Mengenai *cyber cafe* dengan pusat hiburan, Kementerian telah mengarahkan supaya semua lesen *cyber cafe* dibekukan sejak 2004, pembekuan ini masih kuat kuasa sampai sekarang. Mengenai cadangan untuk menggunakan LED, Kerajaan Negeri telah mengarahkan agensi kerajaan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan teknologi lampu LED dalam penjimatan elektrik. Bahagian Kerajaan Tempatan telah menjemput beberapa buah syarikat pengeluar lampu LED seperti Osram, Sirangko, dan juga Redtone, Avagor, Flextronics, untuk membuat pembentangan supaya agensi Kerajaan dapat menilai produk ini dan memutuskan sama ada mengalih kepenggunaan LED, tetapi jawatankuasa teknikal pada masa ini, Kerajaan Pusat misalnya JKR masih belum memutuskan dan masih dalam peringkat kajian sama ada lampu LED sesuai untuk digunakan atau tidak. Saya rasa CCTV yang dibangkitkan yang dikaitkan pada soal keselamatan, sukacita dimaklumkan MPPP telah memasang 31 CCTV dengan peruntukan sendiri, sedangkan pada masa sekarang di MPPP 24 buah, di MPSP 24 buah CCTV sedang dipasang dan dijangka siap bulan Jun ini dan Kerajaan Negeri juga dijanjikan oleh Kerajaan Pusat di bawah NKRA. Ini untuk mengurangkan kadar jenayah, 58 lagi CCTV akan dipasang di Negeri Pulau Pinang tetapi Kerajaan



Negeri masih tidak menganggap ini mencukupi dan sudah pun membuat permohonan untuk memasang lebih banyak CCTV.

Mengenai COB saya rasa memadai menyatakan bahawa soalan yang ditimbulkan oleh Y.B. Bayan Lepas mengikut Peraturan 14, jadual kedua Akta Hak Milik Strata, pemilik-pemilik tak boleh melantik proksi bagi tujuan mengundi sahaja, pelantikan proksi hendaklah secara bertulis yang ditandatangani oleh orang yang membuat pelantikan tersebut di bawah Peraturan 16 jadual kedua, Akta yang sama memperuntukkan bahawa pemilik sama *joint owner* boleh mengundi dengan melantik proksi dengan dilantik secara bersama, pemilik tetap bersama yang mempunyai proksi boleh dilantik sebagai Ahli Majlis bagi Perbadanan Pengurusan, kalau *joint ownership* satu yang proksi, satu lagi dia boleh dilantik bukan sahaja di undi tetapi dilantik Ahli Majlis. Bukan *owner* tak boleh cuma boleh hadir.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerrudin bin Dato' Syed Ahmad):**

Penjelasan, apa yang berlaku di kawasan saya itu, yang bukan *owner* tu bukan, *wife* dia is *owner* dia bukan *owner* tapi dia dilantik sebagai pengerusi tapi bila kita membuktikan benda itu, COB masih tak terima, ini yang kita kluatir tu. Ini memang berlaku, kita memang ada bukti semua

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya rasa COB perlu siasat kes ini berdasarkan peruntukkan undang-undang.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Memang benar Y.B. Padang Kota tapi dia cuma kata tunggu bulan 5, itu jawapan dia *simple* ja ini tak betul tau. Memang tak sah pelantikan itu.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mungkin 5 minit lagi, secara cepat. Kem latihan Seri Delima menyoal *Services Camp* di Balik Pulau mengapa membenarkan pembinaan itu tanpa kelulusan bagi projek Kerajaan, perlu dipohon sebelum projek dilaksanakan, projek PLKN ini satu persefahaman telah pun dicapai antara pertahanan Malaysia di mana pengesahan daripada para perunding dan pihak aku janji yang dikeluarkan oleh Kementerian dikehendaki kemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman Dewan, PBT selalu berhadapan satu keadaan di mana projek-projek persekutuan langsung tidak membuat permohonan untuk kelulusan. Jadi kita rasa perkara ini banyak bawa kepada Kerajaan Pusat yang sedia ada cuma kalau projek ini dikendalikan oleh JKR sudah dapat persetujuan daripada *Nasional Council for Local Government* supaya satu kaedah khas diwujudkan untuk mengendalikan projek-projek JKR yang tidak perlu melalui proses permohonan kebenaran merancang yang dibawa akta tersebut, projek... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, terima kasih Y.B. daripada Padang Kota, cuma saya risau, sebabnya saya bangkitkan hal itu adalah jikalau berlakunya apa-apa *misadventure* semasa latihan seperti yang kita telah baca dalam beberapa insiden yang telah berlaku di Pusat Latihan Negara telah berlaku kejadian-kejadian kemalangan. Keangkuhan Kerajaan Persekutuan yang tidak memohon permohonan kelulusan dan sebagainya boleh menyebabkan Kerajaan Negeri juga turut dipertanggungjawabkan, mungkin juga disaman dan menyebabkan kita membayar ganti rugi jika berlaku apa-apa kemalangan melibatkan nyawa, terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Koon Yeow):**

Kita perlu sedar bahawa walau apa pun persetujuan G to G seperti kes yang dibangkitkan oleh Y.B. Batu Uban projek IWK itu pun G to G *Arrangement* pada masa itu Barisan Nasional sekarang G Pakatan Rakyat dengan G Barisan Nasional. Itu satu cabaran yang kita perlu tangani sebab kita di peringkat Negeri dan peringkat PBT semangnya mengharapkan Kerajaan Pusat dapat menghormati proses undang-undang ini dan lebih-lebih lagi pun ada satu pengecualian diberikan kepada projek-projek JKR. Di masa-masa depan kalau boleh Kerajaan Persekutuan perlulah melalui JKR untuk mengendalikan semua projek pusat dan dalam kes ini Kementerian Pertahanan perlu memikul tanggungjawab penuh atas apa yang berlaku kepada kem latihan ini.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l v. Subramaniam):**

Penjelasan Y.B., terima kasih, isu di USM di mana penempatan semula telah dibuat tetapi USM tidak menyelenggarakan IWK ini jelas kerajaan terdahulu walaupun pihak USM di sana, dia menganaktirikan rakyat Pulau Pinang cakap tidak serupa bikin, mula-mula janji bila rakyat di kawasan itu telah berpindah secara baik tidak buat apa-apa protes diberi tempahan alamat janji hendak buat, lepas itu mereka ditikam dari belakang, macam mana mereka akan pilih lagi, jadi saya ingat mereka kena *reform* lebih baik kita ambil alih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Koon Yeow):**

Bila kita ambil alih kita ambil alih masalah ini juga, kita harap USM akan sebagai APEC University menunaikan tanggungjawab sebagai APEC University dan menunaikan segala *undertaking* dan aku janji dalam ke sini supaya penduduk-penduduk tidak akan sengsara dan menderita.

Akhirnya mengenai pengangkutan secara cepat saya ingin memaklumkan bahawa Pelan Induk Pengangkutan yang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri, tender Pelan Induk Pengangkutan itu sudah dibuka pada 12 March 2010 dan ditutup pada 30 April baru-baru ini. Sebanyak Enam buah syarikat perunding telah mengemukakan tender dokumen dan kertas cadangan mereka. Proses penilaian dokumen tender akan dilaksanakan pada bulan ini dan diharapkan kerja-kerja perundingan boleh dimulakan pada bulan Jun atau Julai dan sebagai usaha untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang Hijau saya rasa pendekatan baru kita

dalam sektor pengangkutan pun kita mengharapkan mengamalkan falsafah

*Environmentally Sustainable Transport, In To Green Transport* dan kita berharap kalau kita melaksanakan *Environmentally Sustainable Transport* ini kita dapat mengujudkan pengangkutan awam rangkaian bandar yang baik pengangkutan mantap dan mengurangkan emisi karbon pemantauan dan pembangunan bandar raya mengurangkan karbon dioksida “CO2” *Innovation, Innovation* dan model hijau dan Pelan Induk Pengangkutan Awam dan saya berharap usaha ini akan dapatlah membawa Negeri Pulau Pinang ke matlamat menjadi bandar raya antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan kepada pelabur, pelancong dan juga menjadi tempat yang *sustainable* untuk penduduk-penduduk tempatan, sekian terima kasih.

**Y.B. Dato’ Speaker:**

Terima kasih, Y.B. Padang Kota, seterusnya Perai.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Y.B. Dato’ Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung perbahasan dalam ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya akan menyentuh beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu Ahli Y.B. Permatang Pasir telah mencadangkan supaya Majlis Sains Pulau Pinang memberi perhatian kepada keperluan industri masa kini memandangkan isu kekurangan tenaga pakar tempatan di Negeri ini semakin meruncing. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Sains Pulau Pinang atau *Penang Science Council* merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri yang proaktif dalam usaha mengujudkan usaha sama di antara dua sektor utama di Negeri ini iaitu Pendidikan dan Industri.

Objektif utama majlis ini ditubuhkan secara amnya adalah untuk memasyarakatkan Sains dan Teknologi maka bagi mencapai tujuan murni ini usaha untuk menyambut baik minat di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar saya harap subjek Sains dan Teknologi sudah mula dirangka dan akan dilaksanakan tidak lama lagi. Majlis ini menjadikan golongan pelajar sebagai sasaran bermula seawal sekolah rendah lagi kerana usaha untuk menyemai nilai yang mendalam terhadap bidang Sains dan Teknologi di kalangan anak-anak Negeri ini menuntut kita memberi pendedahan seawal mungkin bagi mencapai matlamat jangka panjang Majlis Sains Negeri. Jadi penubuhan Majlis Sains Negeri adalah bertepatan dengan tujuan untuk melahirkan tenaga pakar bagi memenuhi keperluan industri bukan untuk hari ini sahaja, tetapi ialah usaha Kerajaan Negeri untuk melahirkan tenaga pakar dalam bidang industri secara berterusan.

Y.B. Dato’ Speaker, Y.B. Pulau Tikus pula mencadangkan agar sebuah Pusat Sains diwujudkan bagi mempromosikan Sains Teknologi dan Inovasi untuk tujuan Pendidikan dan Pelancongan di Negeri ini melalui pameran, produk-produk dan teknologi terkini. Untuk makluman Yang Berhormat Majlis Sains Negeri telah ditubuhkan berasaskan lima teras salah satu daripada teras tersebut ialah memupuk pembangunan industri menerusi sains dan teknologi. Cadangan untuk menubuhkan sebuah pusat sains sebenarnya merupakan matlamat utama teras yang saya sebutkan tadi. Inisiatif ini akan dibiayai oleh para pengusaha industri di Pulau Pinang melalui derma dan sumbangan kepakaran teknikal.

Y.B. Permatang Pasir juga ada menyentuh tentang peranan pusat-pusat latihan supaya menumpukan usaha untuk memenuhi keperluan pasaran kerja semasa di Negeri ini dengan memberi peluang pekerjaan kepada tenaga kerja yang tiada pekerjaan sama ada yang telah dihentikan ataupun yang baru mula mencari pekerjaan. Sukacita disampaikan di sini Pulau Pinang telah mempunyai pusat kerjaya di Latihan Negeri Pulau Pinang, *Penang Carrier Assistance And Training, Penang CAT Centre* yang telah ditubuhkan hasil usaha Kerajaan Negeri ekoran daripada krisis kemelesetan ekonomi pada awal tahun 2009.

Objektif penubuhan *Penang CAT Centre* ini adalah untuk memadankan pekerja yang telah dihentikan serta pekerja baru yang ingin mencari pekerjaan dengan peluang-peluang pekerjaan yang disediakan atau ditawarkan dan mengenal pasti program-program serta kursus-kursus latihan bagi para pekerja yang dihentikan kerja serta pekerja baru yang ingin mencari pekerjaan. Sehingga 28 Februari 2010 seramai 2,691 orang telah berdaftar dengan *Penang CAT Centre* dalam tempoh yang sama sebanyak lebih 4,000 kekosongan jawatan juga turut didaftarkan di pusat ini. Sebelum pada tahun itu seramai 2,207 berdaftar yang berkelayakan telah dipadankan dengan majikan-majikan yang mempunyai jawatan kosong untuk ditemu duga.

Baki daripada jumlah keseluruhan iaitu seramai 320 orang tidak dapat dipadankan dengan majikan kerana mereka tidak memiliki syarat kelayakan minima seperti yang dikehendaki oleh majikan. Sebagai perhatian jangka panjang *Penang CAT Centre* akan terus berusaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan melalui kerjasama dengan rakan-rakan strateginya. Pemohon-mohon juga akan terus dihubungkan kepada majikan-majikan yang berpotensi bagi mengurangkan kesan pemberhentian kerja ekoran daripada kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun data yang diperolehi oleh *Penang CAT Centre* menunjukkan bahawa kebelakangan ini majoriti individu yang mendaftar merupakan mereka yang mencari pekerjaan baru serta para graduan baru dan lepasan sekolah. Jumlah pemohon yang dihentikan oleh majikan terdahulu semakin berkurangan.

Y.B. Seberang Jaya ada bertanyakan tentang status projek hub pendidikan di kawasan Pondok Upeh di Balik Pulau. Dimaklumkan bahawa pada masa kini usaha pengambilan balik tanah untuk tujuan mewujudkan hub pendidikan di kawasan tersebut pada masa kini berada dalam proses pembayaran pampasan. Pengambilan ini telah pun diwartakan di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Balik Tanah pada 27 Ogos 2009. Lot-lot yang terlibat iaitu lot 335, 541, 542, 714, 717, 718, 719, 720, 721 dan 1192 di mukim 6 Daerah Barat Daya dan keluasan lebih kurang 103 ekar.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, cuma saya hendak tahu institusi-institusi pengajian daripada Negara manakah yang telah menunjukkan minat, sama ada pada hari itu kata daripada Korea kah, daripada Timur Tengah kah, yang mana yang telah menunjuk minat, sementara hub itu diwujudkan sekurang-kurangnya secara serampang dua mata komitmen atau MOU yang lebih sahihkan daripada negara manakah yang telah menunjuk minat.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, perwujudan hub pendidikan ini merupakan satu proses awal, di mana kita telah menyediakan pejabat pengambilan tanah dan mengujudkan infrastruktur dan sebagainya. Walaupun ada juga minat tetapi saya rasa sekarang ini tidak apa-apa MOU, walaupun ada minatlah tetapi kita perlu sediakan hub pendidikan ini jadi saya rasa ini mungkin mengambil masa iaitu *must get interaction period* lah, so jadi itulah jawapan saya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Bertanya pasal dalam pandangan yang telah diberikan lalu telah pun memberikan indikasi bahawa telah ada institusi pengajian tinggi daripada Timur tengah, Korea dan Eropah kononnya telah pun membuatkan komitmen saya hendak tahu bidang apa besar mana yang hendak buat dan sebagainya, sebab ada mengujud indikasi sama ada telah pun dimateraikan atau tidak.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih, sebenarnya ini kes dari banyak negara bukan sahaja dari Eropah, ataupun Korea tetapi dia juga dari India mungkin daripada Eropah, UK dan sebagainya tetapi setakat ini kita tidak boleh memberi apa-apa jawapan yang *complete* sebab hal ini masih dalam peringkat awal.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan Y.B. Dato' Speaker, saya merujuk kepada pendidikan di Balik Pulau, terdapat sekeping tanah yang asalnya di gazet kan kepada Pendidikan di Boneka City Air Putih yang sepatutnya dibina sekolah-sekolah menengah untuk kawasan kampung, seperti Sungai Pinang, Sungai Rusa, Permatang Pasir dan Air Putih tetapi kenapa di tukar kepada *Prince Of Wales, International College*, dan ini telah membuatkan masyarakat Balik Pulau di kawasan kampung Sungai Pinang, Sungai Rusa, Permatang Pasir menafikan hak mendirikan sekolah di situ. Jadi apakah cadangan atau pemaju mencadangkan tanah lain untuk menggantikan tapak sekolah yang sepatut di bina di sekolah menengah itu?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya tahu tentang itu, *Prince Of Wales, International College* ini, baru-baru ini ada satu upacara meletakkan batu, batu asas dan sebagainya. Tetapi untuk mendapat jawapan yang terperinci, saya akan kembali kepada Y.B. lah tentang adakah sama ada mereka akan bagi tanah ganti dan sebagainya. Mungkin saya menghubungi Batu Maung, sebab saya di seberang tidak tahu, adakah tanah ganti. Tapi ada juga soalan-soalan yang lain yang telah ditimbulkan. Y.B. Sungai Dua dan Y.B. Telok Ayer Tawar timbulkan isu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Azad, siapa yang sebenarnya bagi tanah? Betul? Jadi tanah, yang mana pembinaan ini berlaku sekarang dekat itu Taman Botani ini, tapak tanah itu, kerajaan lama yang kenal pasti tanah 2004 saya ingat. Apabila.. (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia 2007, tanah lot 1877 Sek 2, Bandar George Town, bersebelahan dengan Kuil Hindu di Jalan Air Terjun.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Sebenarnya pada 2005, PIBG Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Azad membuat permohonan kepada Ketua Menteri Koh Tsu Koon jadi apabila permohonan dibuat ini, tapak yang baru ini dikenal pasti. Tetapi oleh kerana ada bantahan daripada MPPP sebab tempat itu adalah untuk *Eco-Tourism* dan sebagainya. Saya tidak tahu mungkin itulah yang saya dengar, jadi proses penyerahan tanah kepada sekolah ini telah dihentikan dan saya pun tahu bahawa sebelum pilihan raya ini, tanah itu telah ditunjukkan kepada sekolah Tamil Azad ini, inilah tapak dan hingga hari ini saya pun tidak dapat apa-apa bukti, surat. Semasa perbincangan awal saya dengan bekas EXCO dari MIC, dia beritahu sama saya memang tanah itu telah diberikan tetapi apabila Y.B. Seberang Jaya bangkitkan dalam sesi DUN ini, bahawa seolah-olah Kerajaan Negeri ini telah mengabaikan tanggungjawab dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya bukan mengabaikan, sebab saya kata pada 13 Februari 2008, EXCO telah meluluskan cuma *endorsement* daripada MPPP tak dapat masa itu. EXCO pada masa ketika itu telah meluluskan dalam mesyuarat EXCO, yang tu lah yang saya bagi tahulah, mesyuarat Jawatankuasa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Sebenarnya macam ini. Mesyuarat Jawatankuasa Tanah pada 13 Februari 2008, telah bersetuju untuk pengambilan tanah ini, dan kemudian dirujuk kepada Majlis Perbandaran kerana tadi kata ada Majlis Perbandaran terlibat, sebab itu berlarutan, lepas itu berlaku pilihan raya, Itu saja.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tetapi apa yang telah diluluskan oleh EXCO ini, saya tidak dapat apa-apa fakta mengenainya. Sebab apabila saya mencari bukti sama ada tanah ini telah diberikan kepada Sekolah Azad atau tidak, saya tidak dapat apa-apa bukti, jadi proses pengambilan tanah ini telah dijalankan selepas itu. Y.B. Seberang Jaya, saya berterima kasihlah. Memang lebih kurang 6 bulan kita secara formal, tanah ini diberikan kepada sekolah Azad. Jadi kontrak awal ini RM700 ribu. Apabila Dato' Seri Samy Vellu menghubungi Ketua Menteri dan selepas dalam sebulan, tawaran ini telah ditarik balik. Sebab konon nya kita tidak sediakan tanah. Apabila tanah ini telah disediakan kepada sekolah Azad ini, saya ingat  $\frac{3}{4}$  bulan yang lepas, baru kontrak *retender*, *retender* ini saya ingat lebih kurang RM1.5 milion. So, sekarang ini, projek ini memang dijalankan. Saya rasa sumbangan Kerajaan Negeri adalah tanah yang bernilai RM4.8 milion, sumbangan Kerajaan Persekutuan adalah pembinaan sekolah dan nilainya RM1.5. Itu ceritanya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ini bermakna MIC pun membuat pembelaan untuk orang Indialah. Dia kena *share* lah, ada benda kena *gentlemen* lah.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya sebenarnya tidak mahu sentuh MIC di sini tetapi Yang Berhormat yang bawa MIC. Sebab saya rasa apabila perbincangan awal dengan Ahli EXCO, masa itu Y.B. Subbaiyah ini, dia memang dia kata semuanya habis. Tanah telah diberikan tetapi proses ini tidak dijalankan. Cuma dia kata EXCO sudah membuat keputusan. Tetapi kita cari, tak ada apa-apa bukti, EXCO ini, memang dia ada tunjukkan surat, ah ini surat tetapi tak ada apa-apa. Proses ini kemudian dijalankan 4 bulan, 5 bulan, baru tanah ini diberi pada sekolah PIBG dengan *nominal sum* RM10.00. Ini cerita sebenarnya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Macam saya kata tadi lah. Tak ada apa dah. Saya cuma nak di rekod dalam Dewan yang mulia ini, MIC pun turut berjuang untuk orang India.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tak adalah. Kalau betul-betul MIC ini berjuang dalam sekolah Azad ini, dia patutnya memberi kerjasama kepada saya. Perkara ini, mungkin diselesaikan lebih awal.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Saya ada baca di surat khabar yang semasa pilihan raya di Hulu Selangor itu, MIC ada buat janji, katakan, duit MAICA yang mereka habiskan dahulu, sekarang akan bayar balik. Tetapi sehingga hari ini, tak nampak apa pun. Dia kata bila menang, dia akan bayar. Jadi di situlah MIC balas budi kepada kaum India.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tak saya tak setuju dengan Y.B. Seberang Jaya. Saya rasa kredit sebenarnya penghargaan harus di beri kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerana kalau betul ada inisiatif daripada kerajaan dahulu, terutamanya pemimpin-pemimpin MIC sudah sepatutnya perkara itu telah pun disempurnakan dan diselenggarakan. Kita lihat bahawa perkara itu menjadi kenyataan hanya selepas pilihan raya 2008. Dan saya rasa perkara itu hanya menjadi kenyataan selepas Yang Berhormat sendiri dan juga Ketua Menteri dan juga EXCO-EXCO lain mengambil inisiatif, kalau tidak perkara itu tidak akan menjadi kenyataan, cuma satu, cadangan, cadangan. Berbalik kepada apa yang dikatakan oleh Y.B. daripada Batu Uban, minta maaf ah, janji itu memang janji berkenaan dengan MAICA *share* itu telah menyebabkan MIC di *label*, bukan *Malaysian Indian Congress, Malaysian Indian Crooks....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Cuma satulah kalau boleh tarik balik *crooks* itu, tak baik kata kat parti orang.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Itu sendiri, dia menuduh kaum India begitu. Okey Sekarang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya bukan menuduh kaum India, saya menuduh *Malaysian Indian Crooks*, MIC sahaja.....(gangguan). Saya cuma menuduh parti komponen Barisan Nasional. MIC itu.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Cuma, saya nak pastikan Y.B. Ahli Perai, yang pertama cuba semak betul-betul. EXCO telah membuat keputusan pada 13 Februari 2008, semak. Dan yang kedua, Jawatankuasa Hartanah MPPP, juga telah membuat keputusan untuk menyerahkan tanah ini kepada sekolah berkenaan. Saya minta dirujuk perkara itu balik, di semak betul-betul. 20 Februari 2008.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tadi soalan tentang MIC di Hulu Selangor, datang isu MAICA ini, saya pun sudah bosan bincang tentang isu MAICA. Tetapi saya rasa ini adalah semua janji-janji kosong. So tak payah bincang panjang lebar tentang MIC lah. Kita pun tidak mahu bincang tentang UMNO lagi lah. Tak mahu beralih kepada MIC, kemudian Gerakan.

Jadi tentang isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Dua ini, memang kita cari bukan tak ada, bukan saya tolak ini, dah tak dapat apa-apa bukti sebab ini merupakan satu asas yang kita masa itu, boleh digunakan untuk mempercepatkan proses. Walaupun kita faham bahawa itulah sekeping tanah yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan lama. Okey ini saya bincang tentang isu fakta, saya tidak ada apa-apa, dan MPPP pun memang dia tahu tapak ini yang dikenal pasti. Walaupun MPPP ini memang tidak setuju bahawa tanah itu sesuai untuk sekolah Tamil, jadi apabila Pakatan Rakyat ini, kitalah yang mempercepatkan proses di mana *paper* daripada MPPP telah dibentangkan oleh Y.B. Chow dalam EXCO dan EXCO buat keputusan supaya bagi tanah itu yang lebih kurang 1 ekar kepada sekolah Tamil. Dan kemudian itu kontrak tawaran RM700,000.00 telah ditarik balik oleh Dato' Seri Samy Vellu, saya pun tak tahu kenapa. Kemudian *retender*, proses *retender*, di mana RM1.5 baru juga lebih, sekarang kerja ini dijalankan. Jadi saya memberi kredit kepada Kerajaan sekarang dan Persekutuan, saya tak ada apa-apa.

Inilah modal yang saya gunakan apabila saya telah menulis banyak surat kepada Kementerian Pendidikan bahawa kita bersedia untuk memberi tanah, itu memang kuasa kita. Tetapi untuk membina bangunan sekolah kita perlu bantuan komitmen daripada *Federal*. So, saya gunakan model sekolah Azad ini supaya kita bina bangunan-bangunan di tempat lain. So, saya tidak nafikan. Tetapi saya fikirkan mungkin ini boleh dipercepatkan dahulu kalau MIC ini boleh memberi kerjasama kepada kita. Okey terima kasih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ini menunjukkan Barisan Nasional bela untuk semua bangsa, Cina, India, Melayu. Ha, kena tahu tu. (gangguan).



## **Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.**

Ini Permatang Berangan, memang dia ada mengkritik saya lah bahawa saya tidak memberi satu jawapan yang terperinci tentang kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA, IPTS, Lembaga Pengurus IPTA, IPTS, pecahan kaum dan sebagainya. Selain daripada pecahan kaum ini, benda-benda ini boleh dapat. Kalau *you* tak boleh dapat, mungkin *you* boleh tanya, tak kan lah benda remeh temeh ini saya nak jawab. *You* boleh dapat daripada dia punya *broshure*. Tetapi isu pecahan kaum ini adalah Dasar Kerajaan Persekutuan ini dia tidak bagi angka-angka pecahan kaum di IPTA. IPTS ini memang melalui satu banci yang telah dilakukan oleh PACC pada Jun 2009, bahawa ini anggaran sahaja. 9.5% di IPTS adalah daripada kaum Melayu, 7.6% adalah daripada kaum Cina, 12% adalah daripada kaum India an 2.5% adalah daripada lain-lain. Jadi ini bukan rasmi, bila Lembaga Pengurus, kursus-kursus ditawarkan, ini saya rasa benda boleh dapat, tak payahlah seorang EXCO jawab soalan ini.

Kalau tak dapat mungkin kita boleh jawab. Bukan saya tidak mahu jawab, memang dia betul anak dia boleh cari, tidak payah, anak boleh cari tidak payahlah, ini memang dan kemudiannya Y.B. Pinang Tunggal, Kampung Buah Pala, cerita lama, kita sudah menyediakan, kita telah memberikan tekanan kepada pemaju untuk Nustmetro supaya memberi rumah percuma kepada, kita, bagi semua penduduk yang memegang tol di Buah Pala, tetapi akhirnya 15 keluarga yang menerima tawaran itu dan nilai rumah adalah lebih kurang RM600,000.00. Ini cerita lama dan mereka yang tidak mahu datang kita bagi 3 bulan, mereka enggan datang untuk menerima tawaran, jadi apa kerajaan boleh buat, jadi isu ini memang sudah *settle* dan kita memang mencari penyelesaian *win win isolation*. Jadi itulah jawapan untuk Y.B. Pinang Tunggal.

Akhir sekali Telok Bahang pun tidak ada di sini, dia mempertikaikan gelaran professor. Begini apabila kita mengambil kuasa kena isi borang, dalam borang adalah tanya gelaran, saya tidak menyuruh mereka memanggil saya professor, tidak. Bila saya jadi profesion saya menggunakan *tittle* professor atau tidak, itu saya serahkan kepada Kerajaan Negeri, Dato' SUK ada di sini, kalau dia mahu ambil, ambil, *no problem*, kalau dia ambil Dr., Doktor pun boleh ambil. Apa yang penting nama saya yang diberikan oleh ibu bapa saya Ramasamy a/l Palanisami, bukan gelaran-gelaran ini, jadi saya tidak kisah, ini memang yang ditimbulkan Telok Bahang ada orang lain tahu, tidak apa, kalau mahu ambil, ambil.

## **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tapi mereka yang ada Dato'-Dato', Tun Seri, Tan Sri semua yang Barisan Nasional ada, itu semua mereka yang ada, itu tidak tahu apa cerita.

## **Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tidak payah minta kepada orang lain, tetapi ini memang saya serahkan kepada Y.B. Dato' SUK di sini, kalau ini bukan tempat, keluarkan, saya tidak ada apa-apa. Tapi walau bagaimanapun apabila saya masih berhubung dengan universiti-universiti luar negara, di Singapura, Institute of South

Asian Studies, dulu saya jadi *chief of panel* memang digunakan *title* itu kepada saya, ada juga bekas

pelajar-pelajar saya juga memanggil saya profesor, tapi ini saya tidak boleh tawar, taklah tiap-tiap kali mereka memanggil profesor, takkan kita cakap tak payah atau pun panggil saya profesor, janganlah panggil saya profesor. Jadi saya rasa itu ini saya serahkan kepada Kerajaan Negeri tengok apa dasarnya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ini pukul anak sindir menantu. Faham-fahamlah itu.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Jadi itulah, ada isu-isu lain tetapi saya tidak mahu ambil tahu. Itu sahaja, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Y.B. Penanti.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

*Assalammualaikum Warohmatullah Hiwabarokatuh*, salam sejahtera, salam Kerajaan Pakatan Rakyat, Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Banyak isu yang dibangkitkan oleh ahli yang berada dalam Dewan ini yang berkaitan dengan EXCO saya sehingga digelar macam-macam nama, jadi saya percaya dan yakin, orang yang memanggil dengan nama macam-macam, dia cemburu kut kepada saya, cemburu sebab kita banyak buat kerja di padang dan kita memperkukuhkan akar umbi kita dan yang keduanya mungkin ada yang mimpi ataupun harapan dua, tiga orang Yang Berhormat hendak jadi Timbalan Ketua Menteri tetapi tidak kesampaian oleh kerana tidak menang dulu, tapi tidak apalah tuan-tuan dan puan-puan. Y.B. Dato' Speaker, hasil daripada rumusan yang banyak dibangkitkan dan persoalan-persoalan yang dibangkitkan itu ada dua (2) rangka besar.

Yang pertama, hasil rumusan, rumuskan ialah tuduhan yang mengatakan Kerajaan Pakatan Rakyat tak pandai urus tadbir Kerajaan Negeri, hanya pandai bercakap sahaja, hingga keluar pepatah kita buat macam ayam bertelur sebiji riuh satu kampung, tapi ada kawan-kawan saya beritahu, berkata kepada saya, tidak apalah Yang Berhormat itu betul juga, tapi yang mereka itu tidak bertelur langsung....(ketawa) jadi mandul ke? Dah pencen ke? Itu kawan saya suruh jawab.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)**

Peraturan 46 (xiii) menyakit hati...(ketawa).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Kalau kepada Kerajaan kepada kita dia boleh kata macam itu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tapi saya rasa kita lelaki semua bertelur...(ketawa).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Dan yang keduanya saya fikir satu lagi tuduhan yang dia kata yang semua projek yang dilakukan ini adalah semua projek yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, jadi Kerajaan Negeri ini tidak ada, sampai keluar juga pepatah, minta izin Y.B. Dato' Speaker "Lembu punya susu, sapi dapat nama", dia dapat nama, ini pun ditujukan kepada saya juga dan ini semua isu-isu yang dibangkitkan seperti Program Warga Emas sebagai satu program yang rasuah, program membasmi kemiskinan tegar, satu program yang tidak berkesan dan pelaburan asing yang ada sekarang ini merosot, ini melibatkan krisis keyakinan kepada Kerajaan Negeri dan isu setinggan berlanjutan, tidak ada perancangan langsung bagaimana hendak menanganinya. Kemudian rumah mampu milik tidak ada langsung dibina untuk orang-orang Melayu, dipinggirkan di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang. Ini yang saya hendak ambil yang *last* itu dahulu sebab itu yang tuduhan dan kritikan-kritikan kepada saya, sehingga saya pergi rasmi penutup upacara karnival rakyat harmoni di Kepala Batas pun di katakan menimbulkan masalah, kerana penganjur tidak mencuci tempat itu selepas itu. Ini satu tuduhan yang liar Y.B. Dato' Speaker. Saya pergi mengambil gambar, saya minta orang pergi ambil gambar kelmarin dan kelmarin saya dapati. Ini dia tempat yang kita buat, cuci bersih, tidak ada, makna sudah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Nanti sekejap, saya habiskan, tunggu Sungai Dua, kita akan bagi nanti. Jadi ini gambar-gambar yang kita ambil, ini baru kelmarin dan kita kena bagi tahu bahawa satu ialah peraturan atau perundangan Majlis Perbandaran Seberang Perai apabila kita buat kerja macam ini pihak penganjur diberi tempoh masa tertentu untuk membersihkannya, jadi isu ini tidak bangkit langsung, tapi saya nak tunjuk satu perkara lagi, di masa yang sama Y.B. Dato' Speaker UMNO pun menganjurkan program yang sama di Tasek Gelugor. Kelmarin kita ambil gambar, ini dia, sampahnya tidak dibuang lagi sehingga ke hari ini dan yang lebih teruk lagi dia buat di padang sekolah, padang awam, padang ini rosak habis, jadi inilah yang kita katakan perkara-perkara yang macam ini tidak sepatutnya tuduh kita sebelum apa-apa lagi, jadi kena tengok diri dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Sebenarnya Yang Berhormat tidak turun padang, tidak turun padang, kotor yang berlaku di karnival itu, berlaku pada hari Isnin, Selasa,

Yang Berhormat ambil gambar itu kelmarin, kekotoran itu berlaku Isnin dan hari Ahad, Isnin, Selasa, tiga hari kekotoran ada di situ. Yang kedua tidak turun padang dan mendakwa itu padang sekolah, karnival yang dibuat bukan di padang sekolah, sebab tu tak turun padang, dia *report* tidak betul.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Tak apa Yang Berhormat, yang pentingnya nombor 1 sekali, ialah pihak... (gangguan), duduk dulu, duduk. Yang pentingnya padang sekolah ini rosak teruk, itu satu dan yang keduanya tidak faham undang-undang yang penganjur diberi masa tertentu untuk membersihkan kawasan, itu yang kita kena faham. Sebelum apa-apa jangan kita tuduh. Itu yang pertama dan yang kedua saya hendak sebut, isu yang lain, isu yang kedua....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan, yang kotor tadi.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Kejap, sat lagi sambung. Jangan risau, saya bagi, tentang ini, tentang isu, ia berkaitan dengan isu Melayu dipinggirkan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Sikit jer, yang tadi.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Sekejap lagi, tak apa, sat lagi ambil balik. Satu yang berkaitan dengan tuduhan ini yang kata kita , Y.B. Pinang Tunggal dan yang lain lagi, dan kata kita ni tak ada jiwa langsung untuk membela juga kepentingan orang Melayu Pulau Pinang. Saya nak cabar dalam Dewan ni kalau lihat *track record* saya daripada dulu sampai hari ini saya berani cabar mana-mana Y.B. BN dan UMNO hari ini saya ingat tak setanding dengan apa saya buat (gangguan), nanti saya bagi tahu. Sebab dia ada kaitan nanti saya bagi tahu. Dan saya yakin juga saya biasa jadi *professional foster* kepada Perdana Menteri dan Y.B. Timbalan Perdana Menteri sekarang ni. Sebab apa Yang Berhormat sebut tadi KPI, dan saya nak bagi tahu juga kalau macam ini Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada ini kalau ikut KPI Perdana Menteri yang ada sekarang ni dengan Y.B. Timbalan Perdana Menteri, saya ingat tak boleh jadi Yang Berhormat dah....(ketawa).

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tak apalah kami 4 penggal dah, tak pa, tak salah yang baru sepenggal tu jaga la...(Gangguan).

## **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Jadi orang yang dah lama tu memang dah faham memang tak memimpin lah fasal dua (2) penggal yang lepas tu memang dia tak ambil dah .....(gangguan). Dua (2) penggal , tiga (3) penggal tak ambil dah tapi yang baru masuk ini. Yang baru dapat 1, 2 penggal tu saya ingat kalau bagi KPI kat saya tolong tengok KPI sendiri samalah sebab saya pun biasa duduk.....(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker *eye to eye discussion* jadi tahap perbincangan yang macam tu dengan

menteri, dengan Timbalan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri saya tak tahu Yang Berhormat kalau boleh jadi kalau orang yang macam tu boleh kata pak turut saya tak tahu orang yang tak biasa jumpa duk *serve* kopi kat menteri ja tak tahu apa dia nak panggillah. Mengikut rekod yang lepas-lepas, rekod-rekod yang lepas saya nak sebutkan sebelum-sebelum pegang jawatan ini pun Projek Mikro Kredit ni yang Kerajaan Negeri sekarang buat ni, ni Kerajaan Negeri sekarang buat ni iaitu Projek Mikro Kredit yang kita bagikan kepada ni apa orang OKU, orang meniaga kecil, Ibu Tunggal dan juga orang-orang miskin tegar kita cuba nak atasi masalah kemiskinan nak keluarkan orang-orang ini daripada masalah kemiskinan itu projek yang Kerajaan Negeri sekarang buat sekarang ni melalui PDC.

Kerajaan Negeri bagi duit pada PDC RM3 juta dan kita *consult* ni apa pihak USM untuk ni apa menjalankan tugas-tugas itu untuk mikro kredit. Dan mikro kredit ini dulu, saya yang mula asasnya, masa saya berkhidmat di USM dan dia ada satu legasi dia ada satu legasi tu di situ hari ini sampai tahun 1998 masa tu kita minta Timbalan Perdana Menteri pada masa tu lulus RM200 juta, Tekun Nasional yang ada sekarang ni saya sepatutnya jadi CEO yang pertama hari itu Tekun Nasional. Jadi kalaulah nak kata saya tak buat apa lagi, kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelah sana kalau esok ni orang mula Melayu Pulau Pinang boleh tanya apa dia legasi yang dia tinggal. Jadi saya berani bangga saya ada legasi yang saya tinggal di situ untuk Melayu Pulau Pinang ...(gangguan).

## **Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta Jalan.

## **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Nanti kejap. Kita sambung balik projek ini sebab kita tahu, peniaga-peniaga kecil, peniaga-peniaga kecil ini yang kita sekarang ini kita kata tak kira bangsa orang Melayu, orang India, orang Cina, yang kita bantu sebab orang-orang ini yang memerlukan bantuan. Sebab itu Kerajaan Negeri sekarang buat program Projek Titian Kasih, dan kita bercadang dan saya sekarang pun bercadang kita nak memperluaskan lagi projek ini mungkin melalui PUZ, Pusat Urus Zakat. Sebab itu kita boleh buat lagi iklan, kita boleh tambahkan lagi itu yang kita nak pergi di PUZ tapi malangnya orang-orang UMNO sekat saya nak pergi situ malah keluar berita kata Agong tolak Mansor. Dan sampai hari ini, sampai hari ini ada sekatan-sekatan yang supaya saya jangan pergi ke PUZ sebab katanya kalau saya pergi di PUZ maka segala usaha, segala program akan dibuat itu akan dipolitikkan. Jadi Y.B. Dato' Speaker kalau nak dedahkan ini saya boleh tunjukkan beberapa bukti yang program-program PUZ dulu diberikan kepada kegiatan dan juga aktiviti UMNO jadi sebelum, jadi itu saya minta tarik perhatian. Saya tak mahu, kalau nak minta saya senaraikan, saya boleh senaraikan saya ada rekod di situ. Jadi sebelum saya

masuk lagi dah kata saya nak buat benda itu sebabnya, sebabnya dulu dah duk buat kerja itu. Itu tentang PUZ.

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad ):**

Saya nak ringkaskan saja Y.B. Penanti, Y.B. Penanti jangan perasan sangat, Tuhan bagi ni kadang-kadang kita tak boleh buat sorang-sorang, ada ramai kawan-kawan yang bekerja bersama so Y.B. Penanti seharusnya *recognized*

sama kawan-kawan yang membantu Y.B. Penanti untuk membuat apa juga program. Saya nak patah balik yang tadi saja, nak tahu tadi ni kalau kata tempoh masa kredit MPPP tadi tu berapa hari sebenarnya yang disyaratkan kepada orang pungut sampah itu? 2 hari, 1 hari? kalau diberikan 2 hari sepatutnya kita buat apa ni peraturan supaya sehari selepas daripada karnival itu ataupun aktiviti sampah bukan dibiarkan sekian lama.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Pulau Betong, saya ingat satu minggu tempoh dia. Kita akan semak dengan ni apa PBT.

**Ahli kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad ):**

Kalau begitu jangan bagi mereka lama sangat. Satu hari selepas dibuat program mesti dicuci.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Tapi yang pentingnya penganjuran ni dia nafi. Dia cakap tengok berita ni penganjur bersih MPSP. Ni baharu jadi sahaja dan sebelah ni tunjuk ni apa rumah retak undang resah 9 keluarga di Pinang Tunggal sebelah tu la.....(ketawa). Jadi tak ada apa la, okey, kita tak usah cakap pasal tu baik Y.B. Dato' Speaker, saya nak sambung tentang isu perobohan sebab ini banyak tuduhan liar yang dilempar kepada kita, kepada Kerajaan Negeri walaupun tadi Y.B. Padang Kota, dah sebutkan sikit dia timbul mulanya daripada 3 (tiga) sindiran. Satu (1) di Do Re Mi di Batu Feringhi dan (1) satu lagi di Bukit Mertajam Ikan Bakar, 3N Ikan Bakar dan (1) satu lagi yang kedai buah di Permatang Pauh, jadi heboh betul masa tu sampai bermacam-macam saya di gelaran macam-macam, dok kata kita tak buat apa-apa langsung.

Sebenarnya Y.B. Dato' Speaker, saya tak masuk polemik tentang tiga-tiga kes ini saya telah pun diberi penerangan dengan panjang lebar oleh rakan saya dan juga penerangan-penerangan sebelum ini. Apa yang saya nak maklumkan pada Dewan pada hari ini ialah kita telah wujudkan satu jawatankuasa yang telah dipengerusikan oleh saya sendiri. Jawatankuasa ini tentang ni apa gerai-gerai haram dan kita telah gariskan beberapa peraturan yang apa kita nak buat di masa hadapan dan kita gariskan garis panduan contohnya satu kita kata gerai-gerai haram yang di atas tanah Kerajaan dan persendirian yang kita boleh robohkan. Satu gerai yang banyak menerima aduan gerai yang didirikan atas tanah cadangan untuk dibangunkan kemudian gerai yang dalam rundingan untuk penempatan semula gerai yang boleh menjejaskan kesihatan keselamatan kebersihan dan alam

sekitar dan gerai yang beroperasi di sekitar tapak penjaja majlis atau kompleks atau pasar awam, kemudian ni apa gerai yang berada 9 meter daripada persimpangan jalan raya gerai, di kawasan sekolah dan hospital gerai di jalan-jalan protokol.

Jadi bila mana terdapat gerai ataupun struktur yang dalam kawasan ini kita akan ambil tindakan dan tindakan kita tak kira sebab itu polisi dasar dan sebelum ini kita katakan dan sebelum ini pun tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan

Negeri bukan saja di setakat gerai-gerai orang Melayu saja tapi gerai-gerai orang bukan Melayu pun banyak. Tapi malangnya surat khabar surat khabar Melayu tidak melaporkannya, hanya surat khabar-surat khabar yang bukan Melayu macam surat khabar Cina yang melaporkan gerai-gerai Cina. Itu yang jadi masalah dalam negara kita terutamanya di Negeri Pulau Pinang. Kemudian kita gariskan juga kita gariskan, juga kategori gerai mana yang kita nak kompaun. Yang mana yang boleh dikompaunkan, kemudian yang mana yang boleh dibagi lesenkan dan juga kita kenal pasti kawasan-kawasan yang kita nak buat *re-branding*. Yang mana sama ada projek had projek Persekutuan seperti yang macam di Gelugor tu.

Saya beri contoh lah dan lain-lain lagi kawasan-kawasan kita kenal pasti duk ada sampai 18 kawasan yang kita kenal pasti kawasan-kawasan yang kita nak buat *re-branding* dan juga kawasan-kawasan baru yang kita nak wujudkan ini merupakan usaha Kerajaan Negeri. Walaupun kita ambil tegas kita berpendirian tegas tentang gerai-gerai ini sebab kita hendakkan kebersihan, kita nak lari daripada tuduhan-tuduhan daripada luar, tuduhan pembangkang sendiri pun yang kata Negeri Pulau Pinang ni Negeri kotor Darul Sampah. Jadi bagi ruang kita ambil tindakan-tindakan ini dan di masa yang kita membuka peluang-peluang perniagaan untuk orang-orang kecil ini berniaga dan mencari makan itu dasar kita.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, macam mana kita bagi peluang kepada orang-orang kita berniaga sedangkan orang kita berniaga kita pergi roboh? Tak bagi peluang la tu, apa yang patut kerajaan buat mengadakan satu pendekatan berunding dengan mereka kemudian mencari jalan untuk menempatkan mereka kembali ke mana-mana. Kita melihat balik, melihat balik ada berapa isu di sini...(gangguan), ada berapa isu yang pertama gerai lama yang dah lama dia berniaga...(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Duduk, Y.B. Sungai Dua, ni apa sebenarnya betul macam Sri Delima kata tadi tak berapa faham sikit sebab ialah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Pasal tak faham lah tanya. Apalah.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Bukan kita tak bagi runding, macam Ikan Bakar yang 3N tu kita tawarkan tempat lain pergi berniaga, Do Re Mi pun kita tawar, tempat lain pergi berniaga

yang macam ni pun macam tu juga. Kita kan berunding di tempat itu juga tapi yang kes-kes yang dah lama macam Yang Berhormat sebut tadi tu Do Re Mi tu, kita dapat aduan bukan sahaja dari orang biasa daripada Menteri UMNO tulis surat suruh pergi roboh. Menteri Pelancongan masa itu tulis surat kepada Kerajaan Negeri kata tolong pergi ambil tindakan ke atas kedai ini. So kita tak boleh, itu (gangguan.....), UMNO Dato' Sri Azalina Said.

Jadi persoalannya di situ Y.B. Dato' Speaker persoalannya di situ ialah kita ada perancangan satu yang disebut oleh Y.B. Padang Kota tadi dan perancangan itu sudah diatur dan sebagai satu contoh umpamanya ini Yang Berhormat baru diberikan kepada saya, ini yang kita kata cadangan yang kita nak buat gerai-gerai di tepi *costal highway* di Pulau Pinang. Dah ada pelannya ini so kita akan laksanakan dan di masa yang sama dua bulan yang lepas kita bagi serah balik supaya tidak diambil tindakan supaya kita tak zalim dengan orang ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Dia berniaga di situ dah lama, makna pelanggan-pelanggan dia dah lama di situ cuba kita runding supaya dia kekal di situ, kita tengok buat cara-cara yang terbaik pada dia ...(Gangguan), kalau nak tengok orang berniaga dah lama kerana dia nak mengembangkan ekonomi diri dia ...(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Kita hendak Negeri ini cantik tak Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kita mahu cantik, tapi kita kena cantikkan lagi tempat itu, kita ada inisiatif untuk mencantikkan tempat itu, kita mahu pendekatan macam itu.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Okey itu tentang perobohan dan tadi saya sudah sebut tentang isu mikro kredit. Saya bukan hendak berbahas sangat dengan Y.B. Pulau Betong, sebab tuduh saya macam-macam, kata saya tak reti, saya tak nu sampai tak ada bahasa lagi dah. Jadi saya terang balik aja, saya terang balik rekod dan saya yakin kalau kita letakkan rekod itu kepada pengundi kepada Orang Melayu saya ingat ini yang ada biasa buat rekod apa dia kepentingan banding dengan kita saya duduk rumah teres sahaja kalau banding dengan Y.B. Pinang Tunggal ada istana ada kereta besar-besar kalaulah kita dua orang inilah ya Yang Berhormat, pergi cerita kat orang kata nak bela untuk semangat ni saya ingat orang percaya kat saya lagi.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Bagi laluan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal ( Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin ):**



Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, bila dia sebut pasal yang itu makna kalau kata sentuh keluarga saya juga. Saya dua perkara sahaja. Yang pertama, kalau dalam berpolitik kalau nak hentam apa hentamlah tak ada apa-apa masalah bagi saya, jangan sampaikan agama saya bangsa saya tanah air saya terancam.

Yang kedua, kalau nak sebut nak sentuh pasal diri saya hentamlah saya tak ada masalah pun tapi bila sebut fasal rumah pasal itu pasal ini menyangkut dengan keluarga saya. Jadi bila sebut fasal keluarga bagi sayalah rasa tak rupa kenalah sikit, Mat Sabu pun hentam saya rumah besar macam istana kereta bersusun

macam pasu bunga Mat Sabu kata. Tapi saya tak ada masalah pun, sebab hentam saya faham, tapi kena ingat susah payah pahit maung yang saya tempuh pagi petang siang malam sebelum saya jadi wakil rakyat rumah saya dah buat besar tu. Sebelum saya jadi wakil rakyat kereta besar saya dah ada 9 biji saya ingat saya nak berbakti kepada rakyat, saya libatkan diri, tu sebab kalau nak kata sepenggal ka dua penggal sapa nak ambil lah tak ada masalah dah pun (Gangguan.....). Bagi saya habis dulu.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Sudah, sudah, ini ruang saya, cukuplah.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Cukuplah. Penanti pun kena teruk.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal ( Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin ):**

Tak habis ni lagi. Saya ulang sekali ini jangan jadi Timbalan Ketua Menteri, bagi kepada Y.B. Batu Maung. Cara Batu Maung hurai tadi, gulung tadi nampak macam sebiji, tetapi sembilan biji, macam Timbalan Ketua Menteri.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh ( Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria ):**

Yang berhormat Ketua Menteri nasihat kita elok-elok jadi kita elok-elok la, Ketua Menteri dah nasihat hari itu kita elok-elok. Jangan Kerajaan buat, ni kalau Kerajaan ajak. Kalau pembangkang buat tak apa tapi bila kerajaan ajak (gangguan....), tapi saya nak pesan macam itulah. Tadi dia kata kami tak jiwa rakyat dah.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Okey saya nak tinggal semua tu, semua sebab dah habis, tinggal semua tu sebab pun kawan-kawan saya dulu tak apa saya tinggal semua tu saya bangkit sebab reaksi sahaja sebab dulu, kelmarin dulu siapa tak ada ruang nak menjawab okey kita berhenti kat situ. Kita sambung kepada isu yang lain, baik, isu gerakan koperasi Y.B. Dato' Speaker, ADUN Sungai Dua bangkit soalan tentang usaha Kerajaan Negeri yang lakukan untuk membangunkan pergerakan koperasi di Negeri Pulau Pinang ni, dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebenarnya sentiasa prihatin dan berusaha bagi membangunkan dan memperkasakan gerakan koperasi di Negeri Pulau Pinang sebagai pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi

rakyat dan berdasar kepada perangkaan daripada SKM, ataupun Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang sehingga 30 April 2010 terdapat sejumlah 476 buah gerakan koperasi yang telah berdaftar di Negeri Pulau Pinang yang merangkumi pelbagai sektor seperti perbankan kredit, peruncitan, pertanian dan sebagainya.

Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai program yang telah membangunkan koperasi di Negeri ini. Di antaranya ialah menubuhkan jawatankuasa Koperasi Kemajuan dan Keselamatan Kampung Komuniti JKK

selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkasakan ekonomi rakyat sehingga ke akar umbi melalui gerakan koperasi dengan pengendalian oleh JKK sendiri. Jadi sehingga kini terdapat sejumlah 35 buah koperasi JKK yang telah ditubuhkan dengan menjalankan pelbagai aktiviti seperti pertanian, peruncitan barangan pengguna dan sebagainya dan Kerajaan Negeri menasaskan untuk menubuhkan satu JKK, satu koperasi dan usaha akan ditingkatkan bagi menggalakkan setiap JKK menubuhkan koperasi di Negeri ini.

Ke arah ini Kerajaan Negeri menasaskan 60 buah koperasi JKK ditubuhkan pada tahun 2010 iaitu tahun ini dan usaha ini akan dijalankan dengan kerjasama SKM. Dan objektif penubuhan koperasi JKK adalah untuk menerapkan pembudayaan kesopanan koperasi di kalangan JKK selain memainkan peranan untuk menguruskan hal ehwal kemasyarakatan di kawasan setempat. Dan penubuhan koperasi ini dapat membantu anggota-anggotanya yang terdiri daripada masyarakat setempat untuk melibatkan diri dengan aktiviti ekonomi agar dapat menjana pendapatan dan meningkatkan taraf kehidupan ahli-ahli. Tertubuhnya koperasi JKK ini adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar JKK dapat berkhidmat dengan lebih berkesan lagi terhadap rakyat atau berupaya menjana ekonomi masyarakat setempat di kawasan masing-masing. Kita aturkan banyak program sepanjang tahun ini contohnya baru-baru ini kita ada satu karnival koperasi pada 27 dan 28 Mac 2010 bertempat di tapak Expo Seberang Jaya dan kita pilih tema masa itu ialah koperasi menjana ekonomi masyarakat supaya benda-benda ini kita nak membudayakan koperasi di Negeri Pulau Pinang ini supaya kita dapat seperti di negara-negara moden yang terdapat di dunia ini.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed ):**

Penjelasan, yang pertama, tentang penubuhan koperasi JKK boleh tak saya mendapatkan satu salinan undang-undang penubuhan koperasi JKK daripada salah satu, adakah seragam semua 35 ni? Dan yang kedua karnival koperasi yang disebut tadi? yang buat di tapak ekspo tu? Siapakah yang dijemput koperasi-koperasi manakah yang dijemput. Saya juga pengerusi koperasi saya tidak pernah terima satu jemputan daripada Kerajaan Negeri.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Sungai Dua, penubuhan koperasi ni kita panggil SKM Malaysia dan juga Yang Berhormat SKM makna Suruhajaya Koperasi Malaysia dan juga pihak Angkasa untuk turun memberi taklimat kepada kita bagaimana nak wujudkan koperasi. Ini penuh dengan kerjasama dan saya rasa tidak ada kesalahan peraturan ataupun undang-undang tentang perkara itu sebab ini melalui jabatan ini melalui jabatan kerajaan dan...(gangguan)

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Untuk mendapatkan, adakah undang-undang seragam atau berbeza antara satu koperasi dengan koperasi yang lain.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Ada, ada di koperasi, kita boleh bekalkan itu. Yang keduanya kita jemput ramai yang baru ni karnival yang baru ni, di samping JKK kita jemput juga koperasi yang telah wujud di Negeri Pulau Pinang. Ini yang telah maju, yang telah berjaya seperti macam dengan Tunas Muda apa satu lagi yang Bank Kerjasama ini yang telah maju dengan harapan kita koperasi yang telah maju ini boleh membimbing koperasi-koperasi yang bawah ini. Untuk itu yang pengisian ni apa karnival itu dengan objektif dia dua sahaja. Satu, kita nak menggalakkan penubuhan koperasi dan yang keduanya kita nak mengukuhkan koperasi so pengisiannya itu dia tuju ke situ supaya ni apa pihak SKM dan juga Angkasa memberi kursus dan juga ni apa koperasi-koperasi yang telah berjaya tadi jadi panel untuk mengajar dia untuk memberi bimbingan kepada koperasi-koperasi yang baru nak diwujudkan dan di samping itu juga *match matching* supaya ada ruang berniaga sebab ada di samping ni apa koperasi ada juga ni apa peniaga-peniaga kecil yang berniaga di situ. So itu *Alhamdulillah* saya dapati ni apa usaha itu apa ni berjaya dan kita akan teruskan lagi usaha-usaha ini. Saya jangkakan kita dapat wujudkan ni apa dengan lebih dengan lebih banyak lagi koperasi supaya kita dapat membudayakan cara hidup koperasi di Negeri Pulau Pinang ini. Kemudian seterusnya, isu yang dibangkitkan ialah tentang pembangunan Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Pulau Pinang. Jadi saya nak sentuh juga sikit satu di sini sebab banyak juga data saya tak payah ulang data-data diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan juga EXCO Agama ni apa sepanjang kita bersidang ini. Cuma yang menarik satu tentang tanah kubur di Jelutong itu, hari itu saya nak kena sebut juga. Yang boleh berbangkit isu ini adalah dia Tanah Perkuburan Jelutong Qariah-qariah dia tu datang jumpa dengan saya dalam satu dua bulan yang lepas dia telah berjumpa dengan saya dia kata kita ada masalah sebab ni apa kita perlu tanah perkuburan dalam daerah-daerah Timur Laut terutama sekali di Jelutong. Penduduk ni apa telah meningkat, kubur makin kecil dan dia kata kalau kita gali kubur pun dia dulunya kalau kita gali 6 kaki dalam tapi sekarang ni tak boleh nak gali 6 kaki lagi sebab kalau gali 6 kaki turun tulang-tulang dah ada dalam itu so justifikasi untuk ada tanah perkuburan baru memang ada justifikasi tapi bila dia bawa permohonan itu saya berbincang dengan Ketua Menteri. Jadi dulu persoalan dia ialah macam ini saya hairan kita jadi isu benda ini padahal kita dulu masa pemerintahan dulu saya hairan sangat sebab UMNO ada 12 kerusi masa tu ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin b Mohamed):**

Kita tidak menjadikan ini satu isu, apa yang kita sebutkan di sini Y.B. Dato' Speaker, saya cuma nak dapat kepastian pengambilan yang dibuat tu sampai lot berapa itu sahaja. Ini bukan isu bukan isu....(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Nanti saya habiskan saya tahu. Isu itu memang betul permintaan dulu minta lot 21 dan lot 22 memang betul lot 21 dan 22 tapi permintaan itu lot 21 dan lot 22 itu dulu. Sebab masa itu Jabatan Agama Islam kata ada duit untuk ambil tanah itu kemudian saya panggil mereka saya minta surat mana dia duit, *last* sekali depa kata Majlis Agama Islam kata, kita tak ada duit kita tak ada duit. Kemudian ni apa kita menghubungi pihak Persekutuan. Y.A.B. Ketua Menteri telefon Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, betul seperti apa Y.B. Permatang Berangan memang dasar pihak Persekutuan tak bagi untuk ambil tanah kubur, tak ada peruntukan macam tu buat masjid, yes ada tapi untuk ambil tanah kubur tak ada. So persoalannya di sini ialah kita Kerajaan Negeri yang baru ini kita menyedari hakikat itu, kita ambil tanah, kita bagi atas usaha Kerajaan Negeri untuk ambil tanah itu dan di situ kita tak kata apa lagi tapi kerana pembangkang kata kita tak bela... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed ):**

Tengok *hansard*, kita tak kata, kita tak bela. Minta penjelasan tolong jangan putar belitkan isu ini. Tidak ada antara kami yang putar belit kata, kita tak bela tak ada tak betul. Apa yang kita minta di sini dah *confirm* lot itu sahaja. Itu sahaja bukan ada isu apa.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tunggu dulu Y.B. Sungai Dua.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang pentingnya Y.B. Dato' Speaker, faktanya ialah Kerajaan Negeri usaha untuk memberi tanah itu kepada qariah Masjid Jelutong. Itu satu usaha yang murni Y.B. Dato' Speaker. Yang saya tanya tadi ialah semasa kita berkuasa dulu ada tak sampai 12 kerusi kenapa tak usaha langsung itu Yang Berhormat, itu *point* saya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya):**

Minta laluan, terima kasih saya dengar *statement* tadi Timbalan Ketua Menteri kata ini usaha Kerajaan Negeri untuk nak ambil kubur ini kita dah buat dululah, semua kubur yang kita ambil semua duit Kerajaan Negeri termasuk kubur Pusat, guna duit Kerajaan Negeri, tidak pernah Kerajaan Pusat belanja duit untuk pengambilan kubur tak ada.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Telok Bahang, okey saya tak persoal di mana kerajaan dulu buat kubur saya tak persoal langsung, yang saya persoal ialah di Jelutong. Isu Jelutong dan justifikasi di situ memang ada itu yang saya tindakan itu...(gangguan). *Alhamdulillah* okey...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya nak *cornfirm* lot berapa? Pastikan lot nombor itu.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Jawab ikut soalan lah.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Itu jawab ikut soalanlah, sebab tadi ada kata.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Kita jawab ikut, profesionallah. Sebagai Timbalan Ketua Menteri.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, soalan ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Sengaja nak cari provokasi. CM dah nasihatkan kita, kita kena patuhlah, tapi sekarang CM kenapa jadi begitu, Timbalan CM.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Hak untuk menjawab terpulang kepada Y.B. Timbalan Ketua Menteri:

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Memang terpulang kepada Timbalan Ketua Menteri, Y.B. Dato' Speaker. Tapi jawapan yang saya dapat pengambilan yang dibuat, sebab itu saya nak *confirm* kerana pengambilan ini dibuat lot 12, 13, 14, 15, 16, 21 dan 22. Itu jawapan yang diberi. Tetapi saya difahamkan EXCO membuat keputusan 21 dan 22 tidak masuk. Saya cuma nak *confirm* balik masuk atau tidak masuk. Itu saja.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Tak masuk, biar saya cerita *back ground* dia.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tak masuk, bermakna 21 dan 22 tidak masuk.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Kita ambil yang lain.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

21, 22? Tak ambil.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Tak ambil.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Itu saja yang saya hendak tahu, kenapa lambat sangat bagi jawapan. Tetapi....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sudah-sudah Y.B. Sungai Dua Y.B. Penanti sudah bagi jawapan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tetapi saya minta supaya tindakan perlu diambil kerana jawapan yang diberikan kepada saya lot 21 dan 22 tidak diambil,

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker sudah dijawab, tadi kita dah jawab.

**Ahli Kawasan Sungai Dua ( Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed ):**

Ini *mislead* Dewan. Ini serius. Maksudnya saya dapat jawapan yang tidak betul. Berapa kali saya perlu mendapatkan jawapan yang tidak betul.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Soalan yang mana?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Minta jalan Y.B. Penanti, saya rasa itulah cadangan asal, kerana pada mulanya ialah seperti yang Y.B. Timbalan Ketua Menteri I sebut tadi. Ekoran daripada fahaman bahawa pihak Kerajaan Persekutuan akan memberikan bantuan kewangan kerana wang terlibat adalah besar. Saya rasa Y.B. Sungai Dua pun tahu, kawasan itu kawasan tengah bandar di mana kosnya amat tinggi, Oleh sebab itu kita diberikan harapan bahawa ada kewangan tapi oleh sebab itu, itu dicadangkan pada masa itu, so selepas itu di fahamkan bahawa wang tidak mari, kerana wang tidak mari terpaksa mencari sumber sendiri. Oleh kerana masalah dari segi kewangan dan pada asalnya tidak masuk dalam bajet dua tahun ini, maka kita kena cari wang. Oleh sebab itu perbincangan masih dijalankan dengan pihak qariah dan oleh kerana kita hendak buat secara rundingan, kita akan beri pandangan dan pihak qariah pun akan memberi pandangan. Saya sendiri terlibat

secara langsung dalam perbincangan ini, tentu saya harap tidak akan dituduh kerana mengambil berat tentang hal kubur Islam. Tak dituduh lagi mencampuri hal Agama Islam, hanya kerana hendak memberi keprihatinan sahaja. Saya turut terlibat dengan perbincangan qariah macam mana kita boleh mengatasi masalah, kerana dari segi kewangan memang besar, kerana tidak ada bajet kita kena cari wang. Itulah sebab kita ada beberapa perbincangan.

Oleh kerana itu, buat masa ini kita tidak mahu sebut lot-lot secara spesifik kerana kita masih tunggu maklum balas daripada pihak qariah. Tetapi dari aspek yang disebut ini, itu ialah pada asalnya. Jadi saya harap penjelasan ini dapat menjelaskan kepada Yang Berhormat. Pada asalnya wang tidak akan datang dari Persekutuan tetapi selepas itu seperti Yang Berhormat sedia tahu Kerajaan Persekutuan memang tidak mengeluarkan wang untuk memperuntukkan atau menyediakannya, terpaksa disediakan oleh Kerajaan Negeri. Kita hanya dapat tahu perkara ini dua tahun atau baru-baru ini, jadi sekarang sungguhpun ini sudah lepas kita hendak atasi masalah ini, kita mesti mencari sumber kewangan. Oleh kerana kita masih menunggu maklum balas daripada pihak qariah. Yang pasti ialah kita hendak atasi masalah ini. Dari segi ini saya rasa lebih elok kita sebut selepas maklum balas diperoleh daripada pihak qariah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Terima kasih atas penjelasan dan saya faham, tetapi apa saya pertikaikan lain kali kalau tidak ambil, jangan bagi tahu ambil. Kerana di sini menjelaskan bahawa lot 21 dan 22 telah pun diambil. Itu saja.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu pada asalnya, saya sudah jelaskan. Itu saya terima dan latar belakang bila kita anggap Persekutuan akan masuk campur, lepas ni tidak berlaku so kita kesempitan kewangan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Adakah Kerajaan Negeri boleh beri jaminan bahawa lot 21 dan 22 juga akan diambil.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini saya tidak boleh memberikan jaminan oleh kerana dari segi kewangan memang sempit. Yang pentingnya ialah kita cuba cari jalan untuk sediakan tanah perkuburan mengikut kemampuan Kerajaan Negeri. Kalau kita boleh dapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan tidak ada masalah, tetapi memang tidak akan datang. Saya ingat Y.B. Sungai Dua pun tahu. Kita perlu diberi fahaman yang lain. *You* pun tahu kita baru saja jadi Kerajaan, kita anggap memang betul bila orang beri maklumat kepada kita, dia pun tunjuk surat, apabila kita baca surat itu rupanya tidak ada. Sekarang kita tahu tidak ada seperti Y.B. Sungai Dua sahkan tadi dan kita cuba berjalan ikut keperluan dan kemampuan kewangan kita dan tanah perkuburan Islam di tengah-tengah bandar saya rasa boleh sediakan banyak

tanah perkuburan di tempat-tempat lain, tetapi kita masih berhasrat untuk menyediakan tanah perkuburan, kalau boleh biarlah kita tunggu maklum balas daripada pihak qariah, di mana saya sendiri terlibat dalam hal ini. Saya percaya Y.B. Sungai Dua pun tahu tidak pernah diambil keprihatinan oleh Ketua Menteri sebelum ini.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Minta penjelasan sikit, sikit saja. Saya nak tanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri, dokumen yang diberi sama ada rasmi atau tidak? Dokumen mengenai jawapan itu. Sahajalah saya nak tanya untuk dapat penjelasan. Takkan salah Y.B. Sri Delima? ...(gangguan). Saya cuma tanya yang itu sahaja. Y.B. Dato' Speaker dalam Dewan yang maha mulia ini Y.B. Dato' Speaker saya bertanya sama ada dokumen yang diberi jawapan kepada Y.B. Sungai Dua ini merupakan dokumen rasmi ataupun tidak? Itu sahaja soalan saya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Sungai Dua sudah faham tak payah ulang Y.B. Sungai Dua sudah faham.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya akan teruskan sebab masa. Tentang JKK, ADUN Sungai Aceh membangkitkan tentang isu JKK. Bagi mencapai objektif penubuhan JKK setakat ini strategi perancangan dan pelaksanaan yang dijalankan melalui JKK telah banyak membantu melicinkan urusan pentadbiran di peringkat kawasan tempatan yang merupakan kelompok terhampir dengan masyarakat setempat. Peranan JKK sebagai perantara adalah bersesuaian dan memudah urusan penyelesaian masalah dan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Jadi perancangan dan pelaksanaan projek kecil di kawasan setempat juga dapat dilakukan dengan lebih berkesan dengan mengambil kira kehendak serta keperluan penduduk dan segala dasar Kerajaan dapat disalurkan kepada masyarakat dengan lebih berkesan melalui JKK.

Bagi memastikan semua JKK sentiasa peka kepada objektif penubuhan maka manual berkaitan sebagai panduan dan Kerajaan Negeri selalu mengambil kira keperluan ahli JKK yang baru dilantik dengan memantapkan urusan pentadbiran, kewangan dan perhubungan masyarakat dan sebagai. Contohnya Pejabat Daerah SPS juga turut merancang beberapa program melibatkan JKK bagi meningkatkan kefahaman yang lebih jelas terhadap aspek pembangunan serta kepimpinan yang perlu dikuasai oleh semua ahli JKK dengan menggunakan peruntukan yang diberi melalui Jawatan Kuasa MMK.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri memang sedar mengenai peranan dan fungsi yang dimainkan oleh JKK di peringkat akar umbi dan salah satu usaha untuk memperkasakan akar umbi sememangnya melalui JKK. Jadi oleh kerana itu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya kepada JKK. Justeru itu kita aturkan



pelbagai program-program pengukuhan ilmu kepada JKK-JKK kita yang dilantik so setakat tahun kita telah mengadakan beberapa siri latihan ingin memberi pengetahuan asas kepada JKK untuk mengurus tadbir supaya ia lebih berkesan bagi berkhidmat kepada masyarakat setempat dan kita tukar nama dia daripada JKK daripada Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung kepada Jawatankuasa Keselamatan Komuniti, *instead of* kampung komuniti. *Instead of* kampung kita jadikan dia komuniti. Kita akan terus untuk memberikan galakan dan juga ilmu kepada JKK supaya memberi khidmat yang baik kepada rakyat dan menyemarakkan lagi usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat dan ke

arah usaha itu galakkan yang kita berikan ialah menganjurkan JKK yang terbaik umpamanya so JKK yang terbaik di tahun lepas, tahun 2009 jadi juaranya ialah JKK di DUN Penang Tunggal. Itu memang usaha yang baik. Tahniah.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):**

Minta laluan, Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya nak khabar bagi tahniah ni saya nak kata tahniah kepala otak apa! Saya ada cerita kelmarin kerja buat tebatan banjir satu bagi contoh kita pulun buat 4 tahun dulu lagi. Pampasan tanah, pampasan rumah, pampasan sewaan, pampasan penempatan, pampasan rumah transit 4 tahun dulu lagi pampasan kubur dan sebagainya. Ia ni dia masuk kacau tonggong terbalik huru-hara habis kampung. JKK apa yang bagi hadiah sampai lagu tu ..tu? tu satu sahaja saya boleh sebut seribu lagi ni makna kata dok ada ni yang mewakili Penanti dibagi mandat dan tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Menteri I, ini saya kata kelmarin tu betullah tak buat kerja tak tahu apa pun tak ambil tahu apa pun...(gangguan), ini bukti yang saya duk sebut ni.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, jadi cukup saya bagi laluan dia setakat itu sahaja. Saya teruskan isu yang dibangkitkan ialah mengenai isu pengurusan dewan, jadi banyak Yang Berhormat sebut pasal dewan yang selepas diambil tidak terurus tak terjaga kemudian kotor dan saya telah ambil perhatian itu dan dalam senarai saya juga ada dewan-dewan yang sukar kita nak ambil alih, sukar kita ambil alih kerana banyak kerosakan yang berlaku di dewan-dewan itu so kita akan ambil usaha-usaha pembetulan tentang ke arah itu. Baik saya nak mohon pergi ke topik yang lain sikit yang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh ( Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Berkaitan dengan dewan, ada dewan elok Y.B. Dato' Speaker di kawasan saya dua, tiga dewan yang elok kita serah tapi bila kadang-kadang pelanggan ataupun rakyat nak guna nak kena cuci pula tahi kambing la, tahi cicak la, sawang la. Itu yang saya sebut tiada rosak kalau ada rosak pun sikit-sikit sahaja. Ini saya nak jelaskan ini kawasan saya, saya melawat tengok tempat tu itu yang saya buat pengaduan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya juga hendak maklumkan yang saya, selepas diambil oleh JKK banyak juga masalah-masalah yang seperti mana Y.B. Sungai Acheh sebut tadi. Isu yang seterusnya, yang dibangkitkan ialah tentang masalah isu hak milik strata, *strata title*. Seperti rakan saya Yang Berhormat telah memberi penerangan agak panjang lebar dah. Cuma saya nak *re-emphasize* kan yang memang kita wujudkan satu jawatankuasa untuk tangani masalah *strata title* ini, sebab kita sedar yang masalah yang berkaitan dengan ni apa JMC ni apa Joint Management Corporation memang timbul masalah kepada pengundi dan juga pembeli dan juga kepada pihak pengurusan. Jadi kita tubuhkan jawatankuasa ini dan tiap-kali dalam mesyuarat jawatankuasa ini kita kenal pasti apa dia isu-isu ataupun masalah-masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik *strata title* memang banyak betul *strata*

*title* yang belum lagi kita keluarkan jadi kita kaji kita dapati apa dia punca-punca dia. Kita juga berbincang tindakan-tindakan susulan yang kita boleh ambil supaya kita boleh bawa kes-kes ini pihak ni apa pengurusan *strata title* di pihak jawatan kuasa teknikal terutamanya di peringkat PTG, Pengarah Tanah dan Galian untuk turun dan berbincang dengan kedua-dua dan juga dengan pihak COB ini tentang dan bila timbul kes ini terpaksa kita angkat balik kepada pihak EXCO untuk membuat keputusan.

Setakat hari ini makna tiap-tiap kali mesyuarat kita kena pasti tempat-tempat mana yang kita nak ni apa nak selesai isu yang berat macam mana so kita akan ambil perhatian Y.B. Seberang Jaya sebutkan tadi tu di tempat beliau. So itu berkenaan isu *strata title* ataupun isu hak milik strata. Satu lagi ni apa Y.B. Dato' Speaker, kita juga sekarang ni cuba tangani isu-isu ataupun kita cuba nak merungkaikan masalah-masalah yang tertinggal dulu ini. Saya bangkit ini sebab ada isu yang dibangkitkan berkenaan dengan isu rumah mampu milik. Satu contoh yang saya nak sebutkan hari ini di dalam Dewan yang mulia ini ialah satu projek di Kampung Pisang Awak. Ini kes yang lama dulu jadi rumah tu tertinggal lebih kurang 23 buah rumah keluarga lagi so ini masa yang kita ambil kadang-kadang kita kata kita habis masa yang agak lama juga untuk tangani untuk rungkai masalah-masalah yang tertunggak yang tertinggal dulu. Jadi ada lagi rumah Tsunami di Penaga banyak lagi tinggal di situ rumah di Sungai Nibung dan juga isu di Tanjong Tokong. Jadi ini merupakan beberapa isu yang tertunggak yang tertinggal di zaman dahulu yang perlu kita ambil untuk tangannya.

Y.B. Dato' Speaker, satu lagi perkara ialah tentang pelaburan asing jadi saya ingat Y.A.B. Ketua Menteri telah memberi satu penerangan yang agak panjang lebar dah dan juga Y.B. Batu Maung pun telah memberikan satu penerangan yang agak panjang lebar. Cuma isu yang dibangkitkan ialah tentang kenapa pelabur asing di tahun ini merosot kalau kita bandingkan dengan tahun 2008 itu isu yang dibangkitkan, dan seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kalau tahun ini kita jangkakan tahun ini jangkakan pelaburan itu akan bertambah balik ada sebab tertentu yang ni apa tahun 2008 itu agak merosot. Namun demikian Pulau Pinang masih mencatatkan status yang ke-4 daripada Negeri-Negeri yang lain, jadi tidak ketinggalan jauh sangat kalau kita nak katakan pelabur-pelabur asing sudah hilang keyakinan kepada Kerajaan Negeri itu tidak betul. Kalau keyakinan hilang saya rasa pada tahun ini dia satu keyakinan *selling point* kita yang cukup besar untuk pelabur asing ini ialah kita selalu ikutkan contoh Honey Well, Syarikat Honey Well jadi dalam masa 6 bulan kita boleh selesaikan masalah dia daripada untuk mewujudkan kilang yang beroperasi. Ini jadi satu

*selling point* kepada kita dengan cukup kuat dan keyakinan hari ini saya nampak ada dua satu pelabur asing yang baru masuk dan keduanya ialah kilang-kilang yang *establish* yang lama yang mengembangkan operasi-operasi mereka seperti baru ni kita pergi tengok di Osram Opto Semikonduktor di zon bebas. Dan jawapan yang bertulis itu ada di meja Yang Berhormat-Yang Berhormat saya rasa boleh lihat negeri-negeri mana pelaburan yang masuk bagi tahun ini ikut kategori apa, jenis-jenis perniagaan apa so ada dalam jawapan itu. Jadi saya tak payah ulang ni apa jawapan-jawapan itu,

Y.B. Dato' Speaker, saya mengambil dalam rumusan ini sekali lagi kita nak tegaskan sekali lagi kita nak katakan dengan usaha-usaha yang kita lakukan ini kita yakin sama sekali yang Kerajaan Pakatan Negeri Pulau Pinang ini akan terus berkuasa dan akan terus memberi mandat dan kerjasama kepada rakyat dengan lebih baik lagi. Insya-Allah, sekian terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sesi perbahasan dan penggulungan telah pun tamat. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa kami Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas, pada 3 Mei 2010, dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju sila katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Semua bersetuju. Usul dipersetujui.

**Setiausaha:**

**8. RANG UNDANG-UNDANG**

- A. Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (saraan) (pindaan) 2010.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk Meminda Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali yang pertama."

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk Meminda Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, mengikut peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan saya mencadangkan bacaan kali kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya beri kebenaran.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980 bacaan kali yang kedua.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali yang kedua."

Y.B. Dato' Speaker, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1980 dan Enakmen ini menetapkan peruntukkan mengenai Saraan Anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya.

Seksyen 10 Enakmen ini memperuntukkan faedah kemalangan yang boleh dibayar kepada Ahli Dewan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, dan butir-butir kelayakan tersebut adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Enakmen berkenaan. Pembayaran bagi faedah ini adalah dibayar daripada peruntukan Kerajaan Negeri sebagaimana yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Seksyen 14.

Jadual kedua menetapkan bahawa Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan akan dibayar faedah tertentu seperti berikut:-

- 1) Jika kematian disebabkan oleh bencana yang ditanggung dalam kemalangan;
- 2) Jika hilang upaya kekal disebabkan oleh bencana yang ditanggung dalam kemalangan; dan
- 3) Jika bencana mengakibatkan hilang upaya kekal selain dari hilang upaya yang dinyatakan di perkara 2 di atas.

Jumlah faedah semasa yang akan dibayar bagi perkara 1, 2 dan 3 di atas adalah dijelaskan oleh Jadual Kedua Enakmen tersebut secara terperinci dan faedah tersebut berbeza antara Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Sebagai contoh untuk kematian disebabkan oleh bencana yang ditanggung dalam kemalangan. Waris Ahli Dewan Undangan Negeri akan dibayar RM40,000.00. Waris Ketua Menteri akan dibayar RM500,000.00, dan RM60,000.00 untuk Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang berkenaan.

Rang Undang-undang ini mengandungi 3 fasal yang memperuntukkan seperti berikut:-

Fasal I memperuntukkan tajuk ringkas dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa peruntukkan Rang Undang-undang melalui warta.

Fasal II bertujuan untuk meminda seksyen 10 Enakmen untuk memasukan perkara berkaitan faedah yang boleh dibayar bagi kematian; dan

Fasal III bertujuan untuk meminda jadual II dengan meluaskan pemakaian faedah yang kena dibayar kepada Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk meliputi faedah bagi kematian biasa dan untuk menaikkan kadar sedia ada bagi faedah yang kena dibayar bagi kematian akibat bencana dan bagi maksud fasal ini kematian biasa diiktiraf sebagai tidak termasuk kematian dengan cara membunuh diri.

Y.B. Dato' Speaker, Asas-asas pindaan Jadual II ialah:-

- 1) Faedah kena dibayar semasa tidak melibat kematian biasa Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan dengan memasukkan pindaan ini, ia menjadikan faedah yang kena di bayar kepada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan lebih menyeluruh dengan merangkumi kematian biasa dan kematian akibat bencana.
- 2) Kenaikan atau pun tambahan faedah yang kena dibayar perlu dinaikkan kerana faedah semasa adalah didapati tidak sesuai, memandangkan ianya ditetapkan pada tahun 1980 dan wajar dikaji semula selepas 30 tahun.

- 3) Untuk memberikan jaminan yang lebih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan waris lain sekiranya berlaku kematian atau bencana yang disenaraikan ketika menjalankan tugas.
- 4) Untuk menyelaraskan dengan kos semasa dan cadangan ini juga mengambil kira kelayakan yang diterima oleh Y.B. Ahli Parlimen, Perdana Menteri dan lain-lain menteri di peringkat Persekutuan.
- 5) Sebagai sebahagian daripada dasar keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan dan waris-waris lain. Cadangan ini akan melibatkan peruntukan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan cadangan ini didapati lebih menguntungkan Kerajaan Negeri berbanding dengan pembelian skim insurans dan pembelian insurans ini bukan sahaja memerlukan pembayaran premium secara tahunan, tetapi jumlah premium yang akan dikenakan juga bergantung kepada beberapa faktor seperti jumlah perlindungan, umur yang dilindungi, risiko dan lain-lain dan melalui pindaan cadangan ini tidak ada keperluan pembayaran premium tahunan tetapi hanya disediakan peruntukkan Kerajaan Negeri bagi dibayar sekiranya berlaku kematian dan lain-lain bencana seperti yang disenaraikan. Mengikut rekod Kerajaan Negeri setakat ini hanya satu kejadian yang melibatkan kematian Yang Berhormat semasa bertugas dan dibayar di bawah Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) dan (pindaan) 2010 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan.

Y.B. Dato' Speaker saya mohon mencadangkan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada di sesi perbahasan Rang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dahulu dalam perbahasan ini dipersilakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethajhi Rayer a/l Rajaji):**

Saya lihat Ketua Pembangkang pun tidak ada di sini...(gangguan), tetapi saya berbalik kepada Rang Undang-undang ini ingin menyatakan bahawa ia memang menunjukkan bahawa keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

terhadap Yang Berhormat-Yang terhormat yang saya rasa sejak kebelakangan ini terpaksa memikul tanggungjawab yang begitu berat, yang menyebabkan mereka berulang alik dari satu destinasi ke destinasi yang lain. Kerap kali kita melihat banyak dari Ahli-ahli EXCO yang terpaksa melaksanakan tugas mereka sampai lewat malam dan saya rasa penggubalan ini dan cadangan yang telah dibuat dalam undang-undang ini begitu tepat pada masanya dan perkara yang paling menggembirakan adalah semua daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini akan menerima manfaat termasuklah ahli-ahli pembangkang dan sahabat saya Ketua Pembangkang. Saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada lagi, ya Y.B. Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil peluang untuk menyokong usul ini kerana Rang Undang-undang ini kerana saya rasa ini adalah satu hala tuju bahawa yang betul kerana dari prinsip Kerajaan Negeri yang menjimatkan cuba menjimatkan wang untuk rakyat kita tidak perlu membeli premium yang mahal-mahal tetapi kita masih boleh menjaga wakil rakyat daripada sebarang risiko dan saya harap tiada wakil rakyat perlu *claim* lah tentang apa ni emolumen ini dan *sorry payout* ...(gangguan), sudah malam..(ketawa), *payout* ini satu lagi saya nak cadang di sini adalah satu *step* positif pada masa yang untuk melihatkan kerangka yang lebih besar apa ni kebajikan wakil rakyat haruslah dijaga kerana barulah kita boleh menarik apa ni orang-orang yang lebih berkualiti untuk memasuki bidang politik dan kepimpinan Negeri jadi kalau boleh saya harap Kerajaan Negeri bolehlah cuba untuk mengadakan lebih kebajikan atau meningkatkan elaun untuk wakil rakyat sekian saya memohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Pulau Betong, silakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Y.B. Tuan Speaker, ingin menyatakan tahniah di atas cadangan yang baik ini dan saya bagi pihak semua wakil rakyat pembangkang di sini ingin mengucapkan terima kasih di atas kerja baik yang telah pun dilaksanakan oleh Setiausaha Dewan yang akan meninggalkan kita kerana akan berpindah ke Kuala Lumpur. Selamat maju jaya dalam kerjaya baru, Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tidak menyokong?

**Ahli Kawasan Pulau Betong ( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya mohon menyokong....(ketawa).

**Ahli Kawasan Jawi ( Y.B. Tuan Tan Beng Huat ):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata mengenai Rang Undang-undang ini. Saya bagi pihak, saya merasa bersyukur dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Dewan kerana telah pun merangka satu kerana telah pun membuat satu perubahan yang amat sesuai sekali dengan perkhidmatan-perkhidmatan wakil rakyat sekarang. Memang telah pun diketahui oleh umum bahawa Rang Undang-undang ini telah pun menjangkau usia selama 30 tahun. Dan boleh katakan kalau pun jauh ketinggalan dari keadaan semasa dengan adanya perubahan ini saya yakin ia telah pun memberikan satu jaminan yang lebih ketara kepada keluarga, keluarga mangsa-mangsa wakil rakyat ini yang mungkin terjadi apa-apa *accident* sungguhpun tak banyak tapi maknanya amat tinggi sekali. Akhir sekali saya mohon menyokong. Itu sahaja terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan telah pun tamat, dan saya persilakan Yang Berhormat Penanti untuk menggulung.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih pada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang memberi sokongan kepada Enakmen Rang Undang-undang ini dan ini sudah semestinya menunjukkan satu keprihatinan Kerajaan Negeri di atas sumbangan yang diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk memajukan Negeri Pulau Pinang dan untuk memberi khidmat kepada masyarakat dengan lebih berkesan dan berguna lagi dan ianya juga adalah cukup konsisten dengan apa yang diperuntukkan di peringkat Persekutuan juga dan yang ketiganya Y.B. Dato' Speaker, ianya lebih kos efektif kalau kita belikan insurans umpamanya justeru itu sekali lagi Y.B. Dato' Speaker saya ambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan juga tidak ketinggalan kepada pegawai-pegawai kanan kita yang membuat ni apa merangka enakmen ini Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dan juga Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri jadi sekian terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya"

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sebulat suara bersetuju.

**Setiausaha:**



Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (saraan) 1980.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibaca kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

**Setiausaha:**

Fasal 1 hingga 3.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 1 hingga 3 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980."

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker**

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga adalah diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'Ya'. Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**YB. Dato' Speaker:**

Sebulat suara bersetuju.

**Setiausaha:**

"Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Perundangan Negeri Pulau Pinang"

**YB. Dato' Speaker:**

"Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan."

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum Dewan ditangguhkan saya ingin saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Dewan kita Encik Baharuddin bin Ahmad Suri yang akan bertukar ke Kuala Lumpur setelah berkhidmat di Pulau Pinang selama 1 tahun 7 bulan.

Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

***Dewan tamat pada 10.55 malam.***